



PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU MESYUARAT KETIGA PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS

Pada

PADA 9, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013

bersamaan

6, 7, 8 DAN 9 SAFAR 1435

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS

PADA 9, 10, 11 dan 12 DISEMBER 2013

bersamaan

6, 7, 8 DAN 9 SAFAR 1435

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG KETIGA
PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
-------------	----------------	-------------------

ISNIN, 9 Disember 2013

1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.	5
4.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	8
5.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	10
	(ii) Soalan-soalan Lisan	12
6.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain.	35
	(ii) Enakmen Perbekalan 2014 (Ucapan Bajet 2014)	37

SELASA, 10 Disember 2013

- | | | |
|----|--|----|
| 1. | Nama Ahli-ahli. | 60 |
| 2. | Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis: | |
| | (i) Soalan-soalan Lisan | 64 |
| 3. | Rang Undang-Undang: | |
| | (i) Enakmen Perbekalan 2014
(Perbahasan). | 91 |

RABU, 11 Disember 2012

- | | | |
|----|---|-----|
| 1. | Nama Ahli-ahli. | 157 |
| 2. | Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis: | |
| | (i) Soalan-soalan Lisan | 162 |
| 3. | Rang Undang-Undang: | |
| | (i) Enakmen Perbekalan 2014
(Perbahasan/Penggulungan). | 181 |

KHAMIS, 12 Disember 2013

- | | | |
|----|-----------------|-----|
| 1. | Nama Ahli-ahli. | 265 |
|----|-----------------|-----|

2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	271
3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2014 (Penggulungan).	294
	(ii) Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2013.	365
	(iii) Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Pindaan) 2013.	369
4.	Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri Bagi Tahun 2014.	378
	(ii) Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2013.	382
	(iii) Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Terengganu.	384
	(iv) Pelantikan Pengerusi Dan Seoran Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri.	385
5.	Tungguhan	386
6.	Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	388

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 9 DESEMBER 2013

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Tuan Haji Mohd Zubir bin Embong, AMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, DPMT.,SMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Haji Rozi bin Mamat, SMZ.,AMT.

WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Rosli bin Othman, AMN.

WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawī bin Mohamad, AMT.,PJK.

WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Roslee bin Daud, PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Mahdi bin Musa
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Mohd Iskandar bin Jaafar
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURABAYA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DSMZ.,DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Tuan Haji Azhar bin Jusoh, AMT.,PJK.

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.

WAKIL BATU BUROK

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Doa oleh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirrabil alamin wabihi nastain. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati dan saudara-saudari yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah wasyukurillah. Marilah sama-sama kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan serta limpah kurniaNya dapatlah sekali lagi kita di hari yang mulia ini kita bertemu dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri bagi Mesyuarat Yang Ketiga, Penggal Persidangan Yang Pertama, Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas yang akan diadakan selama 4 hari, bermula pada hari ini, 9, 10, 11 dan 12 Disember 2013.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati Allah S.W.T., Persidangan Dewan kali ini adalah merupakan Persidangan Pembentangan Bajet Negeri Terengganu 2014 dan kita mempunyai sebanyak tiga (3) Rang Enakmen dan lima (5) Usul untuk dibahas dan diluluskan. Jadi saya amat berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi Allah S.W.T. sekalian dapat menggunakan masa yang diperuntukkan ini dengan berhemah dan bijaksana.

Pada hari ini, tanggal 9 Disember 2013, sebaik sahaja selesai pembentangan Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan yang diikuti dengan Tertib Pekerjaan, Soalan-soalan Bertulis dan Soalan-soalan Lisan pula akan menyusuli. Pihak Dewan kali ini telah menerima sebanyak 155 soalan-soalan secara keseluruhannya di mana sebanyak 45 Soalan Bertulis dan 110 soalan secara lisan. Sesi bagi Soalan-soalan Lisan akan diperuntukkan masa selama satu (1) jam dan seperti biasa tiga (3) soalan-soalan tambahan akan dibenarkan bagi satu (1) soalan lisan yang

dikemukakan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi Illahi, saya berharap semasa mengemukakan soalan maka bertanya dan tambahlah soalan-soalannya dengan ikhlas dan semangat setia kawan ingin tahu. Dan Tertib Pekerjaan seterusnya ialah Ucapan Bajet 2014 yang akan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Saya penuh yakin Insya Allah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar akan memberikan berita baik untuk kita semua rakyat negeri Terengganu Darul Iman. Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi peluang untuk meneliti Ucapan Bajet untuk dibahas bermula pada besok hari, Insya Allah. Setelah selesainya Tertib Pekerjaan berkaitan dengan Bajet, Dewan Undangan Negeri akan meneruskan dengan tertib-tertib pekerjaan lain sebagaimana yang telah ditetapkan.

Saya juga berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat memainkan peranan dan memberi sumbangan yang bermakna untuk agama, bangsa dan negara, Insya Allah. Jadi nasihat ikhlas daripada saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pastikan segala Tertib, Peraturan Dewan Negeri Terengganu dipatuhi dan semasa perbahasan diungkapkan, diucapkan jagalah tatasusila kita terutama tutur kata kita semua. Marilah sama-sama kita mengelakkan dari segala yang menyakitkan hati rakan-rakan kita dan pastikan sumbangan kita adalah yang terbaik dan tidak sebaliknya. Saya juga memohon Ahli-ahli Yang Berhormat semua mematuhi peraturan-peraturan berbahas dalam Fasal 46. Saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat semua, kita menjaga setia kawan sesama kita. Marilah kita mewujudkan tunjangan 'Ar-Rahman Ar-Rahim' dalam Dewan yang mulia ini. Marilah kita wujudkan suasana aman dan tenteram di dalam Dewan yang berpaksikan kepada 'Ukhwah Islamiah' sehingga terbitnya 'Mawaddah warahmah'. Marilah kita semua contohi junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W. apabila berbahas dan juga berdebat.

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang pihak terlibat secara langsung ataupun tidak dalam membantu mangsa-mangsa banjir yang berlaku di beberapa daerah di negeri Terengganu. Dalam keadaan banjir ini berbagai pihak telah menunjukkan komitmen yang tinggi bagi meredakan keresahan, kesusahan dan kepayahan yang dihadapi oleh mereka yang terlibat. Saya juga amat bersyukur kehadiran Allah S.W.T. Illahirrabbil kerana kita mempunyai Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan sendiri yang sudi mencemar Duli untuk meredah banjir melawat rakyat. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang sanggup

berbasah kuyup memastikan penduduk mangsa banjir diberi pelbagai bantuan yang diperlukan. Terima kasih juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang juga sanggup berkorban siang dan malam dan apa saja demi kesejahteraan mangsa-mangsa banjir tersebut. Inilah tabiat orang mukmin sebagaimana Sabda Junjungan kita, Nabi Muhammad S.A.W. yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari: "Sungguh mempersona keadaan orang yang beriman itu jika ia mendapat anugerah nikmat ia bersyukur dan itu adalah baik baginya. Namun jika ia ditimpa musibah ia bersabar dan itu juga adalah baik baginya. Sikap demikian itu tidak akan muncul kecuali dari seorang mukmin dan sesungguhnya Allah sentiasa memberikan yang terbaik kepada hambaNya." Ingatlah Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Allah tidak pernah membebankan hambaNya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan kita pada hari ini disaksikan oleh Pemerhati-pemerhati yang datang dari segenap lapisan terutama anak-anak generasi yang mendatang dan kita mengalu-alukan kehadiran mereka dalam Dewan yang mulia ini. Juga terdapat Pemerhati daripada KEMAS, DUN Bukit Payong, DUN Bandar, DUN Rhu Rendang, DUN Paka, DUN Ladang dan DUN Sura. Sebagaimana yang disebut sebentar tadi bahawa apa yang kita lakukan dalam Dewan ini akan menjadi ikutan, turutan, perhatian dan ingatan kepada mereka semua Pemerhati sekalian.

Akhir kata, selamat bersidang mudah-mudahan persidangan kita kali ini lebih cemerlang, berjaya serta diberkati oleh Allah S.W.T. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan yang dibentangkan ialah:

1. Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Tahun 2014.
(D.U.N. Bil.14/2013)
2. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2014.
(D.U.N. Bil.15/2013)
3. Anggaran Bekalan Air Negeri Tahun 2014.
(D.U.N. Bil.16/2013)
4. Anggaran Perbelanjaan Bekalan Tambahan Kedua 2013.
(D.U.N. Bil.17/2013)
5. Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu Tahun 2012.
(D.U.N. Bil.18/2013)
6. Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu Tahun 2012.
(D.U.N. Bil.19/2013)
7. Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu Tahun 2012.
(D.U.N. Bil.20/2013)

8. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu Tahun 2012.

(D.U.N. Bil.21/2013)

9. Penyata Kewangan Negeri Terengganu Tahun 2012.

(D.U.N. Bil.22/2013)

10. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2012 (Siri 1).

(D.U.N. Bil.23/2013)

11. Laporan Ketua Audit Negara Berkait Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2012 (Siri 2).

(D.U.N. Bil.24/2013)

12. Penyata Kewangan Yayasan Terengganu Tahun 2012.

(D.U.N. Bil.25/2013)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

[LAMPIRAN]

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:-

1. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
(Wakil Air Putih)
2. Y.B. Mohd Mahdi bin Musa
(Wakil Kota Putera)
3. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)
4. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
(Wakil Rhu Rendang)
5. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
(Wakil Batu Buruk)
6. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat
(Wakil Paka)
7. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak
(Wakil Bukit Tunggal)
8. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah
(Wakil Bukit Payung)
9. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar
(Wakil Ladang)
10. Y.B. Ariffin bin Deraman
(Wakil Alur Limbat)
11. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat
(Wakil Cukai)

12. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim
(Wakil Teluk Pasu)
13. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
(Wakil Tepoh)
14. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
(Wakil Sura)
15. Y.B. Haji Hilmi bin Harun
(Wakil Manir)
16. Y.B. Haji Alias bin Harun
(Wakil Rantau Abang)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Air Putih untuk mengemukakan soalan -

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

Adakah kerajaan bercadang untuk membina Perumahan Kos Rendah/Mampu Milik di DUN Air Putih bermula tahun 2014?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan para Pemerhati sekalian.

Pada masa ini tiada perancangan kerajaan bagi membina Rumah Kos Rendah atau Rumah Mampu Milik di DUN Air Putih bagi tahun 2014. Walau bagaimanapun, kerajaan memang mempunyai perancangan untuk membina satu lagi Projek Perumahan Mampu Milik di DUN Air Putih dalam tempoh 5 tahun yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Soalan tambahan. Yang Berhormat Yang Dipertua, boleh tak pihak kerajaan menyatakan pada Dewan yang mulia ini berapa unitkah rumah yang sudah atau sedang dibuat oleh pihak kerajaan ataupun swasta sejak 5 tahun kebelakangan ini yang dibina di DUN Air Putih. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Terdapat empat projek yang telahpun siap dibina setakat ini dalam tempoh 5 tahun yang lalu. Yang pertama, Rancangan Rumah Mampu Milik Perasing Jaya, yang dibina oleh kerajaan negeri sebanyak 485 unit dan Insya Allah, dijangka akan ditempatkan penghuninya pada awal tahun hadapan. Yang kedua, Syarikat SART Sdn. Bhd, iaitu penswastan terdapat 210 unit Rumah Mampu Milik

yang telahpun siap. Ketiga, Wirama Development Sdn. Bhd. juga penswastan sebanyak 116 unit. Dan yang keempat, Koperasi Pembangunan Daerah Kemaman 150 unit. Ini bermakna dalam tempoh 5 tahun yang lalu terdapat 961 unit Rumah Mampu Milik yang telah dibina di DUN Air Putih. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat dan Yang Berhormat. Ada lagi soalan tambahan? Jika tidak ada, seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Langkap.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan saya nombor satu –

Memandangkan Projek Agropolitan memelihara kambing yang dijalankan di Kampung Panchur Bederu dalam DUN Langkap berjaya meningkatkan taraf hidup para peserta, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi bilangan peserta dan mempelbagaikan projek seumpama ini pada masa hadapan?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan serta Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Merujuk soalan daripada Wakil Langkap, Projek Agropolitan di Kampung Panchur Bederu DUN Langkap adalah merupakan projek perintis di negeri Terengganu di bawah Program Wilayah Pantai Timur (ECER). Perancangan untuk menambah bilangan peserta dan mempelbagaikan projek akan dibuat dan Insya Allah pada masa depan projek ini akan dibuat dengan lebih berkesan lagi dengan ditambah projek-projek setelah tahap keberkesanan dinilai pada masa depan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Langkap.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan saya. Adakah pihak kerajaan

berhasrat untuk menjadikan Projek Agropolitan ini berskala lebih besar ataupun menjadikan perintis kepada Projek Makanan Halal? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sememangnya setiap projek yang dibuat oleh kerajaan hasratnya untuk meningkatkan projek tersebut dan seterusnya akan sedaya upaya dibuat oleh kerajaan agar supaya lebih berjaya. Dan berkaitan Projek Agropolitan ini sekiranya ianya berjaya InsyaAllah projek ini akan boleh dieksport kambingnya. Dan InsyaAllah kalau ianya berjaya projek ini akan menjadi projek dari segi keluarannya adalah keluaran halal. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Hulu Besut. Soalan tambahan. Sila Y.B. Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua yang hadir. Disebut di sini memelihara kambing, apakah bezanya dengan Projek Lembah Kaprima? Dan keduanya, tadi disebut untuk dieksport, berapakah ekor yang boleh untuk dieksport nanti, berapa ekor dibela sekarang ini di sini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Wakil Ladang, Projek Agropolitan di Panchur Bederu ini merupakan projek di bawah ECER manakala Projek Lembah Kaprima di bawah kerajaan negeri bermatlamat sama adalah untuk membasmi kemiskinan dan menambah pendapatan peserta yang terlibat. Dan untuk menentukan projek ini berjaya ataupun tidaknya kalau kambing biasanya tempoh matangnya selama 8 bulan, baru kita tahu dia dah akhir baligh. Tetapi untuk memastikan lagi projek ini berjaya ataupun tidak biasanya di antara satu atau dua tahun. Kalau ianya berjaya InsyaAllah projek ini akan diperbesarkan lagi dan boleh dieksport. Pada masa ini jumlah pesertanya seramai 100 orang, cuma jumlah kambingnya saya tak ingat. Kalau nak tahu jumlah sebenarnya saya perlu notislah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan. Satu soalan lagi boleh Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Errr... bolehlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Exco tadi dia jawab, kambing bila sampai tahap akhir baligh, umur berapakah akhir baligh bagi kambing ini?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Untuk kambing ini Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam, biasanya 8 bulan, bila 8 bulan ini dia dah boleh kahwin dan boleh melahirkan anak, itu kambing. Jadi kita kira bila sampai 8 bulan dia boleh kahwin dan melahirkan anak, itu kita kira matanglah dan pada masa itulah baru kita boleh tahu projek itu berjaya ataupun tidak. Itulah makluman untuk Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan ketua-ketua jabatan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya yang pertama –

Sila nyatakan bilangan pelajar anak Terengganu yang ditaja oleh Yayasan Terengganu dan MAIDAM yang belajar di universiti di luar negara khususnya dalam bidang Syariah dan Usuluddin dari tahun 2008 – 2013?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan 1, bilangan pelajar anak Terengganu yang ditaja oleh Yayasan Terengganu dan MAIDAM yang belajar di universiti di luar negara khususnya dalam bidang Syariah dan Usuluddin dari tahun 2008 – 2013 adalah seperti berikut:-

Pelajar Persendirian – dibantu oleh MAIDAM khususnya dalam bidang Syariah dan Usuluddin atas nama dermasiswa (fisabilillah) bagi tempoh 2008 – 2013 berjumlah 2,243 orang dan pecahan mengikut tahun adalah sebagaimana berikut:-

<u>Tahun</u>		<u>Jumlah Pelajar</u>
2008	-	350
2009	-	341
2010	-	448
2011	-	474
2012	-	337
2013	-	293
		<u>2,243</u>

Yang mana pelajar kita dihantar ke 9 buah negara iaitu Mesir, Jordan, Indonesia, Morocco, Yemen, Syria, Pakistan, Sudan dan Afrika Selatan.

Manakala data penajaan Yayasan Terengganu di universiti luar negara dalam bidang Syariah dan Usuluddin seperti berikut:-

Tahun	Mesir	Jordan	Morocco	Jumlah
2008	17	8	-	25
2009	18	11	-	29
2010	23	13	4	40
2011	0	9	-	9
2012	0	24	-	24
2013	0	7	1	8
JUMLAH	58	72	5	135

Pada tahun 2013 juga, Yayasan Terengganu telah menerima seramai 38 pelajar bagi Program Syariah dan Usuluddin di Jordan bagi Program Pertukaran Penajaan MAIDAM – Yayasan Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Ajil. Soalan tambahan. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan saya. Daripada jumlah pelajar-pelajar yang disebutkan tadi, ada tidak pelajar yang telahpun ditawarkan dengan bantuan/dermasiswa tadi yang ditarik balik tajaan ataupun

bantuannya dan apakah sebab-sebab penarikan balik jika sekiranya ada berlaku perkara demikian?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bagi Pelajar Persendirian sebelum semua pembiayaan di bawah sinf Fisabilillah tetapi mulai tahun 2013 pembiayaan dipecah kepada dua kategori iaitu tidak timbul soal penarikan kecuali pelajar tersebut tidak mencapai tahap Mumtaz, Jiddan, Jayyid Jiddan dan sebagainya yang ditetapkan sebagaimana dalam perjanjian yang dibuat di antara pelajar dengan MAIDAM.

Jadi di sini saya ingin jelaskan pecahan kepada dua kategori iaitu sinf itu ialah **Fakir/Miskin** kerana ibu bapa mereka termasuk dalam asnaf iaitu fakir/miskin dan kadar bantuannya adalah seperti berikut, contohnya:-

<u>Negara</u>	<u>2008</u>	<u>2009-2011</u>	<u>2012 – 2013</u>
Mesir	2,600.00	5,000.00	5,000.00

Yang ini kadar daripada MAIDAM.

Saya faham maksud yang nak ditanya oleh Wakil Wakaf Mempelam iaitu ada kes yang terbaru timbul 40 orang pelajar yang datang ke MAIDAM kerana menyatakan pembiayaan dia dibatalkan. Sebenarnya tidak, dia diserahkan kepada Yayasan Terengganu untuk diurus dan mereka tertakluk dengan perjanjian yang telah mereka tandatangani dengan MAIDAM. Walau macam manapun kalau mereka mencapai tahap yang dikehendaki sebagaimana yang disarankan mereka terus akan dapat pembiayaan dalam bentuk macam biasiswalah, begitu. Dan perkara ini telahpun diselesaikan oleh pihak MAIDAM serta Yayasan dan tidak timbul lagi maksud yang nak tersirat tadi. InsyaAllah, kerana kita pihak MAIDAM dan Yayasan tidak akan sama sekali untuk menganiaya pelajar kecuali disebabkan oleh keadaan pencapaiannya tidak begitu bagus jadi kita nak menggalakkan dia, jadi kita meletakkan yang mencapai tahap kepujian sahaja akan diconvert sebagai biasiswa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, soalan tambahan saya. Adakah ada apa-apa makluman dari pihak kerajaan tentang jumlah pelajar anak

Terengganu yang belajar agama khususnya di luar negara ini yang mendapat pembiayaan daripada bukan institusi kerajaan negeri tapi oleh orang-orang lain sebagai contoh mungkin pinjaman ataupun biasiswa Kerajaan Arab Saudi, sebagai contoh ataupun negara-negara lain yang turut memberikan bantuan untuk belajar kepada pelajar anak Terengganu. Ada makluman ke bagi pihak kerajaan negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Wakaf Mempelam. Setakat hari ini kita tidak mempunyai data yang tepat tentang jumlah pelajar kita yang ada di luar yang memperolehi pembiayaan daripada sama ada kerajaan asing atau badan-badan korporat. Walau bagaimanapun, kami akan mencuba mencari maklumat tersebut kerana setakat hari ini kita hanya mengendalikan pelajar-pelajar yang di bawah tajaan Yayasan dan MAIDAM saja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Dipertua, satu soalan tambahan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Saya nakkan pengesahan daripada Y.B. Exco berdasarkan kepada Penyata Kewangan yang diedarkan kepada semua Ahli Dewan untuk MAIDAM sehingga 31.12.2012. Ada tercatat bahawa Kumpulan Wang Zakat berjumlah RM252,688,000. Ini menjadikan keseluruhan Kumpulan Wang yang diurus oleh MAIDAM nilai aset bersih bernilai RM383 juta. Yang Berhormat Exco tadi ada menyebut bahawa jumlah pelajar yang ditaja oleh MAIDAM adalah berjumlah 135 orang setakat ini. Saya nak tahu ada atau tidak dasar atau polisi yang ditentukan oleh kerajaan negeri melalui MAIDAM terutamanya untuk memperuntukkan jumlah Kumpulan Wang Zakat yang dikutip atau diterima untuk satu tahun kewangan tertentu untuk menetapkan peratusan jumlah zakat tersebut untuk tujuan pembiayaan pendidikan ini, setakat ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Y.B. Ajil.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Bandar. Dalam penggunaan wang Fisabilillah dan yang melibatkan pembelajaran, kita tidak

menetapkan kod berapa jumlahnya, ia adalah satu fleksibiliti, berubah mengikut jumlah dan keperluan. Jika kita letakkan begitu kita bimbang ada golongan yang benar-benar layak ataupun perlu tidak akan dapat disebabkan kuota memenuhi. Walau bagaimanapun, pada dasarnya dalam benda-benda yang tertentu, kita tetap jugak jumlah-jumlah tertentu kerana kita bimbang berlaku lebihan atau lambakan mahasiswa. Dalam hal ini sudah tentulah bagi kos bahagian tertentu yang difikirkan oleh MAIDAM dan diperlukan maka kita akan beri ruang untuk mereka belajar dengan bantuan MAIDAM, InsyaAllah dan kita tidak ada kuota setakat ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil dan Y.B. yang bertanya soalan tambahan. Seterusnya, Y.B. Kota Putera. Sila.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Sehingga tahun 2013 berapa jumlah Maahad Tahfiz yang telah mendapat kelulusan untuk menjalankan aktiviti?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Kota Putera. Soalannya, sehingga tahun 2013 berapa jumlah Maahad Tahfiz yang telah mendapat kelulusan untuk menjalankan aktiviti?

Untuk makluman Dewan, jumlah Maahad Tahfiz yang mendapat kelulusan untuk menjalankan aktiviti sehingga 2013 ialah empat buah iaitu:-

1. Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Terengganu, Padang Midin.
2. Institut Tahfiz Al-Quran Al-Mizan, Bukit Besi, Dungun, Terengganu.
3. Madrasatul Quran Kubang Bujuk, Serada, Kuala Terengganu.
4. Madrasatul Quran Bukit Kenak, Jertih.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil. Soalan tambahan. Sila Kota Putera.

YANG BERTHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Yang Dipertua, sebagai makluman saya dapati ada juga Maahad Tahfiz selain daripada di bawah kerajaan negeri ada juga Maahad-maahad Tahfiz yang swasta, jadi saya ingin bertanya adakah kerajaan negeri menjalankan pemantauan terhadap kurikulum dan juga sistem pengajaran yang dilaksanakan di pusat-pusat tahfiz swasta dan persendirian? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Walau bagaimanapun, kita akui memang ada banyak madrasah dan pondok-pondok serta sekolah-sekolah di negeri Terengganu Darul Iman yang menjalankan aktiviti pengajiannya sendiri dengan kurikulum-kurikulum yang melibatkan Tahfizul Quran tetapi mereka ini setengahnya belum lagi berdaftar dengan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Manakala sesetengahnya masih dalam proses permohonan pendaftaran. Di sini saya sebutkan kumpulan ini ataupun sekolah-sekolah pondok ini apabila didaftarkan nanti maka pihak MAIDAM dengan Jawatankuasa Pendidikannya akan melihat, memantau dari segi kurikulumnya. Buat masa ini kita belum lagi memantau secara khusus di antara sekolah-sekolah pondok dan juga Maahad Tahfizul. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil. Soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya difahamkan kerajaan negeri ada membayar elaun khas kepada Al-Hafiz. Jadi soalan saya berapakah peruntukan yang ditanggung oleh kerajaan negeri setiap tahun untuk membayar Elaun Khas Al-Hafiz di negeri Terengganu? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Y.B. Ajil.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Memang Kerajaan Negeri Terengganu ada membuat pembayaran kepada golongan-golongan Tahfiz ini dan saya belum dapat data-datanya. Oleh itu saya mintak notis untuk saya jelaskan nanti. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tambahan. Sila Bukit Payong.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Mengenai Maahad Tahfiz, saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat Exco, apakah syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MAIDAM untuk Maahad Tahfiz memohon kelulusan daripada pihak MAIDAM dan apakah syarat-syarat yang akan ditetapkan bila kelulusan telah dibuat?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Oleh kerana di akhir-akhir ini sekolah-sekolah Maahad Tahfiz dan juga pondok-pondok tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan maka kami sedang merangka prasyarat secara *detail* untuk membolehkan mereka beroperasi mengikut kurikulum yang telah kita tetapkan nanti. Dalam hal ini pihak MAIDAM belum lagi mengemaskinikan secara khusus tentang syarat-syaratnya. Kalau saya nyatakan beberapa perkara yang ada di sini mungkin dia akan adakan penambahan, oleh itu untuk menjelaskannya, Pejabat MAIDAM akan mengedarkan peraturan-peraturan dan prasyarat bagi membolehkan mereka mendaftar dengan MAIDAM sebagaimana yang ditetapkan melalui borang yang akan dihantar ke setiap sekolah-sekolah yang terlibat. Di sini saya nyatakan sekolah-sekolah yang telah kita kenal pasti, antaranya:-

1. Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Terengganu (KOSPINT).
2. Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Berang (KIST).
3. Sekolah Menengah Imtiaz Dungun.
4. Sekolah Menengah Imtiaz Besut.
5. Pondok Darussalam Taman Purnama, Kuala Ibai, Kuala Terengganu.
6. Madrasah Mazahirululum, Binjai Bongkok, Bukit Payong, Kuala Terengganu.
7. Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Tahiri, Gelugor, Kuala Terengganu.
8. Madrasah Tahfiz Al-Quran Darul Ulum Kampung Kolam, Paka.
9. Madrasatul Quran Pinang Baru, Paka, Terengganu.
10. Maahad Darul Quran Rusila, Marang, Terengganu.
11. Madrasah Dar Al-Ansar Litahfizil Quran, Kuala Berang.

Dan InsyaAllah, peraturan dan prasyaratnya akan kita hantar dan buat masa ini peraturan secara detail dan khusus sedang dalam proses mengemaskini supaya apabila peraturan itu dilaksanakan ia meliputi syarat dan kehendak seluruh dan operasi kurikulumnya dipantau dengan baik sebagaimana pengajaran yang sepatutnya kita adakan. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat Ajil dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan tambahan. Kita terus kepada

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita dah bagi peraturan/ruling untuk tiga soalan tambahan saja. Terima kasih. Kita bagi peluang yang lain nanti, InsyAllah. Kita terus pada Wakil Batu Rakit untuk mengemukakan soalan. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

Setakat ini apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk membantu mengatasi masalah kurang murid di sekolah-sekolah rendah?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Batu Rakit. Yang Dipertua, soalnya yang berbunyi: Setakat ini apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk membantu mengatasi masalah kurang murid di sekolah-sekolah rendah?

Antara langkah-langkah kerajaan negeri untuk membantu mengatasi masalah kekurangan murid adalah dengan memperkenalkan Kelas Maya. Antara sekolah kurang murid yang dapat manfaat Kelas Maya ini adalah Sekolah Kebangsaan Paya Bunga, Sekolah Kebangsaan Bukit Diman dan banyak lagi iaitu hampir 111 buah sekolah. Dan didapati bahawa melalui pelaksanaan kelas sedemikian rupa ia telah memberikan satu impak kepada sekolah tersebut daripada sekolah berprestasi rendah kepada sekolah berprestasi tinggi. Sebelum ini sekolah-sekolah tersebut antara sekolah yang tidak menjadi pilihan kepada ibu bapa disebabkan prestasi sekolah tersebut sangat rendah. Tetapi apabila penggunaan Kelas Maya ini ada peningkatan kepada keputusan dalam peperiksaan terutama di peringkat sekolah rendah (UPSR) pada tahun 2003 di mana SKPB adalah yang terbaik bagi daerah Kuala Terengganu berdasarkan gred purata GPS iaitu 1.36 GPSS pada tahun 2012 dan perbandingan ini telah meletakkan sekolah ini sekolah yang baik dan

peningkatan prestasinya. Dan ini merupakan kaedah dan sekolah ini terus dikunjungi dan ibu bapa akan menghantar anaknya ke sekolah tersebut pada masa akan datang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil. Soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Berapa jumlahkah buah sekolah kurang murid yang terdapat di negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Setakat hari ini kita dapati di setiap daerah iaitu di Besut, di Hulu Terengganu, di Marang, di Kuala Terengganu malah di seluruh daerah kita menghadapi masalah kekurangan murid atau Sekolah Kurang Murid. Kalau mengikut purata setiap daerah kita ada lebih kurang 5 hingga 6 dan bagi kawasan Hulu Terengganu kita mempunyai jumlah yang lebih daripada itu iaitu melebihi 15 buah sekolah yang mempunyai kekurangan murid begitu juga Besut terutama di Hulu Besut, di Setiu, sekolah SK Payong dan sebagainya. Kawasan-kawasan tersebut mempunyai jumlah penduduk yang semakin berkurangan iaitu golongan muda yang proaktif dan juga kerana usia yang sudah lanjut menyebabkan kelahiran semakin berkurangan. Begitu juga di kawasan-kawasan yang bersempadanan di kawasan Hulu Terengganu terutama di Hulu Berang, sekolah-sekolah di kawasan itu hanya mempunyai murid lebih kurang 40 hingga 50 orang murid sebuah sekolah disebabkan oleh generasi di situ adalah generasi yang tua. Manakala yang muda telah berhijrah ke bandar menyebabkan jumlah kelahiran di situ semakin berkurangan. Secara keseluruhannya kita mengalami masalah Sekolah Kurang Murid melebihi 48 buah sekolah ini mungkin yang terkini mungkin tahun depan ada peningkatan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil. Soalan tambahan lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Yang Dipertua, masalah Sekolah Kurang Murid ini, saya lihat memang terdapat di kampung-kampung yang kurang penduduk jadi maksud saya sebab di kampung-kampung ni yang baru-baru kahwin ni dia akan duduk di luar jadi akhirnya kemungkinan sekolah di kawasan itu akan ditutup. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi sekolah yang akan ditutup ini supaya tidak ditutup, maksud saya?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Batu Rakit. Jabatan Pendidikan Negeri telah membuat satu kajian bahawa tidak akan wujud lagi sekolah-sekolah baru di kawasan-kawasan pedalaman biar pun ada pembukaan kawasan-kawasan baru. Sebaliknya sekolah ini dikekalkan dengan apa yang ada malah dinaikkan taraf dari segi kemudahan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran (PMT). Sebab itu hari ini Kerajaan Negeri Terengganu bekerjasama dengan JPNT telah memperkasakan Sistem Pendidikan Maya di mana kita memperbanyakkan Kelas Maya berada di kawasan luar bandar supaya menjadi daya tarikan kepada penduduk-penduduk tersebut yang berjauhan sedikit daripada kampung tersebut akan menumpukan kepada kawasan-kawasan yang kurang murid tadi. Oleh itu di masa akan datang sekolah-sekolah baru tidak akan lagi diwujudkan sebaliknya kita akan cuba berusaha beberapa langkah dengan memperkenalkan satu Task Force Perancangan Insentif meningkatkan enrolmen murid sekolah rendah di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah di mana target murid bersekolah berdasarkan kelahiran tahun berkaitan telah ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia di mana pada tahun 2013 ialah sebanyak 93% dan 2014- 94% dan pada tahun 2015 - 95%. Enrolmen murid bagi negeri Terengganu pada tahun 2013 ialah sebanyak 129,426 orang dan murid daripada jumlah kelahiran 136,371 orang iaitu dari segi peratusnya 94.91%. Melebihi target Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia. Cuma kerajaan dan JPN akan membuat satu penyelarasan dan pengagihan murid secara sama rata. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil. Soalan tambahan. Sila Manir.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, apakah di sana kerajaan mempunyai garis panduan berapakah jumlah yang dikategorikan sedikit dan berapakah yang dikategorikan banyak sebab kalau kita lihat daripada perbahasan yang dibentangkan kemungkinan besar adanya lambakan murid di sekolah-sekolah tertentu yang menyebabkan guru-guru tidak dapat melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin. Jika ini berlaku ianya menyebabkan suatu perkara yang sangat membimbangkan di institusi pengajian di negeri kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Manir. Memang benar kebimbangan itu kebimbangan kita, kita memang bimbang. Sebab itu Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu telah membuat satu Jadual Pergerakan Murid setiap daerah dan kampung. Misal, contoh, di kawasan-kawasan pedalaman di mana melibatkan 5 buah kampung dan sebuah kampung itu sangat kecil jumlah penduduknya, berselerak dan bertabur. Oleh itu, kawasan-kawasan itu biasanya mempunyai dua atau tiga buah sekolah. Kalau ikut jaraknya permohonan daripada masyarakat memerlukan lagi sebuah sekolah atas dasar susah atau jauh untuk menghantar anak mereka ke sekolah. Jadi oleh itu, JPN telah meletakkan melalui data-data enrolmen iaitu sebanyak empat kali setahun, maknanya kali pertama kita buat bacaan berapakah jumlah murid yang akan masuk belajar, satu kali. Sehingga empat kali supaya memastikan sekolah ini tidak kita tutup dan pasti ada murid. Dan untuk menentukan sekolah itu bermurid rendah dan sebagainya, biasanya kita gredingkan sekolah melalui Gred A, Gred B dan Gred C, maknanya murid melebihi 500, 1,000, 300 dan kurang 100 dan kita kategorikan sekolah ini mengikut gred-gred tersebut. Cuma kalau di kawasan bandar kita tidak boleh elak melalui limpahan kehadiran pelajar kerana disebabkan kepadatan penduduk di situ, tambah-tambah lagi sekolah itu berprestasi tinggi. Orang berebut untuk menghantar anak ke Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman, orang berebut nak hantar ke Sekolah Tengku Bariah tetapi orang tak berebut nak hantar ke Sekolah Pasir Panjang, orang tak berebut nak hantar ke Sekolah Paya Bunga atau sekolah berprestasi rendah. Jadi timbullah di sini kita, JPN akan cuba menaik taraf kemudahan yang ada di sekolah-sekolah yang tidak diminati, mudah-mudahan ia diminati. Pada masa yang sama kita mesti membuktikan sekolah tersebut juga mempunyai prestasi tinggi dalam pencapaian UPSR. Kalau ini boleh dilaksanakan, saya yakin dan percaya masalah kekurangan murid tidak akan berlaku lagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tanya tadi ada tak garis panduan berapa orang sekelas? Dia pergi jawab umum begitu.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Wakil Manir! Payah dok jadi Cikgu ni. Dia sebenarnya tidak ada garis panduan bagi sekolah yang kurang murid, bagi sekolah yang kurang murid dia akan ada Kelas Cantum iaitu

mencantumkan darjah satu, darjah dua dan darjah tiga. Dan juga mencantumkan darjah empat, darjah lima dan darjah enam, takdok murid, ada 30 orang le-le, tidak boleh nak buat.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya tanya ni bukan hak kurang ni, hak banyak. Hak kata limpahan, itu yang saya kata tadi. Limpahan murid, kalau kata limpahan murid sampai sekelas 50 orang, jadi itu yang saya cakap.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Sebab begini soalan tadi tanya pasal 'kurang murid', soalan core kepada soalan itu ialah soalan 'kurang murid', jadi pertama saya mesti menjawab yang kurang murid dulu. Ini baru saya nak jawab soalan yang lebih murid. Soalan bagi yang lebih murid dia ada maksimumnya 40 orang, kalau lebih pada 40 orang kita boleh menasihati mak-bapak supaya hantar di luar atau kita mengadakan kelas tambahan, maksudnya bangunan tambahan baru diadakan tetapi tidak comellah macam bangunan yang ada. Dan ini seringkali dibuat oleh Jabatan Pendidikan Negeri kepada sekolah-sekolah yang mana ada taman-taman perumahan baru yang bina di situ dan ibu bapa menghantar anaknya di situ maka satu peruntukan tambahan diberikan kepada sekolah untuk membuat kelas-kelas atau bangunan sementara dan biasanya bangunan sementara ialah bangunan kayu dan mengambil masa untuk mendapat permohonan baru mungkin dalam dua-tiga tahun juga. Sebab bangunan sementara ini walaupun daripada kayu kosnya tinggi jugak melibatkan RM50,000 hingga RM60,000 jugak. Jadi biasanya kita akan guna sehingga 5 tahun. Selepas itu, setelah ada bajet baru biasanya, ada peruntukan pembinaan bangunan tambahan. Terima kasih, Manir.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan-soalan tambahan. Seterusnya, oleh kerana Yang Berhormat Batu Burok tidak hadir bersebab. Jadi dalam tertib

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Yang Berhormat Yang Dipertua, boleh saya tolong tanya bagi pihak Batu Burok?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Boleh, boleh. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, soalan nombor satu -

Apakah status terakhir Projek Bebas Cukai di Kenyir, Terengganu dan bilakah ia dijangkasiap untuk beroperasi?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, status terakhir Projek Bebas Cukai adalah masih dalam pelaksanaan. Kemajuan keseluruhan fizikal sebenar sehingga 31.10.2013 ialah 28.22%. Ia dijangka siap untuk beroperasi selewat-lewatnya penghujung tahun 2015. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan. Sila.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mengikut suatu jawapan kepada Ahli Parlimen Kuala Terengganu dari Kementerian Kewangan pada 1 Oktober 2013, dinyatakan bahawa kelulusan Projek Bebas Cukai di Kenyir ini ialah bersyarat yang pertamanya bergantung kepada kajian daya saing dan yang kedua ialah impak minimum terhadap alam sekitar. Adakah kedua-dua kajian ini telah dibuat terhadap Pulau Bebas Cukai ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tidak tahu mengenai jawapan di Parlimen tapi surat yang kita terima meluluskan pembinaan Pulau Bebas Cukai berkenaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Adakah kelulusan tanpa syarat atau bersyarat sebagaimana jawapan yang diberikan kepada Ahli Parlimen itu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Syarat-syarat tersebut tidak dinyatakan kepada kita. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Dipertua, disebut tadi tentang pembangunan yang sedang berlaku, apakah pembangunan itu mencapai target sebagaimana dikehendaki ataupun melampaui target ataupun tidak sampai target tentang pembangunan yang sedang berlaku itu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, projek ini terkebelakang daripada jadual.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kalau boleh kita tahu apakah masalah besar kerana terkebelakangan itu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, antara masalah yang kita hadapi ialah kerana hujan yang berterusan di kawasan yang berkenaan. Yang kedua, apabila air naik ke peringkat maksimum menyebabkan kerja-kerja di tapak tidak dapat dijalankan. Yang ketiga, *double handling* oleh kontraktor. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya rasa cukup dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sikit, sikit lagi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang dah empat dah.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ni bukan tolong tanya dah tu, tanya hak dia sendiri dah tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita dah bagi empat dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Takdok masalah apa-apanya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang, minta maaf lah ya, dah empat kita bagi sepatutnya tiga dah lebih satu. Seterusnya, kita pergi kepada Yang Berhormat DUN Jabi. Sila.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan sidang Dewan sekalian. Terima kasihlah kerana sidang Dewan pada hari ini memberi peluang untuk bertanya soalan-soalan, di Pulau Pinang baru-baru ini tidak diberi peluang untuk bertanya soalan kepada wakil-wakil. Tuan Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

Setakat tahun 2013, berapakah jumlah nilai pelaburan terus pelabur luar negara (FDI) yang telah melabur di Tasik Kenyir dan Teluk Kalong, Kemaman?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, setakat tahun 2013 (sehingga Ogos), tiada pelaburan terus daripada pelabur luar negara (FDI) di Tasik Kenyir manakala jumlah nilai pelaburan terus pelabur luar negara (FDI) yang telah melabur di Teluk Kalong, Kemaman adalah sebanyak RM15.8 bilion. Walau bagaimanapun, terdapat tiga syarikat dalam negara yang telah komited untuk melabur di Tasik Kenyir sebagaimana berikut:-

Bil.	Syarikat	Pembangunan (Lokasi & Keluasan)	Anggaran Nilai Pelaburan (RM)	Status
1.	Bayas Resources Sdn. Bhd.	Hotel/Resort 3 bintang (Pulau Bayas – 20 ekar)	140,000,000	Proses menandatangani Perjanjian Pajakan
2.	Emperor Travel Sdn. Bhd.	Kenyir Eco Sports & Tourism (Pulau Serindik – 127 ekar)	542,736,500	Kajian tapak untuk proses reka bentuk sedang berjalan.

3.	Taklukan Emas Sdn. Bhd.	Food Village (Pulau Bayas – 2.4 ekar).	32,655,000	Semakan dan penelitian cadangan oleh kerajaan negeri sedang berjalan.
----	-------------------------	--	------------	---

Namun demikian, mutakhir ini kita telah menerima dua buah syarikat dari luar negara yang turut berminat untuk membuat pelaburan di Tasik Kenyir iaitu:-

Bil.	Syarikat	Pembangunan (Lokasi & Keluasan)	Anggaran Nilai Pelaburan (RM)	Status
1.	Angsana Platinum Sdn. Bhd. (Lubnan & Italy).	Penginapan dan hotel berkonsepkan eko (Sungai Ketiar – 120 ekar).	800,000,000 (USD265 juta)	MoU sepatutnya diadakan pada 28.8.2013 baru-baru ini terpaksa ditangguhkan kerana ketiadaan masa Y.A.B. Perdana Menteri dan ditangguhkan kepada Januari tahun depan.
2.	Huaxi Group (China)	Pembangunan hotel/resort (Dalam perbincangan).	300,000,000	Dijangka menandatangani MoU di hadapan YAB Perdana Menteri pada 16.12.2013.

Manakala di kawasan industri Teluk Kalong, FDI yang diluluskan setakat ini ialah:-

Bil.	Syarikat	Pembangunan (Lokasi & Keluasan)	Anggaran Nilai Pelaburan (RM)
1.	HKS Mineral Resources Sdn. Bhd. (Usahasama dengan sebuah syarikat dari Korea iaitu Hyundai Merchant Marine Company Limited).	Projek kompleks berintegrasi kilang pemrosesan bijih besi dan kilang keluli di Teluk Kalong dengan keluasan 1,000 ekar.	6,600,000,000

Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Soalan tambahan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Silakan Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dalam menarik perhatian pelabur-pelabur ini sama ada dari dalam atau luar negara, kita tahu antara projek usahasama yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pusat dan kerajaan negeri ialah melalui ECER. Dan difahamkan dalam tempoh 5 tahun yang lepas dan pada masa akan datang disasarkan sebanyak 10,000 hingga 11,000 peluang pekerjaan yang akan diwujudkan melalui ECER ini. Jadi boleh ke tidak kerajaan memaklumkan setakat mana sebenarnya peluang-peluang pekerjaan ini akan dapat diisi oleh anak tempatan?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerajaan merangka supaya rakyat negeri Terengganu diberi peluang pekerjaan yang sebaik mungkin. Justeru itu kerajaan negeri telahpun mengubah dasar Negeri Terengganu, kalau dulu pelabur-pelabur yang membuka industri atau perusahaan di negeri Terengganu melibatkan 60% pekerja anak tempatan tapi sekarang ini kita naikkan ke 70% sekurang-kurangnya mestilah rakyat tempatan. Di samping itu, sebagaimana saya sebutkan tadi iaitu Eastern

Steel yang dalam proses pembinaan ini yang apabila siap nanti melibatkan 1,500 orang pekerja. Yang kedua, HKS yang disebutkan sebentar tadi melibatkan 1,300 orang pekerja. CJ Arkema melibatkan 500 hingga 700 orang pekerja dan yang terbesar InsyaAllah pada tahun hadapan kita akan terima satu lagi pelaburan bernilai RM16 bilion untuk kilang besi di Kemaman dan sebuah syarikat dari China yang akan memberi peluang pekerjaan kira-kira 5,000 orang pekerja. Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Soalan tambahan lagi satu Tuan Yang Dipertua. Setakat dilancarkan sehingga ke hari ini kita dapati kawasan-kawasan tumpuan pelaburan di bawah ECER dan kerajaan negeri ini lebih banyak tertumpu di kawasan Kemaman dan kawasan-kawasan yang sekitar dengan kemudahan-kemudahan yang ada. Jadi adakah kerajaan bercadang melalui usahasama dengan persekutuan ini untuk memperluaskan kawasan operasi ECER khususnya di kawasan sebelah utara negeri Terengganu di Setiu dan Besut khususnya? Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi. Silakan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita telah mengenal pasti bahawa kawasan di sebelah utara, Besut dan Setiu adalah kawasan yang sesuai untuk pertanian dan penternakan sebab itulah kita telah meluluskan satu projek di Setiu iaitu Penternakan Udang Blue Archipelago milikan Khazanah dan apabila siap sepenuhnya nanti melibatkan 750 orang pekerja. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada menyebut tentang nilai-nilai jangkaan pelaburan

akan datang untuk kawasan-kawasan yang disebut. Saya nak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, selaras dengan gesaan kerajaan pusat untuk bermula merangka *Outcome Based Budgeting*, maksudnya kita tengok berapa nilai yang kita dapat dengan nilai yang kita akan rugi, nak tengok *nett* itu ada kita untung atau kita masih rugi. Dalam situasi yang disebut tentang projek untuk mengeluarkan bijih besi dan sebagainya termasuk jugak dalam ECER yang dibangkitkan tadi. Adakah kita mempelopori teknik untuk melihat sama ada yang terpaksa ditanggung kos melepasnya oleh negeri kita dan rakyat kita lebih besar daripada apa yang dijangka boleh dapat. Sebagai contoh, Projek Bijih Besi di Bukit Besi yang dibawa ke Teluk Kalong telah memusnahkan sistem jalan raya kita di sekitar laluan yang mengangkut barang-barang tersebut dan juga ada masalah yang dikatakan tentang kajian kemungkinan kemusnahan alam sekitar yang diakibatkan oleh projek-projek ini. Walaupun nilai dikatakan bilion ringgit yang disebutkan tadi berkemungkinan InsyaAllah, saya juga menyokong kalau sekiranya projek ini betul-betul mendatangkan keuntungan tetapi gesaan ini adakah diambil kira oleh kerajaan negeri membuat penilaian sama ada *Outcome Based Budgeting* itu menasabah untuk kita buka peluang yang lebih besar kepada orang luar untuk datang meneroka negeri kita. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Kerajaan melihat dengan adanya simpanan bijih besi di Bukit Besi ini adalah peluang untuk negeri Terengganu mendapatkan pulangan pelaburan dan peluang pekerjaan yang begitu besar. Sebab itu kita tak sebagaimana negeri-negeri lain memberi peluang ratusan lesen kepada pengusaha kecil-kecilan untuk mendapatkan lesen kemudian dieksport ke China. Sebab itu kita punya polisi bahawa mereka yang hendak mengusahakan bijih besi ini mestilah melabur di Terengganu, dari segi impak kita akui ada berlaku kerosakan-kerosakan jalan tetapi ianya adalah berbaloi dengan pendapatan yang kita terima dan juga peluang pekerjaan dan pelaburan yang kita perolehi. Sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun bersetuju untuk membina laluan kereta api laju yang pada peringkat awalnya dari Kuantan ke Kertih dan dipanjangkan sampai ke Dungun iaitu berhampiran dengan Bukit Besi. Di samping itu, untuk mengelakkan berlaku kemalangan, kesesakan dan sebagainya di kawasan sekitar Kemaman, kerajaan negeri dengan kerjasama ECER telah membina jambatan yang tinggi di Bukit Kuang kerana kita sedar, saya memberitahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila sekurang-kurangnya ketika itu tiga kilang besi di Kemaman tapi sekarang ini InsyaAllah akan menjadi empat dicampurkan dengan Kemaman

Supply Base dan pelabuhan yang akan kita pertingkatkan lagi kerana kita telah mengambil alih dan membeli balik West Wharf daripada IJM menyebabkan sekurang-kurangnya 1,000 buah treler akan berada di Kawasan Industri Teluk Kalong dan juga Kemaman Supply Base setiap hari. Bayangkan kalau 1,000 buah treler, jalan akan hancur, *jammed* dan *accident* yang tidak dapat dielakkan. Sebab itu kita membina Jambatan Bukit Kuang begitu tinggi dengan harapan kita akan menggunakan kemudahan tongkang, barge yang akan membawa masuk bijih besi atau alat-alat lain daripada pelabuhan dibawa melalui di bawah jambatan tersebut. Dan InsyaAllah, pada tahun hadapan kita akan membina satu terusan sepanjang 2 kilometer di Kawasan Industri Teluk Kalong untuk membawa besi, bijih besi dan sebagainya dan di samping itu untuk mengelakkan berlakunya banjir di kawasan berkenaan. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Wakil Kijal. Sekarang masa sudah hampir 1 jam. Jadi oleh kerana ada beberapa lagi Soalan-soalan Lisan yang tidak dapat dikemukakan, jadi kita tangguh untuk besok. Dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula pada pukul 11.00 pagi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita menyambung mesyuarat, izinkan saya untuk mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini agar kita adakan satu tabung untuk mengutip derma bagi mangsa-mangsa banjir di negeri Terengganu dan InsyaAllah, satu tong derma akan diletakkan di luar sana bagi menyatakan keprihatinan kita, kebersamaan kita kepada mangsa-mangsa banjir yang mungkin ada di Dewan ini atau pun di luar sana. Jadi InsyaAllah, dalam empat hari ini bermula pada tengah hari ini tong derma tersebut akan diletakkan di luar sana dan bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang berhasrat untuk menghulurkan derma bolehlah melakukannya yang bermula pada hari ini, besok, lusa dan seterusnya pada hari yang keempat. InsyaAllah, kita akan menguruskan derma tersebut sebaiknya agar sampai kepada yang amat memerlukan. Sekian, terima kasih.

**CADANGAN MENDAHULUKAN PEMBAAAN
RANG UNDANG-UNDANG
DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN**

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya memohon membawa cadangan:

“Menurut Fasal 16(3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Untuk Mendahulukan Pembawaan tiga (3) Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain iaitu:-

- (i) Enakmen Perbekalan 2014.***
- (ii) Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2013.***
- (iii) Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Pindaan) 2013.”***

Pohon mencadangkan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Satu cadangan menurut Fasal 16(3) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan tiga (3) Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain telah diterima. Sekarang saya kemukakan kepada undian -

CADANGAN SUPAYA MENDAHULUKAN PEMBAWAAN TIGA (3) RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN YANG DITETAPKAN DI DALAM TERTIB PEKERJAAN DEWAN KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK.

CADANGAN INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PERBEKALAN 2014

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2014 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali yang kedua.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan segala puji-pujian dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T yang telah mengizinkan saya, membentangkan Bajet Negeri Terengganu bagi tahun 2014. Pembentangan satu Enakmen yang bernama **Enakmen Perbekalan Tahun 2014** ini adalah untuk

mendapat pertimbangan Dewan yang mulia, bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai Perbelanjaan Bekalan, Perkhidmatan dan Pembangunan Negeri pada tahun 2014. Kenyataan lengkap cadangan untuk Bajet 2014 ini adalah sepertimana yang terkandung dalam Buku Bajet Negeri Tahun 2014.

Pada pagi yang mulia ini, saya dan rakan-rakan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan anggota Dewan daripada parti Barisan Nasional dengan perasaan rendah diri dan hati yang tulus ikhlas bahawa kami melalui Bajet 2014, sekali lagi meneruskan tradisi pendahulu-pendahulu kami menjana manfaat untuk semua rakyat.

Firman Allah S.W.T dalam Surah Al Isra', ayat 53 bermaksud:

“Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hambaKu (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran); sesungguhnya syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang); sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia”.

Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua,

PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI

1. Keadaan ekonomi global kekal mencabar pada tahun 2013 dengan pertumbuhan ekonomi yang sederhana dan keadaan pasaran kewangan yang semakin tidak menentu, berikutan ketidakpastian pelarasan dasar di negara maju. Permintaan yang lemah di negara maju juga telah menjejaskan eksport negara membangun yang berkembang pesat, terutamanya ekonomi kecil dan terbuka. Dengan prospek pertumbuhan yang lebih baik di Amerika Syarikat, Eropah dan China dalam tempoh separuh kedua tahun ini. Ekonomi Negara tumbuh positif kepada 5.0% pada suku ketiga berbanding 4.4% pada suku kedua tahun 2013. Asas ekonomi domestik yang kekal kukuh dan disokong oleh pelaburan swasta telah memacu penjana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang berjaya mengekalkan kestabilan ekonomi negara walaupun persekitaran luar rantau ini masih lemah. Bank Negara Malaysia telah membuat unjuran semula pertumbuhan ekonomi kepada 4.5% hingga 5.0% pada 2013.

2. Negeri Terengganu dijangka akan mencapai pertumbuhan positif antara 2.5% hingga 3.5% pada tahun ini. Jangkaan pertumbuhan yang perlahan ini jika dibandingkan dengan tahun 2012 iaitu 3.5% adalah berdasarkan suasana persekitaran ekonomi global terutama rantau Asia yang masih tidak menentu turut mempengaruhi situasi ekonomi negara dan negeri Terengganu.

3. Pertumbuhan Ekonomi negeri yang berdaya tahan pada tahun 2012 telah memberi sumbangan kepada KDNK negeri sebanyak RM19.6 bilion. Dengan pengekalan dan daya tahan yang kukuh melalui asas ekonomi domestik dan pelaburan swasta serta pasaran buruh yang stabil, dijangkakan pertumbuhan ekonomi akan terus positif pada tahun 2013. Dengan kata lain, sekiranya persekitaran ekonomi global semakin pulih, KDNK Negeri Terengganu mungkin akan mencapai 3% pada tahun ini dan 3.0% hingga 4.0% pada tahun 2014.

4. KDNK perkapita negeri dijangka meningkat kepada RM19,151 pada tahun 2013 berbanding RM18,861 pada tahun 2012, manakala purata pendapatan isirumah bulanan pula dijangka meningkat kepada RM4,205 pada tahun 2013 berbanding RM3,967 pada tahun 2012, kesan daripada pembangunan sosio ekonomi negeri dan pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) Malaysia.

5. Kadar pengangguran di negeri Terengganu masih di bawah gunatenaga penuh iaitu 2.9% pada tahun 2012. Kadar ini dijangka akan stabil pada kadar 2.5% hingga 3.5% pada tahun 2013. Perancangan holistik sektor kerajaan dan didokong oleh sektor swasta melalui pelbagai sektor pelaburan tempatan dan asing akan berupaya mengurangkan kadar pengangguran di negeri Terengganu. Kadar inflasi yang sederhana dan terkawal iaitu 2.2% pada September 2013 membolehkan pertumbuhan ekonomi negeri Terengganu berada dalam keadaan stabil dan mampan pada tahun ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua,

ANGGARAN HASIL DAN PERUNTUKAN BAJET 2014

6. Kerajaan menganggarkan akan memperolehi hasil sebanyak **2.20 bilion ringgit pada tahun 2014** berbanding anggaran hasil sebanyak **2.005 bilion ringgit** pada tahun 2013. Anggaran ini meningkat **9.73 % iaitu 195 juta ringgit** berbanding anggaran hasil tahun 2013. Daripada jumlah anggaran hasil tersebut, 89.95% adalah diunjurkan diperolehi daripada sumber Kerajaan Pusat khususnya Dana Khas Kerajaan Persekutuan dan pemberian tahunan, sementara baki 10.05% adalah daripada sumber negeri sendiri. Kerajaan Negeri yakin bahawa hasil negeri akan mencapai sasaran yang sama pada tahun 2014. Namun begitu kita perlu berhati-hati dalam penyediaan anggaran hasil ini kerana sebahagian

besar sumber hasil adalah datangnye dari luar kawalan kerajaan negeri terutama dalam penentuan harga petroleum.

7. Kerajaan akan meneruskan dasar pengurusan **bajet yang seimbang** sekalipun menghadapi kekangan hasil. Oleh itu perbelanjaan kesemua hasil yang bakal diperolehi adalah perlu demi menjana pembangunan dan memastikan kesejahteraan rakyat. Pada masa yang sama, kerajaan akan memastikan perbelanjaan dilakukan secara lebih berhemat dan melaksanakan langkah berjimat cermat tanpa menjejaskan prestasi, produktiviti dan kualiti perkhidmatan serta memastikan projek-projek yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual.

8. Bagi melaksanakan strategi bajet tahun 2014, Kerajaan suka mencadangkan peruntukan sejumlah **2.20 bilion ringgit** untuk Perbelanjaan Mengurus, 1.208 bilion ringgit untuk pembangunan dan 40.88 juta ringgit untuk Kumpulan Wang Bekalan Air. Di bawah Perbelanjaan Mengurus, sebanyak 129.48 juta ringgit diperuntukkan bagi Perbelanjaan Tanggungan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang dan sejumlah 2.071 bilion ringgit untuk Perbelanjaan Bekalan.

9. Di bawah Perbelanjaan Bekalan pula sebanyak 1.585 bilion ringgit diperuntukkan untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, 256.96 juta ringgit untuk perbelanjaan Emolumen, 188.18 juta ringgit untuk Perkhidmatan dan Bekalan, 34.67 juta ringgit untuk Aset dan 5.01 juta ringgit untuk Lain-Lain Perbelanjaan. Di bawah komponen Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, sejumlah 600 juta ringgit akan dicarumkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan, 250.25 juta ringgit bagi pemberian kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun, 385.22 juta ringgit bagi pemberian kepada Pelbagai Agensi dan Kumpulan Wang, 49.72 juta ringgit bagi bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan 243.95 juta ringgit bagi pelbagai program di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Vot B32 - Pelbagai Perkhidmatan di mana terkandung pelbagai program yang memberi impak terus kepada rakyat.

10. Bagi peruntukan pembangunan pula sejumlah 506.63 juta ringgit adalah untuk sektor sosial yang meliputi pendidikan, pembangunan masyarakat, perumahan, pembangunan bandar dan luar bandar, kerajaan tempatan, sukan dan kesihatan. Sejumlah 531.63 juta ringgit disediakan untuk sektor ekonomi terdiri daripada pelancongan, pertanian, IKS, infrastruktur dan kemudahan awam. Manakala sejumlah 209.36 juta ringgit diperuntukkan untuk sektor pentadbiran yang meliputi pembangunan ICT, pentadbiran am dan projek khas. Bagi Kumpulan Wang Bekalan Air sejumlah 40 juta ringgit dicadangkan bagi pembangunan bekalan air dan 0.88 juta ringgit untuk pengurusan Jabatan Bekalan Air. Kumpulan

Wang Bekalan Air yang masih mempunyai lebihan yang besar dan mampu membiayai perbelanjaannya, tiada pindahan atau caruman akan dibuat dari Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang ini pada tahun 2014. Kumpulan Wang Bekalan Air terus kekal positif dengan berbaki 100.73 juta ringgit pada penutupan akaun 31 Disember 2012.

Yang Berhormat Tuan Yang Di Pertua,

STRATEGI BAJET 2014

11. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan kesejahteraan hidup setiap rakyat dapat dipelihara dan dipertingkatkan. Kerajaan adalah komited untuk memastikan pembangunan ekonomi diurus dengan sentuhan insan. Pembangunan ini adalah berpusat kepada rakyat selaras dengan konsep "**Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan**", tunggak pentadbiran Kerajaan Negeri sekarang. Pengurusan ekonomi yang berpaksikan kepada insan ini akan membolehkan faedah kemajuan dapat dikongsi, diagih dan dimanfaatkan kepada semua rakyat secara adil dan saksama. Untuk itu jabatan-jabatan kerajaan yang memberi perkhidmatan terus kepada rakyat diminta untuk meningkatkan sistem penyampaian masing-masing.

12. Bagi memastikan kesinambungan program dan pembangunan yang lalu dan semasa serta meneruskan penekanan terhadap menjana kesejahteraan rakyat, Kerajaan mengekalkan tema dan strategi teras Bajet Tahun 2013 sebagai tema dan strategi teras Bajet Tahun 2014. Oleh itu bertemakan "**MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN: BAJET KESEJAHTERAAN RAKYAT**", empat (4) strategi teras yang diberi tumpuan adalah:-

- Pertama : Mengurangkan Defisit**
- Kedua : Memantapkan Pembangunan Modal Insan Berkualiti**
- Ketiga : Memelihara Kesejahteraan Rakyat**
- Keempat : Meningkatkan Daya Saing Negeri**

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

STRATEGI PERTAMA: MENGURANGKAN DEFISIT

13. Kerajaan Negeri sentiasa memberi penekanan supaya mengamalkan perbelanjaan dengan berhemat untuk memastikan perbelanjaan dilakukan bukan

sahaja dapat membawa manfaat tetapi juga dibuat berasaskan "value for money" iaitu perbelanjaan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat serta pada masa yang sama mengelakkan berlakunya pembaziran. Bagi memastikan kedudukan kewangan kerajaan negeri terus berdaya saing dan berdaya tahan, Kerajaan memberi penekanan kepada langkah-langkah memperkukuhkan kedudukan kewangan negeri melalui pengurusan fiskal kewangan yang ketat dan berhemat.

14. Mengambil kira kedudukan ekonomi semasa, kekangan hasil dan keperluan untuk menyimpan wang bagi kegunaan masa hadapan, kerajaan perlulah berbelanja secara berhemat dan semua pihak hendaklah memahami kedudukan ini dan memberi kerjasama untuk berjimat dan berbelanja dengan lebih berhemat bagi mencapai matlamat ini. Kita boleh melakukannya dengan dasar kewangan dan perbelanjaan yang ketat, langkah berjimat yang bermula diperingkat perancangan lagi dan di mana boleh perbelanjaan dikurangkan kepada tahap sebenar dan optimum tanpa menjejaskan prestasi, produktiviti serta kualiti perkhidmatan. Tumpuan haruslah diberikan kepada perbelanjaan yang benar-benar penting, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat serta mengelakkan pembaziran.

15. Sesungguhnya, Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan defisit ini terus berkurangan dan negeri berada pada landasan yang betul bagi mencapai belanjawan berimbang. InsyaAllah, kita mampu melaksanakannya dengan kerjasama dan komitmen semua pihak. Hasilnya pada tahun 2012, kerajaan telah memperolehi hasil **2.688 bilion ringgit** iaitu meningkat 16.25% berbanding dengan kutipan pada tahun 2011. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh kenaikan dalam Pemberian Dana Khas sebanyak **400** juta ringgit iaitu peningkatan sebanyak 20.51%. Dengan pertambahan hasil dan pengawalan perbelanjaan, baki Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2012 telah menjadi *surplus*, berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini di mana baki Akaun Hasil Disatukan sentiasa defisit.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

Firman Allah S.W.T dalam surah Az Zumar, Ayat 9 bermaksud:

"(Engkaukah yang lebih baik) atau orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya? Katakanlah lagi (kepadanya): Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang

dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna”.

STRATEGI KEDUA: MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKUALITI

16. Satu aspek yang amat penting dalam menentukan kejayaan sesebuah negara adalah kualiti modal insan. Sektor pendidikan adalah satu bidang yang menjadi keutamaan kepada Kerajaan Negeri. Selaras dengan gagasan Terengganu sebagai sebuah negeri Anjung Ilmu dan InsyaAllah akan menjadi tempat rujukan kepada negeri-negeri lain. Kerajaan Negeri telah merancang pelbagai program bagi melahirkan modal insan yang cemerlang sama ada menerusi pembangunan fizikal mahupun rohani. Modal insan berkualiti adalah antara faktor penting dalam mencapai matlamat untuk menjadi negeri maju.

17. Dalam persekitaran dunia hari ini, anak-anak dan generasi kita didedah secara langsung dengan persekitaran global dengan kehadiran internet yang menjadikan dunia ini tanpa sempadan. Berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia menaruh harapan terhadap tiga elemen iaitu:

1. Membangunkan modal insan dengan ciri-ciri individu dan masyarakat bangsa Malaysia yang maju.
2. Memastikan akses, ekuiti dan kualiti yang menjadi tunjang agenda pendidikan dapat diteruskan.
3. Merintis dan menerajui perubahan demi melonjakkan sistem dan institusi pendidikan ke tahap dunia pada tahun 2020.

18. Justeru itu aspek kualiti pendidikan dan latihan akan terus diberi penekanan dan keutamaan. Dengan ini saya mencadangkan peruntukan pembangunan sebanyak 59.19 juta ringgit bagi projek-projek pembangunan di bawah sektor ini pada tahun 2014.

Mengganggu Pembangunan Pendidikan Awal

19. Kerajaan tidak pernah jemu dan akan terus melaksanakan pelbagai program dan projek ke arah kecemerlangan pendidikan rakyat. Malah kejayaan demi kejayaan dalam program pendidikan daripada peringkat kanak-kanak hingga

ke peringkat universiti telah menjadi sebutan dan sebahagiannya menjadi contoh kepada negeri lain. Bagi meneruskan kecemerlangan ini kerajaan akan terus menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk program-program *flagship* pendidikan daripada peringkat prasekolah hingga ke peringkat universiti.

Program Pintar Quran Dan Kafa

20. Peningkatan dari segi bilangan kanak-kanak yang berjaya khatam Al-Quran dari setahun ke setahun amat memberangsangkan. Kira-kira 70,000 pelajar sekolah rendah di negeri ini sedang mengikuti kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) sebagai langkah mendidik mereka mendalami ilmu Al-Quran dan perkara asas berkaitan fardhu ain. Pelajar yang berusia antara tujuh hingga dua belas tahun yang mengikuti program ini akan dibimbing mengikut modul yang telah ditetapkan supaya mampu menguasai Al-Quran dan memahami serta mengamal perkara asas fardhu ain.

21. Seramai 24,330 pelajar Kelas KAFA dari tahun dua hingga tahun enam seluruh Terengganu berjaya khatam Al-Quran pada tahun ini berbanding seramai 21,610 orang pelajar KAFA pada tahun 2012. Kerajaan negeri akan memastikan semua pelajar sekolah di negeri ini akan khatam Al-Quran sebelum melangkah ke tingkatan satu. Kerajaan juga melahirkan rasa bangga di atas pencapaian pelajar-pelajar kelas KAFA yang mampu membawa negeri ini muncul sebagai negeri terbaik untuk lima tahun berturut-turut. Oleh itu, peruntukan sebanyak 3.5 juta ringgit diberikan bagi memperkasakan Program Pintar Quran dan KAFA pada tahun 2014.

Meneruskan Program e-Book

22. Menyingkap kembali program e-Book, semenjak tahun 2009 Kerajaan Negeri telah mengagihkan sebanyak 117,112 buah e-Book kepada pelajar sekolah dan disusuli pula dengan projek Kelas Maya atau *Virtual Class*. Projek Kelas Maya yang telah dimulakan di SK Paya Bunga, SK Komplek Seberang Takir, SK Telok Kalung dan SK Marang kini telah bertambah sebanyak 124 buah di seluruh negeri Terengganu dan 81 buah lagi kelas dalam proses untuk dinaiktaraf kepada Kelas Maya dan melibatkan 74 buah sekolah.

23. Sekolah-sekolah yang dilengkapi dengan Kelas Maya di negeri ini telah menunjukkan peningkatan prestasi yang memberangsangkan dalam peperiksaan UPSR tahun 2013. Oleh itu bagi menambahkan lagi sekolah-sekolah yang mempunyai Kelas Maya, kerajaan memperuntukan sebanyak 3.2 juta ringgit pada tahun 2014.

24. Dengan langkah-langkah dan usaha-usaha ke arah menjayakan cara dan amalan pendidikan masa kini serta keberkesanan penggunaan e-Book, hasilnya negeri Terengganu terus cemerlang dalam keputusan UPSR untuk tahun 2013 dengan 3039 orang murid memperolehi 5A iaitu peningkatan 14% berbanding dengan 13.22% pada tahun 2012. Tahniah diucapkan kepada semua pelajar-pelajar, Jabatan Pelajaran Terengganu, seluruh warga pendidik serta ibu bapa yang turut memberi komitmen dan sokongan untuk memastikan kejayaan anak-anak Terengganu dalam peperiksaan awam.

25. Justeru itu dengan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem pengajaran dan pembelajaran, ianya mampu menarik perhatian pelajar, berbeza melalui kaedah amalan konvensional biasa. Oleh itu Kerajaan Negeri Terengganu boleh dianggap sebagai perintis dalam menggalakkan pembelajaran secara *blended learning* ini iaitu menggabungkan kaedah pembelajaran tradisional dan juga teknologi maklumat dalam sistem pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Dengan itu pada tahun 2014, kerajaan akan meneruskan Program e-Book dengan peruntukkan sebanyak 20 juta ringgit.

Memperkasakan Sekolah Imtiaz

26. Kerajaan akan terus memperkasakan Sekolah Imtiaz. Kejayaan demi kejayaan dicapai oleh pelajar-pelajar sekolah Imtiaz iaitu sekolah yang mengutamakan duniawi dan ukhrawi dalam kurikulumnya ini, telah menarik perhatian ibu bapa bagi menghantar anak mereka untuk memasuki sekolah ini. Oleh itu bagi menampung permintaan yang tinggi ini, kerajaan negeri bercadang untuk membina sebuah lagi Sekolah Imtiaz di Setiu pada tahun 2014 manakala Sekolah Imtiaz Kemaman sedang dalam pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2014. Pembinaan Sekolah Imtiaz di Kemaman melibatkan kos pembinaan sebanyak 60 juta ringgit dan boleh menempatkan 750 orang pelajar.

27. Kerajaan akan terus memberikan tumpuan untuk meningkatkan akses kepada pengajian prauniversiti dan pengajian tinggi. Peruntukan yang besar diberikan kepada Yayasan Terengganu setiap tahun bagi pemberian biasiswa dan pinjaman untuk pelajar ke IPTA dan IPTS dalam dan luar negara dan pusat latihan kemahiran serta bantuan persediaan sebelum pendaftaran di sekolah berasrama penuh, pendidikan STPM dan IPT. Bagi merealisasikan hasrat ini, pada tahun ini kerajaan telah mengeluarkan peruntukan sebanyak **91.5 juta ringgit** kepada Yayasan Terengganu bagi perbelanjaan pengurusan, penajaan pelajar ke IPTA dan IPTS dalam dan luar negara, bantuan persediaan kemasukan ke sekolah berasrama penuh, tingkatan enam dan IPT serta penganjuran kursus.

28. Kerajaan akan terus menambahbaik Program Sekolah Elit, Premier, Imtiaz dan Sekolah Agama di bawah Kerajaan Negeri. Kerajaan juga akan meneruskan pembangunan fizikal bagi TATIUC, TESDEC, Kompleks Imtiaz dan Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu.

29. Bagi memenuhi permintaan dan minat pelajar serta ibu bapa yang inginkan anak-anak mereka di hantar ke sekolah agama, dengan ini kerajaan negeri akan membina sebuah lagi Sekolah Menengah Agama di DUN Air Putih, Kemaman.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

STRATEGI KETIGA : MEMELIHARA KESEJAHTERAAN RAKYAT

30. Kepesatan pembangunan sosio ekonomi Negeri Terengganu telah berjaya meningkatkan taraf hidup penduduknya. Petunjuk-petunjuk dimensi pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi telah menunjukkan dan memberi petanda bahawa kesejahteraan hidup rakyat negeri telah meningkat dan bertambah baik. Usaha gigih dan berterusan kerajaan negeri melalui pelbagai program untuk menangani kemiskinan telah berjaya mengurangkan bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar.

Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat dan Membasmi Kemiskinan

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Isra' ayat 26 bermaksud:

“Dan berikanlah kepada keluarga-keluarga yang dekat akan haknya, kepada orang miskin dan orang yang dalam perjalanan: dan janganlah kamu menghambur-hamburkan (hartamu) secara boros.”

31. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa komited untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat dan memberi keutamaan kepada usaha untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah, mereka yang kurang upaya dan kurang bernasib baik. Salah satu projek peningkatan ekonomi kepada golongan miskin iaitu Projek Agropolitan Besut-Setiu di Kampung Panchur Bederu, Setiu di bawah program ECER telahpun dimulakan operasinya pada bulan Julai 2013 yang menempatkan 100 keluarga miskin bagi menjalankan aktiviti penternakan kambing jenis “Dorper”. Melalui projek ini, para peserta telah dijamin pendapatan lebih daripada 1,200 ringgit sebulan. Selain daripada itu, para peserta telah disediakan dengan kediaman dan kemudahan infrastruktur yang selesa.

32. Program Bantuan Rumah akan diteruskan lagi pada tahun 2014 dengan menumpukan kepada baikpulih dan bekalan atap rumah manakala pemberian rumah bina baru akan difokuskan kepada golongan miskin yang rumah asal mereka terlalu uzur dan tidak mampu dibaikpulih lagi. Oleh itu saya suka mencadangkan peruntukan berjumlah 41.5 juta ringgit untuk membina baru dan baikpulih rumah pada tahun 2014.

33. Dalam usaha mewujudkan kerajaan yang prihatin, sejumlah 49.72 juta ringgit diperuntukkan oleh kerajaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Terengganu untuk membiayai Program Pembangunan Sosial Dan Kebajikan Am. Pelaksanaan skim-skim bantuan melalui JKM ini, menunjukkan keperihatinan kerajaan kepada golongan kurang berkemampuan, ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU), anak yatim serta mangsa-mangsa bencana alam.

Meningkatkan Pembangunan Sektor Pertanian dan Asas Tani

34. Sektor Pertanian mendapat perhatian kerajaan sejajar dengan matlamat memfokuskan sektor ini dalam menjana pendapatan rakyat. Ianya bukan sahaja untuk meningkatkan hasil pertanian negeri tetapi juga sebagai aktiviti penting untuk membasmi kemiskinan. Hasrat ini boleh dicapai dengan meningkatkan produktiviti dan daya saing. Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada sektor pertanian kerana ianya akan meningkatkan pendapatan golongan terlibat dan memastikan kelestarian jaminan bekalan makanan. Tiga komponen tradisi sektor ini iaitu pertanian, penternakan dan perikanan terus diberi nafas baru bagi meningkatkan pengeluaran dengan pendekatan yang menggunakan teknologi, pembangunan pemprosesan, penyelidikan dan integrasi.

35. Bagi tahun 2014, Kerajaan memperuntukkan sebanyak 26.17 juta ringgit untuk sektor ini di bawah peruntukan pembangunan dengan memberi tumpuan kepada projek-projek baru dan sambungan seperti Projek Khas Pertanian, Pembangunan Industri Padi, Pembangunan Industri Lebah Madu serta Projek Pembangunan Pembasmian Kemiskinan.

36. Dalam usaha memastikan kelestarian jaminan bekalan makanan pada masa akan datang, kawasan jelapang padi sedia ada akan ditambah baik dengan sistem pengurusan tanaman yang sistematik. Kerajaan akan terus memberi peruntukan bagi menaiktaraf sistem pengairan dan jalan ladang bagi memastikan lebih banyak kawasan padi yang dapat ditanam dua kali setahun untuk memastikan keperluan beras pada tahun 2014 bagi negeri Terengganu akan tercapai.

Memantapkan institusi keluarga

37. Institusi keluarga pada alaf baru sedang menghadapi pelbagai perubahan, cabaran, krisis dan dilema. Peranan dan tanggungjawabnya kepada pembentukan dan perkembangan manusia, mencorakkan perkembangan masyarakat, mencorakkan perkembangan gender, membangunkan potensi individu, memberikan pendidikan tidak formal serta mensosialisasikan peranan orang dewasa. Namun begitu, kredibiliti dan intergriti keluarga pada zaman moden ini mulai tergugat dan tercabar dengan peningkatan pelbagai masalah jenayah. Ini termasuklah perceraian, pengabaian tanggungjawab terhadap keluarga, kemiskinan dan penderitaan keluarga, pengangguran ahli keluarga serta ketidakmampuan menyara keluarga dan ketidakupayaan menyediakan tempat tinggal untuk keluarga. Kunci utama untuk memperbaiki kerapuhan institusi keluarga ialah memantapkan institusi perkahwinan melalui pendidikan kekeluargaan selepas perkahwinan dan peranan institusi masyarakat terhadap ahlinya.

38. Bagi tujuan ini, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu memperuntukkan sebanyak 7.82 juta ringgit untuk melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti pendidikan kekeluargaan. Kerajaan bersetuju untuk memberi peruntukan bagi pembinaan Pusat Keluarga, Yayasan Pembangunan Keluarga di Hulu Terengganu dengan kos 1.0 juta ringgit.

Meningkatkan pemilikan rumah

39. Kerajaan sedar bahawa masih ramai lagi rakyat yang memerlukan rumah dan meletakkannya sebagai agenda penting untuk memastikan setiap rakyat memiliki rumah sendiri. Oleh itu, kerajaan negeri sentiasa komited dan memberi penekanan terhadap penyediaan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa terutamanya bagi memenuhi keperluan golongan sasaran iaitu yang berpendapatan rendah dan sederhana.

40. Pembangunan perumahan akan diberi penekanan kepada kesesuaian lokasi, persekitaran tempat tinggal yang kondusif, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki. Dalam usaha memenuhi keperluan ini, faktor-faktor seperti kemampuan pembeli, kenaikan kos pembangunan dan harga jualan unit rumah sentiasa mempengaruhi permintaan dan penawaran terhadap sektor perumahan.

41. Bagi memastikan pembangunan projek perumahan berterusan, kerajaan negeri akan meningkatkan kerjasama dengan kerajaan pusat, PMINT serta pihak swasta bagi menyediakan lebih banyak rumah khususnya terhadap golongan sasar tersebut. Berdasarkan rekod permohonan perumahan yang dibuat melalui Sistem

Pendaftaran Terbuka sehingga 31 Ogos 2013, permintaan terhadap rumah kos rendah dan mampu milik adalah sebanyak 48,522 permohonan. Sepanjang tempoh 2008 hingga 2013, sebanyak 29 projek perumahan kos rendah dan rumah mampu milik yang melibatkan 9,078 unit rumah telah dan sedang dilaksanakan melibatkan peruntukan sebanyak 792.53 juta ringgit. Sehingga 31 Ogos 2013, 13 projek telah siap dan 16 projek dalam pelaksanaan. Untuk tahun hadapan sebanyak 75.1 juta ringgit disediakan untuk membiayai projek-projek perumahan yang baru dan projek-projek perumahan yang sedang dilaksanakan.

Meningkatkan Infrastruktur dan Kemudahan Awam

42. Kerajaan akan memberi sokongan yang berterusan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan awam untuk rakyat. Oleh itu, kerajaan akan terus melonjakkan sektor pembinaan dengan peruntukan yang banyak kerana ia memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan khususnya dari segi mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan. Pertumbuhan sektor pembinaan dijangka menurun sedikit daripada 20.2 peratus pada tahun 2012 kepada 12.4 peratus pada tahun 2013 akibat daripada kelembapan dalam pembangunan infrastruktur awam dan perumahan awam serta swasta. Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam melalui pembangunan fizikal yang mampan dan secara langsung memberi kesejahteraan kepada rakyat.

43. Dalam Belanjawan 2014, kerajaan menyediakan peruntukan besar bagi membiayai projek infrastruktur dan kemudahan awam samada yang sedang dilaksanakan atau pun projek baru. Sebanyak 3 juta ringgit diperuntukkan untuk pembinaan jalan-jalan baru, 6 juta ringgit untuk pembinaan jalan dan jambatan baru dari Kampong Dusun ke Kuala Pueh dan 10 juta ringgit untuk Pembinaan Jalan T100 Kuala Terengganu. Jumlah keseluruhan peruntukan untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan awam adalah 331.14 juta ringgit untuk projek-projek baru dan juga projek-projek sambungan .

44. Kerajaan negeri akan memastikan jalan utama yang melalui laluan pantai yang menghubungkan Kemaman ke Kuala Terengganu di naik taraf menjadi empat lorong menjelang tahun 2018. Kerja-kerja menaiktaraf jalan sedang giat dilaksanakan mengikut beberapa fasa bermula dari Kemaman ke Dungun akan diteruskan lagi dengan peruntukan sebanyak 40 juta ringgit.

45. Penyediaan kemudahan jalan raya yang selesa juga diberi keutamaan oleh kerajaan. Bagi maksud ini, sehingga bulan November 2013 sebanyak 121.16 juta ringgit dari kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan (MARRIS) yang

disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan telah dibelanjakan untuk menyelenggara jalan-jalan sepanjang 6,498 kilometer.

Pembangunan Pengairan dan Saliran

46. Bagi menaik taraf dan penyenggaraan sistem pengairan dan saliran, Kerajaan memperuntukkan sebanyak 12.4 juta ringgit pada tahun hadapan bagi melaksanakan projek-projek Pemulihan Membenteng Tebing Kiri Sungai Terengganu di Kg. Manir, Teluk Menara dan Beladau, Kuala Terengganu, Sistem Saliran Gong Pasir, Dungun, Sistem Saliran Sungai Buaya, Marang, Sistem Saliran Banggol Air Lileh, Kuala Terengganu, Sistem Saliran Padang Lebam, Marang, Sistem Saliran Bandar Baru Kerteh dan beberapa projek lagi yang akan memberi faedah kepada rakyat. Dengan terlaksananya projek-projek berkenaan adalah diharapkan kehidupan rakyat menjadi lebih selesa.

47. Kerajaan juga telah dan akan melaksanakan kerja-kerja mendalam dan pembersihan sungai bagi melancarkan aliran air untuk mengelak dan mengurangkan masalah banjir. Di samping itu, kerajaan juga sedang merancang dan menyediakan rekabentuk terperinci bagi projek Tebatan Banjir Tok Jiring, Kuala Terengganu. Projek ini adalah bagi mengatasi masalah banjir di kawasan sekitarnya selaras dengan cadangan pembangunan Pusat Pentadbiran Baru Kuala Nerus, Terengganu.

Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Bekalan Air Bersih

48. Bekalan air bersih dan terawat merupakan keperluan asas rakyat. Kerajaan telah berjaya meningkatkan liputan air bersih di dalam negeri. Sungguhpun demikian, keperluan untuk menambah kapasiti bekalan air bersih kian meningkat. Bagi memastikan bekalan air bersih dan terawat mencukupi dan menjamin kesejahteraan rakyat serta menjana pembangunan ekonomi negeri, kerajaan memperuntukkan sebanyak 8 juta ringgit untuk menaiktaraf loji air Bukit Sah dan Sistem Agihan Kemaman, menaiktaraf sistem pam Loji Air Serdang sebanyak 1 juta ringgit dan membina Intake Baru Dungun bagi Loji Air Jerangau sebanyak 1 juta ringgit pada tahun 2014.

49. Sasaran Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW) pada tahun 2013 adalah 32% berbanding 36.5% tahun sebelumnya. Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak 9 juta ringgit bagi Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil untuk tahun hadapan.

50. Untuk memastikan pengguna mendapat bekalan air pada tahap tekanan yang selesa, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak 5 juta ringgit untuk membaikpulih dan mempertingkatkan Sistem Bekalan Air Negeri Terengganu dan 5 juta ringgit lagi bagi program mempertingkatkan Keupayaan Loji-Loji Air di seluruh negeri Terengganu pada tahun 2014. Peruntukan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan bekalan air pada tahun 2014 adalah berjumlah 40 juta ringgit.

Meningkatkan Tahap dan Kemampuan Kualiti Hidup

51. Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa berusaha untuk memastikan segala perancangan dan pelaksanaan program dilakukan sebaik mungkin dengan pemantauan yang rapi agar dapat memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada rakyat seiring dengan gagasan "Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan". Tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan adalah menyediakan kemudahan fizikal dan sosial di dalam kawasan operasi masing-masing dan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti ke arah persekitaran kehidupan yang lebih baik dan terjamin. Sasaran untuk menjadi 'Negeri Terbersih' merupakan antara agenda penting kerajaan dalam memastikan persekitaran kehidupan rakyat yang lebih berkualiti, sihat dan ceria. Bagi memenuhi hasrat ini, kerajaan bersetuju memperuntukkan sebanyak 37 juta ringgit bagi menjayakan Program Kebersihan Dan Keindahan Dalam Bandar dan 6 juta ringgit untuk landskap pada tahun 2014.

52. Bagi memastikan keselamatan awam dan kualiti pencahayaan di bawah Program Bandar Selamat sebanyak 3 juta ringgit diperuntukkan oleh kerajaan pada tahun 2014 serta 3 juta ringgit juga diperuntukkan bagi tujuan pemasangan CCTV di tempat-tempat awam dan lokasi-lokasi tertentu dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Ianya penting dalam membantu PBT untuk melakukan pemantauan di kawasan operasi masing-masing.

53. Kerajaan juga akan memperuntukkan 30 juta ringgit bagi kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan longkang di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Program ini adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah banjir dan longkang tersumbat yang sering berlaku setiap kali tibanya musim tengkujuh. Program ini penting bagi menjamin keselesaan rakyat ke arah kehidupan yang lebih sempurna.

54. Bagi menjana peluang perniagaan dan pekerjaan pula, Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak 10 juta ringgit untuk pembinaan pasar awam yang baru, menambahbaik pasar sedia ada, membina gerai perniagaan dan perkedaian di seluruh daerah.

Memperkasakan Pembangunan Belia

55. Program Bakti Remaja serta program pembangunan dan latihan belia untuk kepimpinan, keusahawan dan kemahiran akan diteruskan bagi menjamin kesinambungan pembangunan negara berteraskan ilmu dan profesionalisme. Program-program ini adalah bertujuan untuk melahirkan golongan belia yang berdaya saing, berorganisasi, berkeperibadian unggul serta sihat dari segi rohani dan jasmani. Oleh itu, peruntukan sebanyak 28.95 juta ringgit diberikan untuk memperkasakan pembangunan belia di negeri ini pada tahun 2014.

56. Memandangkan hampir keseluruhan belia meminati sukan permotoran, kerajaan berhasrat untuk mewujudkan sebuah lagi litar lumba sebagai usaha untuk mencari bakat baru dalam sukan permotoran selain mengurangkan masalah sosial yang sering melanda golongan belia. Dengan terbinanya sebuah lagi litar lumba yang profesional di negeri ini diharap dapat mengurangkan gejala mat rempit. Oleh itu untuk permulaan, kerajaan memperuntukkan sebanyak 5 juta ringgit untuk pembinaan litar lumba di negeri Terengganu pada tahun 2014.

Pemeliharaan Alam Sekitar

57. Kerajaan komited untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pemeliharaan alam sekitar dijaga dan dikawal dengan rapi. Ini adalah bertujuan untuk memastikan ekosistem dan hidupan yang wujud tidak terganggu walaupun pembangunan yang dirancang rancak dilaksanakan. Untuk tujuan itu kerajaan negeri memperuntukkan 200 ribu ringgit bagi tahun 2014 untuk pembangunan pulau dan pemuliharaan taman laut.

Meningkatkan Kemudahan Kesihatan Rakyat

58. Bagi memastikan rakyat yang mengalami penyakit kronik dan memerlukan kemudahan kesihatan yang terbaik dan kemudahan teknologi perubatan yang canggih dan terkini, tetapi tidak berkemampuan serta tidak mempunyai pendapatan yang tetap, kerajaan telah mewujudkan Tabung Pesakit Kronik dengan dana 10 juta ringgit. Tabung ini telah memberi manfaat kepada rakyat yang terbeban dengan kos rawatan yang tinggi dan mendapat rawatan pakar dengan segera.

59. Oleh itu, kerajaan akan terus mencarum kepada tabung ini pada tahun hadapan berdasarkan keperluan. Penerima bantuan Tabung Pesakit Kronik pada tahun 2012 adalah seramai 990 orang dengan perbelanjaan sebanyak 1.63 juta ringgit dan bagi tahun 2013 sehingga bulan November, seramai 1,004 pesakit

mendapat manfaat daripada tabung ini dengan perbelanjaan sebanyak 2 juta ringgit.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua,

STRATEGI KEEMPAT: MENINGKATKAN DAYA SAING NEGERI

Menggalakkan Aktiviti Pelaburan Asing

60. Kerajaan sentiasa komited dalam menjadikan negeri Terengganu sebagai hub pelaburan yang kompetitif di rantau ini. Bagi tahun 2013, kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah 3 juta ringgit bagi pembangunan sektor perindustrian dan perdagangan. Daripada jumlah ini, 1 juta ringgit telah diperuntukkan untuk Program Galakan Pelaburan merangkumi misi-misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara, penganjuran seminar dan lain-lain aktiviti promosi pelaburan manakala 2 juta ringgit lagi telah diperuntukkan bagi projek pembangunan termasuklah menaiktaraf kawasan-kawasan perindustrian di setiap daerah di negeri Terengganu.

61. Pada tahun 2012, kerajaan negeri telah menerima sebanyak 66 projek pelaburan bernilai 2.84 bilion ringgit. Daripada jumlah ini, sebanyak 2.25 bilion ringgit adalah merupakan pelaburan asing yang dapat memberi peluang pekerjaan kepada 4,318 orang. Di antara projek-projek terlibat termasuklah pembinaan kilang fabrikasi, loji pengeluaran gas, kilang IKS dan sebagainya. Kerajaan negeri juga memfokuskan kepada projek bioteknologi di Taman Bio Polimer Kertih. Projek yang dijangka beroperasi pada awal tahun 2014 ini merupakan projek bio teknologi yang terbesar di rantau ini sekaligus menarik pelabur-pelabur dalam sektor yang sama ke kawasan ini.

62. Kerajaan negeri sentiasa berusaha ke arah memastikan setiap sen pelaburan yang diterima dapat dimanfaatkan kepada rakyat negeri ini. Kerajaan negeri telah meluluskan satu permohonan yang melibatkan jumlah pelaburan sebanyak 6.6 bilion ringgit dan dijangka dapat mewujudkan sebanyak 1,300 peluang pekerjaan. Projek yang diluluskan adalah HKS Mineral dengan kerjasama Korea. Syarikat ini bakal membina sebuah kilang bagi memproses besi keluli di kawasan Perindustrian Teluk Kalung.

63. Di samping menerima pelaburan 6.6 bilion ringgit diatas, kerajaan negeri juga dijangka akan menerima pelaburan bernilai 16 bilion ringgit dari China yang berminat untuk melabur dalam industri besi keluli yang dijangka mewujudkan 5,000 peluang pekerjaan.

64. Sebagai galakan kepada pelaburan dalam industri besi keluli, kerajaan akan membina sebuah terusan sepanjang 2 kilometer dianggarkan bernilai 20 juta ringgit untuk memudahkan laluan tongkang dan kapal ke Kawasan Perindustrian Teluk Kalung. Pembinaan terusan yang melalui jajaran sungai Bukit Kuang yang dijangka bermula pada tahun 2014 adalah sebagai satu kemudahan yang disediakan oleh kerajaan negeri kepada pelabur-pelabur sektor industri besi keluli di Kawasan Perindustrian Teluk Kalung.

Pembangunan ECERDC

65. Sejak penubuhannya, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah berjaya menarik pelaburan bernilai 20.4 bilion ringgit ke Terengganu dan mewujudkan 10,850 peluang pekerjaan untuk rakyat di samping melahirkan 800 usahawan baru. Program Taman Polimer di zon khas ECERDC berjaya melonjak Malaysia sebagai hub bagi sektor bioteknologi di rantau ini dengan kehadiran penggerak industri berteknologi bertaraf dunia yang akan beroperasi di zon ECERDC.

66. Kerajaan akan memastikan rakyat negeri ini menikmati limpahan kekayaan hasil transformasi pembangunan ECERDC yang akan mengubah lanskap negeri kelak. Kerajaan negeri merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas peruntukan yang berjumlah 1.1 bilion ringgit daripada kerajaan persekutuan menerusi ECERDC bagi melaksanakan 41 projek infrastruktur dan pembangunan modal insan di negeri Terengganu. Begitu juga dengan kerjasama ECERDC dengan Kerajaan Negeri melaksanakan pembangunan Pusat Bandar Kuala Terengganu (KTCC) yang bakal melonjak kedudukan Terengganu sebagai gerbang pelancongan Pantai Timur di Malaysia.

Mengalakkan sektor pelancongan

67. Industri pelancongan merupakan industri kedua terpenting selepas petroleum dan merupakan industri tulang belakang dan salah satu pemangkin utama kepada pendapatan negeri. Industri ini telah menyumbang hampir 12 peratus KDNK negara. Jumlah pendapatan daripada sektor pelancongan dianggarkan meningkat kepada 62 bilion ringgit pada tahun 2013.

68. Kempen Tahun Melawat Terengganu 2013 yang telah dijalankan dengan jayanya memberi kesan kepada peningkatan kedatangan pelancong ke negeri ini terutama di pulau-pulau dan juga Tasik Kenyir berbanding tahun sebelum ini. Jumlah kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir pada tahun 2012 berjumlah 397,005 orang manakala bagi tahun 2013, sehingga bulan ogos, seramai 297,792 orang

pelancong telah direkodkan ke Tasik Kenyir berbanding seramai 215,815 orang pada tahun 2012 bagi tempoh enam bulan pertama. Bagi kedatangan pelancong di pulau-pulau yang telah didaftarkan di bawah Jabatan Taman Laut pula mencatatkan jumlah pelancong seramai 80,913 orang bagi enam bulan pertama tahun ini berbanding seramai 65,990 orang bagi enam bulan pertama tahun 2012 dengan peratus kenaikan sebanyak 22.61 peratus.

69. Dari segi perbelanjaan pula, dengan purata 4.4 hari penginapan bagi pelancong luar negara dan 3.5 hari penginapan bagi pelancong domestik secara tidak langsung telah menyumbang sebanyak 3.33 bilion ringgit kepada ekonomi negeri di atas perbelanjaan yang meliputi penginapan, makan-minum, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan pengangkutan, pembelian kraftangan dan pertukaran wang asing.

70. Menyedari sumbangan besar sektor pelancongan kepada negeri Terengganu ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan tahunan yang besar bagi sektor ini iaitu sebanyak 20 juta ringgit disediakan untuk Pembangunan Tasik Kenyir dan 110 juta ringgit untuk Pembangunan Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir.

Memperkasakan Penggunaan ICT

71. Dengan misi menjana pelbagai inisiatif pembangunan ICT ke arah pembentukan insan cemerlang, sektor ICT diperuntukkan 4 juta ringgit untuk tahun 2014. Ini adalah termasuk pembangunan infrastruktur telekomunikasi iaitu pembinaan 3 buah menara telekomunikasi pada tahun 2014 dengan kos sebanyak **2.5 juta ringgit**.

72. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memantapkan sistem pentadbiran negeri serta perkhidmatan kepada rakyat melalui beberapa program serta projek ICT secara holistik. Antara pembangunan infrastruktur dan sistem ICT yang terus dipergiatkan adalah pembangunan sistem Kerajaan Elektronik untuk penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat menerusi ***Terengganu Elektronik Government (T-eG)*** serta menaiktaraf kemudahan internet jalur lebar sedia ada dengan peningkatan kadar kelajuan data dari **45Mbps** kepada **150Mbps** sejajar dengan keperluan semasa pentadbiran negeri sekaligus memantapkan sistem penyampaian kerajaan pada masa ini. Untuk memenuhi keperluan tersebut, pembangunan infrastruktur jalur lebar negeri Terengganu di seluruh pelusuk negeri dengan memberi penekanan kepada **jaringan rangkaian IPv6** dengan teknologi keselamatan data terkini dipertingkatkan.

73. Pusat Komuniti Bestari atau Bestari.Comm kini beroperasi dengan lancar dan mendapat tempat di hati rakyat tempatan, sekaligus mendekatkan lagi rakyat dengan ICT. Bestari.Comm juga turut diperhebatkan dengan kursus-kursus ICT tanpa mengira had umur. Kira-kira 100 ribu orang mengunjungi Bestari.com setiap tahun yang menyediakan perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi ICT setempat. Oleh itu kerajaan memperuntukkan sebanyak 3.6 juta ringgit untuk Pusat Komuniti Bestari atau Bestari.Comm ini pada tahun 2014.

74. Dengan ini sukacita saya nyatakan mulai tahun 2014 kerajaan negeri akan menyediakan kemudahan Wifi seluruh negeri secara percuma kepada rakyat Terengganu.

Memacu Perusahaan Kecil dan Sederhana

75. Kerajaan sedar pembangunan usahawan adalah faktor penting bagi melonjakkan aktiviti usahawan. Pelbagai program telah dilaksanakan bagi membantu usahawan mengembangkan bidang yang diceburi, antaranya menyediakan premis kilang dan perniagaan, pembangunan produk seperti pembungkusan dan perlabelan serta program promosi produk. Oleh itu, bagi membantu usahawan yang memerlukan sumber kewangan untuk menjalankan aktiviti mereka, kerajaan melalui Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) memperuntukkan dana untuk melaksanakan pelan tindakan strategi 5 tahun pembangunan keusahawan bagi memperkasakan usahawan di negeri ini. Mengikut strategi 2013 hingga 2017, 5 teras diberi tumpuan termasuk meningkatkan akses kepada dana usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), meningkatkan pasaran, menambah jaringan komuniti dan budaya keusahawanan serta menambah akses kepada infrastruktur.

Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam

76. Kerajaan menghargai peranan penting anggota perkhidmatan awam dan akan terus memberi perhatian kepada prestasi dan kebajikan penjawat awam. Kerajaan telah berjaya dalam mentransfomasi perkhidmatan awam untuk mengamalkan budaya berprestasi tinggi di mana amalan terbaik dan budaya berprestasi tinggi diguna pakai untuk meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan awam. Peranan penjawat awam amat signifikan dalam melaksanakan agenda negeri bagi memastikan misi dan visi yang dirangka kerajaan negeri tercapai. Penyampaian perkhidmatan terbaik memerlukan perhatian serius semua pihak. Kepantasan bertindak juga akan menyuntik kepercayaan tinggi rakyat terhadap penjawat awam. Penjawat awam juga perlu memberi penekanan kepada nilai untuk wang. Pembaziran, penyelewengan dan salah urus hendaklah dielakkan.

77. Kerajaan mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri Malaysia di atas keperihatinan terhadap penjawat awam, telah mengumumkan bonus setengah bulan gaji kepada penjawat awam semasa membentangkan Bajet Kerajaan Persekutuan Tahun 2014. Keputusan ini adalah satu penghargaan Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap penjawat awam yang merupakan pelaksana dasar negeri dan negara. Bayaran ini sudah tentu dapat meringankan perbelanjaan penjawat awam. Kita yakin penjawat awam akan terus memberi sokongan dan komitmen yang tinggi dan tidak berbelah bagi kepada kerajaan yang memerintah yang sentiasa mengutamakan kepentingan dan kebajikan mereka.

Sukan dan kecemerlangannya

78. Program pembangunan sukan negeri Terengganu berada pada landasan yang betul kerana telah mencapai kejayaan demi kejayaan dalam sukan. Menjuarai SUKMA membuktikan kesan pembangunan sukan yang berstruktur bermula pada tahun 2006 masih relevan kerana negeri-negeri lain masih tertinggal di belakang. Atlet-atlet negeri baik di peringkat remaja, SUKMA dan atlet elit masih menguasai serta mewarnai persada sukan tanah air.

79. Kejayaan beberapa atlet kelahiran Terengganu mencipta nama di pentas antarabangsa membuka mata banyak pihak, termasuk Kerajaan Negeri untuk membuat perancangan lebih besar bagi melahirkan lebih ramai atlet pada masa depan. Negeri Terengganu kini mendahului negeri-negeri lain dalam mencipta peluang kerjaya sukan kepada atlet-atlet negeri. Penerusan operasi kelab berbasikal profesional bertaraf kontinental, Terengganu Cycling Team (TSG), mengekalkan dua pasukan bolasepak Liga Super, penubuhan State of Terengganu Endurance Team (STET) bagi sukan berkuda, penubuhan pasukan hoki semi-profesional Terengganu Hockey Team (THT), pelaksanaan akademi dalam sukan bolasepak, badminton dan ping pong, pelaksanaan Program Tunas Harapan dan penggunaan khidmat jurulatih sambil serta sepenuh masa semuanya melibatkan penyediaan peluang kerjaya yang dapat membantu warga sukan khususnya atlet dan jurulatih negeri Terengganu.

80. Kerajaan Negeri telah mengarahkan Majlis Sukan Negeri Terengganu untuk mengaktifkan kembali pembangunan sukan di daerah-daerah, agar satu plan pelaksanaannya disediakan dengan segera. Selepas program ini dilaksanakan nanti, sudah pasti pencarian bakat sebenar dan tepat dalam semua sukan tidak menjadi masalah lagi kerana pengenalpastian bakat boleh dibuat hingga ke akar umbi di semua daerah. Pada temasya Sukan SEA 2013 Edisi 27 yang berlangsung pada 11 hingga 27 Disember 2013 di Myanmar, seramai 65 atlet Terengganu

terlibat dan ini mengesahkan bahawa atlet dari Terengganu adalah yang paling ramai mewakili negara untuk ke sukan berprestij itu.

81. Bagi memperkasakan bidang sukan di negeri Terengganu, kerajaan dengan ini memperuntukkan sebanyak 25.94 juta ringgit untuk pembangunan sukan di negeri ini pada tahun hadapan.

PENUTUP

82. Bajet yang telah dirangka dan disediakan ini adalah Bajet Untuk Kesejahteraan Rakyat, yang mendahulukan kepentingan kebajikan dan kesejahteraan rakyat hasil daripada agenda Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan Negeri Terengganu.

83. Tidak perlu dipertikaikan lagi bahawa pembangunan yang kita kecapai hari ini adalah berkat usaha dan perpaduan kita semua. Berkat pemikiran, perancangan dan usaha pemimpin yang diberi amanah oleh rakyat dan didokong oleh semua lapisan masyarakat. Kita bekerja dan berbakti untuk menjana manfaat dan kemakmuran bersama.

84. Kerajaan Barisan Nasional akan meneruskan tradisi murni untuk membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada keseluruhan rakyat walaupun masih banyak pembangunan perlu dilaksanakan. Oleh itu kita berharap rakyat akan terus memberi mandat dan kepercayaan kepada Barisan Nasional.

85. Nikmat pembangunan yang kita kecapai hari ini adalah hasil sokongan yang tidak berbelah bagi terhadap Pelan Halatuju Pembangunan Kerajaan Negeri yang dirancang selama ini. Sokongan dan kerjasama semua pihak adalah penting bagi memastikan agenda pembangunan negeri yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Semangat setiakawan dan persefahaman perlu disemai antara kita untuk mengeratkan perpaduan. Isu-isu yang boleh meretakkan keharmonian hidup hendaklah dihindarkan sama sekali. Sebaliknya kita hendaklah hidup aman damai, sejahtera dengan kepelbagaian dan keunikan budaya masyarakat.

86. Marilah kita sama-sama berdoa agar Allah S.W.T. terus mencurahkan rahmat dan rezekiNya kepada rakyat dan negeri Terengganu. Semoga kita mendapat berkat dan sentiasa dilindungi olehNya. InsyaAllah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, alhamdulillah wasyukurillah Rang Enakmen telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah S.W.T. sekalian, untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti, mengkaji Ucapan Bajet yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sebentar tadi, saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan Dewan untuk keesokan harinya.

Dan saya juga ingin mengingatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, dif-dif jempunan, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan, Tabung Banjir ada di luar sana, diharap dapat kita melabur ke jalan Allah S.W.T.

Oleh yang demikian, saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke pukul 9.30 pagi besok, 10 Disember 2013 dan marilah kita sama-sama menyudahi persidangan kita pada hari ini dengan membaca Surah Al-'Asr. Mudah-mudahan kita dirahmati Allah S.W.T. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.15 TENGAH HARI.

PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 10 DESEMBER 2013

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Tuan Haji Mohd Zubir bin Embong, AMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.,AMN.
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, DPMT.,SMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Haji Rozi bin Mamat, SMZ.,AMT.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Rosli bin Othman, AMN.
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawli bin Mohamad, AMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Roslee bin Daud, PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Mahdi bin Musa
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Mohd Iskandar bin Jaafar
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DSMZ.,DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Tuan Haji Azhar bin Jusoh, AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah S.W.T. Mesyuarat disambung semula.

Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi yang mulia ini saya mengajak Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat marilah bersama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. Amin, amin, ya rabbal alamin.

Alhamdulillah, semalam kita sudah selesai separuh hari bersidang dalam mawaddah warahmah, saya mengucapkan tahniah dan syabas. Terima kasih banyak-banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, alhamdulillah sekali lagi kerana hari ini kita diberi peluang oleh Allah S.W.T. untuk hidup bagi menambah *ahsanu* amalan kita. Di pagi yang diberkati oleh Allah S.W.T. ini juga saya mengalu-alukan kehadiran yang terdiri daripada KEMAS, warga DUN Kijal, warga DUN Kota Putera, DUN Bandar, APMT DUN Ladang, warga DUN Sura, warga DUN Bukit Payong, warga DUN Paka dan DUN Rhu Rendang. Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Saya mempersilakan Ahli Yang Berhormat Kuala Besut untuk mengemukakan soalan. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya soalan yang pertama. Terima kasih.

Apakah perancangan kerajaan negeri menjadikan daerah Besut sebagai Gerbang Pelancongan Antarabangsa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang Dipertua, daerah Besut merupakan laluan utara-selatan yang penting. Dan sememangnya dikenali sebagai daerah yang mempunyai kepelbagaian produk pelancongan sama ada produk kebudayaan yang memaparkan keindahannya seperti pulau, pantai serta air terjun. Pantai di Pulau Perhentian Kecil di daerah

Besut telah dinobatkan di tempat yang ke-13 sebagai pantai tercantik di dunia menurut kaji selidik yang dibuat oleh rangkaian berita CNN mengenai 100 Pantai Terbaik Di Dunia pada tahun 2013 iaitu mendahului Pantai Juara di Pulau Tioman, Pahang di tempat ke-21 dan Pantai Tanjung Rhu, Langkawi di tempat ke-49. Manakala Lonely Planet, Firma Panduan Pelancong terbesar di dunia telah menyenaraikan Pantai Pulau Perhentian di tempat ke-5 sebagai '*Best Beach To Swim*' di dalam *100 Ultimate Experiences* untuk tahun 2010.

Di dalam mengantarabangsakan pelancongan ini, kerajaan negeri bersama kerajaan persekutuan telah membuat perancangan ke arah yang lebih baik serta ke arah yang lebih mudah untuk menarik pelancong di seluruh dunia. Konovasi Kuala Besut ke Pantai Air Tawar di mana perancangan untuk membina Benteng Pemecah Ombak akan mewujudkan satu pusat yang berasaskan pelancongan yang mampu menarik pelancong-pelancong daripada luar negara. Pulau Perhentian juga akan ditambah kemudahan-kemudahan infrastruktur serta beberapa kemudahan lain untuk penginapan dan rekreasi. Penambahan jumlah bilik-bilik penginapan sama ada di pulau, pantai serta di kawasan hutan rekreasi juga akan dilaksanakan oleh kerajaan berperingkat-peringkat. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga akan mengadakan Pusat Kebudayaan seperti di Pantai Air Tawar, Pusat Makanan Setempat di beberapa lokasi di Bukit Keluang, Pantai Air Tawar serta di kawasan Kuala Besut sendiri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Soalan tambahan. Yang Berhormat Yang Dipertua, baru-baru ini diumumkan satu projek pembangunan di Kuala Besut iaitu projek memperdalamkan muara Sungai Besut dan menaik taraf Benteng Pemecah Ombak yang bernilai kira-kira RM250 juta. Apakah faedah-faedah yang akan diperolehi khususnya kepada kita, masyarakat tempatan kesan daripada pembangunan projek tersebut? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Projek yang telahpun diumumkan oleh kerajaan pusat untuk membina Pemecah Ombak iaitu bernilai sebanyak RM250 juta dan segala persiapan untuk projek ini sebenarnya telah kerajaan negeri menyelesaikan komponen-komponen utamanya sejak tahun 2009 lagi. Dan dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM250 juta ini akan memberi kesan yang besar kepada daerah Besut terutamanya di kawasan muara yang menjadi pengkalan kepada

pelancong untuk ke Pulau Perhentian sebab Pulau Perhentian merupakan satu pulau yang menjadi idaman kepada pelancong. Jadi sebab itu dengan kemurahan Kerajaan Barisan Nasional di peringkat pusat meluluskan sebanyak RM250 juta ini merupakan satu rahmat kepada terutamanya daerah Besut dan negeri Terengganu di mana selain daripada Break Water yang akan dibina, sampingannya akan memberi terutamanya infra dan juga beberapa kawasan lapang tanah yang akan timbul akibat daripada penambakan benteng ini. Dan dengan adanya projek ini juga beberapa kemudahan baru serta pendalaman muara yang akan memberi bukan sahaja kepada pelancong tetapi juga kepada nelayan dan juga penduduk setempat hasil daripada pembangunan yang telah diberikan ini. InsyaAllah, segala infra, jalan, hotel, kemudahan rekreasi serta beberapa tempat untuk pusat makanan dan jualan kraf akan juga dibina di kawasan ini serta menambah baik pusat-pusat yang sedia ada. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih, soalan tambahan lagi? Sila Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar serta barisan Exco, ketua-ketua jabatan serta para Pemerhati sekalian. Saya tertarik dengan kepesatan pelancongan yang telah disebutkan oleh Exco sebentar tadi. Tinggal lagi kesan daripada kemasukan pelancong yang begitu ramai ke negeri kita secara tidak langsung membawa budaya-budaya yang boleh merosakkan budaya negeri kita sendiri yang mana saya melihat perkara ini bukan sahaja berlaku di negeri Terengganu kita ini malahan di tempat-tempat lain dalam usaha kerajaan menarik para pelancong datang ke negeri dan negara kita. Jadi apakah usaha-usaha yang telah dibuat dan akan dibuat oleh pihak kerajaan dalam menangani masalah sampingan daripada aktiviti pelancongan kita ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih kepada Wakil Sura. Sebenarnya kerajaan telah sedar bahawa selain daripada keuntungan kemasukan pelancong-pelancong daripada luar tetapi kerajaan negeri telahpun bersiap sedia daripada awal tapi tahap kemasukan pelancong ke negeri Terengganu pada masa ini jauh lagi untuk mengembangkan budaya-budaya yang dikatakan tidak sihat. Ada beberapa perancangan pengawalan yang telahpun dibuat oleh kerajaan negeri dan juga kerajaan pusat

terutamanya mengawal dari segi pengunjung iaitu contohnya, pada masa sekarang pengunjung yang memasuki kawasan Taman Laut dikenakan Fi Pemuliharaan sebanyak RM5 bagi seorang dewasa dan RM2 bagi seorang kanak-kanak yang dikutip berdasarkan seksyen 3 dan 10, Akta Fi 1951 untuk menentukan berapa ramai pengunjung supaya lawatan ke pulau terutamanya dapat dibuat dengan baik. Selain daripada itu, kerajaan negeri dan kerajaan pusat juga telahpun mengenakan beberapa peraturan dan undang-undang bagi mengawal biodiversiti keselamatan dan juga keindahan yang sedia ada. Sekian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Secara umumnya sektor pelancongan di negeri Terengganu boleh dikatakan masih membangun berbanding dengan kawasan-kawasan lain dalam negara kita. Setakat hari ini saya berpuas hati kerana kita menumpukan sepenuhnya kepada ecotourism dan juga pelancongan yang berasaskan alam semulajadi. Saya nak bertanya adakah kita mempunyai perancangan untuk mengeksploitasi sepenuhnya pelancongan yang berbentuk historical kerana Terengganu adalah satu destinasi yang masih yang disebut sebagai '*undeveloped*' dengan izin, yang langsung tidak disentuh dan diaskvasikan katanya. Kita mempunyai banyak tempat-tempat nilai sejarah yang tak tertanding di seluruh negara kita. Sebagai contoh, *Historical Tourism* ini telah dibangkitkan banyak kali oleh UNESCO di mana dunia hari ini menumpukan kepada pelancongan yang berbentuk pensejarahan dan kita mempunyai banyak tempat-tempat yang masih lagi kita tidak rektifikasikan untuk diangkat sebagai tempat lawatan utama bukan sahaja dalam negara kita dan mungkin di seluruh dunia yang menjadikan kita tarikan utama. Saya dengar Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebut tentang satu penempatan di kawasan Kenyir yang diduduki oleh satu spesis atau satu kelompok kehidupan yang tak ada dalam dunia ini hanya di situ sahaja dan ini adalah modal besar kepada kita kalau kita eksploitasikan dengan betul. Jadi adakah perancangan yang teliti dibuat dalam jangka masa panjang untuk melihat faedah ataupun keuntungan besar yang mungkin diraih daripada aspek ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih Wakil Bandar. Saya sangat bersetujulah dengan cadangan Wakil Bandar pada pagi ini dan kita harapkan Wakil Bandar dapat memberi kerjasama kepada kita sama ada berbentuk idea ataupun lain-lain pertolongan sebagai Wakil Rakyat.

Mengenai sejarah yang disebut oleh Wakil Bandar tadi sukacita saya maklumkan bahawa saya tidak dapat menjawab pada masa ini kerana jawapannya lari daripada soalan asal. Yang ditanya pada pagi ini ialah mengenai Besut sahaja jadi fokusnya, jawapannya kepada Besut. Walau bagaimanapun, sebenarnya kerajaan telah pun menyusun mengenai Sejarah Pelancongan ini begitu rupa dan dari masa ke semasa InsyaAllah ada beberapa kawasan di Terengganu seperti di kawasan Kenyir sedang kita usahakan untuk kita melihat berapa kesan sejarah yang tinggal umpamanya seperti Gua Bewah yang masih lagi belum diterokai sepenuhnya dan juga lain-lain kawasan yang dikatakan tempat bersejarah di Terengganu. Sekian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Permaisuri dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan tambahan. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Paka untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, ketua-ketua jabatan dan para Pemerhati sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan saya nombor satu -

Banyak manakah lesen karaoke yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan mengikut bilangan daerah sehingga kini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan Pemerhati sekalian. Jumlah Lesen Karaoke yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri mengikut daerah adalah sebagaimana berikut:-

- | | | | |
|----|-------------------------------------|---|----|
| 1. | Majlis Perbandaran Kuala Terengganu | - | 20 |
| 2. | Majlis Perbandaran Kemaman | - | 12 |

3.	Majlis Perbandaran Dungun	-	8
4.	Majlis Daerah Besut	-	6
5.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	-	6
6.	Majlis Daerah Setiu	-	3
7.	Majlis Daerah Marang	-	4

Menjadikan kesemuanya Lesen Karaoke yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebanyak 59. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, melihat kepada perkembangan sekarang dan adanya banyak orang panggil permainan-permainan baru dalam melibatkan media massa ataupun alam maya ini. Adakah pihak kerajaan bercadang ingin mengurangkan lesen-lesen ini kerana kita melihat khususnya kalau kawasan Dungun tu, tempat yang diwujudkan ialah di Batu 7, di kawasan sekitar pelajar-pelajar yang kita rasa menghabiskan masa dia dan adanya unsur-unsur perjudian dan jika sekiranya perkara ini tidak dipantau kita rasa ini akan menjadi tempat permasalahan gejala sosial dan sebagainya. Saya pun juga ingin tahu apakah hasrat sebenar kerajaan membuka lesen-lesen karaoke ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerajaan tidak menghalang pihak-pihak tertentu untuk menggunakan media massa, media maya sebagaimana yang disebutkan tadi kerana kita boleh akses di mana-mana, itu yang pertama. Yang kedua, dari segi kawalan yang diadakan syarat-syarat tertentu kepada pelesen-pelesen. Dan pihak yang berkenaan yang mengeluarkan lesen iaitu Majlis-majlis Daerah, Perbandaran ataupun Bandaraya akan memantau dari masa ke semasa tentang kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Dan kita harap maklumat seperti yang disebutkan oleh Wakil Paka itu dapat dipantau oleh pihak Majlis Perbandaran Dungun jika berlaku kesalahan tersebut maka tindakan-tindakan yang sesuai boleh diambil berasaskan peruntukan undang-undang yang sedia ada, sama ada kompaun, dibawa ke mahkamah atau peringkat akhir diarah tutup premis-premis yang berkenaan. Walau apa pun, dalam keadaan dunia ketika ini kita perlu juga memenuhi tuntutan sesetengah pihak yang memerlukan hiburan secara mereka sendiri di bawah kawalan. Jika tidak ada kawalan akan lebih susah dan sebagainya kerana saya

percaya jika mereka mengikut peraturan yang sedia ada karaoke ini tidak ada masalah, malah di rumah mereka pun ada karaoke. Dan ini peluang generasi muda hari ini dan sebagai seorang pelajar saya kira mereka sepatutnya kalau melibatkan para pelajar dapat mengagihkan masa untuk belajar dan juga sekali sekala mereka nak juga berhibur mengikut batas-batas yang telah ditetapkan dan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, sekarang ini sebenarnya benda apa dan apa syarat-syarat yang telah diletakkan untuk garis panduan karaoke ini. Sebab kita tengok kadang-kadang melibatkan minuman keras, GRO, lelaki-perempuan dengan pergaulan yang bebas dan sebagainya sebab itu kita rasa menimbulkan punca-punca gejala sosial dalam masyarakat sebab kalau tidak dibendung perkara ini ia akan berkembang. Sekarang kalau kita tengok bilangan lesen ini kita tidak tahu sejauh mana ada peningkatan ataupun ada hasrat kerajaan untuk mengurangkan dari masa ke semasa bilangan pengeluaran Lesen Karaoke ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kalau ada maklumat ini kita mintak Yang Berhormat sebagai orang yang bertanggungjawab, sila laporkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing kerana kita boleh mengambil tindakan kerana tidak ada dalam syarat kelulusan boleh pakai GRO dan sebagainya. Dan begitu juga dari segi penjualan *liquor* memang diperlukan kelulusan tapi soalnya sekarang apabila mereka menggunakan bir dalam tin dan sebagainya ia tidak terikat dengan undang-undang yang sedia ada. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelas): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga seluruh Ahli-ahli Dewan dan juga pegawai-pegawai kerajaan. Saya ingin mengemukakan satu soalan tambahan. Saya tak tahu setakat mana ianya betul atau tidak tapi saya difahamkan ada jenis-jenis pusat hiburan yang berbentuk karaoke macam ini beroperasi secara haram terutama di pulau-pulau, adakah kerajaan sedar dan apakah tindakan yang telah diambil?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tidak tahu di mana yang dimaksudkan oleh Wakil Wakaf Mempelam kerana kita ada senarai karaoke-karaoke yang telah diluluskan termasuk di kawasan pelancongan ini. Kalau ada yang haram tu, sila laporkanlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Paka dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang mengemukakan soalan dan menjawab soalan-soalan. Seterusnya kita pergi kepada Ahli Yang Berhormat Bandar. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Dipertua, soalan saya nombor satu. Terima kasih.

Sejauhmana kejayaan program pemberian komputer riba secara percuma dan adakah akan diteruskan serta adakah perancangan pengurusan program yang telah dibentuk?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Soalannya - Sejauhmana kejayaan program pemberian komputer riba secara percuma dan adakah akan diteruskan serta adakah perancangan pengurusan program yang telah dibentuk?

Untuk makluman pemberian e-Book kepada semua murid bagi tahun 4 sekolah rendah telah membolehkan murid-murid menjadi Celik IT. Di samping itu juga ibu bapa dapat nikmat kerana tidak perlu membiayai kos pembelian IT terutama e-Book. Dan pihak Jabatan Pendidikan Negeri telah berusaha untuk membekalkan perisian atau bahan yang sesuai ke dalam e-Book tersebut supaya dapat membantu murid meningkatkan prestasi pembelajaran mereka. Hasilnya selain daripada meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan minat murid-murid dalam bidang IT, e-Book juga telah membantu murid dalam pembelajaran mereka. Jadi penggunaan e-Book adalah salah satu faktor yang penyumbang kepada kecemerlangan murid dalam negeri Terengganu setakat ini dalam Peperiksaan UPSR di mana sebelum ini negeri Terengganu ketinggalan jauh daripada negeri-negeri lain. Dan hari ini alhamdulillah, dengan diperkenalkan IT secara sedar atau tidak sedar telah berlaku peningkatan akademik terutama UPSR di negeri

Terengganu. Dari tahun ke tahun jumlah yang mendapat straight A telah bertambah begitu juga Gred Purata.

Penggunaan e-Book ini memberi kita impak yang besar sebagaimana kita lihat perbandingan tahun lepas iaitu pada tahun 2012, kita mencapai semua Gred A dalam UPSR 13.2% tetapi pada tahun ini 2013 kita mencapai sebanyak 14.0%. Manakala Gred Purata pula pada tahun 2012, Gred Purata kita ialah 2.21% manakala 2013, pada tahun ini Gred Purata kita ialah 2.20%. Di samping itu, sekolah-sekolah yang mempunyai Kelas Maya yang menggunakan e-Book untuk proses pengajaran dan pembelajaran telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Saya bagi tiga contoh, keseluruhan Kelas Maya mengalami kenaikan. Tiga contoh sahaja yang saya akan bagi, satu daerah Bandar, satu daerah Marang dan satu lagi Seberang Takir. Sekolah Kebangsaan Paya Bunga pada tahun 2012, peratus yang mendapat 5A ialah 20% dan melonjak pada tahun 2013 kepada 30%, manakala Gred Purata Sekolah Kebangsaan Paya Bunga tahun 2012 ialah 1.58% dan pada tahun 2013 kepada 1.36%. Bagi Sekolah Kebangsaan Marang, pada tahun 2012 peratusnya ialah sebanyak 10.7% meningkat pada tahun 2013 kepada 19%, manakala Gred Purata pada tahun 2012 ialah 2.28% dan pada tahun 2013 ialah 2.04%. Manakala Sekolah Kebangsaan Kompleks Seberang Takir, pada tahun 2012 sekadar 7.7% sahaja dan telah meningkat kepada 13.6%, manakala GPS dia 2.244% pada tahun 2012 kepada 2.33%. Dan kita akan pastikan bahawa pemberian e-Book ini diteruskan dan perancangan-perancangan pengurusan akan kita bentuk. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila, soalan tambahan, Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Kita tidak nafikan yang keperluan untuk ada Program Pembelajaran Maya terutamanya yang diperingkat permulaan ataupun pendedahan awal. Saya jugak ingin *caution* dengan izin, Yang Berhormat Exco jugak supaya jangan melupakan antara sebab utama pencapaian keputusan peperiksaan pelajar di negeri Terengganu bukan hanya semata-mata pendekatan yang digunakan untuk memperkenalkan e-Book, kementerian di peringkat pusat telah mengiktiraf antara guru-guru yang terbaik dilahirkan datangnya daripada negeri Terengganu. Jadi sumbangan guru itu lebih mustahak untuk kita timbulkan berbanding dengan alat yang saya fikir hanya sedikit peratusan penyumbang kepada menjana kejayaan

tersebut. Walau bagaimanapun, semalam saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebut perlu dipertingkatkan. Dan semalam ada RM20 juta tambahan kepada program ini yang hendak dibuat. Persoalan yang kita harus perelaskan kepada umum, pertama, teguran yang telah dibuat oleh Jabatan Ketua Audit Negara berkali-kali dan sudah dua kali berturut-turut isu berkenaan dengan pemberian e-Book. Saya tak perlu ulas satu persatu kerana panjang ulasan yang diberi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, soalan tambahannya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya. Soalannya ialah setakat ini adakah teguran itu diambil kira dan telah diperbaiki ataupun diselesaikan masalah tersebut. Terutama yang paling mustahak sekali ialah *'after sale service'* dengan izin, yang tidak ada disebut atau digariskan perancangannya di negeri Terengganu. Nak beri tak apa tapi kita kena pastikan kata peringatan *'value for money'* yang kita tekankan sekarang dalam Belanjawan seluruh negara telahpun ditekankan negeri mana semuanya menyebut tentang *'value for money'*, berapa kita belanjakan dan adakah munasabah dengan *outcome* yang kita dapat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Sila Y.B. Ajil.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Wakil Bandar sepatutnya bertanya berkaitan dengan e-Book, inipun sampai ke Audit ni, sayapun bukan orang Audit. Tapi saya nak beri penjelasan bahawa pemberian e-Book walaupun ada teguran, teguran itu bukan maknanya larangan, teguran itu ialah pembaikan. InsyaAllah, Kerajaan Terengganu di bawah pimpinan Barisan Nasional akan membaiki sebarang teguran tersebut terutama yang berkaitan dengan e-Book selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2015, kita peka melihat perubahan tersebut dan di mana terdapat 11 anjakan yang ada di dalam *Blue Print* itu akan menjadi panduan kepada negeri Terengganu terutamanya di dalam pendidikan di mana kita akan memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Terengganu selaras dengan Kerajaan Malaysia. Oleh itu, e-Book akan kita integrasikan iaitu dengan *nilai VLE (Virtual Learning Environment)* dan lain-lain platform pembelajaran demi memastikan negeri Terengganu, rakyat Terengganu adalah rakyat yang unggul di masa hadapan. Di mana kita melaksanakan ini dengan penuh teliti dan terancang

terutama di masa-masa akan datang. Kita sedar memulakan sesuatu memang susah terutama kita nak memulakan sesuatu program yang asing sebagaimana nak tukar papan slaid kepada buku tulis pun susah daripada buku tulis kepada papan hitam, daripada papan hitam ke white board pun menghadapi masalah. Maka sudah tentu memperkenalkan sesuatu ada kecacatan dan kekurangan. Tetapi memulakan langkah satu itu penting ke langkah seribu. Sebab itu Kerajaan Terengganu meneroka bidang ini dengan penuh cabaran dan sedar bahawa kita akan membaiki setiap kelemahan kita. Sebab itu program-program e-Book akan melalui fasa memperkasaan dan perancangan strategik pembelajaran pada masa depan sebagaimana sesuai kita letakkan negeri Terengganu sebagai Negeri Anjung Ilmu menjelang tahun 2014 hinggalah 2016 dan melibatkan pembangunan keupayaan guru. Saya sangat setuju pendapat Wakil Bandar menyatakan faktor guru sangat penting ia tidak dinafikan kerana ia adalah komplimen sebagai pelengkap kepada Sistem Pendidikan di negara kita. Sebab itu guru akan kita majukan, kita tingkatkan di mana *content-contentnya* juga akan kita pertambahkan dan juga akan kita memperkasakan kepimpinan dan infrastruktur yang telah disediakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dengan jalinan mesra dengan agensi-agensinya kerajaan negeri Terengganu, InsyaAllah. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberi penjelasan lanjut kepada Wakil Bandar. Untuk pengetahuan bahawa setiap daerah kita mempunyai Pegawai EIO yang akan melawat sekolah-sekolah untuk memastikan komputer-komputer mereka ini boleh digunakan. Sebab itu kalau dulu pernah kegagalan berlaku apabila pengagihan komputer ke sekolah-sekolah semasa pelancaran semua happy, gembira, 20 – 30 buah komputer selepas 6 bulan ke setahun tinggal 2 sahaja yang boleh dipakai. Sebab itu dengan adanya Program e-Book ini kita sediakan Pegawai-pegawai EIO kita yang akan memantau, mereka ini bukan guru kalau guru berubah-ubah gurunya tapi ini adalah pegawai yang dilantik khusus untuk menjaga komputer (e-Book) ini.

Yang kedua, di setiap daerah kita tempatkan juruteknik, mekanik kita yang akan membaiki kerosakan-kerosakan e-Book kita ini. Malah jika kerosakan besar berlaku, kena *overhaul* dan sebagainya, di kilang kita sendiri ada *motherboard*. Maknanya di Terengganu kita ini kita boleh baiki komputer kita termasuk *overhaulnya* sekali di kilang kita. Itu adalah persediaan yang telah dibuat oleh kerajaan. Sebab itu kita pernah sebenarnya minta supaya kita juga diberi peluang

untuk kita membekalkan komputer ke seluruh negara yang diperkenalkan oleh kerajaan tapi *bidding* kita tak dapat walaupun harga kita agak murah berbanding dengan pembekal lain yang dapat itu, Yang Dipertua. Sebab itu kita telah membuat persiapan, sebab itu kita telah membina kilang kita sendiri di Gong Badak itu dan kita ada juruteknik-jurutekniknya yang lengkap yang 100% bumiputera. Malah kita juga mengeluarkan produk-produk lain yang telahpun kita jual pada hari ini, Tuan Yang Dipertua. Sebab itulah kita mempunyai perancangan yang rapi dan alhamdulillah, sebenarnya kita mendahului kerajaan pusat dalam banyak perkara. Pembahagian e-Book (komputer) kita telah agihkan di peringkat sekolah-sekolah rendah tapi kerajaan pusat beri kepada peringkat sekolah menengah tapi bukan semua. Kita bagi kepada semua pelajar di sekolah rendah mendapat e-Book masing-masing antara 20,000 ke 30,000 komputer setiap tahun.

Seterusnya, kita juga mempunyai guru-guru pakar iaitu AKRAM yang mana mereka ini ditugaskan menyediakan contoh-contoh soalan untuk peperiksaan kepada pelajar-pelajar kita, kita ada latihan-latihan dan sebagainya. Malahan guru tahun 6 yang mengajar anak-anak kita mengambil peperiksaan, kita beri komputer (laptop) secara percuma sebanyak 3,500 orang lebih guru-guru di Terengganu yang mengajar tahun 5 dan tahun 6 mendapat laptop dan kita akan perbesarkannya lagi pada masa hadapan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Tuan Yang Dipertua dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya menghargai penerangan tersebut. Saya tidak berhasrat untuk jadikan Exco Pendidikan jadi defensif dalam isu ini. Saya kata kita bersetuju secara dasarnya kerana e-Book ini adalah perkara yang besar untuk Pendidikan Negeri Terengganu, kalau betul ia mendahului negeri-negeri lain di peringkat pusat ini suatu perkara yang kita perlu orang kata raikan ataupun rayakan, betul. Cuma sekarang ini dengan jumlah yang besar kita peruntukkan, jangka masa yang agak panjang untuk kita peruntukkan untuk pembangunan IT di peringkat pelajar di negeri Terengganu. Saya sebenarnya berhasrat untuk bertanya sekali gus untuk mencadang, adakah dalam masa terdekat ini kita nak bina satu *centre* yang khusus untuk pembangunan IT berasaskan pemberian e-Book di negeri Terengganu. Sebagai contoh, kita

jenamakan notebook yang kita agihkan itu kita jenamakan kepada nama kita sendiri, negeri kita sendiri

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan, soalnya Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini bukan masa berbahas ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa Y.B. Bandar kita teruskan kepada soalnya sebab ramai lagi Y.B. lain

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Maksudnya adakah perancangan sebegini dan kita sekalian dengan 'After Sales Service Centre' yang kita tubuhkan dan kita beritahu rakyat kita yang ini adalah produk kita sendiri, negeri Terengganu dan setimpal dengan kos ataupun bajet yang begitu besar yang kita buat dan kita beritahu semua orang. Sekarang bukan semua orang tahu, dengar saja e-Book tapi kita tak ada akses yang betul kepada barang itu sendiri. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Untuk pengetahuan Wakil Bandar jenama kita ialah TOP-IT, kilang kita, syarikat kita semuanya TOP-IT dan kita telahpun mengeluarkan android kita sendiri yang telah kita pasarkan. Malahan kita telah mengeluarkan satu model baru yang terancang yang telah kita jual ke luar negara. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Bandar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Berhormat Exco yang menjawab soalan. Kita teruskan kepada Yang Berhormat DUN Alur Limbat untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, soalan yang kedua -

Berapa orangkah yang telah ditemuduga untuk jawatan Daie dan Muallim di bawah MAIDAM dan berapa orangkah yang telah diterima?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan nombor 2.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua. Soalan nombor 2 - Berapa orangkah yang telah ditemuduga untuk jawatan Daie dan Muallim di bawah MAIDAM dan berapa orangkah yang telah diterima?

Yang Dipertua, setakat ini seramai 200 orang telah ditemuduga untuk jawatan Daie dan Muallim dan seramai 91 orang Muallim dan 72 orang Daie telahpun dilantik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, adakah temuduga ataupun jawatan Daie dan Muallim di bawah MAIDAM ini seramai yang disebut tadi pihak kerajaan sudah merasakan mencukupi ataupun berpuas hati dengan jumlah penduduk yang ada ataupun dengan bidang tugas Daie dan jugak Muallim ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Setakat ini 200 orang yang ditemuduga berdasarkan keperluan semasa dan masih ada kekosongan-kekosongan yang akan diisi dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, temuduga terpaksa diadakan secara teliti kerana kita bimbang takut-takut Daie-daie yang kita pilih ini berfahaman Syiah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Alur Limbat, soalan tambahan kedua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan kedua. Apakah sebenarnya peranan Daie dan Muallim ini?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Sedikit perubahan kalau berbanding sebelumnya Daie dan juga Muallim ni ada struktur kerja secara khusus yang diberikan oleh Jabatan Agama di bawah MAIDAM kerana sebelum ini mereka diberi tanggungjawab yang tidak dikategorikan dalam Daie ini cara dan kaedah mereka mengajar dan tuntutan agak berbeza dengan jumlah masa perkhidmatan. Oleh itu, apabila Daie dan Muallim ini diwujudkan dia mempunyai masa/waktu perkhidmatan sebagaimana pegawai kerajaan yang dilantik iaitu tempoh yang

panjang dan juga ia perlu mengambil tahu masalah masyarakat setempat dan bukan sahaja tertakluk dengan pengajaran sahaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil. Soalan tambahan ketiga. Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, nak tanya apa beza di antara Muallim dan Daie ini, apakah tahap perbezaan dan apakah bayaran yang dikenakan kepada mereka atau yang dibayar oleh kerajaan kepada mereka?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Perbezaan memang adalah sebab kita meletakkan gred yang berbeza antara Daie dan Muallim, gaji juga berbeza dan skop kerja juga berbeza. Walau bagaimanapun, fungsi utama ialah pada agama dan mengimarahkan masjid. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan saya tu Nak mintak penjelasan sikit, Muallim tu apa dia dan Daie tu apa dia dan berapa yang dibayar kepada Daie dan berapa yang dibayar kepada Muallim setiap bulan?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey. Terima kasih. Untuk ini kita belum khususkan lagi grednya. Walau bagaimanapun, untuk ini saya mohon notis. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil dan Yang Berhormat yang bertanyakan soalan tambahan. Seterusnya kita pergi kepada Ahli Yang Berhormat Cukai. Sorry, minta maaf. Saya ada menerima surat daripada Y.B. Cukai yang rumahnya dinaiki banjir dan mintak pengecualian. Kita pergi kepada Ahli Yang Berhormat Tepoh. Sila. Tepoh tak ada tapi tidak dimaklumkan kehadiran. Seterusnya kita pergi kepada Ahli Yang Berhormat Sura. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Berapakah jumlah Sektor Rukun Tetangga mengikut pecahan daerah dan nyatakan jumlah yang masih aktif?

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalnya - Berapakah jumlah Sektor Rukun Tetangga mengikut pecahan daerah dan nyatakan jumlah yang masih aktif?

Jumlah kawasan Rukun Tetangga bagi negeri Terengganu sehingga 24 November 2013 ialah:

<u>Daerah</u>	<u>Jumlah Keseluruhan KRT</u>	<u>Jumlah KRT Yang Aktif</u>
Kuala Terengganu	103	102
Dungun	96	91
Marang	34	28
Kemaman	50	43
Setiu	42	42
Besut	47	47
Hulu Terengganu	29	28

Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Soalan tambahan. Apakah punca yang menyebabkan sesetengah Sektor Rukun Tetangga ini tidak aktif sebagaimana yang disebut. Di Dungun misalnya ada lebih kurang 8 Rukun Tetangga yang tidak aktif. Terima kasih.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Rukun Tetangga yang tidak aktif ini disebabkan oleh yang pertama: Kepimpinan yang ada di Rukun Tetangga berkenaan. Kedua, disebabkan oleh mungkin selepas penubuhan ada di antara Rukun Tetangga tadi dia tidak proaktif dan akhirnya ditamatkan Rukun Tetangga tersebut oleh Pengarah atau Ketua

Pengarah daripada jabatan yang bertanggungjawab kepada Rukun Tetangga ini iaitu Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Pengkalan Berangan. Sila, soalan tambahan kedua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Soalan tambahan kedua. Sejauh manakah kerajaan mengenal pasti keberkesanan Sektor Rukun Tetangga ini dalam mengawal kejadian-kejadian jenayah ini yang kita lihat pada hari yang semakin meningkat khususnya di kawasan-kawasan pinggir bandar yang kita fahami dan kita ikuti perkembangannya. Kejadian-kejadian jenayah ini yang melibatkan pecah rumah dan berbagai-bagai lagi, dadah dan sebagainya ada peningkatan dalam masyarakat kita hari ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Alhamdulillah. Setakat ini mana-mana kampung ataupun kawasan yang mempunyai KRT, Kawasan Rukun Tetangga dan juga Skim Rondaan Sukarela, kawasan kampung tersebut agak terkawal dan masalah-masalah gejala jenayah dan juga berkaitan dengan dadah dapat dikawal kerana adanya KRT. Dan kita, pihak kerajaan mencadangkan supaya mana-mana kawasan, taman-taman perumahan ataupun kampung yang berminat ataupun bersedia untuk mewujudkan KRT dan juga SRS ini kita amat mengalu-alukan untuk kita mengatasi masalah-masalah yang disebutkan tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan kalau ada, kalau tak ada kita pergi kepada Seterusnya kita pergi kepada

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Satu soalan tambahan?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Boleh, sila Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Yang Dipertua, terima kasih kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan berkaitan Rukun Tetangga yang tak aktif ini sebab kita rasa sayangnya setelah ditubuh lepas itu disebabkan tidak ada kepimpinan di situ jadi kita biarkan

begitu sedangkan keperluan di tempat tersebut begitu tinggi, saya rasa. Jadi apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya dihidupkan semula daripada kita menghidupkan di tempat-tempat lain yang telah sedia ada itu dihidupkan semula. Itu sahaja. Terima kasih.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih. Usaha-usaha yang telah diambil oleh Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional Negeri Terengganu bagi mengembalikan keaktifan Rukun Tetangga yang tidak aktif. Yang pertama, telah mengadakan pertemuan, bersemuka dengan jawatankuasa yang sedia ada. Yang kedua, membuat penyusunan semula ahli jawatankuasa yang sedia ada. Membuat pelantikan baru jika jawatankuasa yang sedia ada tidak berminat ataupun tidak lagi bersedia untuk memegang jawatan. Dan juga kita mengadakan kursus-kursus dari masa ke semasa bagi memberi pendedahan kepada barisan jawatankuasa sebagai galakan serta motivasi untuk mengendalikan KRT supaya setiap KRT kita dapat berfungsi dengan baik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Pengkalan Berangan. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Manir untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Berapakah bilangan jentera pembajak dan jentuai mengikut pecahan daerah yang disediakan oleh pihak kerajaan?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan serta Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian. Terima kasih kepada Wakil Manir yang bertanya soalan di bawah portfolio saya. Terdapat sebanyak 143 jentera pembajak dan 22 buah jentuai di negeri Terengganu yang dibekalkan kepada rakyat negeri Terengganu melalui:-

1. Jabatan Pertanian
2. Lembaga Pertubuhan Peladang

3. KETARA.

Agihan jentera pembajak mengikut daerah sebagaimana berikut:-

<u>Daerah</u>	<u>Jentera</u> <u>Pembajak/Traktor</u>	<u>Jentuai</u>
Besut	77 buah	15 buah
Setiu	7 buah	0
Hulu Terengganu	11 buah	0
Kuala Terengganu	10 buah	7 buah
Marang	20 buah	0
Dungun	13 buah	0
Kemaman	5 buah	0

Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, apakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah jentera-jentera tersebut kerana mengikut laporan yang diperolehi, jentera-jentera pembajak dan jentuai ini tidak mencukupi. Kita mintak Exco yang berkenaan kalau betul dakwaan ini mintak disiasat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Yang Dipertua, sememangnya setiap tahun kita mendapat permohonan daripada agensi, Pejabat Pertanian, Pertubuhan Peladang dan KETARA. Dan InsyaAllah, kalau betul-betul diperlukan oleh petani kita, selaku kerajaan yang bertanggungjawab dan sesuai dengan 'Merakyatkan Pentadbiran Negeri Terengganu', InsyaAllah, masalah rakyat akan diselesaikan oleh kerajaan yang ada pada hari ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya pernah bertanya tentang jentera pembajak ini di Dungun. Dia sebut ada dua butir saja, sebutir rosak lepas

pada itu hak sebutir tu takdok driver pulak dan sampai sekarang dia kata tidak dibuka tawaran untuk pemandu atau *driver* pembajak. Jadi macam mana nak selesai kalau isu sebuah ataupun dua buah satu daerah, orang nak menanam macam mana perlukan pembajak ini. Jadi apakah tindakan daripada pihak kerajaan sebab benda ini saya rasa lama dah.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Yang Dipertua, daerah Dungun ini ada 13 buah bukan 2 buah. Cuma masalah *driver* itu masalah biasalah. Biasanya kita mintak diselesaikan diperingkat daerah. Misalnya PPK setempat itu yang mesti selesaikan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat pernah *check* dok, yang 13 tu berjalan belaka dok, takut 13 tu *sekong belaka kot*.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasihlah Yang Berhormat Paka yang sensitif dengan jentera pembajak di bawah saya ni. Dia jentera pembajak ini lebih kurang manusialah. Ada masanya dia sakit lutut, ni jentera kita ni dia pun macam itu juga, bila dah berumur tu dia kena baikilah, mungkin adalah yang bermasalah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasihlah kepada

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Err... dah cukup eh. Soalan tambahan ada tiga.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ada lagi saya dok tanya lagi, orang lain aje tanya, takkan tak boleh? Saya tak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan. Saya mintak laluan. Saya mintak laluan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Manir!

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Takkan tak boleh nak tanya, dahlah kelmarin tak boleh nak bercakap. Hari ini berilah sikit.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila duduk. Saya mintak duduk. Terima kasih. Saya rasa masa masih ada, saya silakan Yang Berhormat Air Putih untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Soalan saya yang kedua. Terima kasih.

Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan dana khusus bagi membaiki masjid-masjid, khususnya Masjid Kampung Air Putih, Masjid Mukim Binjai dan Masjid Felde Neram 1 yang mengalami kebocoran serta keretakan, agar pembaikan dapat dijalankan dengan segera?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Soalan 2 - Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan dana khusus bagi membaiki masjid-masjid, khususnya Masjid Kampung Air Putih, Masjid Mukim Binjai dan Masjid Felde Neram 1 yang mengalami kebocoran serta keretakan, agar pembaikan dapat dijalankan dengan segera?

Yang Berhormat Yang Dipertua, sebenarnya dana khusus untuk pembaikan masjid-masjid seluruh negeri memang telah diwujudkan dan kerajaan negeri telahpun menyediakan peruntukan tahunan bagi dana tersebut.

Manakala permohonan pembaikan Masjid Kampung Air Putih, Masjid Mukim Binjai dan Masjid Felde Neram 1 akan dipertimbangkan dalam peruntukan yang akan datang oleh MAIDAM. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, yang pertama saya mintak disegerakan peruntukan itu. Yang kedua, saya nak tanya kepada pihak kerajaan adakah

kerajaan bercadang juga untuk menaik taraf tandas-tandas terutama di masjid-masjid yang sudah lama sebabnya saya rasa tak payah tunggu peruntukan, mintak peruntukan sebab kebanyakan tandas-tandas di masjid-masjid di mukim-mukim yang di luar daripada bandar agak teruk. Jadi adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu program khusus untuk menaik taraf semua tandas di masjid-masjid. Itu adalah suatu keperluan yang cukup mendesak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Wakil Air Putih. Sebenarnya pihak MAIDAM dan juga pihak kerajaan mengambil berat tentang kemudahan asas yang ada di masjid. Masalah yang ada di masjid khususnya tandas di masjid-masjid yang terlibat di DUN Air Putih juga berlaku di kawasan DUN Ajil malah di masjid besar, Masjid Pekan Ajil sendiri pun menghadapi masalah yang sama. Sebenarnya, tindakan dan perancangan telahpun diambil dan kesemuanya ini permohonan yang melibatkan pembaikan 2 unit tandas di kawasan DUN Air Putih iaitu melibatkan 2 unit tandas, pemasangan karpet baru, pendawaian baru, kerana kita sedar masjid itu telah lama pendawaian dia dan ini sangat penting kalau ia melebihi 15 tahun kemungkinan akan berlaku litar pintas dan sebagainya. Dan kita telahpun memajukan permohonan itu di peringkat teknikal iaitu kita menunggu laporan daripada JKR dan InsyaAllah, kesemua laporan itu telah sampai ke pihak kita, pihak MAIDAM dan dengan peruntukan khusus yang kita ada ini kita akan laksanakan dengan seberapa segera. Cuma hari ini kita menunggu siasatan terakhir daripada pihak JKR Kemaman kerana masih lagi dalam tindakan oleh pihak mereka.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan tambahan Yang Dipertua. Hak bocor tu boleh tahan, hak runtuh tu guana Yang Berhormat? Saya difahamkan masjid di Tebauk tu tak baiki lagi tu. Sekarang ini apakah tindakan pihak kerajaan negeri sebab kita dimaklumkan syarikat yang sama saja, hak yang jadi runtuh ni. Sebab saya check di Paka ada se, Masjid Hadhari tu, Tok Imam duk *kherling sokmo* ke atas takut jatuh *bedebo'* tu habis pulaklah kita. Jadi sejauh mana adakah kerajaan berhasrat semua masjid-masjid yang belum runtuh lagi tu yang dibuat oleh syarikat yang sama tu dibuat penilaian semula?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih banyak Yang Dipertua Dewan. Bagi *just* nak sokong Wakil Ajil berkenaan

dengan pembaikan Masjid Binjai Kertas, kontraktor telah diarahkan untuk masuk pada bulan ini dan saya difahamkan InsyaAllah, pada akhir bulan ini kerja-kerja pembaikan bumbung masjid yang runtuh itu akan dilaksanakan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Kemasik.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Soalan hak kontraktor tu guana Yang Berhormat dekat sebelah Kemasik tu?

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Untuk makluman Wakil Paka kontraktor yang terlibat dengan projek Binjai Kertas, kontraktor utama dia kalau tak salah saya nama dia saya rasa tak boleh sebut dalam Dewan, jadi pembekal dia tu telah kita mintak JKR pantau balik dia punya kesiapsagaan ataupun kesesuaian dia. Tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini bagi mengatasi masalah bumbung masjid dan jugak bangunan-bangunan lain daripada orang kata mengalami nasib yang sama, jadi kerajaan negeri telah mengambil pendekatan untuk tidak lagi menggunakan sistem bumbung '*Cold-Formed Light Weight Roof Structure*', jadi kita tak benar dah. Jadi mulai sekarang mana-mana bangunan yang dibina di bawah kontrak kerajaan dia kena pakai '*Mild Steel Hot Roll Roof Structure*' ataupun kita panggil beam besilah, orang kampung kata ataupun Kayu Gred A. Jadi semua projek kerajaan mulai daripada tarikh sekarang ini sehingga masa akan datang tidak boleh lagi menggunakan sistem macam saya sebut tadilah '*Cold-Formed Light Weight Roof Structure*', yang macam aluminium tu Wakil Paka. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi kontraktor hak sedia tu macam mana, hak sedia ada tu?

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Hak sedia ada maknanya bangunan yang sedia ada? Jadi kita telah buat satu Jawatankuasa Pemantau yang mana di bawah penyelarasan ataupun pengawasan JKR, jadi semua bangunan yang menggunakan sistem itu, jadi untuk makluman Wakil Paka sistem itu kita pakai bukan untuk surau sahaja ataupun masjid, ada yang kita guna untuk dewan sekolah dan sebagainya. Jadi kita telah arahkan kontraktor yang terlibat, kontraktor utama dan jugak kontraktor pembekal untuk membuat siasatan secara terperinci dengan pengawasan JKR sepanjang masa untuk kita mengenal

pasti bangunan-bangunan yang mungkin akan ada struktur yang kita perlu beri perhatian. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada semua Yang Bert hormat yang telah melibatkan diri dalam sesi soalan-soalan lisan ini. Oleh kerana masa sudah menghampiri pukul 10.30 pagi maka saya berhasrat untuk menangguhkan sementara Dewan ini.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum. Saya ingin membawa satu usul segera atas kepentingan rakyat dan masyarakat yang terlibat dengan banjir.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Rantau Abang.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Yang Bert hormat Yang Dipertua. Bahawa persidangan ini hendaklah ditangguhkan mengikut fasal 30, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini membincang dan merundingkan isu berhubung dengan kejadian banjir yang telah melanda negeri ini sejak 3 Disember yang lalu yang telah menenggelamkan hampir keseluruhan daerah Kemaman, sebahagian daerah Dungun dan juga daerah Hulu Terengganu yang disahkan sebagai banjir yang paling buruk pernah melanda daerah Kemaman sejak 30 tahun yang lalu. Dan telah menenggelamkan dan melumpuhkan bandar Cukai menyebabkan kesusahan kepada rakyat di mana kejadian seburuk ini boleh dielakkan sekiranya kerajaan mengambil langkah persediaan yang lebih serius, terancang dan berkesan pada masa hadapan.

Yang Bert hormat Yang Dipertua, isu ini adalah perkara-perkara tertentu kerana telah berlaku satu mala pateka hujan lebat dan kejadian air pasang yang cukup dahsyat sehingga menyebabkan banjir besar yang hampir menenggelamkan keseluruhan daerah Kemaman dan melumpuhkan bandar Cukai. Ia juga ditenggelami air di daerah Hulu Terengganu serta Dungun khususnya di pedalaman Dungun di mana pengakuan dari pihak kerajaan telah mengesahkan bahawa kerajaan tidak menjangka dan gagal memberi perkhidmatan bagi mencari dan menyelamatkan dan menyalurkan bantuan awal kepada mangsa-mangsa banjir. Bahkan tidak dapat disalurkan dengan sempurna sehingga hari ini kerana keadaan gawat dan kelam kabut.

Perkara ini adalah melibatkan kepentingan orang ramai kerana sehingga hari ini seramai 14,609 orang masih berada pada 41 buah pusat-pusat pemindahan yang mengalami trauma, ketakutan dan kebimbangan untuk pulang ke rumah-rumah mereka. Bahkan angka tertinggi yang dicatat sehingga kemuncak seramai 22,617 orang telah dipindahkan kepada 48 buah pusat pemindahan. Keselamatan hayat perlulah diutamakan kerana banyak pusat-pusat pemindahan yang ditentukan sebelum ini tidak lagi relevan kerana pusat-pusat tersebut tidak lagi boleh melindungi keselamatan apabila ia turut ditenggelami air dalam banjir baru-baru ini.

Perkara ini perlu disegerakan kerana Setiausaha Keselamatan Negeri, Encik Mohamad Shariff Hassan memberitahu dalam sidang media di pejabatnya pada hari Khamis, 7 November 2013 bahawa sebanyak lima siri gelombang banjir dijangka akan melanda negeri ini. Setelah banjir yang berlaku bermula pada selepas tengah malam 3 Disember yang lalu dan masih lagi belum surut sehingga hari ini. Dua siri lagi gelombang iaitu gelombang yang keempat dijangka berlaku pada 15 sehingga 21 Disember 2013 dan gelombang yang kelima dijangka berlaku pada tahun hadapan.

Maka saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara-perkara tertentu, kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Rantau Abang. Diminta Bentara untuk mendapatkan kertas usul tersebut.

.....[Bentara memungut kertas usul daripada Wakil Rantau Abang]

Saya ada menerima usul di bawah perkara 30 ini dan oleh kerana saya akan teliti dan mengamati bait-baitnya untuk memastikan bahawa keputusan yang kita buat ini akan berlaku adil kepada semua pihak.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang saya hormati, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula pada pukul 11.10 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.40 PAGI.

PUKUL 11.10 PAGI

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, kita sebentar tadi sempat menikmati rezeki yang Allah berikan kepada kita pada pagi ini. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

Saya ada menerima satu cadangan ataupun usul untuk menanggungkan Dewan bagi membincangkan, membicarakan perkara-perkara yang mustahak bagi orang ramai berdasarkan fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu daripada Yang Berhormat Wakil Rantau Abang. Setelah meneliti, *metafakuffiddin*, setelah mengkaji secara terperinci, saya dapati bahawa memang ada perkara-perkara tertentu, memang ada kepentingan untuk orang ramai. Namun begitu saya berpendapat dan mengambil keputusan bahawa ianya tidak perlu disegerakan.

Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi, terdapat beberapa asas *bizarre with* dengan izin, penolakan usul ini atas dasar tidak perlu disegerakan atas beberapa *premise*. Pertama, saya difahamkan ini adalah banjir yang di luar jangka, yang luar biasa yang dialami oleh penduduk di kawasan yang terbabit terutamanya di kawasan Cukai sehinggakan rumah Y.B. Cukai pun tak sempat barang-barangnya diselamatkan sebab itu kita mengecualikan Y.B. Cukai untuk tidak menghadiri Dewan selama 3 hari. Tiada siapa yang dapat menjangka paras air yang berganda daripada yang pernah diingati oleh sesiapa pun. Di Seberang Tayor dikhabarkan 100% tenggelam. Mak Chili, Mak Lagam sebagai contohnya Bukit Mentok walaupun namanya bukit pun lumpuh sama sekali. Elektrik, air, sistem telekomunikasi pun turut terhenti. Beberapa tempat dikhabarkan daripada 10 tempat yang dijadikan tempat perpindahan diisytiharkan tidak selamat dan terpaksa berpindah lagi. Keselamatan bagi mangsa-mangsa banjir ini lebih penting, utama daripada keselesaan, semuanya luar biasa. Bacaan sukat hujan juga luar biasa. Sebagai contoh, di Jabor pada 2 Disember 2013 sahaja sukatannya 777 milimeter, ini fenomena untuk satu tahun katanya. Biasanya pada musim tengkujuh di kawasan yang sama hanya kira-kira 350 milimeter sebulan, kali ini bayangkanlah 777 milimeter sehari. Cadangan untuk kita tangguh tuan-tuan sewaktu saya tolak kerana bagi saya kita boleh merancang, membuat usul di sini dan sebagainya, walau bagaimana pun kita sebagai hamba

Allah, tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya muliakan kita tidak dapat mengatasi takdir. Wamakarullah wallahu khairulmakirin. Saya mendapati bahawa perancangan daripada pihak kerajaan daripada dahulu telah memenuhi kalau dalam kadar banjir biasa.

Kedua, kita telah mendapati bahawa pelbagai pihak sama ada NGO, sukarelawan, ahli-ahli politik daripada parti-parti yang berlainan telah berusaha untuk mententeramkan keadaan yang telah berlaku. Mereka ini semua boleh dikatakan 'hero yang tidak didendangkan', tidak ada dimasukkan ke dalam web dan sebagainya tetapi mereka lakukan kerana Allah S.W.T. Seheinggakan Yang Amat Berhormat sendiri pun turun ke padang setiap hari meninggalkan Persidangan Agung UMNO yang perlu dipenuhi. Bagi saya semua bersatu atas dasar kemanusiaan, atas dasar ikatan muslimin dan mukminin.

Ketiga, saya juga mendapati bahawa peranan semua pihak sekali lagi terutamanya pihak-pihak kakitangan kerajaan, pegawai-pegawai Polis, Bomba Penyelamat, JPAM malah pihak tentera yang datang dari jauh mereka telah bertungkus lumus untuk memastikan bahawa bukan hanya mereka bekerja atas rasa tanggungjawab tetapi keikhlasan mereka melangkaui segala-galanya. Bukan dasar kerja mereka untuk menyelamatkan tapi atas dasar kemanusiaan dan kebajikan sesama insan. Seheinggakan ada sekumpulan doktor di Malaysia ini yang terbalik kerana usaha untuk menyelamatkan mangsa. Tapi alhamdulillah dapat diselamatkan dan saya dihabarkan bahawa kumpulan doktor dan H.A. ini telah diberikan Sijil Penghargaan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

Saya rasa kita telah buat yang terbaik, ini adalah pengajaran daripada kita dan bukan kelemahan di mana-mana. Sama-samalah kita memastikan bahawa kita kurangkan kemunggaran, kurangkan perbalahan sebagaimana kita lihat bahawa banyak tempat-tempat yang berlaku ini Allah turunkan tidak sia-sia, ia menjadikan pengajaran kepada kita semua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya tak bagi laluan, ya. Kita nak teruskan kepada perbahasan, terima kasih DUN Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak mintak setengah minit, boleh?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak, ikut peraturan di bawah 125(2), terima kasih. Y.B. Bandar sila duduk. Terima kasih. Kita ada banyak masa dalam perbincangan nanti. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat pada pagi kelmarin Rang Enakmen Perbekalan untuk bacaan kali yang kedua telah mendapat sokongan, sekarang saya buka kepada perbincangan. Sila Yang Berhormat Wakil Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Segala puji-pujian bagi Allah Tuhan Seluruh Sekian Alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah kerana hari ini kita dengan penuh keizinanNya dapat meneruskan sidang Dewan yang mulia ini. Mula-mula sekali izinkan saya menyampaikan rasa takziah dan sedih kepada semua mangsa-mangsa banjir di negeri Terengganu khususnya di Kemaman, khasnya di DUN Air Putih dan Cukai. Sesungguhnya ujian Allah S.W.T. ini adalah suatu perkara yang perlu kita hadapi dengan tabah dan kita berdoa agar mangsa-mangsa terus dengan penuh kesabaran, InsyaAllah.

Tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli sidang Dewan, Yang Dipertua Dewan, sepertimana Yang Dipertua Dewan umumkan sebentar tadi hujan yang luar biasa itu sebenarnya adalah punca utama kejadian banjir di daerah Kemaman dan bertembung pula dengan fenomena air pasang selama 4 hari berturut-turut maka jadinyalah kawasan yang tidak pernah sebelum ini mengalami banjir, jadi banjir. Sebab itulah saya nak ambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak kepada agensi-agensi kerajaan, parti-parti politik termasuk rakan-rakan saya daripada Parti PAS yang sama-sama turun padang membantu mangsa-mangsa banjir.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan atas pembentangan Bajet 2014 ini. Bajet yang mempunyai empat teras iaitu mengurangkan defisit, memantapkan modal insan, memelihara kesejahteraan rakyat serta meningkatkan daya saing negeri ini adalah selari dengan bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri tidak lama dulu di Parlimen.

Kerajaan persekutuan menggariskan lima teras utama iaitu merancakkan ekonomi, mengukuhkan pengurusan fiskal, mengukuhkan modal insan, pembangunan bandar dan luar bandar dan meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat. Saya percaya dengan penyelarasan yang baik antara pihak persekutuan dan negeri kita akan dapat mencapai maksud serta objektif Bajet 2014 ini.

Saya ingin memberikan sedikit komen kepada bajet yang dibentangkan oleh pihak kerajaan. Yang pertama sekali, saya cukup teruja dan berterima kasih atas keputusan kerajaan untuk meneruskan pembinaan baru rumah-rumah rakyat dan juga pembaikan rumah dan ini akan dapat membela rakyat-rakyat yang masih dalam kesempitan dan kesusahan di kampung-kampung. Saya juga berterima kasih dengan peruntukan RM331 juta yang diberikan untuk membangunkan infra serta kemudahan awam. Sekali lagi orang Air Putih cukup berterima kasih kepada pihak kerajaan. Saya juga berasa bangga dengan pemberian yang cukup besar dalam meningkatkan taraf modal insan negeri. Dan akhir sekali yang paling saya rasa terharu ialah pemberian berterusan sebanyak RM91.5 juta kepada Yayasan Terengganu yang saya kira adalah nadi utama pendidikan rakyat Terengganu. Terima kasih pihak kerajaan.

Pada perbahasan-perbahasan yang lalu saya sentiasa menyentuh dalam bidang ekonomi dan pendidikan kerananya pendidikan dan ekonomi adalah sumber ataupun perkara utama yang boleh memastikan taraf ekonomi rakyat dipertingkatkan. Saya ingin mengutarakan beberapa statistik untuk kita lihat bersama. Mengikut laporan Jabatan Statistik mengenai pendapatan purata bulanan isi rumah. Pada tahun 2009, Kelantan ialah RM2,536, Terengganu ialah RM3,017, Pahang – RM3,279. Pada tahun 2012, Kelantan meningkat kepada RM3,168, Terengganu kepada RM3,967 dan Pahang meningkat kepada RM3,745. Apa yang saya ingin tekankan di sini ialah Terengganu pendapatan purata bulannya telah mengatasi pendapatan purata bulanan isi rumah di negeri Pahang bermula pada tahun 2013. Syabas, negeri Terengganu.(Tepukan sokongan) Ini fakta yang pertama.

Fakta yang kedua adalah kadar pertumbuhan peningkatan pendapatan isi rumah. Kelantan meningkat sebanyak 7.4%, Pahang meningkat sebanyak 4.4% dan Terengganu meningkat sebanyak 9.1%. Syabas sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Terengganu.(Tepukan sokongan)

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, indikator ini menunjukkan bahawa strategi, transformasi yang dilakukan oleh kerajaan persekutuan seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Ucapan Bajet dan juga usaha kerajaan negeri dalam meningkatkan sosial ekonomi rakyat telah mencapai hasil. Dan dari segi kedudukan peringkat negara, Malaysia pada tahun 2009 mempunyai isi rumah purata bulanan sebanyak RM4,025 dan pada tahun 2012 adalah RM5,000. Dan peningkatan kadar pertumbuhan adalah sebanyak 7.2%. Jadi saya berasa tidak mustahil dalam satu jangka masa yang tidak lama lagi kerajaan negeri dan rakyat Terengganu akan berjaya mencapai pendapatan purata bulanan isi rumah setaraf dengan kadar purata di negara kita, InsyaAllah.

Yang Dipertua, hari ini saya akan memberi fokus kepada industri di Terengganu. Sebelum ini industri-industri besar di Terengganu adalah terdiri daripada industri minyak dan gas dan juga industri besi dan keluli termasuk Industri Bioteknologi di Taman Biopolimer, Kerteh. Untuk makluman Dewan apabila siapnya LPT tidak lama lagi dan juga jaringan kereta api ke Dungun yang sedang dirancang dan akan dibuat oleh kerajaan persekutuan, peluang-peluang baru akan timbul dan terbuka untuk rakyat negeri Terengganu. Oleh itu, saya memohon kerajaan negeri mengadakan satu strategi menggalak serta menyelia industri-industri baru yang berpotensi yang akan lahir daripada peningkatan hubungan daripada barat ke timur melalui LPT dan jaringan kereta api. Saya menjangkakan antara industri yang akan meningkat dan terbuka selepas ini ialah industri logistik sama ada darat dan udara. Yang kedua, pangkalan-pangkalan hadapan baru untuk minyak dan gas akan boleh dibuka. Dan yang ketiga, *Konsep Warehousing* di pangkalan-pangkalan hadapan. Pendedahan serta latihan untuk para-para usahawan perlu kita adakan supaya mengambil peluang apabila terbukanya peluang-peluang baru disebabkan oleh jaringan jalan raya yang begitu baik tidak lama lagi. Saya juga berpendapat bahawa kita amat mengalu-alukan industri-industri berat yang tidak lama lagi akan datang ke Telok Kalong, contohnya, HKS Mineral yang akan melabur RM6 bilion, Eastern Steel yang tidak lama lagi akan beroperasi. Industri-industri berat ini sudah tentu akan memberi ruang pekerjaan yang cukup banyak kepada rakyat Terengganu khususnya di Kemaman. Walau bagaimanapun, setelah

saya meneliti Dasar Industri Berat Negara adalah di...err ... bahawa industri dasar itu menyatakan bahawa kerajaan perlu juga memfokuskan kepada Industri *Secondary*, dengan izin iaitu industri-industri pertengahan dan industri-industri sokongan yang sebenarnya akan memberikan limpahan yang lebih besar daripada industri-industri berat ini. Saya bagi contoh, kalaulah kita mengekalkan industri yang baik kita boleh membuat penubuhan industri *steel pipes*, pembuatan *sheet metal*, pembuatan *forging* dan *casting*, pembuatan jentera-jentera berat sama ada komponen ataupun pasang siap. Dan semua industri-industri ini menggunakan raw materials (bahan mentah) dengan izin, daripada industri yang akan diadakan di Kemaman tidak lama lagi. Apabila wujudnya dengan pesat industri-industri ini akan wujud pula industri sokongan lain seperti industri kewangan, industri IKS dan juga *support services*, dengan izin, yang terdiri daripada *instrumentation* dan juga *control system*, dengan izin. Dengan limpahan yang bakal kita hadapi ini, saya percaya dari segi peluang pekerjaan akan memberi ruang yang cukup luas kepada anak-anak Terengganu bukan sekadar sebagai buruh kasar sahaja.

Bercakap pasal peluang pekerjaan, saya ingin menyentuh Yang Dipertua, kita perlu halusi strategi mewujudkan peluang pekerjaan di negeri Terengganu ini. Kita perlu bertanya segmen manakah yang kita perlu wujudkan pekerjaan ini. Kita ada tiga tahap pekerjaan, yang pertama, buruh kasar. Yang kedua, guna tenaga pertengahan sama ada kolar biru dan putih. Dan yang ketiga, guna tenaga profesional. Dengan wujudkan industri pertengahan dan sokongan yang saya sebutkan tadi kemungkinan besar untuk membawa balik anak-anak kita di luar Terengganu untuk pulang sebagai golongan pertengahan dan profesional adalah cukup tinggi. Saya dengan itu, ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan menimbang serta mewujudkan satu sistem vendor melalui dan akan dipayungi oleh GLC atau anak-anak syarikat kerajaan negeri. Saya beri contoh, kalau EPIC yang kepakarannya dalam *oil and gas* dan logistik bolehlah melantik vendor-vendor tertentu di bawah EPIC melatih dan memberi peluang kepada usahawan-usahawan supaya dapat bergiat dengan baik di bawah bidang *oil and gas* dan logistik, dengan izin. Contoh kedua, mungkin TDM yang kepakaran dalam bidang perladangan dan medical services boleh melantik *vendor-vendor* yang berdaya maju untuk memberikan bisnes sokongan ataupun *support services* dengan izin, kepada perladangan dan juga barang-barang medical di bawah anak syarikat TDM. Dan vendor-vendor ini sendiri pun akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru pula kepada anak-anak kita yang profesional dan separa profesional. Sebab itulah dalam tidak sengaja ini adalah boleh mengelakkan dengan *brain drain*

dengan izin, daripada negeri Terengganu. Kita panggil balik anak-anak Terengganu di luar untuk pulang memberi sumbangan kepada negeri dengan adanya peluang-peluang pekerjaan ini. Saya percaya InsyaAllah, Terengganu akan terus mencapai kejayaan dengan meningkatkan ekonomi dan membasmi kemiskinan dengan strategi-strategi yang saya cadangkan seperti tadi.

Yang Berhormat Yang Dipertua, tentulah tidak lengkap kalau saya tidak menyentuh beberapa perkara mengenai DUN saya, DUN Air Putih. Saya nak merakamkan rasa cukup terharu dan terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan pihak kerajaan kerana jaminan akan meneruskan pembinaan Rumah Mampu Milik di DUN Air Putih dalam jangka masa 5 tahun ini. Saya juga rasa terharu dengan penekanan yang Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan menjanjikan sebuah sekolah menengah agama di DUN saya yang akan kita cadangkan untuk dilaksanakan di Chenih. Saya percaya dengan dua projek ini, kebajikan dan peluang pekerjaan, rakyat di Air Putih khususnya akan terbela. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang boleh saya timbulkan di Dewan yang mulia ini, saya memohon pihak kerajaan negeri supaya membantu kami di DUN Air Putih dengan membuat perjumpaan serta perbincangan dengan pihak kerajaan pusat supaya mempercepatkan Projek Tebatan Banjir di Sungai Cukai. Projek ini telah diluluskan oleh kerajaan pusat sebanyak RM480 juta dan sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di Kemaman sekarang ini. Saya dimaklumkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran hanya RM4 juta diperuntukkan untuk projek ini dan setakat ini sebanyak RM80 juta diberikan daripada RM480 juta. Saya berpendapat dengan kejadian banjir yang cukup dahsyat, kita perlu memohon daripada kerajaan pusat supaya dipercepatkan projek ini. Sekiranya projek ini dipercepatkan saya percaya InsyaAllah, masalah banjir yang melanda begitu dahsyat kepada rakyat di Kemaman, khususnya di DUN Air Putih dapat kita ringankan sebab projek ini akan menambahkan kapasiti sungai sekali ganda daripada yang ada dan akan dapat menyelamatkan banyak kawasan perumahan dan nasib rakyat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Sila.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya nak kebelakang sikit sebab ingin mendengar apa yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Air Putih tadi berkenaan potensi ataupun cadangan untuk membangunkan industri berat terutama di kawasan sedia ada juga untuk mengembangkan industri ini ke peringkat yang seterusnya. Saya tak pasti Yang Berhormat terlupa atau Yang Berhormat mungkin ada di belakang nak menyebut perkara ini atau semua cadangan tersebut Yang Berhormat tidak langsung menyebut tentang cadangan untuk melakukan kajian kemungkinan kesan kepada alam sekitar. Dengan pelaburan berpotensi RM6.6 bilion sudah tentu kesan alam sekitar agak berat, jadi adakah Yang Berhormat terlupa nak masukkan ataupun merasakan elemen itu tidak berapa mustahak untuk peringkat awal ini untuk diketengahkan, mengambil kira juga tentang masalah banjir yang berlaku itu salah satu indikator kepada kesan kepada alam sekitar. Barangkali kita ambil pengajaran daripada tempat-tempat lain yang pernah mengalami perkara yang sama dan juga kesan daripada impak alam sekitar yang pernah merasai kerana perkara ini sangat *credential*, kita tidak boleh menafikan kerana ini adalah satu yang dilihat oleh dunia sekarang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Terima kasih Yang Berhormat Bandar. Sebenarnya saya menganggotai Jawatankuasa Industri di peringkat negeri dan sebagaimana prosedur biasa segala projek-projek perlu mendapat kelulusan MIDA. Dan saya difahamkan syarat-syarat projek ini di bawah MIDA juga memerlukan *Environmental Impact Assessment* dengan izin. Jadi yang lebih lanjut itu mungkin pihak kerajaan boleh gulung semasa penggulungan nanti.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak *landing* dah ni, nak habis dah ni. Saya berdo'a pada Allah S.W.T. semoga Allah selamatkan semua mangsa-mangsa banjir, Allah berkatkan kehidupan kepada semua rakyat di negeri Terengganu ini, Allah berikan kita petunjuk dan hidayah kepada kepimpinan kita dan kita semua. Semoga hidup kita sentiasa diberkati Allah S.W.T. Saya berdo'a supaya perjalanan Dewan dapat berjalan dengan baik atas hemat dan budi baik Yang Dipertua Dewan. Saya daripada Air Putih pohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Air Putih. Saya buka lagi kepada Ahli Yang Berhormat sekalian yang ingin berbahas. Sila Kota Putera.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wabihi nastain. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Exco Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Permerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya diberi peluang untuk membahaskan berkaitan dengan Bajet 2014. Pertama sekali, saya ingin merakamkan tahniah kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berjaya membentangkan Bajet untuk tahun 2014. Terlebih dahulu saya juga ingin merakamkan rasa sedih dan rasa hiba di atas apa yang berlaku kepada mangsa-mangsa banjir sepertimana yang sedia maklum. Dan saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung membantu mangsa-mangsa banjir.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sepertimana yang sedia maklum, sepertimana *relate* kepada Air Putih berkenaan bajet, kerajaan telah menggariskan RM91 juta di bawah Yayasan iaitu fokusnya kepada pendidikan. Oleh yang demikian, saya tertarik kerana negeri Terengganu merupakan salah satu negeri yang mencapai pencapaian yang terbaik di dalam mana-mana *result* peperiksaan, baik UPSR, PMR, SPM, STPM dan sebagainya. Jadi di sini ingin saya katakan bahawa selaras dengan bajet yang begitu banyak yang diletakkan di bawah Yayasan untuk difokus kepada pendidikan, saya rasa dan saya bersetuju kerana negeri Terengganu merupakan sebahagian daripada Anjung Ilmu kepada Malaysia. Ini jelas kerana kita telah mencapai beberapa kejayaan dalam bidang peperiksaan, sepertimana contohnya yang ingin saya perkatakan di mana baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu selaku Menteri Pelajaran mengumumkan dan mengatakan bahawa Modul Ulul Albab yang dipelopori oleh Terengganu khasnya Besut akan diguna pakai di bawah JPN seluruh Malaysia. Selaras dengan itu, saya melihat sepertimana Besut sendiri, di mana Besut merupakan atau telah menjuarai yang mendapat result *Straight A* sudah 7 tahun berturut-turut untuk negeri Terengganu. Malah Besut juga pernah menjuarai daerah cemerlang, juara daerah seluruh

Malaysia pada tahun 2011, waktu itu mendapat 23.9% pelajar-pelajar yang mendapat *Straight A*. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya tolong, tolonglah memberi fokus kepada pendidikan Besut ini kerana terutamanya dalam bidang Ulul Albab. Sepertimana kita maklum dan kita tahu yang dicadangkan pembinaan IMTIAZ yang sehingga ke hari ini masih lagi belum diisi pelajar-pelajar. Dan saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya guna pakailah dan memanfaatkanlah pembinaan bangunan IMTIAZ yang sedia ada di Kota Putera khususnya, InsyaAllah. Dan di samping itu juga Yang Berhormat Yang Dipertua, selain daripada itu juga dalam bidang sekolah, kita juga di Terengganu kita juga mempunyai banyak institusi, ingin saya sebut di sini iaitu untuk *second chance*, contohnya TESDEC. Sepertimana yang kita tahu TESDEC merupakan asal usul penubuhan adalah dibina berasaskan memberi peluang kedua kepada pelajar-pelajar yang tercicir untuk memasuki IPTA ataupun IPTS. Tetapi baru-baru ini, saya telah terlibat secara langsung iaitu selepas bulan 6, TESDEC telah mengeluarkan pelajar dalam bidang *Deep Sea Divers* seramai 13 orang di mana pelajar-pelajar tersebut telah mencapai tahap Level 3. Level 1 dan Level 2 kita buat pengajian di TESDEC dan sambung pengajian di Perth, Australia untuk Level 3. Untuk pengetahuan Dewan, gaji pelajar-pelajar untuk pemegang *Deep Sea Divers* bagi kelulusan Level 1 adalah RM300 hingga RM500 sehari dan Level 2 adalah di antara RM1,000 hingga RM1,500 sehari. Manakala bagi Level 3 gajinya adalah di antara RM1,500 hingga RM3,000 satu hari. Ini menunjukkan bahawa perkembangan yang agak baik dan cukup baik. Saya berasa amat kagum dengan TESDEC sepertimana hari ini dan sebaik-baiknya saya cadangkan kepada kerajaan negeri supaya sediakan lagi, tambahkan lagi bajet untuk penambaaian infra untuk TESDEC contohnya, saya bercakap atas TESDEC dan juga kepada institusi-institusi lain.

Yang Berhormat Yang Dipertua, hari ini

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Penjelasan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tepoh mintak laluan.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Okey.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Wakil Kota Putera. Saya tertarik dengan apa yang disebut tentang pencapaian keputusan peperiksaan yang terbaik dalam semua peringkat di negeri Terengganu. Saya ingin kemukakan satu persoalan, adakah semua peperiksaan sebenarnya diungguli oleh negeri Terengganu. Kalau diungguli oleh negeri Terengganu saya mengira Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak memberikan penghargaan kepada seluruh peringkat-peringkat yang lain, hanya dicatatkan UPSR yang terbaik. Saya mohon penjelasan?

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih Tepoh. Tepoh mari lewat hari ini. Saya difahamkan sedemikian, kita juga mencapai keputusan yang cemerlang dalam PMR dan juga SPM dan juga STPM bukan hanya UPSR saja.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sebagaimana yang kita maklum hari ini

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Lualan sekali lagi. Terima kasih Kota Putera. Saya kira Kota Putera cukup bertimbang rasa dengan sayalah atas peluang yang diberikan. Saya mengira cara untuk menyatakan 'saya difahamkan' bukanlah masa yang sesuai untuk kita bentangkan dalam Dewan yang mulia ini sebab ia mestilah berasaskan kepada fakta, adakah Kota Putera mendapat fakta tersebut daripada JPN. Pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Okey, terima kasih Tepoh. Saya mendapat fakta daripada JPN dan sekiranya Tepoh ingin mendapat penjelasan lanjut, saya rasa saya boleh berikannya selepas pada ini. Okey, terima kasih Tepoh.

Yang Berhormat Yang Dipertua dan sidang Dewan. Sebagaimana yang kita tahu Generasi X dan Y pada hari ini adalah melebihi daripada 50% penduduk Malaysia. Jadi oleh yang demikian, saya menyarankan kerajaan negeri perlu memberi penekanan ataupun memberi fokus kepada golongan-golongan yang dimaksudkan iaitu X dan Y kerana saya melihat hari ini golongan-golongan ini merupakan golongan-golongan yang perlu kepada pemerhatian. Sebab itulah saya menyatakan di sini golongan-golongan ini yang menjadi aset sebagai untuk menjadi pemimpin di masa akan datang. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya kerajaan negeri menambahkan lagi

pembinaan-pembinaan kem untuk diberi latihan bukan hanya dari segi duniawi malah juga latihan pendidikan dari segi ukhrawi.

Yang Berhormat Yang Dipertua, contoh, kita sedia maklum bahawa pelajar-pelajar kita setiap tahun diserapkan dalam PLKN. Saya minta maaf saya tidak ada fakta atau *figure* untuk beritahu, cuma sumber maklum. Dan hari ini kita sedar bahawa ke mana pergi pelajar-pelajar yang pernah masuk ke Kem PLKN. Oleh yang demikian, saya cadangkan kepada kerajaan negeri supaya kita ambil semua data-data, kita kumpul bekas-bekas pelajar PLKN untuk kita kumpulkan balik, kita pertemukan balik untuk kita serapkan supaya pelajar-pelajar tersebut untuk kita tanamkan rasa cinta dan sayangkan kepada negeri dan negara. Sebab kita tidak mahu generasi-generasi akan datang sanggup membakar bendera Malaysia, sanggup mengkeji pemimpin-pemimpin yang telah secara nyata telah membangunkan negara Malaysia. Kita perlu tanamkan supaya cinta dan sayangkan kepada negara kita, negara Malaysia.

Yang Berhormat Yang Dipertua, pada hari ini saya rasa genaplah saya menjadi Yang Berhormat selama 7 bulan 5 hari. Sepanjang saya menjadi Yang Berhormat 7 bulan 5 hari ni, boleh dikatakan hampir tiap-tiap hari rakyat Kota Putera khususnya datang berjumpa saya merayu dan ada yang menangis, cuma tak merayu pegang di kaki je, saya pun tak bagi. Merayu dan ada yang menangis untuk diberi perhatian dipertimbangkan pemilikan rumah, bukan hanya dari segi golongan belia yang baru berkahwin tetapi ada juga golongan-golongan yang telah berumur. Mereka beritahu mereka duduk rumah sewa dah 20 tahun dah, sewanya dulu RM120, hari ini RM250 dah, mereka tidak mampu. Maka oleh kerana saya rasa perlu dan amat perlu kepada mengatasi masalah-masalah rakyat di bawah kerajaan pada hari ini 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan', saya cadangkan terutamanya saya pohon dibuat tinjauan atau pemantauan keseluruhan negeri Terengganu sama ada DUN mana ataupun daerah mana yang perlu kepada pembinaan Rumah Mampu Milik ataupun Rumah Kos Rendah. Contoh, saya nak katakan di sini, di DUN Kota Putera sudah hampir 10 tahun tidak ada pembinaan baru Rumah Kos Rendah ataupun Rumah Mampu Milik. Ini tidak memadai dengan populasi penduduk di DUN Kota Putera sebab itulah saya selaku Wakil DUN Kota Putera terasa amat resah dan gelisah, hari-hari boleh dikatakan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada kerajaan negeri berilah tumpuan untuk pembinaan rumah terutamanya kepada DUN Kota Putera.

Yang Berhormat Yang Dipertua, bukan itu sahaja, saya juga berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana telah memperuntukkan sejumlah wang untuk pembinaan rumah PPRT kepada setiap DUN dengan anggaran 10 buah untuk satu tahun. Namun begitu dari segi populasi orang-orang yang susah terlalu ramai di setiap DUN bukan hanya di Kota Putera sahaja maka saya mencadangkan supaya kerajaan negeri tambahkan lagi peruntukan untuk pembinaan rumah PPRT daripada 10 buah satu DUN setahun, boleh diberi 20 hingga 30 buah satu DUN untuk satu tahun.

Di samping itu juga Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan tahniah

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Penjelasan sekali lagi. Terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang dibincangkan berhubung dengan perumahan. Saya suka untuk merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012, seperti Kota Putera bersetuju dengan penemuan yang telah dicatatkan di dalam buku Audit ini pada 2.4.4., muka surat 17 – Prestasi Pengagihan Rumah Kurang Memuaskan. Saya kira Kota Putera menyatakan hasrat kepada pihak kerajaan supaya menangani isu ini supaya tidak berlaku pengagihan rumah-rumah ini secara yang tidak sebaiknya. Oleh sebab itu saya pohon penjelasan, adakah Kota Putera juga bersetuju dengan Laporan Audit ini dan prestasi perlu diperbaiki oleh pihak kerajaan?

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Okey, terima kasih Tepoh. Hai, main celah semacam ni, tak sudah dah hari ni. Saya memang bersetuju dan saya pohon cadangan ini kerana saya melihat kerajaan hari ini boleh menambahbaikkan, bukan tak bagus, bukan tak baik, memang dah baik tapi untuk menambahbaikkan lagi apa yang telah dilaksanakan sebelum ini. Terima kasih Tepoh.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua dan sidang Dewan

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Baru lepas pau barangkali

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terlupa, terlupa.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sekali lagi Yang Dipertua, kalau boleh.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Padanlah tu, banyak kali dah ni.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Satu je lagi.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Ginilah Tepoh, sikit lagilah giliran Tepoh pulak, lahlah nak banyak mana-manapun. Cukuplah dulu, padanlah tu. Sikit lagilah Tepoh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: 3 minit lagi Kota Putera.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Okey, Yang Dipertua. Terima kasih Yang Dipertua. Tepoh ni dia mari lewat, mulalah nak cakap banyak.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Teruskan, teruskan Kota Putera.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih. Sekali saya mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan ucapan tahniah kepada pihak pengurusan kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh pegawai-pegawai kerajaan kerana antaranya negeri Terengganu antara negeri yang tidak ditegur banyak oleh Laporan Audit.(Tepukan sokongan) Jadi setentang dengan itu, saya mencadangkan kerajaan negeri yang merangka Pelan Pembangunan mengikut acuan dan kerangka kita sendiri. Sebagaimana yang kita maklum negeri kita ini terlibat dalam Pembangunan Koridor Wilayah Timur. Pihak pengurusan kerajaan negeri adalah dicadangkan supaya membuat pemantauan yang rapi dan teliti supaya setiap menafaat yang dijangka akan diperolehi oleh seluruh negeri Terengganu. Oleh yang demikian, saya mewakili Kota Putera mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kota Putera. Seterusnya kita buka lagi ruang untuk perbahasan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): A'uzu billahi minasyaitanir rajim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Assalatuwassalamu ala asyrafil anbia iwamursalin. Wa ala alihi wa ashabihi ajmain. Yang dihormati Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan para Pemerhati yang dikasihi sekalian.

Seterusnya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama membahas Ucapan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada hari semalam.

Apa yang saya teliti pada hari ini, bajet pada kali ini nampaknya tak jauh beza dengan tahun-tahun yang lalu cuma dari segi amaunnya ada lebihlah dalam 10%. Apa yang nak saya tekankan di sini adalah sumber hasil. Kita dapati Terengganu masih lagi bergantung hampir 90% hasil adalah atas Dana Khas yang katanya perkiraan mengikut hasilnya daripada sumber atau hasil petroleum. Tapi malanglah bagi Terengganu ia tidak dinamakan royalti, royalti ini dia ada had yang kita boleh kira 5% dan berapa banyak yang patut kita terima dan kita boleh mintak melalui undang-undang sekiranya tidak dibayar kepada kita. Tapi bila disebut Dana Khas ni, 'khas' ikut suka pihak yang memegang duit kita untuk beri banyak mana. Oleh itu kita tidaklah begitu sangat boleh bergantung kepada semua yang berada di tangan orang, di tangan kerajaan persekutuan 'Dana Khas' itu. Sumber kita hanyalah lebih kurang 10% ataupun lebih kurang RM221 juta, itu sahaja sumber negeri jikalau tidak dicampur dengan Dana Khas. Sedangkan perbelanjaan wajib kerajaan, emolumen dan juga perkhidmatan dan bekalan sudah mencecah hampir setengah bilion, di sekitar RM445 juta. Maknanya kita kena sedar Terengganu ni kalau takdok sumber petroleum atau Dana Khas kita tidak mampu untuk mengurus kerajaan. Bayar gaji pun tak mampu maka pendek kata bankruplah negeri Terengganu kalau tidak ada Dana Khas. Itu satu kenyataan kelemahan yang kita ada yang kita kena akui demi untuk menjaga supaya generasi yang akan datang ini dapat terus menikmati kesejahteraan yang kita nikmati pada hari ini. Kerajaan sepatutnya lebih agresif dalam memajukan sumber-sumber lain untuk memastikan

.....

YANG BERHORMAT DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tuan Yang Dipertua, boleh mintak laluan sedikit.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bolehlah, Exco.

YANG BERHORMAT DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih. Saya tertarik jugak dengan Bukit Tunggal ni tapi masalahnya seingat saya Terengganu ni tak pernah lagi bankrup, itu satu. Yang kedua, bagaimana Bukit Tunggal buat perkiraan maknanya kalau takdok hasil daripada royalti minyak tu Terengganu akan bankrup. Ikut mana kira?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dia mudah aje. Dia nak kiranya, duit Dana Khas 90%, duit kita ada 10% aje, hak betul-betul hak hasil negeri tanpa bantuan sesiapa. Ibarat kata kita seorang anak gaji RM10, yang RM90 lagi nak berharap ke ayah sokmo tiap-tiap tahun, kalau ayah tak beri kita berhutanglah. Dalam buku Ucapan Bajet ini pun ada dinyatakan. Maknanya sekiranya tidak ada bantuan Dana Khas ini nak bayar gaji Exco pun tak boleh. Itu maknanya yang jelas tapi alhamdulillah, masih lagi orang bagi duit dengan nama Dana Khas itu bolehlah hidup untuk menyara kehidupan kerana ayah masih bantu anak yang dhaif tu, ihsan daripada ayah. Saya bercakap ini soal masa depan sebab hari ini bolehlah orang kata harap ke Dana Khas lagi sebab kerajaan pusat sendiri pun menanggung hutang yang besar dah lebih dari RM500 bilion, mencecah 54% KDNK. Sudah tenat jugak dia pun, ayah pun sudah agak tenat, apa jadi sekiranya pusat pun jugak tak ada duit Dana Khas pun takdok dengan kita maka di situlah baru kita nak fikir, maka itu sudah terlambat.

Saya nampak ada perancangan, pelaburan yang besar yang dibuat untuk sebagai sumber ekonomi negeri yang dikatakan pelancongan. Memang Terengganu ini berpotensi untuk dibangunkan sebagai industri pelancongan tetapi hingga hari ini nampaknya daripada buku bajet yang dibentangkan, buku yang besar ini tak nampak sangat sumber daripada pelancongan yang membantu dari segi *revenue* kerajaan negeri. Walaupun orang kata sudah bangunkan Monsoon Cup dah habis beratus juta tapi hasilnya tak nampak. Taman Tamaddun Islam jugak tak nampak yang masuk hasilnya di dalam buku bajet ini. Buat apa lagi? Di Kenyir, macam-macam projek di Kenyir jugak tidak nampak hasil yang boleh kita lihat secara bertulis dalam buku bajet. Ini yang saya katakan bahawa mungkin kita boleh cari

sumber-sumber lain yang ada dalam negeri kita. Antaranya, satu usaha yang bagus jugak bila mana kerajaan mula menerokai perlombongan besi di Bukit Besi tetapi itu hasil atau bijih yang ketinggalan iaitu sebuah bukit yang habis besinya yang tinggal bijih yang sudah diusahakan sebelum ini, tinggal baki-bakinya saja lagi, entah berapa banyak mana bakinya, berapa tahun lagi boleh bertahan itu tidak dapat kita pastikan dan mungkin kerajaan boleh nyatakan berapa lagi simpanan bijih besinya. Tapi saya tertarik untuk menyatakan di sini ialah bilamana Jabatan Geo Sains kita melaporkan bahawa ada penemuan satu mineral baru di Terengganu ini iaitu yang dinamakan Andalusite yang ditemui sekitar Kemaman dan Dungun yang pernah diberi suatu kenyataan akhbar oleh Jabatan Geo Sains Negeri Terengganu ini yang mana ia merupakan satu mineral ataupun galian yang keras yang boleh digunakan dalam bentuk dua perkara sama ada dimajukan sebagai gemstone ataupun tetapi yang lebih penting bagi saya oleh kerana kita ada industri besi maka apa salahnya kita buat satu kajian yang mendalam ataupun terperinci untuk digunakan Andalusite ini sebagai batu bata refractory ataupun *refractory bricks* yang boleh digunakan untuk kilang besi waja kita kerana ia satu bricks yang tahan panas, tahan tekanan dan sebagainya yang sangat sesuai untuk dimajukan bersama dengan kilang besi yang sedang dimajukan sekarang. Itu sebagai suatu pandanganlah. Untuk itu kajian mesti dibuat di peringkat awal

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, penjelasan daripada Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Wakil Bukit Tunggal duk sebut Andalusite macam bijih besi ini guana hal ni. Dia Andalusite ini bukan macam bijih besi. Ini faham tak Andalusite

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Amat Berhormat

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ini saya nak tanya, sekarang ini Andalusite ini guna di mana, dari segi komponennya?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sekarang ini ada di Afrika Selatan, ada

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Gunanya di mana?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Guna di China ada, dieksport. Diguna untuk refractory bricks, dia batu bata untuk tempat bakar bijih besi sebab dia tahan panas dan dia cukup kuatlah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Banyak lagi benda yang boleh guna

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya nak sebut yang nak kait dengan bijih besi. Satu lagi, *gemstones* (batu permata).

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Lagi?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Itulah yang hak penting yang saya sebut. Kita nak sebut benda yang boleh berkait dengan bijih besi yang ada.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab itulah kita kata, kita patut bersyukur kepada Allah Taala atas pemberian ini dan kita tak beri ke orang untuk jual kecuali orang datang untuk mengusahakan industrinya di sini baru kita beri.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak sekarang ini, saya mencadangkan sebab kita bergantung sekarang ini kepada minyak, alhamdulillah. Jadi untuk generasi yang akan datang kalau minyak habis kita ada satu persiapan. Kajian kena buat semasa kita ada duit, *reserve*. Ini yang saya sebutkan kita perlu aktif, kita kena agresif dalam menyediakan ekonomi negeri. Eh! Macam nak bertukar Menteri Besar pulak. Minta maaf, gurau aje.(Dalam gelak)

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: 3 minit lagi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Eh! Banyak lagi ni. Gangguan, gangguan, Exco ganggu ni, macam mana ni. Yang kedua, saya nak sebut di sini ialah berkaitan dengan kita tinggallah Andalusite ni tapi kita

minta kajian dibuat supaya dapat dimajukan sebagai hasil negeri untuk masa depan.

Saya tertarik dalam muka surat 32 - para 47. Saya baca petikan dengan izin. "Kerajaan juga telah dan akan melaksanakan kerja-kerja mendalam dan membersihkan sungai bagi melancarkan aliran air untuk mengelak dan mengurangkan masalah banjir." Saya tengok kenyataan ini seolah-olah bertentangan apa yang dilakukan di Sungai Terengganu. Kerajaan sepatutnya mendalamkan dan membersihkan sungai untuk melancarkan air ke laut. Tapi apa yang berlaku di Sungai Terengganu bukan dibersihkan tetapi ditambah pulau-pulau jadian, pulau-pulau ciptaan manusia. Dulu kita ada satu longgokan pasir dekat jambatan dan masih belum dialihkan lagi. Lepas itu dibuat pulak Pulau Warisan namanya di tengah Sungai Terengganu sekarang ini ditambah pulak untuk dibuat *Double Frontage* dekat Pasar Payang hingga kepada Syahbandar. Tak apalah projek itu, kita tak halang projek tetapi ia dengan ini menyebabkan air jadi tersumbat. Yang kita kata nak melawaskan laluan air sudah menjadi banyak sekatan-sekatan baru yang diwujudkan oleh tangan-tangan manusia sendiri. Dan inilah yang saya rasakan yang berlaku baru-baru ini, walaupun kita tahu fenomena air pasang berlaku setiap tahun berlaku di Pulau Ketam, berlaku di Pulau Duyong, berlaku di Seberang Tuan Chik Haji, berlaku di Bukit Tumbuh dan tepi Sungai Terengganu. Tapi baru-baru ini hujan macam biasa, saya orang di situ bukan macam di Kemaman hujan yang luar biasa, hujan macam biasa saja tetapi sudah menyebabkan banjir kilat, menyebabkan penduduk tidak boleh tidur malam, air naik pukul 10.00 malam dan pukul 2.00 pagi baru nak surut terpaksa pindah dengan barang-barang ke tempat selamat tapi sebelum ini tidak pernah berpindah. Dia orang dah lama duduk di pulau dia orang tahu paras air sepatutnya naik. Tapi baru-baru ini air telah naik melebihi daripada apa yang sepatutnya berlaku dan lama pulak untuk dia surut semula. Ini mungkin akibat daripada laluan sempit di muka kuala Sungai Terengganu. Tak timbul lagi masalah nelayan-nelayan yang mengadu bila air surut jadi laju, jadi fenomena *bottle neck*, yang luas jadi sempit jadi air semakin laju. Jadi susah bagi nelayan untuk masuk bila air surut. Saya bimbang kerana maklumat yang saya terima daripada Audit Negara yang mengatakan Terengganu ini antara negeri yang menghadapi jarak pantai terhakis yang agak besar iaitu 62.5% pantai Terengganu terhakis. Dan Terengganu pun belum ada lagi apa yang kita panggil Kajian ISMP (*Integrated Shoreline Management Plan*) belum dibuat untuk negeri Terengganu tetapi pembangunan begitu pesat. Begitu jugak dengan Sungai Terengganu

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Perhabis Bukit Tunggal, 1 minit lagi deh. Kita bagi 15 minit seorang.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kalau boleh mintak tambah sikitlah. Sepatutnya penambakan muara Sungai Terengganu dibuat setelah selesai kajian hidrologi

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Izin laluan Tuan Yang Dipertua. Boleh ke?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Exco ganggu, dah masa tinggal seminit *dokdang* dah, minta maaf kekgilah deh.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sikit je nak tanya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Hak tanyalah, nak tanya sangat.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tadi Yang Berhormat kata belum lagi dibuat kajian ISMP, di mana bukti kata belum ada kajian lagi tu? Terima kasih. Sikit aje tanya tu, tak banyak.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Dalam Laporan Audit, tak baca buku Audit ke?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya tanya daripada mana cuba nyatakan dengan jelas sikit?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Laporan Audit, Audit Negara.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sebut dengan jelas sikit.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Laporan Audit!

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dok baca tu, dok baca.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok tahu kala.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laporan Audit tu bukan disebut Terengganu ke?(Dalam gelak)

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Allah! Odek, Odek ke guana, orang Besut sebut Odek? Odek, Odeklah(dalam gelak)..... Apa yang saya dimaklumkan bahawa penambakan muara Sungai Terengganu yang dibuat sekarang ini sebelum selesai sepenuhnya Laporan Hidrologi dan juga alam sekitar. Dua-dua surat yang dijawab oleh JPS Terengganu dan juga Alam Sekitar. JPS pada 4 September 2013, yang menyatakan bahawa pihak kontraktor ada menyerahkan Laporan Hidrologi tetapi ia tidak sempurna dan perlu disempurnakan. Pada 4 September, tak sempurna tetapi apa yang saya lihat di papan tanda projek penambakan ini bermula; Tarikh Mula Masuk Tapak 30.12.2012 maknanya dah 9 bulan projek berjalan, laporan dihantar tak siap jugak. Suruh dibuat semula di samping projek itu berjalan. Ini yang saya bimbang dengan Laporan Audit menyatakan begitu, dengan jawapan Menteri di Parlimen jugak menyatakan ianya belum sempurna. Dan Menteri pun hairan macam mana projek dibuat dalam sungai dipantau oleh JKR, tidak mendapat pandangan daripada JPS. Ini antara perkara-perkara pelik yang berlaku di Terengganu yang harus diberi perhatian. Kita bimbang dalam musim-musim seperti ini, sekarang ini berlaku di Kemaman

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Tuan Yang Dipertua, pohon laluan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Hah ... sudah dah, masa nak habis dah ni. Cakap kekgi deh.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Sikit jer, nak tanya sikit jer.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Menteri Besar tanya, Exco tanya, macam-macam tanya ni.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Orang baru ni nak tanya sikit jer.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Duduk dulu, duduk dulu. Saya nak perhabis ni.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Takut kalau engineer nak tanya, hak dok engineer ni dok takut mana.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Engineer ke, serupa yer jer takut tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Teruskan, teruskan, Bukit Tunggal. Tolong habiskan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ya, saya ada sikit lagi ni. Saya nak sebut hak penting ni, satu lagi. Nak sebut hak tu susah dah tu. Tentang kepentingan. Sekarang ini melihat bahawa orang mementingkan tentang alam sekitar, penjagaan alam sekitar sepertimana ada disebut dalam buku bajet di muka surat 37, para 57. Kerajaan komited tentang keseimbangan, pemeliharaan alam sekitar dan sebagainya. Kita kebetulan di Terengganu ini ada suatu sumber tenaga yang baik tetapi nampaknya kita macam ketinggalan dari sudut penggunaan sumber asli yang mesra alam. Nak saya sebut di sini ialah gas asli untuk kenderaan ataupun *NGV (Natural Gas Vehicle)* kerana pada hemat saya tidak sepatutnya kita ketinggalan dalam dua sektor dua keutamaan, dua kepentingan rakyat daripada satu sumber. Pertama sekali dari segi kebersihan alam sekitar

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal dah lama dah ni, minta tolong, ya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya akan beri beberapa perkara lagi kerana ini penting untuk dinilai oleh kerajaan tentang rakyat Terengganu. Gas asli ini dia mesra alam, bila dibakar gas asli ini *carbon*

dioxide yang dikeluarkan kurang 30% daripada petroleum biasa, itu satu kepentingan *Green House*, kepentingan menjaga alam sekitar, mengurangkan pengeluaran *carbon dioxide*. Yang kedua, kosnya sangat rendah. Saya buat perkiraan di sini daripada beberapa sumber

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal, lama sangat dah ni. Bukit Tunggal tolong patuh pada peraturan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya nak sebut hak akhir dah ni. Kalau kita ambil kira gas asli ni kos dia 4.5 sen satu kilometer. Petrol sekarang ini dah naik harga 19 sen hingga 20 sen satu kilometer, maknanya empat kali ganda kita boleh jimat. Pergi ke Kuala Lumpur kalau petrol biasa RM100 tapi kalau guna gas asli hanya sekitar dalam RM23 – RM24 sahaja, ini penjimatan yang boleh kita buat tetapi kalau tengok kepada Laporan PETRONAS yang banyak dibuka Stesyen NGV ini adalah di kawasan Lembah Klang, di Terengganu tiada. Ini yang saya mintak supaya kerajaan boleh ambil suatu perjalanan untuk beri dua keistimewaan yang boleh kita dapat untuk menjaga alam sekitar dan boleh mengurangkan beban hidup rakyat yang menggunakan kenderaan, ini perkara yang sangat penting. Pusat penapis, pendaratan berada di Kertih tapi rakyat Terengganu sendiri tidak dapat menikmati hasilnya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bukit Tunggal, saya rasa lima kali dah saya beri amaran

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Minta maaflah Yang Dipertua sebab ayat kena habis, kalau tergantung susah jugak, tak faham nanti, jadi Yang Dipertua tak faham, saya pun tak faham. Jadi saya ucap terima kasihlah kepada Yang Dipertua kerana sabar jugak dengan masa yang saya ambil dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Wallahu wa'alam. Wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tunggal. Kita teruskan perbincangan. Yang Berhormat Bandar, dipersilakan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Ahli-ahli

sidang Dewan yang saya hormati, Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh rakan-rakan.

Pertamanya, belanjawan yang kita umumkan semalam dan kita bincang untuk dua hari atau tiga hari yang akan datang ini adalah suatu terjemahan biasa yang patut kita buat dan sekiranya berlaku apa-apa dalam belanjawan ini natijahnya amatlah besar kerana kuasa tertinggi dalam sesebuah negeri dan juga negara terkandung dalam kedudukan atau kuasa undang-undang yang diperturunkan atau diiktiraf dalam sesebuah negara demokrasi seperti kita. Dan Terengganu juga mesti akur kepada perkara ini dan implikasi terhadap undang-undang ataupun spesifiknya belanjawan yang kita umumkan semalam untuk diluluskan adalah implikasi perundangan dan implikasi keperlembagaan. Oleh kerana itu sesi ini adalah sesi yang sangat mustahak dan kita tidak harus mengambil ringan tentang aspek keperlembagaannya atau aspek perundangannya. Oleh itu, saya mintak kita semuanya terutama fungsi Yang Dipertua supaya meneliti dan memandu perbincangan kita ini agar kita tidak berlaku sebarang pelanggaran terhadap prinsip keperlembagaan iaitu undang-undang yang boleh membawa akibat atau masalah apa yang dikatakan sebagai krisis keperlembagaan itu. Jadi saya bukan seorang pengamal undang-undang dan saya kira di barisan di sebelah sini tidak ada seorangpun pengamal undang-undang namun begitu saya berharap kita semua memikirkan soal ini kerana pernah berlaku beberapa insiden yang kita tidak sedar dan kita tidak rekodkan di tempat-tempat lain. Rektifikasi perlu dibuat dan implikasinya agak besar dan saya rasa amat tidak wajar perkara itu berlaku.

Perkara pertama yang saya nak bawa untuk dapat kepastian sebelum kita berbincang tentang kewajaran kita menggunakan atau meluluskan belanjawan untuk pentadbiran negeri Terengganu pada tahun 2014 yang dicadangkan berjumlah RM2.203 bilion yang dibentangkan semalam. Perkara pertama yang saya nak mintak kepastian yang apabila jumlah ataupun angka yang dibawa ke dalam Dewan untuk perbahasan ini tertumpu kepada beberapa aspek utama. Yang pertama, Kertas Warta Kerajaan yang berwarna biru yang dibekalkan kepada kita semua yang dibaca dan dibentangkan semalam iaitu merujuk kepada B.02 sehingga B.34, muka surat 117 sehingga 119. Di mana angka yang dibentangkan pada Kertas Warta yang nak kita luluskan ini berjumlah RM2,070,515,525.78 ini adalah angka yang disebut dan dibentangkan, dipandu melalui Kertas Warta. Dalam masa yang sama kita ada satu lagi jumlah yang dibentangkan di hadapan kita jugak iaitu di bawah perkara P, P.02 sehingga P.32 yang berjumlah

RM1,207,625,310.00 menjadikan keseluruhan antara belanjawan B dan P sebenarnya berjumlah RM3.278 bilion. Saya mintak pengesahan adakah kedua-dua angka ini kita akan bincangkan, luluskan dan perkenan atau kita angkat sebagai satu angka yang akan kita gunakan untuk mentadbir negeri Terengganu pada sepanjang tahun 2014 akan datang. Saya ada dua aspek yang mustahak untuk kita perincikan iaitu perkara B.02 sehingga B.34 dan P.02 sehingga P.32. Kedua-dua jumlah saya sebut lagi sekali iaitu melebihi RM3 bilion. Ini adalah angka yang mesti kita capai kata sepakat dalam Dewan ini dalam undian terbanyak untuk tujuan kelulusan. Dalam masa yang sama saya mohon izin dengan rakan-rakan di sebelah sini untuk mengimbuai semula perkataan ataupun takrifan yang telah diberi oleh Tuan Yang Dipertua di Dewan Rakyat pada tahun 2010 yang menyatakan bahawa kedudukan pembangkang hanya sah dikatakan membangkang apabila mereka tidak melepasi angka 30%. Bermakna kurang daripada 30% dia dianggap pembangkang untuk membangkang apa saja yang dibawa oleh pihak kerajaan. Apabila dia mencecah 41% dia dianggap bukan pembangkang tapi fasilitator kepada keputusan kerajaan. Dalam masa yang sama takrifan di dalam Dewan Undangan Negeri pada pandangan saya mentakrifkan apa yang digarap oleh Timbalan Speaker di Dewan Rakyat, kedudukan kita sebenarnya adalah menjadi fasilitator iaitu pengimbangtara dan juga *check and balance* ataupun menjadi penyemak kepada keputusan-keputusan yang diambil oleh kerajaan. Dalam kes ini di dalam Dewan Undangan Negeri, kami adalah kumpulan ataupun pasukan yang menyemak apa saja keputusan yang dibawa oleh kerajaan negeri. Dan saya rasa, saya mohon persetujuan ini, kami akan berfungsi sepenuhnya untuk *facilitate* dalam perkara belanjawan ini. Kami tidak ada, saya terutamanya tidak ada niat untuk membangkang membuta-tuli tapi akan gunakan ruang sepenuhnya untuk *facilitate* dan juga untuk *check* untuk membawa elemen *balancing* dengan izin, dalam setiap perincian. Sebab itu saya bangkitkan isu berkenaan dengan kedudukan kewangan yang kita mohon untuk kelulusan Dewan untuk tujuan mentadbir seluruh negeri Terengganu. Saya faham implikasi sekiranya perkara ini tidak diluluskan atau punya implikasi perundangan dia akan mengakibatkan seluruh pentadbiran kewangan negeri Terengganu untuk sepanjang tahun 2014 terkesan. Sebab itulah saya menganggar kepentingan perbincangan berkenaan dengan perbincangan usul belanjawan ini sangat mustahak. Sebab itu sekiranya berlaku keperluan masa untuk menilai, menimbang dan sebagainya, saya rasa Tuan Yang Dipertua punya kuasa untuk memanjangkan, saya rasa ramai yang bersetuju kalau kita boleh bersidang, kalau Dewan Rakyat boleh bersidang hingga pukul 12.00 malam, 10.00 malam dan sebagainya, kenapa

negeri Terengganu yang secara muktamadnya antara negeri yang terakhir dalam sepanjang tahun 2014 ini membincangkan tentang belanjawan, kita beri tumpuan kerana status kita adalah belanjawan yang tertinggi dalam negara Malaysia. Tak ada negeri lain lagi yang mempunyai belanjawan tertinggi

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa Y.B. Bandar, kita teruskan perbincangan, kita tengok macam mana keadaan. Kalau kata nak sambung sehingga malam kalau katalah perbincangan tidak boleh ditamatkan dalam masa yang tertentu

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Dipertua Dewan, pembetulan, Sabah RM4.6 bilion lebih tinggi daripada negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa kita mintak supaya teruskan perbincangan agar menampakkan profesional kita untuk membahaskan apa-apa perkara yang perlu untuk dibahaskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Ini baru *start*.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Baru *start*, okey.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Dan saya rasa perkara ini tidak perlu berlaku dan saya mohon kepada semualah ambil perbincangan ini sebagai perbincangan satu keluarga pentadbir negeri Terengganu yang besar dan kita nak bawa perkara yang baik. Kita tidak ada niat untuk membawa perkara yang remeh yang dianggap tidak mustahak dalam Dewan yang mulia ini.

Berkenaan dengan strategi memperkukuhkan kaedah menggunakan kewangan negeri Terengganu secara *prudent* dengan izin, adalah perkara sama yang telah berulang-ulang dalam tiga sesi perbincangan yang lalu. Saya masih ingat lagi Yang Berhormat mewakili Air Putih menyebut tentang keinginan beliau untuk memperlihatkan negeri Terengganu pentadbirannya mencari sumber dana baru. Dan baru sekejap jugak disebut semula oleh Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal, jiran sebelah saya yang menyebut tentang kepentingan ini secara signifikan, kita

mesti cari. Ini jugak tidak perlu kita huraikan semula kerana ini adalah fakta di mana kebergantungan kita yang terlalu ketat terhadap dana yang datang daripada kerajaan persekutuan itu pada saya sangatlah tidak wajar. Dan semalam ulasan atau pembentangan yang menyebut tentang adanya pelaburan baru FDI daripada negara-negara tertentu yang termasuk dari China dan sebagainya yang berjumlah RM6.6 bilion dan seterusnya boleh dikatakan jaminan terhadap mengurangkan kebergantungan ini. Saya harap perkara ini akan menjadi kenyataan. Dalam masa yang sama jugak saya hendak mengulangi kerana kebertepatan dengan musim yang kita lalui beberapa hari yang lalu musibah yang kita hadapi, kepentingan untuk kita meneliti tentang kesan negatif yang akan dibawa atas pembangunan jenis ini kepada alam sekitar. Kerajaan negara Jepun telah meneliti semula tentang kedudukan ini apabila berlakunya malapetaka di Fukushima yang menyebabkan seluruh dunia membuka mata terhadap kurang pentingnya mengutamakan tentang penjanaan dana apabila impak alam sekitar yang ditanggung oleh rakyat sesebuah negara itu lebih buruk daripada perkara yang kita nak cari itu di masa hadapan. Jadi saya fikir ini adalah satu peringatan yang sangat besar yang perlu kita fikirkan jugak dalam kita meneliti. Sebab itu saya bertanya kepada Air Putih tadi, adakah perkara ini nak ditekankan dalam pentadbiran negeri Terengganu supaya mengutamakan *impact assesment* alam sekitar supaya perkara pengalaman buruk yang telah dilalui oleh orang lain itu kita jadikan iktibar. Saya rasa perkara ini jugak kita mintak ulasan dalam penggulungan nanti diberi dan dibentangkan kepada kita. Dan saya ingin bertanya tentang perancangan kita sekiranya ada, apakah kita bergantung kepada kedudukan kepakaran di luar negara sekali lagi atau kita punya keupayaan untuk membina kepakaran di dalam negeri kita atau di dalam negara kita, apakah perancangannya secara jangka panjang atau pertengahan untuk mengimbangi kedudukan barangkali potensi malapetaka yang akan datang sekiranya kita tidak membuat persiapan yang rapi. Saya ingin juga melihat bagaimana kedudukan pelaksanaan beberapa dasar yang telah diambil diperingkat persekutuan memberi kesan juga kepada rakyat negeri Terengganu. Sebagai contoh yang sangat popular diperkatakan 10 peringkat adalah pelaksanaan cukai baru, cukai barang dan perkhidmatan yang akan dilaksanakan, kuatkuasanya pada 1 April 2015. Di peringkat negeri Terengganu saya ingin bertanya apakah persiapan di dalam belanjawan? Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak langsung menyebut tentang persiapan yang bakal kita buat seperti memberi penerangan, pengisian yang memberi kefahaman kepada rakyat negeri Terengganu. Kita tahu seperti yang disebut oleh Air Putih tadi tentang kenaikan dalam pendapatan isi rumah

ataupun purata pendapatan rakyat negeri Terengganu. Saya tak mahu berbincang atau berbahas tentang perkara itu tapi suatu kesedaran yang menyeluruh patut ada kerana pendapatan perkapita yang disebut itu tidak mencerminkan pendapatan isi rumah purata dan juga majoriti rakyat negeri Terengganu. Kita tahu 92% rakyat negeri Terengganu masih lagi berada di bawah paras garis pendapatan sederhana dan rendah. Walaupun kerajaan pusat telah menyebut bahawa keseluruhan berlaku kenaikan sebanyak 28% anjakan kepada jumlah tersebut tetapi di negeri Terengganu kita masih berada di tahap kebanyakan, sebahagian besar atau hampir 95% rakyat negeri Terengganu berada di tahap pendapatan sederhana dan rendah. Di mana kerajaan berhasrat untuk membawa anjakan ini pada tahun 2015 kepada RM48,000 pendapatan purata isi rumah untuk menjadikan Malaysia bersiap sedia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Tetapi di negeri Terengganu kita masih terikat kepada tahap ini sebab itu saya katakan ada atau tidak perancangan kita untuk memberi penjelasan kepada rakyat kita tentang kesan yang bakal kita hadapi kerana GST sifatnya bukannya cukai yang diamali atau diikuti diamalkan dalam negara kita seperti cukai-cukai yang lain, ini adalah satu bentuk percukaian yang baru. Jadi adakah pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu membuat persiapan, membuat cadangan untuk memberitahu tentang kesan supaya rakyat kita sekurang-kurangnya mendapat sedikit pengetahuan asas. Saya jamin buat masa ini belum ada satu perancangan teliti di peringkat negeri untuk mengadakan perancangan khusus meningkatkan pengetahuan rakyat negeri Terengganu tentang kesan GST yang bakal dialami oleh semua orang. Saya rasa Dewan ini tidak harus dijadikan tempat untuk kita menumpukan kepada sifat ini tetapi saya mintak dan merayu kepada pentadbiran negeri Terengganu, pegawai-pegawai kerajaan dan semua supaya jangan kita ketinggalan daripada memasukkan elemen memberi penerangan tentang kedudukan GST. Ini adalah kerana untuk sebagai persediaan asas kepada kita. Dan saya faham, saya percaya jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Kastam Di Raja Malaysia yang juga ada pejabatnya di negeri Terengganu yang menjadi badan berkuasa yang akan menjalankan tanggungjawab ini bagi pihak kerajaan dan juga badan-badan yang lain di peringkat pentadbiran kerajaan negeri sendiri boleh memainkan peranan untuk memberi penjelasan tersebut.

Saya juga ingin bertanya tentang kedudukan semasa pembangunan dalam elemen sukan, ecotourism dan juga pendidikan. Satu saja saya ambil, saya tak mahu nanti saya dilihat terlalu mengambil masa yang lama, ya, Tuan Yang Dipertua. Saya nak bertanya berkenaan dengan sukan kerana isu ini adalah menjadi level

nasional iaitu berkenaan dengan kedudukan potensi yang dikatakan potensi yang besar kerana kita telah melabur melebihi RM180 juta dan juga RM20 juta setahun peruntukan daripada Kementerian Belia Dan Sukan terhadap Program Monsoon Cup. Setelah berlaku polimik yang kata kerajaan, Kementerian Belia Dan Sukan telahpun membuat keputusan untuk memindahkan pelaksanaan program ataupun program sukan Monsoon Cup ini ke tempat lain, apakah persediaan kita semula dan apakah langkah yang kita ambil terhadap jumlah pelaburan yang telah kita curah kepada tempat dan juga perbelanjaan kepada aktiviti tersebut kerana ini jugak bersangkutan dengan garis panduan kerajaan pusat yang menyatakan keutamaan sesebuah kerajaan negeri di bawah pentadbiran persekutuan adalah '*value for money*' dengan izin, iaitu mengutamakan sama ada logik atau munasabah kita berbelanja dengan hasil kerana apa yang kita lihat sekiranya perbelanjaan itu terlalu jauh berbanding dengan hasil ataupun manfaat yang kita dapat saya rasa kita harus memikir semula untuk membuat keputusan meninggalkan atau membuang perkara tersebut. Saya rasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam pun ada menyebut dalam buku ini berkenaan konsep '*value for money*', dengan izin. Jadi di peringkat kita, saya jugak nak bertanya apakah langkah yang kita nak ambil sekiranya perkara ini berlaku, saya rasa tidak cukup dengan hanya kita memberi ancaman atau mengugut dan sebagainya, kata nak tarik *sponsorship* dalam bidang lain. Saya bersetuju jugak sebenarnya atas premis atau dasar anak Terengganu, saya pun tidak suka dan sangat kecewa apabila dilayan sebegitu rupa. Memang betul saya berkongsi sentimen itu tapi adakah persediaan kita dalam bentuk yang lain untuk mengatasi elemen penarikan semula ini? Adakah terjejasnya projek kita untuk membina hotel mewah atau apartmen mewah lanjutan daripada penarikan program tersebut? Adakah selama ini ukuran untuk kita membina apartmen mewah untuk sebagai memenuhi kehendak ataupun *effect* kepada pembangunan sukan berbentuk ini? Sekarang apabila program ini ditarik atau dialih ke negeri lain adakah kita jugak menjalankan kajian kemungkinan berlakunya *abundance* dengan izin, sekiranya kita terlalu banyak membina kemudahan-kemudahan ini tanpa ada satu tujuan yang spesifik maka akan berlaku lebihan atau lambakan kemudahan ini. Ini jugak perlu diteliti dan saya mengaku, saya agak *confuse* tentang dasar atau tentang perkara ini. Dan Yang Berhormat Exco yang bertanggungjawab kepada pelancongan jugak saya rasa beliau agak gigih untuk mempertingkatkan kedudukan pelancongan negeri Terengganu. Cuma saya nak katakan di sini bahawa *undeveloped* dengan izin, dalam sektor pelancongan negeri Terengganu sangatlah besar, terlalu banyak elemen yang berharga di negeri Terengganu ini seolah ditutup dengan *kain kebor*,

kita macam masih lagi menyimpan ataupun menyembunyikan perkara itu daripada kita *exploit*. Saya rasa antara enjin kedua yang besar selain daripada pergantungan kepada petroleum dan gas, saya rasa pelancongan Terengganu tidak ada orang yang boleh nafikan kita punya nilai ekskavasi yang sangat besar, lebih besar daripada negeri-negeri di Pantai Barat termasuk di Kedah dan di Sarawak. Saya tengok satu dokumentari luar negara yang menyebut tentang sekiranya tumpuannya untuk melihat negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan dia tidak sebut Terengganu tetapi saya rasa itu memang dimaksudkan negeri Terengganulah yang mempunyai nilai sejarah yang bermutu tinggi di seluruh dunia. Dan ini adalah satu bidang yang perlu kita eksploitasikan dan saya rasa kehairanan saya kenapa kurangnya pelancong yang datang ke negeri Terengganu yang melihat negeri Terengganu sebagai destinasi pelancongan bukan saja untuk pergi ke pantai dan pulau, perkara lain lebih banyak dan besar manfaatnya tetapi mereka tidak tahu dan mereka tidak mempunyai arah yang betul

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar, ada 3 minit lagi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ada 3 minit lagi, saya bagi *extra* 5 minit sebab mukadimah lama tadi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yalah, tak apa, kalau tak nak dengar kita bagi pendapat pun tak apalah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Boleh, tak ada masalah, kita bagi dah lebih tu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Cuma ada pihak yang bertanya: "Kenapa susah untuk kita usahakan supaya *landing right* pesawat-pesawat daripada negara-negara yang terdekat dengan kita seperti Vietnam, Cambodia, mungkin Thailand juga ataupun mungkin Laos yang berhajat untuk datang terus ke negeri Terengganu kerana kita mempunyai landasan yang cukup untuk menampung pesawat-pesawat yang berkeupayaan begini untuk tanpa pergi ke KLIA. Itu cuma perlukan perundingan di antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat atau MAB saja untuk kebenaran. Dan ini sebenarnya akan mendatangkan kedudukan yang cepat dari segi pertumbuhan dalam bandar Kuala Terengganu dan

seluruh negeri Terengganu. Dan *Support System* yang disebut oleh Air Putih tadi memang betul kalau kita ada persediaan yang cukup untuk kolaborasi antara dua-dua perkara ini akan mendatangkan impak yang betul. Tetapi saya nak tanya adakah kita bersedia dan merancang perkara ini dan dalam belanjawan kita saya tidak nampak ada. Mungkin nak buat dalam Belanjawan 2015 dan mungkin seterusnya. Tapi saya berharap perkara ini boleh wujud dan patut ada.

Saya nak cadangkan satu perkara kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, oleh kerana petroleum dan gas pergantungan kita besar dan mungkin kita akan hilang suatu hari nanti tentang sumber ini. Sebelum perkara ini berakhir ataupun hilang ataupun kebimbangan terhadap lupusnya kepentingan petroleum dan gas, saya rasa ada baiknya kerana saya melihat Kerajaan Brunei pernah mencadangkan, pernah melaksanakan dan pernah menganggap perkara itu sebagai satu khazanah utama negara Brunei dan kita di negeri Terengganu ini rasanya lebih kurang setaraf dengan kedudukan tersebut kenapa tidak kita boleh cadangkan supaya kita membentuk satu '*Royal Petroleum of Terengganu*' yang diterajui oleh kedudukan tertinggi dalam negeri kita untuk melihat bahawa negeri Terengganu sebagai negeri awal di Semenanjung Malaysia yang punya khazanah yang bernilai tinggi, besar ini supaya dapat kita kekalkan benda ini untuk masa 100 – 200 tahun akan datang bahawa ada satu tanda yang negeri Terengganu adalah penjana utama kepada pendapatan negara melalui sumber petroleum dan gas. Dan dengan tertubuhnya '*Royal Petroleum of Terengganu*' sekurang-kurangnya kita boleh simpan nilai untuk masa hadapan dan jugak kita boleh mempertahankan perkara ini.

Saya nak tanya satu, terlupa tadi. Ada orang hantar SMS kepada saya mintak saya tanya kepada Exco Pelancongan, dia tak ada dalam Dewan ni, tolong semak betul atau tidak beberapa blog ataupun website yang menyebut bahawa antara 10 orang wanita tercantik di dunia berpengaruh dan kaya, yang punya kedudukan yang baik salah seorangnya adalah Tuanku Permaisuri negeri Terengganu. Adakah perkara ini pernah diketahui oleh Exco Pelancongan sebab saya nampak bukan sahaja dari nilai, sekurang-kurangnya dari nilai pelancongan kerana dia diletakkan sebaris dengan permaisuri-permaisuri di tanah Arab dan negara Brunei. Ini pada saya adalah satu elemen yang agak baik untuk kita rektifikasikan, kita kembangkan kerana ini rasanya satu kedudukan yang perlu kita rayakan. Rakyat Terengganu rasanya gembira dengan kedudukan ini, ini bukan satu perkara yang kita usahakan macam dalam bidang sukan dan sebagainya, ini adalah anugerah dan anugerah ini

saya fikir boleh kita julang, kita junjung dan jadi satu fakta yang agak baik untuk seluruh rakyat negeri Terengganu.

Dan untuk minit terakhir ini saya ingin bertanya berkenaan dengan pendidikan selaras dengan simbol yang besar dekat Ladang tu, Batu Bersurat. Memang betul pengiktirafan negeri Terengganu adalah negeri yang terawal menerima pendidikan, penyebaran agama Islam berbanding pada negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia dan mungkin jugak di peringkat Asia Tenggara. Jadi penterjemahan daripada simbol ini setakat mana pada hari ini sepatutnya? Dan saya difahamkan, saya agak kecewa salah satu universiti yang terunggul dalam negara dalam bidang pendidikan Islam di Mesir telah membuka cawangannya di Negeri Sembilan dan tidak memilih di negeri Terengganu. Adakah perkara ini disedari atau disengajakan? Kita ada Menteri Pendidikan Kedua yang datang daripada negeri Terengganu juga bekas Menteri Besar. Kenapa perkara ini tidak diusahakan sehingga peluang untuk menjadikan negeri Terengganu sebagai negeri yang diiktiraf sebagai negeri awal menerima pendidikan kebuakaan kepada ajaran agama, pendidikan agama. Kita ada bukti yang nyata bukan kita ada-adakan cerita, tanda kita memang cukup tidak dapat boleh dipersoalkan oleh mana-mana orang, kita ada tanda tapi kita tidak mengambil peluang ini untuk membawa atau meminta atau mengusahakan supaya universiti tersebut yang ternama itu membuka cawangannya atau bekerjasama dengan negeri Terengganu untuk meletakkan tanda itu setara dengan kedudukan kita ini daripada awal dulu. Dan maka apabila perkara itu boleh berlaku, saya yakin negeri Terengganu yang nak dikatakan sebagai 'Anjung Ilmu' di Pantai Timur, di Semenanjung Malaysia atau di Asia Tenggara boleh berlaku. Tetapi kita sudah *missed*, kita sudah terlepas, '*missed one time's chance*' dengan izin Tuan Yang Dipertua. Kita telah *missed* satu *chance* yang besar

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar panjang sangat dah ni. Saya nak bagi peluang satu lagi kepada

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya mintak ada ulasan kenapa perkara ini berlaku dan saya tak nak dengar dengan adanya krisis personal perkara ini diabaikan. Ini tidak baik, ya. Saya harap perkara ini dapat diberi ulasan dan InsyaAllah saya menunggu jawapannya. Saya menyokong jugak bajet yang besar ini dan kita berharap ia boleh mendatangkan manfaat kepada seluruh rakyat negeri Terengganu terutamanya. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bandar. Kalau saya beri peluang lagi, masa akan melangkaui pukul 1.00 tengah hari. Jadi saya berhasrat untuk menangguhkan sementara Dewan ini. Sebelum saya menangguhkan sementara Dewan ini, izinkan saya menyampaikan jemputan ke Jamuan Makan Tengah Hari yang dihoskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu kepada semua Ahli Yang Berhormat dan kepada semua ketua jabatan mohon kita berada bersama di tingkat 18, Wisma Darul Iman dan oleh kerana di tingkat 18 tidak dapat memuatkan semua yang hadir pada hari ini maka saya menjemput semua Pemerhati menjamu selera yang telah dihoskan juga oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Perkarangan U2. Mohon maaf.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Maka saya tangguh sementara Dewan ini dan akan disambung semula pada pukul 2.30 petang. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 12.55 TENGAH HARI.

PUKUL 2.30 PETANG.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

Sebelum kita meneruskan Perbahasan Bajet 2014, suka saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi agar patuh kepada peraturan-peraturan perbahasan dan peraturan-peraturan dalam mengemukakan soalan menurut fasal 26 dan juga 46 dalam menyentuh isu-isu yang boleh menjadi sensitif kepada pihak-pihak yang tertentu. Terima kasih.

Jadi perbahasan Bajet 2014 ingin saya teruskan dan saya menjemput Yang Berhormat seterusnya untuk menyampaikan ucapan. Sila Yang Berhormat Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Exco-Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan, ketua-ketua jabatan, seterusnya para Pemerhati sekalian.

Pertama sekali saya ucapkan terima kasih dan syukur ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya saya diberi peluang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Saya ingin juga merakamkan jutaan terima kasih dan juga tahniah di atas kejayaan pihak kerajaan yang telah meningkatkan kutipan hasil yang agak ketara hingga menjadikan lebihan dalam tahun 2011 dan 2012. Saya doakan kejayaan ini terus dicapai dalam tahun 2013 dan tahun-tahun seterusnya. Jangkaan hasil asal seperti di dalam buku Bajet 2011 ialah RM1.888 bilion tetapi hasil sebenarnya ialah RM2.313 bilion bermakna di sini bertambah sebanyak RM425 juta. Manakala pada tahun 2012 pula, anggaran hasil asal kita ialah RM1.95 bilion tetapi hasil sebenarnya ialah RM2.688 bilion bertambah RM738 juta. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu.

Saya juga ingin merakamkan tahniah dan mengalu-alukan Bajet Berimbang sebanyak RM2.2 bilion yang menekankan kepada kesejahteraan rakyat dan juga pembangunan modal insan yang berkualiti. Saya juga menyambut baik peruntukan pembangunan sebanyak lebih daripada setengah bilion untuk sektor sosial membabitkan pendidikan, perumahan, pembangunan masyarakat, pembangunan bandar dan luar bandar, kesihatan, kerajaan tempatan dan juga sukan.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM91.5 juta kepada Yayasan Terengganu jika dibandingkan peruntukan ini dengan keseluruhan bajet jiran kita yang sebenarnya ialah 25% daripada keseluruhan bajet negeri tersebut. Jadi tahniah sekali lagi kerana Kerajaan Negeri Terengganu memberi kelebihan kepada pendidikan dan tertumpu kepada modal insan. Peruntukan RM91.5 juta tadi tidak termasuk RM3.5 juta untuk Program Pintar Quran dan Kelas KAFA tahun depan. Juga tidak termasuk Program e-Book sebanyak RM20 juta. Sekolah IMTIAZ sebanyak RM60 juta. Bayangkan jika dicampurkan jumlah itu semua, peruntukan 2014 akan melebihi RM150 juta setahun iaitu hampir separuh daripada bajet negeri jiran kita. Jadi tumpuan yang lebih ini kepada pendidikan agar melahirkan modal insan yang berkualiti.

Saya juga ingin menarik perhatian mengenai usaha kerajaan untuk meningkatkan pembangunan sektor pertanian dan asas tani. Untuk tahun depan kerajaan memperuntukkan RM26.17 juta, berkaitan dengan ini juga saya mengambil peluang untuk mencadangkan kepada kerajaan untuk kebaikan rakyat negeri Terengganu khususnya di DUN saya, Batu Rakit. Pertamanya, mengenai nelayan. Di DUN saya ini sebahagian besar penduduk pekerjaannya adalah sebagai nelayan. Sejak akhir-akhir ini sebahagian nelayan yang mempunyai enjin bot yang telah lama sentiasa atau kerap dan boleh dikatakan setiap minggu enjin dia rosak. Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya mewujudkan satu skim galakan menggantikan enjin bot baru ini untuk mereka yang menghadapi masalah kerosakan enjin bot. Maksud saya di sini mungkin skim galakan ini 'ringgit ke ringgit' maksudnya sekarang enjin bot lebih kurang RM10,000 harganya, jadi nelayan-nelayan ini mungkin tidak mampu untuk membeli enjin bot baru tetapi dia terpaksa berbelanja setiap minggu untuk membaiki kerosakan ini. Jadi mungkin boleh kerajaan memberi subsidi sebahagian bagi nelayan-nelayan ini untuk membeli enjin bot baru.

Dan yang kedua juga mengenai soalan saya semalam tentang sekolah kurang murid. Jadi saya mencadangkan bagi sekolah yang kurang murid ini kerana di DUN Batu Rakit juga mempunyai sebuah sekolah kurang murid. Jadi bagi mengatasi masalah sekolah ini ditutup sebab difahamkan tidak ada pertambahan murid malah semakin berkurangan setiap tahun. Jadi saya mencadangkan supaya kerajaan boleh mewujudkan kawasan Perumahan Mampu Milik di tempat sekolah-sekolah yang berhampiran dengan sekolah-sekolah yang kurang murid ini.

Dan seterusnya yang ketiga ialah mengenai pertanian. Di kawasan saya juga sebahagian penduduknya adalah petani. Dan sekarang ini petani-petani yang menanam padi ini dianggap sebagai kerja sampingan sahaja jadi dengan konsep kerajaan 'pertanian adalah perniagaan' tidak menepati. Oleh itu, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya penanaman padi ini boleh dilakukan dua kali setahun sebab sekarang ini diusahakan sekali setahun sahaja.

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai banjir. Walaupun di kawasan Batu Rakit masalah banjirnya tidaklah sehingga terpaksa penduduknya berpindah. Walau bagaimanapun, sedikit sebanyak ia memberikan kesulitan juga kepada penduduk-penduduk di situ. Jadi saya juga mencadangkan supaya kerajaan menyediakan longkang-longkang sebab peruntukan jugak lebih besar setiap tahun untuk menggali parit sokmo, terpaksa bersih parit dengan peruntukan yang agak besar, saya rasa lebih baik kita sediakan longkang, ini dapat menyelesaikan masalah. Tak payah gali tiap-tiap tahun, tak payah bersih tiap-tiap tahun.

Dan seterusnya, saya juga mengalu-alukan sasaran menjadikan Terengganu 'Negeri Bersih'. Usaha ini sangat murni kerana kebersihan membabitkan beberapa perkara. Kebersihan dituntut oleh Islam. Kebersihan akan menjadikan negeri ini tarikan kepada pelancong untuk datang dari dalam dan luar negara. Kebersihan akan menjamin makanan berzat selain mengelakkan penyakit. Dan juga kebersihan menjadikan rakyat lebih berdisiplin dan orang Terengganu semakin cantik-cantik. Jadi oleh itu, saya mengharapkan bajet sebanyak RM37 juta yang diperuntukkan ini dibelanjakan dengan sebaik-baiknya. Dan ADUN sewajarnya diberikan peruntukan untuk menganjurkan kursus, majlis-majlis serta program kebersihan bukan sahaja dianjurkan oleh PBT semata-mata.

Oleh itu, saya berharap dengan bajet yang dibentangkan kelmarin semoga rakyat Terengganu mendapat manfaat khususnya, terutamanya jugak kepada orang-

orang di Batu Rakit. Saya mendoakan semoga kita berjaya, 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan'. Batu Rakit mohon menyokong. Sekian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Batu Rakit dalam membahaskan Bajet 2014. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Rantau Abang. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil alamin. Wal 'aqibatul lil muttaqin. Wala uduwana illa alazzalimin. Asyhadu alla ila ha ilallah, wa asyhadu anna Muhamaddan rasulullah. Qala rabish rahli sadri wa yassir li amri. Wahlul ukhdatan min li saani yafkahu qawli.

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Exco, Ahli-ahli Dewan, ketua-ketua jabatan, seterusnya kepada Pemerhati-Pemerhati. Alhamdulillah, syukur kita kepada Allah S.W.T. kerana kita masih bersama dalam Dewan ini untuk kita sama-sama melaksanakan amanah kita sebagai hamba Allah di atas muka bumi ini. Kita diberi peranan, diberi tugas untuk kita makmur bumi Allah ini.

Alhamdulillah, terima kasih kepada pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam dan saya kira bajet ini adalah bajet biasa tidak ada perkara-perkara yang luar biasa tapi ianya fokus kepada kemakmuran rakyat. Terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara yang saya nak kemukakan supaya yang telah dibentangkan semalam perlu diambil kira beberapa perkara untuk kita melicinkan perjalanan, perancangan yang telah dan sedang dilaksanakan.

Yang pertama, terima kasih kerana prihatin kepada rakyat kerana ingin menambah perumahan untuk rakyat dan kita tahu bahawa rakyat memang ramai yang tidak ada rumah terutama sekali generasi kedua. Saya sebut kali ketiga dah di Dewan ini, alhamdulillah, cuma yang terkilan, yang tak selesai, belum selesai ialah rumah-rumah yang telah dibina terutama sekali di Dungun, saya beri contoh di Batu 7. Rumah dah siap tapi saya tak tahulah pasal apa tidak dibahagikan di Batu 7, di Bukit Chatak, di Nibong, di Bukit Besi sendiri tapi rumah-rumah ini masih lagi tidak dibahagi lagi, temu duga telah dibuat. Apa yang saya teliti daripada Laporan Audit

menyatakan bahawa ada syarat-syarat tambahan setelah ianya keluar untuk ditemu duga. Sepatutnya syarat-syarat itu dikeluarkan terlebih awal dan maklumkan kepada pemohon-pemohon syarat-syarat itu kerana masyarakat yang inginkan rumah ini dia sangat perlu, kalau syarat-syarat ini tidak ditetapkan terlebih awal dan dikemudiankan, saya rasa terguris hati masyarakat kita. Jadi yang inilah yang perlu kita ambil perhatian sebelum kita membuat sesuatu perancangan, kita teliti dahulu syarat-syarat itu supaya syarat itu tidak mari kemudian setelah permohonan dikemukakan oleh rakyat. Dan saya mengharapkan penjelasan daripada Exco berkenaan kenapa pemilikan rumah ini tak dapat diselesaikan. Untuk nak buat yang baru, saya setuju dan saya sokong 100% tetapi yang telah siap ini perlu disegerakan.

Perkara yang kedua, sekarang ini ialah musim banjir dan banjir ini adalah banjir yang mari secara tergesa-gesa. Dan puncanya kita tahu seperti biasa berpunca daripada saluran. Walaupun telah dibentang tentang saluran ini, ke mana air nak keluar, macam mana kita nak keluarkan air ini? Program-programnya ada, tambak tebing seperti di Gong Pasir tu tetapi projek ini memakan masa yang lama. Tahun lepas di Taman Rakyat, di Dungun, di kawasan saya telah pun dinaiki air, tahun ini jugak kita alami dan hari ini setelah pulang dua hari, hari ini masuk balik di pusat-pusat pemindahan disebabkan saluran ini tak dapat diselesaikan dengan segera. Walaupun perancangan ada tetapi saya mintak supaya disegerakan kerana ini penting untuk keselamatan rakyat kita. Saya agak kesian, kita duduk di tempat tinggi okeylah tetapi bagaimana yang duduk di kawasan-kawasan lembah, kawasan-kawasan berpaya, mereka sentiasa di dalam keadaan yang cemas, tidur malam pun tak menentu. Jadi saya harap saluran terutama sekali di tempat sayalah di DUN Rantau Abang, di Gong Pasir perlulah disegerakan.

Perkara yang ketiga ialah berkaitan dengan kesihatan. Terima kasih kerana bajet RM10 juta untuk penyakit kronik tetapi malangnya untuk nak dapat skim ini bagi pesakit-pesakit yang dhaif agak sukar. Saya tidak tahu sebab apa sedangkan kriteria orang itu memang ada tetapi nak dapat tu karenahnya. Dan saya harap kerana kita adalah hamba Allah berjuang untuk menegakkan syariat Allah di muka bumi ini sepatutnya kita jangan ambil kira ianya parti apa kerana kita kena ingat kita akan dipersoalkan oleh Allah di Mahsyar nanti kalau kita tidak memikul tanggungjawab yang baik ini. Ramai yang datang berjumpa untuk memohon bantuan berkaitan dengan sakit kronik ini kerana apabila mereka ke jabatan-jabatan berkenaan agak sukar mereka nak dapat kerana katanya ada tapisan-

tapisan tertentu. Jadi saya ingatkanlah kepada diri saya dan jugak kepada yang melaksanakan amalan ini supaya kita dapat melaksanakan amanah kita ini sebaik mungkin.

Perkara yang keempat yang ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan institusi kekeluargaan. Dalam bajet tumpukan kepada kebaikan institusi kekeluargaan dan kerajaan negeri jugak rasa cemas, rasa takut tentang kejadian salah laku-salah laku yang meningkat sekarang ini. Hinggakan ketua keluarga menjadi takut dan cemas dengan tindakan-tindakan anak-anak dan perhatian dalam ini ada cuma saya nak mintak supaya pihak-pihak berkenaan melaksanakan program yang dirancang ini dengan teliti, dengan baik supaya apa-apa jenayah, salah laku yang mendatang dapat kita atasi dan mengurangkan perkara-perkara tersebut. Nak kata sifar, *zero defect*, saya rasa sukar tetapi mengurangkan. Jadi langkah-langkah ini perlu kita ambil dan diharapkan kepada jabatan-jabatan berkenaan supaya teliti dan ambillah suatu tanggungjawab yang baik. Terima kasih kepada ADUN Batu Rakit tadi yang mencadangkan beri peruntukan kepada ADUN dalam program-program kemasyarakatan. Adakah itu jugak diberikan kepada ADUN-ADUN di sebelah sini tapi kalau diberi alhamdulillah dan saya cadangkan supaya diberilah jugak sebab masyarakat di setiap kampung dia tuju kepada Wakil Rakyat. Jadi kalau tidak diberi seperti sekarang ini saya rasa kita tak dapatlah nak memakmurkan masyarakat kita. Terima kasih banyak-banyak kepada Batu Rakit yang mencadangkan ini supaya ianya boleh mengalir jugak kepada sebelah sini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sebelah mana tu Y.B. Rantau Abang, spesifik sikit, saya tak nampak. Sebelah mana tu, sebelah sini, sebelah kanan, sebelah kiri ke?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Rasanya Y.B. Yang Dipertua tahu dah tu kan? Sebelah

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, teruskan, teruskan. Sebab tangan tu tak angkat.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Boleh beri laluan Tuan Yang Dipertua. Boleh ke ustaz?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rantau Abang macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya nak perhabislah. Saya tinggal sikit saja lagi. Saya tak suka cakap banyak, kerja banyak.(Dewan Gelak) InsyaAllah, InsyaAllah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila, sila Y.B. Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey. Dan akhirnya berkaitan dengan keselamatan. Sekarang ini kita nampak terutama sekali wanita terutama yang bekerja malam agak tak selamat. Jadi jam atau waktu bekerja itu jugak perlu dikajilah kepada pekerja-pekerja berkenaan. Sebab baru-baru ini di Dungun sendiri berlaku kejadian rogol, jadi ini mencemaskan kitalah dan baru-baru ini kejadian tembak mati. Jadi kita berharaplah kepada jabatan-jabatan berkenaan supaya berwaspada dan merangka, merancang supaya kita di bumi negeri Terengganu ini dalam keadaan aman dan tenteram.

Jadi itu sajalah daripada saya. Terima kasih banyak-banyak dan apa yang saya sebut tadi agar mendapat perhatian yang sewajarnya semoga kita dapat memakmurkan negeri Terengganu kita ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sama-sama Y.B. Rantau Abang. Terima kasih atas semangat perbahasan. Seterusnya saya mempersilakan mana-mana Ahli Yang Berhormat yang ingin meneruskan perbahasan. Kalau tak ada kita nak gulunglah. Sila Yang Berhormat Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): A'uzubillahisami'ulalim minasyaitanir rajim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Wassalatu wassalamu ala asyrafil anbia iwamursalin. Wa ala alihi wa ashabihi ajmain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Exco, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan pegawai-pegawai/kawan-kawan yang hadir pada hari ini. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbincangan untuk membahaskan Ucapan Bajet yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Saya ingin merujuk kepada teks ucapan. Saya nak pergi spesifik kepada butir 13, *'value for money'*. *'Value for money'* ni maknanya membuat sesuatu tu dengan

harga yang dibelanjakan itu padan dan berbaloi dengan faedah yang kita terima. Saya nak tanya atau nak mengimbaskan kembali tentang projek yang telah kita buat selama ini. Misalnya kalau kita sebut tentang Manis FM, agaknya berbaloi atau tidak dengan belanja yang kita keluarkan lebih kurang RM9.5 juta yang kita beli. Apa dia nilai duit atau faedah yang kita dapat daripada perbelanjaan membeli Manis FM? Dan kalau boleh ditanya banyak manakah keuntungan yang kita dapat daripada iklan ataupun *revenue* hasil yang didapati oleh Manis FM setakat ini?

Saya juga ingin merujuk kepada projek yang pernah dibeli oleh kerajaan yang bernilai hampir RM30 juta iaitu Strawberry Park. Selalu disebut bahawa ada orang nak melabur daripada China, daripada mana tapi sehingga sekarang bagaimana status dia. Apakah telah ada pelaburan yang *real* yang datang untuk membangunkan Strawberry Park yang telah kita beli hampir RM27 juta.

Kemudian mengikut Laporan Audit pula, ada projek pembangunan di Pulau Besar, kita telah belanja RM32.79 juta dan projek itu ditinggalkan begitu saja. Di mana '*value for money*' projek ini?

Kita juga tahu penganjuran Monsoon Cup yang dulunya berjuta-juta, kemudian kurang lagi, kemudian nak dialih ke tempat lain, apa sebenarnya yang didapati oleh orang-orang di negeri Terengganu?

Begitu juga tentang, saya nak sebut lagi dan telah saya sebut acap kali. Saya nak sebut tentang projek pengambilan balik tanah berkenaan dengan bangunan di depan lapangan terbang kita. Diambil balik untuk tujuan parking tapi bangunan itu masih di situ, apa nak jadi dengan bangunan itu? Kalau diambil balik untuk tujuan parking, dia mesti dibuat parking tapi nak buat parking tu sayang, rumah-rumah itu nilainya berjuta dah, rumah berderet. Nak rombak sayang, tak rombak ambil balik dah, jadi nak buat apa sekarang ini? Yang dekat lagi, yang tak mahal mana tapi atas bukit, bukit apa tu bukit Pejabat SUK dulu tu,('Pak Apil'. Kedengaran dari sebelah Y.B.), Pak Apil ke apa tu. Di situ ada Taman Panorama dan ada bangunan yang telah siap dibina yang tersergam di situ sudah bertahun tetapi tidak digunakan. Tak tahulah, ke guna dah tapi rasa macam tak guna lagi. Tak apalah beri penjelasan nanti. Itulah di antara '*value for money*' yang disebut.

Kemudian saya nak sentuh juga tentang royalti. Perkataan royalti ni nampaknya tidak ada dalam kamus negeri Terengganu, yang ada Dana Khas. Apakah ada

kemungkinan bahawa perkataan royalti ini dikembalikan balik, maknanya kita mintak royalti semula daripada kerajaan pusat atau PETRONAS. Apakah kita terus dengan Dana Khas ini ataupun berfikir untuk kembalikan semula hak royalti negeri Terengganu ini.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Sikit aje Ladang, ya. Kalau ikut pada muka surat 8, Buku Belanjawan, dia ada di bawah Kepala 81803 – Royalti Minyak tapi kosonglah, 2012, 2013, 2014 semuanya kosong. Saya nak mintak kepada Ladang supaya tanya kepada negeri

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tanya selalulah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Hah, tanya selalu? Okey. Apa perlu kita catat sub kepala yang sebenarnya tidak ada jumlahnya di situ, saya nak tanya. Amalan ini tidak lagi dibuat di persekutuan. Kalau ada cadangan nak masukkan balik nilai royalti boleh kita kekalkan tapi kalau dah bertahun-tahun tidak ada nilai, saya rasa dikeluarkan terus perkara ini, sub kepala atau nombor yang saya sebut tadi tidak perlu wujud lagi dalam buku Anggaran Belanjawan. Ya, boleh Ladang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Tak apalah itu kekgi kerajaan jawablah tu. Dan juga nak tanya wang-wang yang dibelanjakan daripada hasil royalti yang dibelanjakan oleh orang lain, oleh pusat dan agensi lain itu apakah kita dapat balik sepenuhnya? Saya juga nak merujuk kepada ucapan yang menyebut kita menyimpan wang bagi kegunaan masa hadapan untuk generasi akan datang. Kalau tak silap saya kita ada caruman yang wajib ke dalam Lembaga Tabung Amanah Warisan. Dan kita juga diberitahu bahawa banyak agensi ataupun Majlis Daerah ataupun Bandaran yang meminjam wang daripada Lembaga Tabung yang saya masih ingat ialah Majlis Perbandaran Kemaman, mereka pinjam adakah sudah berbayar sekarang ini untuk dimasukkan kembali kepada tabung untuk warisan, untuk ditinggalkan kepada generasi yang akan datang.

Saya juga nak merujuk kepada ucapan mengenai pemilikan rumah. Saya nak bangkit sekali lagi tentang perumahan atau Flat Ladang Gemilang. Flat ini usianya sudah melebihi 3 tahun, pada bulan 10 yang lepas sudah cukup 3 tahun. Bila

ditanya dalam Dewan ini, apakah rumah ini akan dijual kepada peserta atau kepada penyewa atau terus dengan sewaan ataupun disewa beli? Yang mana satu. Setakat ini perjanjian dibuat dengan pihak PMINT hitam-putihnya ialah sewa dan tidak ada satu pun menyebut bahawa perumahan atau flat Ladang ini untuk dijual atau disewa beli secara hitam-putih tidak ada. Tapi kita diberitahu bahawa selepas 3 tahun ianya akan dibuat secara sewa beli. Kini 3 tahun sudah berlalu tapi di manakah hitam-putihnya berkenaan dengan sewa, beli Flat Ladang Gemilang ini. Baru-baru ini ada dibuat satu kajian kepada penduduk atau penyewa di situ, mereka ditanya sama ada nak rumah lagu mana, berapa pendapatan yang langsung tidak relevan tetapi dikeluarkan daripada penduduk-penduduk ataupun penyewa-penyewa di situ. Dia orang mari tanya nak buat benda ni pulak mo'oh. Dan lagi ditanya, sanggup bayar berapa RM500 ke, RM1,000 ke dan bawah RM500 ke? Jadi pening orang-orang di Ladang tu duk fikir.

Kemudian saya nak menyentuh sikit tentang pembangunan bandar walaupun DUN Bandar tak sebut tapi Ladang tu dekat dengan Bandar ialah berkenaan dengan pemilikan premis-premis perniagaan ataupun kedai-kedai di sekitar bandar ini. Kita tahu bahawa banyak premis-premis perniagaan yang dibina dan yang akan dibina. Katanya di Ladang pun banyak yang akan dibina di atas yang diambil balik tapi belum dibina setakat ini, begitu juga di Tok Lam dan juga yang nak dibina oleh YTL di Kampung Tiong. Jadi agaknya kalau boleh kita bertanya kalau boleh dibuat unjuran berapa agaknya jumlah kedai yang akan ditawarkan kepada peniaga-peniaga di seluruh bandar Kuala Terengganu, apakah ia mencukupi ataupun melebihi? Dan ada tak dibuat kajian kemampuan peniaga-peniaga Melayu ataupun bumiputera untuk memiliki kedai-kedai ini. Ini perlu untuk melihat sama ada nanti dengan pembangunan yang pesat kita bimbang kalau-kalau orang Melayu sendiri tidak mampu untuk memiliki kedai-kedai yang ternyata mahal sekali sekarang ini. Saya difahamkan misalnya di Cabang Tiga, kompleks yang sedang dibina orang-orang Melayu tidak mampu untuk membeli kedai-kedai yang katanya harganya agak mahal bagi mereka. Jadi elok kalau boleh dibuat unjuran dan dibuat sedikit *planning* supaya orang Melayu boleh terus bertapak di bandar Kuala Terengganu ini. Saya juga nak mengulangi tentang nasib orang Melayu yang berniaga secara kecil-kecilan, yang membuat industri-industri di tembaga, songket dan apa-apa yang berada di Ladang Tok Pelam dulu, sekarang ini sudah 3 tahun tak dapat berniaga, agaknya kenapa kerajaan tidak menyediakan kawasan untuk mereka berniaga setelah tanah mereka diambil balik. Kenapa tidak disegerakan projek itu, kenapa nak ditunggu sehingga projek besar ada baru nak diberi pada mereka.

Sekarang ini mereka hilang mata pencarian dan tak tahu nak buat apa. Ini 'merakytakan pembangunan' ke atau bagaimana?

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang menggalakkan aktiviti pelaburan asing. Sekarang ini nampaknya kita bersungguh-sungguh untuk menjemput pelabur-pelabur asing untuk melabur dalam bidang industri berat, industri besi keluli. Saya ingin bertanya mereka datang adakah kerana adanya deposit *iron ore* atau pun bijih besi di Terengganu atau pun kerana apa? Dan kalau mereka datang itu kerana adanya bijih besi, boleh tak kita diberitahu oleh Dewan ini berapakah deposit dan berapa lamakah agaknya bijih besi di Bukit Besi itu boleh dilombong? *Reserve* agaknya banyak mana dan berapa tahunkah ianya boleh bertahan dan selepas itu apa akan jadi kepada kilang-kilang ini? Dan juga disebut bahawa bila adanya kilang-kilang ini akan bertambahnya pekerja-pekerja, akan adanya pekerja-pekerja yang beribu banyaknya. Saya ingin mendapat kepastian tentang Projek Eastern Steel yang ada sekarang ini. Berapakah orang yang sudah dapat sehingga ke hari ini, berapakah orang yang telah bekerja di situ, di dalam pembinaan itu kerana saya diberitahu, saya tak berapa pasti angka ini tapi saya diberitahu bahawa ada lebih kurang 500 orang begitu tapi semuanya merupakan pekerja-pekerja daripada China. Bahkan ada sedikit kebimbangan katanya, sedikit kebimbangan ini perlu dibesarkan oleh kerajaan, saya bukan menuduh tapi menyuarakan sedikit kebimbangan berdasarkan pengalaman negara-negara lain bahawa ada juga nanti pekerja-pekerja yang datang ini dibawa dari bekas-bekas banduan ataupun banduan-banduan daripada negeri China. Saya mohon penjelasanlah dalam soal ini. Dan bercakap tentang industri ini, saya juga nak merujuk kepada Perwaja sekarang ini. Saya ingin mendapat pengesahan adakah Perwaja ini masih beroperasi? Saya diberitahu bahawa Perwaja telah tidak beroperasi sejak Ogos yang lepas dan Perwaja telah terhutang dengan TNB sebanyak RM170 juta, begitu juga dengan SATU sebanyak lebih kurang RM1.8 juta dan gas jugak disebut berjuta-juta jugak hutangnya. Dan Perwaja semasa operasinya juga telah lambat membayar gaji sehingga kelewatan 20 hari begitu, baru bayar gaji. Ini adalah masalah kepada rakyat kita. Apa tindakan kerajaan berkenaan dengan masalah yang timbul di projek Perwaja ini.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ladang ada 3 minit lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): 3 minit lagi? Saya rasa sikit saja saya bercakap.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dah hampir 20 minit dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebelum terlupa, nak cakap hal lain lagi tapi ini hal banjir dululah takut tak teringat. Kita cakap banjir, banjir ni dan kita ucap terima kasih kepada pusat yang nak beri RM500 kepada setiap keluarga ke, setiap orang, tak tahu, mungkin setiap keluarga. Saya nak mencadangkan supaya dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sehinggakan roti selori tu dia bahagi-bahagikan habis, itu kita kena ucap terima kasihlah tetapi adalah lebih baik kiranya kita beri lebih daripada federal lagi, pitihkan ada, kita beri RM1,000 pulak kepada satu keluarga ni. Saya ingat boleh setuju dok? Sebelah sana setuju dok? Setujulah. Takkanlah nak beri pitih ke rakyat, kena belanja pun tak setuju. Kita pakat berilah. Mintak Yang Amat Berhormat isytiharkan hari ini kita tambah pulak RM1,000 lagi. Saya ingat D.O. Kemaman telah tersenyum lebar.

Saya juga ingin menyentuh dalam dua minit setengah ini, dalam masa kecacatan ni berkait dengan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam. Saya tak berapa nak sebut sangat sebab kawan-kawan belaka ni sebenarnya tapi untuk kebaikan bersama. Saya nak sebut rungutan-rungutan yang disampaikan kepada saya untuk disampaikan kepada sesetengah jabatan terutamanya tentang penyelarasan. Contoh, kalau PBT-PBT, Majlis-majlis Daerah atau Perbandaran atau Bandaraya, projek bila kita submit untuk nak buat rumah, rata-ratanya kalau empat buah rumah dikira bukan projek, tidak perlu kepada *Development License*. Tetapi ada PBT yang mengatakan tiga aje, kalau lebih daripada tiga dia kira projek dah. Ada satu PBT, tak payah sebut namalah. Jadi mengapa tidak ada keselarasan di antara PBT ini dan ini menyusahkan rakyat. Itu satu nak sebut penyelarasan. Keduanya, tentang kelewatan. Saya nak ucapkan terima kasih kepada kerajaan dan semua agensi yang setiap tahun memenangi anugerah di peringkat kebangsaan. Tapi saya nak spesifik tentang permohonan untuk pecah sempadan dan tukar syarat yang sebelum ke Pejabat Tanah perlu kepada PBT. Saya ada satu kes yang mintak disampaikan. Projek ini yang dipohon untuk tukar syarat lebih kurang 45 ekar, dihantar pada tahun 24.5.2012 dan sehingga sekarang belum diluluskan. Nak tahu, saya akan sebut projek di mana dan nombor lotnya berapa tapi itu yang berlaku. Dan yang anehnya, saya nak sebut tentang penyelarasan, dalam lambat-lambat tu kemudian diminta satu lot untuk TNB, bila kita check di sebelah lot yang TNB mintak tu sudah ada lot yang diuntukkan untuk TNB tapi mintak lagi lot ini.

Buat rayuan dalam sebulan, dua bulan tak jawab lagi. Mintak tolong tengok sikit lah.

YANG BERHORMAT DATO' TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat mintak laluan boleh?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nak tanya boleh jugak.

YANG BERHORMAT DATO' TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya, kalau Yang Berhormat sebut selalu senang agar pihak kerajaan ambil tindakan, projek mana, PBT mana, khususnya selalu tu, jadi tidak umum sangat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya ingat nak khabor gitu ajelah

YANG BERHORMAT DATO' TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sila, sila kalau tidak tak selesai sebab banyak PBT. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dia berkait dengan Majlis Bandaraya dan lot terlibat ialah di Mukim Belara Lot 3705. Nak tahu *detail* lagi tanya saya lepas pada ini. Bercakap sikit tentang TNB. TNB takdok dalam ni dok, ke ada? Tak apalah kalau tak ada tolong sampaikan. Bila kita pecah lot tanah, dia mintak kitapun *reserved* dan dikatakan diserahkan balik kepada kerajaan untuk dibangunkan pencawang oleh TNB. Bila nak bangunkan pencawang tu ataupun sub stesyen, Pejabat Tanah kata tak boleh sebab tanah kerajaan. Walaupun dikatakan telah serah dah tapi TNB kena mintak pulak dengan Pejabat Tanah. TNB kata dia boleh mintak tapi takmboh bayar, tuan tanah asal kena bayar pulak. Misalnya, tanah saya, saya serah lepas tu nak buat pencawang TNB, saya kena bayar pulak premium ke Pejabat Tanah. Dan bila kalau nak cepat buat projek ini, tanah tak lulus lagi kepada TNB, kena charge pulak kerana mencerooboh, kena denda pulak di situ. Jadilah setakat tu dok.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang dah ni Y.B. Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kalau boleh saya seminit lagi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kalau boleh cepat sikitlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nak *gadduh* mane dok tahu(sambil gelak kecil)

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bukan soal *gadduh*, kita kena ikut peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih, terima kasih, mintak maaf. Saya nak bercakap sikit tentang MAIDAM (Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu). Baru-baru ini ada pegawai daripada MAIDAM nak buat pinjaman perumahan, dia buat surat dan logo dia adalah MAIDAM, Perbendaharaan tolak sebab MAIDAM adalah Badan Berkanun. Dia ni Pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama tapi oleh kerana diserapkan ke dalam MAIDAM, guna logo MAIDAM nak buat pinjaman kerajaan ditolak sebab dianggap pegawai ini adalah Pegawai MAIDAM. Jadi saya nak tanya 'jabatan' lepas ke mana dah? Pasal apa pakai logo MAIDAM tak pakai yang jabatan? Saya ada banyak soalan tentang ini tapi oleh kerana saya dapat tahu daripada Yang Dipertua bahawa ada perjumpaan dengan MAIDAM pada 17 haribulan ini dan dijemput semua Yang Berhormat, jadi saya reserve dulu untuk saya soal semasa perjumpaan itu. Kalau nak suruh saya terangkan boleh sekarang ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang kita reservekan untuk 17 haribulan itu nantilah. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebab saya banyak isu di sini sebenarnya. Isunya lagi di mana 'jabatan' agaknya sekarang ini setelah Majlis Agama ambil alih ke guana? Saya pun tak reti. Jadi sebenarnya kita pernah nak buat perjumpaan dengan Majlis Agama pada 18hb Oktober yang lalu tapi oleh kerana Allahuwa'alam, dia tak jadi nak jumpa sebab kita nak faham sahaja.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa Y.B. Ladang, kita ambil insentif bersama semasa sebelum Perjumpaan Dengan SPRM pukul 8.15 pagi nanti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Jadi maknanya nak suruh saya berhentilah ni?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Begitulah kira-kiranya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Jadi saya nak ucap mintak maaf dan terima kasih kepada semua. Wallahu'alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Ladang. Kita buka lagi kepada perbincangan kalau ada? Sila Ahli Yang Berhormat Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Exco Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Dewan dan Pemerhati sekalian.

Alhamdulillah, kita sama-sama diberi peluang oleh Allah untuk membahaskan kebajikan dan pembangunan negeri Terengganu ini. Merujuk kepada Ucapan Bajet 2014 pada kali ini pada muka surat 8 dan 9 yang menyatakan Sistem Perbekalan Air di Terengganu jelas dan nyata ia tidak menampakkan masalah kewangan. Tetapi apa yang sebenarnya berlaku kebarangkalian mekanisme pengurusan yang boleh jadi pengurusan tersebut tidak berapa lancar kerana di sana terdapat masalah tekanan air yang sangat rendah di setengah-setengah tempat yang menyebabkan rakyat dan orang ramai terpaksa mengambil inisiatif tersendiri menggunakan pam-pam air untuk membolehkan mereka menggunakan air daripada bekalan air bersih yang disediakan. Secara langsung perkara ini membimbangkan masyarakat dan rakyat secara keseluruhan kerana mereka perlu mengambil inisiatif yang tersendiri ini yang sudah tentu mereka akan menanggung kos yang lebih selain daripada membayar kos penyaliran air ke rumah-rumah kediaman mereka, mereka terpaksa menanggung kos elektrik dan sebagaimana yang kita maklum tarif elektrik juga telah dinaikkan oleh TNB. Yang Berhormat Yang Dipertua, oleh kerana itu perkara ini telah menampakkan dan memperlihatkan kepada kita bebanan rakyat yang telah sedia ada semakin bertambah. Kita merasakan kerajaan perlu meneliti dan mengkaji permasalahan-permasalahan yang seperti ini dan saya menyarankan agar kerajaan mempunyai mekanisme yang tertentu yang boleh mengkaji dan boleh mengenalpasti masalah-

masalah yang seumpama ini supaya ianya tidak berulang. Permasalahan ini bukan satu permasalahan yang baru tetapi satu permasalahan yang telah sekian lama dilalui dan dirasai oleh masyarakat dan rakyat secara umum. Pernah ditanya kepada kakitangan SATU kenapa keadaan dan tekanan air yang rendah di sesetengah tempat? Mereka menyatakan SATU telah membeli pam air baru tetapi masalah hendak memberikan tekanan yang kuat mereka tak mampu sebab mereka kata paip-paip yang ada adalah paip yang lama. Apakah kerajaan ataupun pihak yang berkaitan tidak mencari inisiatif dan tidak dapat menyelesaikan perkara yang sekecil ini walaupun di dalam akhbar dan media-media meletakkan kerajaan-kerajaan di bawah Pakatan Rakyat menghadapi masalah tetapi masalah di tempat kita, kita diamkan. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mengharapkan kerajaan mengambil serius perkara ini kerana kita tidak mahu perkara yang sekecil ini berlarutan di dalam negeri kita.

Yang Berhormat Yang Dipertua, merujuk kepada buku Ucapan Bajet 2014 di muka surat 24 dan 25, saya memuji pihak kerajaan yang sangat mengambil berat tentang sektor pertanian di negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, saya menaruh sedikit kebimbangan terhadap perkembangan sektor ini yang telah diberi sokongan padu oleh kerajaan negeri. Jika sekiranya kita mengambil contoh yang mudah dan contoh yang diketahui umum, kalau kita tengok jelapang padi di Kampung Jelapang, di Langkap sebagai contoh yang telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk membangun kawasan ini lebih kurang RM46 juta. Mengikut satu sumber RM46 juta pada fasa pertama dan RM16 juta pada fasa kedua. Yang Berhormat Yang Dipertua, peruntukan yang banyak ini walau bagaimanapun, apabila tinjauan yang dibuat dan rungutan daripada penduduk-penduduk setempat dan petani-petani setempat mereka tidak mendapat pulangan yang setimpal dengan apa yang telah dibelanjakan oleh kerajaan. Dan di sini kalau kita tengok dalam Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar *'value for money'* yang kalau kita lihat di sini menjelaskan kepada kita keadaan sebenar perlu diperbaiki sistem yang telah ada ini untuk kita memperlihatkan dan menjadikan kebajikan yang baik kepada rakyat. Yang Berhormat Yang Dipertua, sebagaimana yang diterangkan kepada akhbar-akhbar bahawa kerajaan negeri Terengganu dengan bangganya menyatakan bahawa mereka telah memajukan tanah yang terbiar. Tetapi mengikut maklumat yang kita perolehi daripada Pegawai Jabatan Pertanian Negeri bahawa tanah dan kawasan tersebut tidak sesuai untuk dijadikan jelapang padi ataupun sawah padi kerana ia adalah kawasan tanah gambut. Dan pernah suatu ketika dinyatakan oleh para penduduk di sekitar Kampung Jelapang pernah

sekali jentera jentuai tenggelam di dalam sawah padi kerana keadaan tanah gambut yang tidak sesuai untuk pertanian ini. Yang Berhormat Yang Dipertua, tinjauan yang dibuat memperlihatkan kepada kita suatu perkara yang sepatutnya tidak berlaku, sistem pengairan, sistem saliran yang jika dilihat kepada aduan daripada penduduk yang menurut mereka sistem perparitan yang dibuat oleh kerajaan yang menggunakan peruntukan yang telah saya nyatakan tadi tidak memenuhi kriteria kejayaan, dalam erti kata lain gagal.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Manir panjang lagi ke? Kalau panjang lagi, saya berhasrat untuk kita tangguh sekejap, kita sambung lepas pada pukul 4.00 petang nanti.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Berapa minit lagi lepas pada tu?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN: Saya bagi 10 minit.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Lepas tu 10 minit?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: InsyaAllah.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dah kita tangguhlah.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ke panjang lagi ke atau dah nak habis dah?

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Lebih kurang 20 minit jugak ni. Tak apalah kita sambung semula lepas pada inilah Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Manir. Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan InsyaAllah kita sambung semula pada pukul 4.00 petang. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.30 PETANG.

PUKUL 4.00 PETANG

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah S.W.T. Mesyuarat disambung semula. Yang Berhormat Manir, sila teruskan perbahasan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, menyambung baki ucapan yang tinggal berkenaan dengan sektor pertanian dan khusus kepada jelapang padi di Kampung Jelapang, Langkap yang telah menelan belanja kira-kira RM46 juta pada fasa yang pertama. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi beberapa faktor yang perlu diambil kira oleh pihak kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab dan pihak yang berkaitan dengan sistem perparitan/sistem saliran air yang gagal berfungsi yang menyebabkan pengeluaran hasil padi tidak sebagaimana yang diinginkan oleh pihak kerajaan. Baru-baru ini apa yang lebih membimbangkan penduduk setempat di kawasan berkaitan, pihak Pejabat Daerah dan Tanah Setiu dan Pejabat Pertanian Daerah Setiu telah mengeluarkan satu borang, dalam isi kandungan borang ini jika difahami dan diamati merupakan suatu bentuk ugutan memaksa mereka yang meneroka tanah ini sejak 1975, boleh perbetulkan fakta ini jika salah. Dan apa yang saya difahamkan oleh mereka yang meneroka tanah ini pihak kerajaan bukan mahu memberikan Hakmilik Kekal kepada mereka tetapi telah mengarahkan mereka supaya mengisi borang ini dan bersetuju untuk menyerahkan hak penguasaan tanah ini kepada kerajaan. Dan kerajaan boleh membuat apa-apa yang difikirkan oleh mereka tanpa mengambil kira penat lelah pihak peneroka ataupun pihak yang meneroka tanah ini pada suatu waktu/masa yang dahulu. Dan menurut mereka yang telah mengusahakan padi ini apabila mereka telah menuai padi ini dan apabila mereka pergi ke Pejabat Pertubuhan Peladang, mereka diberi resit-resit yang menyatakan adanya subsidi padi yang sepatutnya diperolehi oleh mereka. Tetapi apabila ditanya di manakah mereka patut dapatkan wang-wang tersebut, mereka dihampakan oleh pihak yang berkenaan. Persoalannya di atas resit dan bil-bil yang diberikan kepada mereka ada amaun wang yang tertentu, persoalannya di manakah wang ini dan mereka tidak mendapat hak mereka yang sebenarnya. Ini adalah satu bentuk penindasan kepada golongan yang tidak mampu

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya pohon penjelasan daripada Wakil Manir, kalau ada bil-bil tersebut sila tunjukkan kepada kita sebab saya tidak pernah dapat maklumat siapakah yang mengeluarkan bil-bil ini.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dia sebut di sini Pertubuhan Peladang.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bentara, boleh pergi ambil bil itu sekarang saya nak tengok.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih, lepas ni kita beri.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya mintak Bentara pergi ambil sekarang, boleh?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kalau nak, kena berilah. Photocopy kita ada dah. Masih asli lagi, *original*

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Lualan Yang Dipertua. Boleh ke Manir, sikit aje?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Relek dulu, relek dulu.*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. kerana memberikan (resit). Okey, sila teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, ini bukan suatu tuduhan, ini adalah suatu perkara rungutan daripada mereka yang terlibat. Ada yang dinafikan hak mereka sehingga ada yang menyatakan mereka telah mengusahakan padi sebanyak 9 tan satu musim. Apabila diminta bahagian subsidi daripada pihak yang berkenaan, dia kata: "Awak buat padi lebih pada kuota. Sepatutnya kuota yang diperuntukkan oleh kerajaan adalah 8 tan sahaja." Tetapi hak yang usaha 8 tan tersebut juga tidak diberikan subsidi kepada mereka. Yang Berhormat Yang Dipertua, inilah bentuk-bentuk yang perlu dan boleh jadi juga kerajaan terlepas pandang, yang kita masih berbaik

sangka kepada pihak kerajaan dengan bajet yang dibentangkan kepada kita yang boleh kita ambil manfaat yang sebaiknya kepada golongan petani. Yang Berhormat Yang Dipertua, merujuk kepada muka surat yang sama, laporan akhbar pada 2 Januari 2011, saya memuji tindakan kerajaan yang memberi bantuan tertentu untuk meringankan beban golongan nelayan. Walaupun dalam kenyataan akhbar tersebut tidak terdapat jumlah berapakah bantuan yang diberikan tetapi saya merasakan tindakan yang sama yakni bantuan di musim tengkujuh, musim tengkujuh ini adalah satu rutin musim yang sentiasa berpusing kepada negara kita yang sepatutnya kerajaan juga peka dengan sumbangan yang difikirkan boleh diberikan kepada golongan-golongan petani yang lain, golongan penoreh getah, golongan petani/penanam sayur dan seumpamanya yang kebun-kebun mereka ditenggelami air yang sepatutnya dibuat suatu inisiatif oleh kerajaan untuk membantu golongan ini. Boleh jadi pada mata mereka yang tertentu ia bukan suatu benda yang penting tetapi inilah di antara punca kepada gejala sosial, gejala kecurian dan seumpamanya yang menyebabkan, yang boleh dikaitkan dengan mereka yang tidak mempunyai kewangan yang kukuh dan kerajaan tidak mengambil cakna kepada mereka/golongan yang seumpama ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua, meneliti Laporan Audit Siri II, muka surat 43 yang menjelaskan dan sidang Dewan boleh melihat dan boleh merujuk bagaimana prestasi anak-anak syarikat dan dimiliki oleh Kerajaan Negeri Terengganu yang dinyatakan 11 daripada 15 anak-anak syarikat sub, sub, subsidiari, jadi lidah Manir ni payah nak sebut, kalau lidah Australia tu okey. Mengalami kerugian yang terkumpul. Antara punca yang dinyatakan di dalam buku tersebut ialah Jawatankuasa Pelaburan atau Jawatankuasa Risiko yang tidak dapat berfungsi. Dinyatakan sebab apa tidak dapat berfungsi kerana dinyatakan masih lagi belum dilantik. Kalau dilihat *technically*, perkara-perkara *management* yang seumpama ini yang tidak boleh dan tidak patut berlaku di dalam anak syarikat-anak syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau kita melihat suatu contoh yang tadi telah disebut oleh Wakil Ladang berkenaan dengan projek di Pulau Besar yang telah menghabiskan belanja kira-kira RM32.79 juta yang sehingga sekarang ini tidak tahu statusnya macam mana. Duit habis dah, pembangunan terbengkalai dan apabila dilihat kepada Laporan Audit Negara yang berada di tangan kita semua memperlihatkan kepada kita suatu perkara yang kita mesti mengambil suatu

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Manir, sekejap. Dewan melarang sebarang rakaman dibuat, mana-mana yang merakamkan tu supaya dihentikan dengan segera. Terima kasih. Minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Apabila kita meneliti projek-projek yang besar ini yang telah menelan belanja yang sekian banyak yang akhirnya terbiar dan faktor utama yang boleh dilihat adalah buku Laporan Audit Negara ini adalah faktor hakisan yang menyebabkan proses penerusan projek ini gagal dan tidak diteruskan. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya bimbang oleh kerana Manir duduk dalam kawasan Hulu Terengganu, kita bimbang projek di Kenyir di Pulau Bebas Cukai takut-takut tak jadi macam itu jugak.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Y.B. Manir?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Sikit lagi. Yang Berhormat Yang Dipertua, kita tidak mahu jadi Pembangkang yang membangkang segala projek pembangunan tetapi setiap projek pembangunan itu mestilah telus, mestilah memenuhi kriteria-kriteria yang perlu supaya kita dan rakyat seluruhnya tidak menanggung kerugian-kerugian yang berlaku dengan sebab kecuaiannya-kecuaiannya pentadbiran dan pengurusan dari pihak kerajaan ataupun pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, oleh kerana masa 20 minit masih lagi belum cukup
.....

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Beri 10 dia kata 20 pulak.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Sikit lagi, tak sampai 20, InsyaAllah. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tertarik kepada muka surat 27 berkenaan dengan Yayasan Terengganu. Kalau kita tengok dan kita lihat bagaimana Pengurusan Pinjaman Yayasan Terengganu yang ada aduan yang diadukan kepada kita berkenaan dengan lambatnya proses lulus permohonan pinjaman daripada Yayasan Terengganu. Muka surat 27 menyatakan kepada kita, Pengurusan Yayasan Terengganu mengutamakan pinjaman kepada pemohon yang ditolak atau tidak mendapat penajaan persekutuan iaitu PTPTN. Apakah sebab yang relevan yang boleh dijadikan sebab utama untuk memperlambatkan proses kelulusan pinjaman kepada pelajar-pelajar. Ini adalah suatu perkara yang perlu

dinilai kembali. Kalau katakanlah Yayasan Terengganu meluluskan pinjaman terlebih dahulu daripada PTPTN, dia boleh dibuat penyelarasan sebab di sana dikatakan kes-kes penipuan pelajar-pelajar dari mendapat dua penajaan. Ini adalah suatu perkara yang tidak patut berlaku di institusi kerajaan dalam zaman yang serba canggih ini, dengan zaman yang celik IT sebagaimana disebut tadi, budak darjah 6 sudah pandai IT, takkanlah pegawai-pegawai kita di jabatan-jabatan tidak mampu untuk melaksanakan penyelarasan yang seumpama ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sekianlah ucapan saya. Assalamualaikum.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Manir. Seterusnya kita buka kepada perbahasan lagi. Sila Y.B. Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahil Ladhi la yadurru ma'a shay'un fil ardi wa la fis sama'i wa huwa's sami'ul alim.

Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati dan seluruh sidang Dewan yang mulia ini. Alhamdulillah, pada petang ini saya telah diberi peluang untuk menyertai perbahasan bagi membahaskan Ucapan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada semalam.

Yang Berhormat Yang Dipertua dan sidang Dewan sekalian, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah dan setinggi-tinggi terima kasih atas Ucapan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Dan saya merasakan amat tertarik dan juga begitu teruja dengan Ucapan Bajet tersebut yang berteraskan bagi memastikan kesinambungan program dan pembangunan yang lalu dan semasa serta meneruskan penekanan terhadap menjana kesejahteraan rakyat. Kerajaan telah mengekalkan tema dan strategi teras Bajet 2014 ini yang bertemakan 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan: Bajet Kesejahteraan Rakyat'. Ini berasaskan kepada empat strategi/teras yang diberi tumpuan iaitu:

- Pertama : Mengurangkan defisit yang menteraskan juga dengan izin, '*value for money*' untuk projek-projek pembangunan.
- Kedua : Memantapkan pembangunan modal insan yang berkualiti. Seperti mana kita sedia maklum dalam mana-mana organisasi, dalam mana-mana komuniti, dalam mana-mana masyarakat, modal insan merupakan suatu produk yang sangat penting untuk menjamin kesejahteraan masyarakat pada masa yang akan datang.
- Ketiga : Memelihara kesejahteraan rakyat. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri Terengganu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar amat prihatin dan tidak pernah lupa, tidak pernah putus-putus untuk menjamin kesejahteraan rakyat dengan pelbagai program yang telah disusun untuk dilaksanakan dengan jayanya.
- Keempat : Meningkatkan daya saing negeri.

Dan saya ingin memfokuskan kepada yang pertamanya iaitu pelancongan. Saya dari DUN Kuala Besut, sepertimana sidang Dewan semua sedia maklum bahawa kita di Kuala Besut, kita mempunyai satu khazanah yang amat bernilai nilainya iaitu Pulau Perhentian yang mana kita sedia maklum bahawa setiap saban tahun ramai pelancong-pelancong bukan sahaja dari dalam negara bahkan dari seluruh dunia yang datang melawat ataupun bercuti di Pulau Perhentian. Di sini kita mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana melaksanakan pelbagai program pembangunan di Pulau Perhentian. Namun kita juga ingin mencadangkan bahawa infrastruktur ke pulau bertaraf antarabangsa ini, Pulau Perhentian ini agar dapat diberi ruang untuk dipertingkatkan lagi. Banyak lagi ruang-ruang yang boleh dipertingkatkan lagi di Pekan Kuala Besut iaitu merupakan pintu masuk utama ke pulau peranginan yang tersohor di dunia ini. Banyak lagi infra-infra yang boleh dipertingkatkan lagi seperti kita membina stesen bas yang lebih canggih lagi, jeti yang lebih canggih lagi dan begitu juga dengan kemudahan

untuk pelancong-pelancong dan juga warga tempatan untuk mengeluarkan duit. Contohnya, kita boleh membina lagi mesin-mesin ATM berhampiran dengan jeti tersebut.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua dan sidang Dewan yang saya hormati sekalian, Pulau Perhentian juga merupakan suatu produk yang berasaskan semulajadi, berasaskan pelancongan dengan izin, *diving*, *snorkling* dan pelbagai lagi yang menarik pengunjung-pengunjung datang ke Pulau Perhentian. Namun kita khawatir khazanah alam ini tidak dapat dikekalkan kestabilannya, ketahanannya jika kita tidak menjaga, tidak mencegahnya daripada mengalami kerosakan pada masa akan datang. Jadi saya mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri melalui jabatan-jabatan tertentu agar mengadakan program-program untuk mengekalkan dengan izin, *sustainability*, ketahanan pulau ini daripada mengalami kerosakan yang teruk pada masa akan datang dan kita dapat mewarisi khazanah alam yang bernilai ini untuk generasi pada masa yang akan datang.

Sidang Dewan yang mulia sekalian, pelbagai lagi produk-produk pelancongan yang boleh kita usahakan bukan sahaja setakat khazanah alam, industri-industri hiliran juga boleh kita kembangkan di Pulau Perhentian dan juga di Kuala Besut itu sendiri. Saya memfokuskan memandangkan saya daripada DUN Kuala Besut, saya ingin mencadangkan apakah salahnya sekiranya pihak IKS, pihak PKS memberi ruang untuk kita mengembling tenaga bagi kita mewujudkan banyak lagi industri-industri hiliran terutamanya di Kuala Besut. Sebagai contohnya, kita bukan sahaja menjual ikan itu tetapi kita boleh juga memproses ikan itu menjadi keropok dan pelbagai lagi industri-industri hiliran yang mungkin boleh menjadi produk yang ketiga.

Tuan-tuan dan puan-puan sidang Dewan, yang keduanya saya ingin tekankan iaitu ini selaras dengan strategi ketiga iaitu memelihara kesejahteraan rakyat iaitu sektor pertanian. Kita semua sedia maklum bahawa Besut merupakan jelapang padi bagi negeri Terengganu dan padi merupakan suatu bekalan makanan asasi bagi penduduk kita di Malaysia ini. Jadi saya mencadangkan agar tanaman padi ini yang telah dikenal pasti di peringkat persekutuan sebagai *Food Security* dengan izin, supaya kita dapat mempertingkatkan lagi hasilnya. Dan ini dapat dilaksanakan sekiranya infra-infrastruktur di sektor pertanian khususnya melibatkan struktur-struktur pengairan dan saluran di skim-skim pengairan padi di sekitar Besut dapat kita naiktarafkan. Kita semua sedia maklum, di Besut kita ada Skim KETARA dan

Skim KETARA ini di bawah kawalan persekutuan, namun kita ada banyak lagi skim-skim pengairan yang di luar jelapang, kita ada Skim Bukit Jeruk, kita ada Skim Pelagat, kita ada Skim Seri Pinang dan di kawasan saya Skim Pengairan Pengkalan Nangka yang mana melibatkan beberapa ratus pengusahanya dan juga melibatkan penajaan ekonomi bagi penduduk di Kuala Besut. Jadi sekiranya kerajaan menyalurkan peruntukan untuk menaiktaraf infrastruktur bagi struktur pengairan dan saliran bagi skim pengairan padi di luar jelapang ini, insyaAllah, kita sama-sama mengemblingkan tenaga bersama-sama dengan Jabatan Pertanian dan juga JPS dan juga masyarakat sekeliling untuk kita meningkatkan hasil padi yang merupakan makanan asasi kita.

Selanjutnya Tuan Yang Dipertua dan sidang Dewan yang saya muliakan, saya juga tertarik dalam buku bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam iaitu di bawah pemuliharaan alam sekitar. Ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri sentiasa peka dengan alam sekitar walaupun pelbagai projek pembangunan telah dan sedang dilaksanakan, namun kerajaan negeri sentiasa peka tentang kepentingan alam sekitar. Ini dapat dilihat dengan kepekaan kerajaan negeri memasukkan atau menyediakan peruntukan bagi pemuliharaan alam sekitar dan juga ini dapat diterjemahkan lagi dengan pelaksanaan dan juga penguatkuasaan EIA dalam projek-projek pembangunan.

Tuan-tuan sidang Dewan yang mulia, yang berikutnya saya juga ingin melahirkan simpati kepada sahabat-sahabat kita, kepada saudara-saudara kita yang berada di Kemaman. Saya sebenarnya telah mengalami pengalaman banjir seumpama ini dan dari segi analoginya saya telah dimaklumkan bahawa hujan yang turun pada dua malam, satu malam tu sebanyak 777 mm dan pada malam berikutnya juga 700 lebih mm. Secara analoginya setiap bulan kita dapat hujan banyaknya lebih kurang secawan tetapi hujan yang datang hari itu adalah lebih kurang sebesar kolam renang secara analoginya. Jadi sebesar mana longkang yang kita bina pun tak dapat menampung banjir tersebut dan ini menunjukkan dugaan daripada Allah S.W.T. supaya kita dapat muhasabah apakah dugaan banjir ini dapat memberi kesannya kepada kita supaya kita dapat mempertingkatkan lagi ruang-ruang yang perlu kita pertingkatkan. Dan menyentuh isu banjir ini saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri, walau pun ada disebut dalam ucapan bajet semalam, saya ingin mencadangkan pelaksanaan pelan-pelan induk sepertimana yang disebut oleh rakan saya daripada Batu Rakit iaitu mengenai longkang-longkang. Saya ingin mencadangkan agar pelaksanaan Pelan Induk

Saliran Bandar yang saya yakin telah banyak disiapkan oleh pihak kerajaan dan saya mohon dan mencadangkan agar pelaksanaannya dapat dipercepatkan supaya dapat kita mengelakkan daripada banjir kilat yang berlaku di masa hadapan. Begitu juga dengan Parit Monsun (*Monsoon Drain*) perlu dibina bagi menjadikan *Monsoon Drain* ini tulang belakang bagi sistem perparitan di sesuatu bandar itu. Begitu juga dengan satu lagi kaedah yang telah diluluskan di peringkat kerajaan persekutuan dan juga telah diselaraskan di peringkat negeri iaitu pengawalan kualiti dan kuantiti air iaitu kita membina pelbagai kolam-kolam takungan bagi kita mengelakkan berlakunya banjir di hilir kawasan pembangunan tersebut. Jadi saya ingin mencadangkan

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kuala Besut, penjelasan. Terima kasih Kuala Besut. Saya juga merasa apa yang dibangkitkan agak mustahak dari segi bencana alam atau perkara yang rutin berlaku setiap tahun dan semua orang tahu di Kuala Terengganu, Pantai Timur ada dua bulan atau musim setahun memang perkara yang berulang-ulang berlaku secara rutin. Tapi adakah Kuala Besut bermaksud yang Pengurusan Bencana Alam itu perlu kita pertingkatkan oleh kerana perkara itu rutin tetapi pengurusannya tidak rutin. Jadi yang berlaku dua hari lepas atau mungkin akan berlaku gelombang kedua, ketiga ini memerlukan satu pasukan Pengurusan Bencana Alam yang perlu dirangka secara strategik. Saya nak tanya pengalaman sebagai profesional dalam bidang ini, adakah bersetuju kita perlu adakan itu segera? Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Tuan Yang Dipertua dan juga Bandar. Sebenarnya pengurusan yang telah dilaksanakan oleh MKN telah dan sangat-sangat mencukupi, telah sempurna semuanya cuma kejadian yang kita alami merupakan suatu kejadian yang kita tidak sangka kerana jumlah hujan yang turun tidak dapat kita ramal kerana jumlah hujan yang turun itu adalah melebihi daripada rutin tahunan kita.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Laluan sekali. Yang Berhormat Yang Dipertua, tadi Batu Rakit cerita tentang buat parit, dia tak buat longkang. Sekarang ini Kuala Besut pulak kata cukup sempurna. Saya tak tahu hak mana se boleh pakai. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya tambah sikit boleh Yang Dipertua berkait yang dibangkit. Yang ditimbulkan sebentar tadi seperti kita telah memiliki suatu persiapan yang rapi tetapi saya melihat seperti kita berada dalam keadaan teragak-agak, hidrograf untuk Sungai Kemaman di Jambatan Air Putih pada 4hb, mencatatkan /eve/ Sungai Kemaman pada waktu tersebut hampir 16 meter. Jadi apakah dengan amaran seperti ini kita masih lagi dalam keadaan yang kelam kabut untuk menentukan apakah tindakan yang sepatutnya dilaksanakan oleh kita. Saya pohon penjelasan Kuala Besut kerana beliau merupakan seorang yang profesional di dalam bidang ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okey Tepoh, tapi saya rasa pihak kerajaan lagi sesuai untuk menjawab soalan-soalan tersebut. Okey, saya sambung semula. Begitu juga dengan Tabung Penyakit Kronik yang telah ditambah nilainya sehingga RM10 juta. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan negeri kerana memperuntukkan tabung yang sebegitu rupa dan begitu tinggi nilainya untuk kesihatan dan kesejahteraan rakyat Terengganu. Ini menunjukkan keprihatinan yang sangat tinggi daripada kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga kerajaan negeri kepada rakyatnya di negeri Terengganu ini.

Saya rasa setakat ini sahaja ucapan saya, Tuan Yang Dipertua dan sidang Dewan sekalian marilah sama-sama kita berdoa kepada Allah S.W.T. agar sentiasa mencurahkan rahmat-Nya dan rezeki-Nya kepada rakyat dan negeri Terengganu. Dan Allah juga telah berfirman: "Hendaklah kita sentiasa bersyukur agar apabila kita sentiasa bersyukur Allah akan lebihkan lagi nikmat-Nya dan lebihkan lagi rezeki-Nya". Dan kita sama-sama muhasabah diri kita dan dengan itu semoga kita mendapat berkat dan lindungan daripada Allah S.W.T., insyaAllah. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya pohon menyokong usul tersebut. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Besut. Seterusnya, saya buka lagi untuk perbahasan. Sila Ahli Yang Berhormat Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil alamin.

Wabihi nastain. Wa nusalli wa nusallim ala rasulihil amin. Wa ala alihi wa ashabihi wamanih tada biyadihi ila yaumiddin. Amma ba'd.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Pemerhati dan sidang Dewan sekalian. Alhamdulillah, pertamanya saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T. pada petang ini diberikan kekuatan dan kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan sempena pembentangan Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada pagi kelmarin.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, di kesempatan yang ringkas ini saya ingin menyentuh berkenaan dengan usaha kerajaan ke arah memacu perusahaan kecil dan sederhana sebagaimana yang telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika pembentangan Bajet 2014 pada pagi kelmarin iaitu pada perenggan 75, muka surat 47. Ada tiga isu yang saya ingin bangkitkan berkaitan dengan usahawan ini. Yang pertama, isu kesukaran usahawan Melayu untuk dapatkan pinjaman ataupun dana dengan nilai yang lebih besar. Perkara ini ada dibangkitkan oleh Setiausaha Kehormat, Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Melayu Terengganu (DPPMT) itu sendiri iaitu Encik Ahmad Azman bin Mohd Tajuddin. Dalam satu kenyataan beliau menyatakan bahawa walau pun ramai usahawan sederhana bercita-cita tinggi untuk menjadi lebih maju dan dinamik namun kekangan dana sering menghalang mereka untuk berbuat sedemikian. Beliau menambah lagi dengan berkata banyak aduan-aduan yang diterima berkenaan dengan kesukaran usahawan Melayu untuk mendapat pinjaman dengan nilai yang lebih besar. Kalau setakat jumlah RM5,000 atau RM10,000 maka apalah sangat yang dapat dilakukan dengan jumlah tersebut, apatah lagi kepada usahawan yang ingin berjinak dalam bidang yang lebih besar. Tuan Yang Dipertua, saya panjangkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini agar masalah yang dibangkitkan mendapat perhatian serius oleh pihak kerajaan, ini sesuai dengan Pelan Tindakan Strategik 5 Tahun Pembangunan Keusahawanan 2013-2017 yang salah satu daripada lima teras yang digariskan ialah meningkatkan akses kepada Dana Usahawan Kecil dan Sederhana. Dengan peruntukan RM55.5 juta daripada peruntukan keseluruhan sebanyak RM130 juta untuk menjayakan teras yang pertama ini maka saya percaya pihak kerajaan khususnya melalui Yayasan Pembangunan Usahawan tidak menghadapi masalah untuk mengambil perhatian dan seterusnya mengambil jalan penyelesaian yang terbaik bagi

membantu usahawan-usahawan kita yang ingin maju dengan lebih ke hadapan, dengan lebih bersaing maju di masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, yang kedua. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, berkenaan dengan rangkaian kedai 24 jam T'Shoppe yang merupakan salah satu program di bawah YPU yang sekarang ini terdapat 12 buah yang sedang beroperasi di Terengganu. Setelah hampir 5 tahun ia beroperasi adakah objektif yang digariskan antara lain, penguasaan pasaran dan juga bertujuan memperkasa dan melahirkan usahawan tempatan dalam sektor peruncitan benar-benar mencapai kejayaan dan *target* yang digariskan. Apa yang saya perhatikan, oleh kerana kerajaan terlalu mudah memberi lesen kepada rangkaian Seven Eleven untuk beroperasi menyebabkan T'Shoppe ini sebahagian besarnya jatuh sakit yang sudah barangkali ada yang berada di Wad ICU. Yang nampak sihat, yang nampak lebih maju dan berjaya sedikit ialah T'Shoppe yang ada sekali dengannya gelanggang futsal seperti T'Shoppe di Durian Burung. Tetapi apakah setiap T'Shoppe ini perlu dibina bersekali dengan gelanggang futsal demi mengatasi masalah ini? Saya percaya itu bukan penyelesaiannya dari sudut jangka masa panjang. Jadi sekiranya benar apa yang saya perhatikan ini maka saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Apakah kerajaan memandang serius terhadap masalah yang berlaku ini dan bagaimana langkah-langkah yang telah diambil dan bakal diambil oleh pihak kerajaan melalui YPU untuk mengatasi masalah kelembapan dari sudut kemajuan T'Shoppe yang antara lain bertujuan untuk melahirkan ramai usahawan Melayu khususnya dalam bidang peruncitan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, isu yang ketiga di bawah usahawan ini. Saya nak sebutkan juga berkenaan dengan isu Sabasun yang hangat diperkatakan dalam sebulan-dua ini. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu khususnya Datuk Bandar sendiri kerana melalui perbincangan yang diadakan di antara pihak MBKT dengan Sabasun yang diadakan pada petang kelmarin. Datuk Bandar telah membuka laluan untuk mempermudah urusan bagi mendapatkan CF dengan syarat beberapa perkara perlu diselesaikan terlebih dahulu oleh pihak Sabasun (Bukit Kecil). Dan sementara itu pihak MBKT bersedia mempertimbangkan satu permit sementara supaya pihak Sabasun dapat berniaga seperti biasa dalam keadaan yang tenang dan dalam keadaan yang selesa. Jadi inilah yang sepatutnya berlaku daripada awal, walaupun telah berlarutan beberapa ketika namun jalan penyelesaian yang dicapai ini kita mengucapkan syabas dan

tahniah. Dan seharusnya sifat tolak ansur seumpama ini menjadi teras ataupun asas dalam kita menyelesaikan apa jua pertikaian dan masalah yang berlaku apatah lagi bila melibatkan usahawan Melayu tempatan kita sendiri yang tidak boleh dinafikan kejayaannya dalam dunia perniagaan yang dilalui. Namun Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, masih ada lagi satu masalah yang sebenarnya jauh lebih besar yang dihadapi oleh Sabasun iaitu cawangannya di Wakaf Tembesu. Masalah apabila tanah seluas 10.5 ekar milik Sabasun sendiri mahu diambil balik oleh kerajaan melalui UPEN (Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu) bagi tujuan

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Minta laluan sekali Yang Berhormat. Yang Berhormat ni wakil Sabasun ke guana ni?

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Kita Wakil Rakyat Terengganu, Kawasan Teluk Pasu. Dan kita bercakap untuk kepentingan semua pihak dan lebih-lebih lagi melibatkan kepentingan orang Melayu dan oleh kerana isu Sabasun ini adalah isu yang terkini yang hangat dibincangkan maka saya rasa perlu untuk saya ketengahkan untuk mendapat perhatian. Apatah lagi Sabasun telah memberikan satu peluang pekerjaan yang luas kepada anak-anak tempatan kita dan jugak membantu dalam pemasaran hasil-hasil produk yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha khususnya pengusaha IKS. Jadi saya bangkitkan ini supaya pihak kerajaan mengambil perhatian dan berusaha ke arah penyelesaian yang terbaik yang boleh memberikan keuntungan kepada semua pihak khususnya kepada usahawan tempatan Melayu kita sendiri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan bahawa kerajaan melalui UPEN ini yang bercadang untuk membina Bandar Baru Perkasa Alam. Tujuannya adalah untuk dijadikan pusat perniagaan yang mengandungi aktiviti peruncitan sebagai fokus utamanya. Jadi saya nak tegaskan di sini, kalau itu antara tujuan utama pihak UPEN membangunkan Bandar Baru Perkasa Alam, bukankah Sabasun itu sendiri adalah satu entiti peruncit yang di bawahnya terdapat lebih daripada 1,500 pengusaha IKS dan juga EKS yang membekalkan barangan kepada Sabasun untuk dijual kepada pengguna. Tuan Yang Dipertua, sebenarnya pihak Sabasun telah merancang untuk membina satu kompleks perniagaan bagi menyediakan ruang niaga untuk IKS dan EKS dengan kadar sewa dan pemilikan yang lebih murah agar pihak IKS ini sentiasa berada dalam berdaya maju dan bersaing. Jadi bila saya bercakap berkenaan dengan Sabasun sebenarnya ia adalah pembelaan

dan usaha ke arah untuk membantu seluruh pengusaha-pengusaha dalam bidang Industri Kecil Dan Sederhana dan juga Enterprise Kecil Dan Sederhana ini. Oleh itu Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, bukankah penyelesaian terbaik dalam masalah yang dihadapi oleh Sabasun di Wakaf Tembesu ini dengan pihak UPEN menjadikan

YANG BERTHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Mintak laluan.

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Sila.

YANG BERTHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Rasanya selesai dah isu Sabasun ini, boleh pergi ke hal lainlah.

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Kuala Besut. Kalau selesai saya tidak bangkitkan di sini.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Saya faham dah maksud Kuala Besut tu, isu Sabasun ini dah 5 minit daripada 15 minit perbincangan. Mungkin dari segi *weightage* dia kot, itu yang dipertikaikan oleh Y.B. Kuala Besut.

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang Dipertua. Sikit lagi.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Jadi Sabasun ini adalah salah satu entiti, mungkin ada perkara-perkara yang lebih penting. Fokus Yang Berhormat Teluk Pasu patut diberikan kepada

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Sebab ini melibatkan usaha IKS secara keseluruhan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yalah, saya menerangkan maksud Kuala Besut itu tadi. Jadi kita ada masa lebih kurang 3 minit lagi. Mungkin isu Sabasun itu boleh dihentikan, mungkin boleh difokuskan kepada DUN sendiri, ada isu yang lebih besar lagi.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Ada sikit lagi, isu besar ni Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, boleh, boleh. 3 minit saya bagi.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Macam mana kita anggap isu ini isu yang kecil kerana ini melibatkan bukan Sabasun sahaja tetapi melibatkan 1,500 pengusaha IKS yang terlibat langsung dengan Sabasun dari sudut meletakkan barangan mereka dan lain-lain perkara yang berkait dengan IKS ini. Sikit lagi Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Jadi saya nak cadangkan kepada pihak kerajaan supaya menjadikan apa yang telah dibina dan akan dibina oleh Sabasun itu dimasukkan sebahagian daripada perancangan yang dirancang oleh pihak UPEN sebahagian dalam pembinaan ataupun pembangunan Bandar Perkasa Alam yang dirancang itu. Jadi saya harap InsyaAllah perkara ini mendapat perhatian dan dapat diselesaikan dengan cara yang baik. Kalau MBKT boleh memberikan satu sikap tolak ansur yang sebegitu baik di Sabasun Bukit Kecil, maka saya harap pihak UPEN juga bertindak profesional demi membela usahawan Melayu tempatan kita sendiri.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, itu tiga isu yang saya nak bangkitkan tentang usahawan. Seterusnya saya nak

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Sura mintak laluan.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Teluk Pasu. Adakah Yang Berhormat menyedari bahawa di Terengganu kita ada sejumlah 39 pasaraya dan hypermarket yang dimiliki oleh bukan bumiputera, sementara yang dimiliki oleh bumiputera hanya 5 buah sahaja daripada 39 buah ini. Maka saya rasa perkara ini sangat perlu diberikan perhatian khususnya oleh pihak kerajaan memandangkan penduduk di negeri Terengganu ini

sebahagian besarnya adalah orang Melayu yang memerlukan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera yang melibatkan diri dalam perniagaan pasaraya dan hypermarket ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Terima kasih Yang BERTHORMAT Sura. Saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan itu dan perkara ini sepatutnya menjadi perhatian kepada pihak kerajaan kerana saya melihat kewujudan hypermarket yang begitu banyak ini sebenarnya menjadi satu ancaman saingan yang menyebabkan pengusaha-pengusaha kecilan atau yang sederhana ini menghadapi masalah dari segi jualan mereka ataupun perniagaan mereka. Sebab itu saya difahamkan sememangnya pembinaan super-supermarket ataupun hypermarket ini dia ada syarat-syarat dia yang telah digariskan umpamanya dengan berapa kepadatan penduduk dia iaitu 250,000 baru diperlukan satu hypermarket dan sebagainya. Jadi ini jugak perlu diambil perhatian. Yang BERTHORMAT Tuan Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Lama lagi Teluk Pasu?

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Ada dua isu lagi. Ringkas saja. Iaitu saya nak bawa di sini rungutan masyarakat setempat yang sekian lama berlaku dan sehingga sekarang saya tak nampak ada penyelesaian. Kalau kita menghadapi banjir di Kemaman, di beberapa tempat tapi isu yang saya nak bangkitkan ini ialah kebanjiran haiwan yang berkeliaran di jalan-jalan utama termasuk di lebuhraya Gemuruh – Bukit Besi

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Haiwan apa tu, boleh spesifik?

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Lembu.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Biar spesifik.

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Semacam tidak ada satu penyelesaian sedangkan ini melibatkan ancaman kepada nyawa dan saya yakin kita semua maklum akan perkara ini. Di kampung saya sendiri, di Jalan Banggol Tuan Muda itu telah beberapa kes melibatkan kematian, kehilangan nyawa dan hak yang cedera masuk wad seminggu, dua minggu tu biasalah tapi ini melibatkan nyawa termasuklah *highway* Gelugor dan Bukit Besi tu saya

difahamkan mencecah angka hampir 200 setahun kemalangan dan saya tak pasti berapa kes yang melibatkan kehilangan nyawa. Jadi pihak kerajaan khususnya Jabatan Veterinar, mungkin boleh ambil perhatian dan fikir apakah penyelesaian terbaik untuk mengelak daripada perkara-perkara seperti ini terus berlaku.

Dan yang akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya nak melahirkan rasa kecewalah berhubung dengan peristiwa penghantaran notis oleh pihak Pejabat Tanah kepada penduduk di Banggol Donas yang terlibat dalam pengambilan tanah mereka untuk Projek Lebuh Raya Durian Tokong, Banggol Donas dan Kubang Jela. Dengan kehadiran yang turut disertai pihak Polis dan Penguatkuasa seramai lebih kurang 70 orang dan Polis pulak siap dengan M16. Jadi saya pun tak faham atas pertimbangan apakah sehingga pihak Pejabat Tanah melibatkan Polis dan Penguatkuasa hanya semata-mata untuk menghantar Notis Pengosongan ataupun Notis Pindah. Apa yang disebut dan dilaporkan dalam akhbar kononnya atas isu keselamatan. Dan Pejabat Tanah menyatakan beberapa orang pegawai telah dihantar sebelum daripada itu dan mendapat ancaman dan ugutan daripada penduduk

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Teluk Pasu habis pukul 5.00 ni, kita sambung kot?

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Saya nak menafikan Tuan Yang Dipertua perkara ini dan saya rasa sedih kenyataan seperti itu dikeluarkan kerana perkara itu sebenarnya tak pernah berlaku. Jadi saya berharap perkara-perkara sebegini tidak akan berulang di masa-masa akan datang dan InsyaAllah kita semua mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. khususnya dalam menguruskan amanah dan tanggungjawab sebagai pemimpin di semua peringkat. Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Hampir 25 minit, ya yang telah diberikan kepada Y.B. Teluk Pasu. Alhamdulillah wasyukurillah. Hari ini terdapat 10 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet 2014. Oleh kerana masa sudah sampai ke penghujungnya dah pukul 5.00 dah hari ini. Jadi saya mencadangkan untuk Dewan ditangguhkan pada hari ini dan disambung semula pada esok hari.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat maka saya tangguhkan Dewan ini keesokan hari yakni pada 11 Disember 2013, pukul 9.30 pagi. Dan saya ingin ingatkan sekali lagi sebelum kita bersurai pada hari ini iaitu Tabung Mangsa Banjir masih lagi berada di luar sana sebab kita akan tutup pada hari Khamis ini dan kita akan bilang berapa komitmen daripada Yang Berhormat dan juga Pemerhati untuk kita mengisytiharkan apakah komitmen kita sebagai orang yang boleh bercakar yang mempunyai keupayaan, kita bukan sekadar bercakar, kita bagilah setakat mana yang kita mampu menunjukkan bahawa derma ini jihad kita kepada Allah S.W.T. Jadi marilah kita sama-sama menangguhkan sidang kita pada hari ini dengan membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 11 DESEMBER 2013

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Tuan Haji Mohd Zubir bin Embong, AMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, DPMT.,SMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Haji Rozi bin Mamat, SMZ.,AMT.

WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Rosli bin Othman, AMN.

WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawī bin Mohamad, AMT.,PJK.

WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Roslee bin Daud, PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Mahdi bin Musa
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Mohd Iskandar bin Jaafar
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DSMZ.,DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Tuan Haji Azhar bin Jusoh, AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah S.W.T. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi yang mulia ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

Sebelum kita meneruskan tertib pada pagi ini, saya mengalu-alukan Pemerhati pada pagi ini hari Rabu, 11 Disember 2014 bersamaan 8 Safar 1435 adalah terdiri daripada KEMAS, Pemuda Kuala Nerus, warga DUN Jabi, warga DUN Kijal, warga DUN Bandar, warga DUN Bukit Payong, warga DUN Sura dan warga DUN Paka. Selamat datang ke Persidangan sebagai Pemerhati. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada ketua-ketua jabatan yang memberi komited hadir ke Persidangan DUN pada kali ini. Penghargaan juga kepada pihak media yang sudi hadir dan menyebarkan luas maklumat yang berharga tentang perjalanan Dewan pada kali ini.

Tarikh hari ini amat menarik kalau kita amati secara teliti '11-12-13'. Kalau pada tahun lepas, persidangan pada hari ketiganya jatuh pada tanggal '12-12-12'. Dan pada kali ini persidangan kali ketiga jatuh pada tanggal '11-12-13'. Itu yang ada membuat perkahwinan hari ini untuk mendapat sejarah tarikh yang menarik sebab nak cari tarikh menarik ni payah katanya.

Dan alhamdulillah wasyukurillah kerana kita masih hidup, masih diberi peluang oleh Allah S.W.T. untuk kita melebar luas ahsanul amalan kita. Dan sambil kita bersidang pada hari ini, di Dewan yang mulia ini, jangan kita lupa mangsa-mangsa banjir di luar sana. Saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat semua, para hadirin. Pemerhati dan sebagainya, teruskan membantu mereka walaupun dengan seungkap doa dan jangan lupa untuk menyumbang derma yang telah Dewan anjurkan bermula pada hari pertama. Peti untuk derma masih berada di luar sana. Begitu tabah mangsa banjir menghadapi cubaan Illahi, InsyaAllah mereka akan keluar dari ujian ini dengan hati yang tawado' sebagaimana api menguji emas untuk memisahkan unsur logam yang melekat padanya. Dalam hal ini Allah telah berfirman: "Apakah manusia mengira bahawa mereka telah dibiarkan mengatakan: "Kami telah beriman", sedangkan mereka belum diuji." (Al-Ankabut –

ayat 2 & 3). Saya juga ingin mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat agar mematuhi peraturan-peraturan menyoal sepertimana Peraturan 26 dan peraturan berbahas sepertimana Peraturan 46. Marilah kita semua memberikan yang terbaik kalau kita inginkan yang terbaik keputusannya, walaupun kita bukanlah yang terbaik tapi bagi saya kita semua adalah yang terbaik InsyaAllah.

Di persidangan hari ini kita teruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Saya mempersilakan Ahli Yang Berhormat Langkap untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menjadikan negeri Terengganu sebagai pengeluar hasil tanaman Kelapa Matag?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan serta para Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Terima kasih kepada Wakil Langkap yang bertanya soalan. Dan di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan ialah:

- (i) Pemulihan kawasan penanaman kelapa sedia ada yang tidak produktif terutama di daerah Marang, Dungun dan Setiu akan ditanam dengan Kelapa Matag.

Ini sesuai dengan program di peringkat Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian sekarang ini sedang melaksanakan program mana-mana hasil pertanian seperti buah-buahan yang tidak elok akan diganti dengan buah yang mendapat permintaan yang tinggi di dalam negara kita. Contohnya, kalau durian itu durian kampung yang butirnya banyak akan digantikan dengan Durian Musang King, itu contoh. Begitu juga kita di Terengganu, sesuai dengan peringkat pusat iaitu mana-mana pokok kelapa yang lama yang sudah tidak mengeluarkan buah yang banyak

akan diganti dengan pokok Kelapa Matag di seluruh daerah kita dan ini akan kita buat di Marang, Dungun dan Setiu.

- (ii) Mewujudkan kawasan baru untuk penanaman Kelapa Matag di negeri Terengganu. Antara kawasan yang dibuat ialah di Kampung Puyu, Chalok seluas 200 hektar dan Gong Beris seluas 40 hektar.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tambahan. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran tanaman Kelapa Matag ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kita di portfolio saya, sekarang ini kita tumpu di Kampung Puyu, Chalok yang sedang dalam pelaksanaan dan juga di Gong Beris. Dan kawasan yang baru kita tak buat lagi, kita nak tengok dulu hak di kawasan ini berjaya tidak, kita nak tengok sejauh manakah keluaran di tanah yang agak sedikit berpaya ini mengeluarkan hasil yang banyak. Jadi kita akan tumpu di dua kawasan ini dahulu iaitu di Kampung Puyu, Chalok dan juga di Gong Beris. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila. Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Soalan tambahan saya, setakat ini apakah jenis-jenis baka kelapa selain kelapa jenis Matag yang telah ditanam di bawah pemerhatian Jabatan Pertanian Negeri? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Yang Dipertua, kita di Terengganu tidak banyak hanya ada dua jenis iaitu Kelapa Matag dan juga Kelapa Pandan. Ini kita telah kenal pasti yang kedua-dua jenis ini yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak dan mendapat permintaan yang tinggi di kalangan masyarakat kita di Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tambahan, kalau ada lagi. Kalau tak ada kita pergi kepada Yang Berhormat Kota Putera.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

Ekoran daripada Tahun Melawat Malaysia 2014 apakah langkah kerajaan negeri untuk berganding bahu dengan kerajaan pusat untuk sama-sama meningkatkan jumlah kedatangan pelancong di negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang Dipertua, kerajaan persekutuan telah menetapkan tahun 2014 sebagai Tahun Melawat Malaysia dan tahun 2015 sebagai Tahun Festival bagi tujuan menarik lebih ramai pelancong datang ke Malaysia dan seterusnya mencapai strategi pada tahun 2020 iaitu targetnya 36 juta dan dianggarkan pendapatan sebanyak RM168 bilion. Begitu juga Kerajaan Negeri Terengganu mensasarkan pada tahun 2014 seramai 5 juta pelancong dari dalam dan luar negeri akan datang ke negeri Terengganu.

Dalam menjayakan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014, kerajaan negeri dengan kerjasama kerajaan persekutuan telah merangka beberapa perancangan dalam usaha meningkatkan kedatangan pelancong ke negeri ini. Kerjasama ini merupakan penerusan bagi merealisasikan pencapaian kedatangan pelancong seramai bagi Malaysia 28 juta dan untuk Terengganu 5 juta. Kerjasama ini juga akan lebih memfokuskan kepada subsektor pelancongan seperti pelancongan ekologi, pelancongan sukan, pelancongan sejarah dan sebagainya. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah dengan menganjurkan atur cara bersama di antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat sama ada acara di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa. Kerjasama dalam bidang penganjuran ini akan memberikan kesan dan impak yang lebih kepada negara dan negeri Terengganu sendiri. Cadangan atur cara yang telah dirangka bagi tahun 2014 merangkumi acara-acara antarabangsa, acara peringkat negeri dan acara-acara anjuran agensi yang berkaitan di negeri kita.

Dari segi promosi juga Tuan Yang Dipertua, kerajaan negeri dengan kerjasama kerajaan pusat telah bersama-sama mempromosikan negeri Terengganu contohnya di Pesta Pelancongan di luar negara seperti World Travel Mart di London iaitu satu tempat di mana semua penggiat industri pelancongan di dunia dan ASEAN Tourism Forum serta menjadikan acara utama di negeri yang bertaraf antarabangsa dan dunia seperti Festival Candat Sotong Antarabangsa yang akan diadakan pada bulan Mei nanti pada tahun 2014, Festival Gamelan Sedunia dan Festival Kenyir yang dijangkakan akan berlangsung sebulan lamanya dalam bulan April dan Mei dan juga International Rainforest Challenge.

Kerajaan Negeri juga telah dan akan bekerjasama dengan kerajaan pusat dalam sektor pembangunan dengan merancang dan melaksanakan bersama bagi projek-projek flagship negeri Terengganu khususnya kerajaan persekutuan telah bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam beberapa projek pembangunan yang memberi pulangan ekonomi dan juga sosial kepada negeri dan negara.

Bagi penumpuan pembangunan di Tasik Kenyir pula, kerajaan negeri telah bekerjasama dengan KETENGAH untuk merancang dan memantau pembangunan di Tasik Kenyir di dalam menjadikan Tasik Kenyir sebagai hab pelancongan dan Pulau Bebas Cukai di negeri Terengganu. Dan sepertimana Yang Berhormat semua sedia maklum bahawa sebanyak RM130 juta telah pun diperuntukkan bagi membangun Kenyir pada tahun 2014 nanti dan seterusnya.

Kerajaan negeri telah mengenal pasti beberapa kekurangan yang boleh ditambahbaik di dalam meningkatkan kedatangan pelancong ke negeri ini sempena Tahun Melawat Malaysia pada tahun hadapan. Sektor pengangkutan awam khususnya yang melibatkan pengangkutan udara, darat dan laut perlu diambilkira di dalam memastikan peningkatan kedatangan pelancong dapat dicapai. Kekerapan penerbangan ke negeri ini perlu ditambah berbanding dengan kekerapan pada masa sekarang yang hanya 12 kali penerbangan dalam satu hari yang membabitkan frekuensi Malaysia Airlines (MAS) sebanyak 3 penerbangan, Air Asia 2 penerbangan, Firefly 4 penerbangan dan satu lagi syarikat penerbangan yang baru yang datang ke negeri kita ialah Malindo dengan 3 penerbangan pada satu hari.

Selain daripada itu, kerjasama-kerjasama lain dalam menjaga keselamatan dan juga kemusnahan yang kita jangka dengan adanya projek pelancongan seperti

Biodiversity dan lain-lain lagi juga kita akan teruskan kerjasama ini dengan kerajaan pusat. Sekian.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih. Dalam pada kerajaan negeri bekerjasama dengan kerajaan pusat dalam menanti Tahun Melawat Malaysia, jadi berapakah anggaran kos yang dibayar oleh kerajaan negeri kepada pihak media untuk tujuan membantu kerajaan pusat dalam Kempen Tahun Melawat Malaysia?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tuan Yang Dipertua, yang ini saya memerlukan notis sebab bayaran kepada media ini bukan satu media sahaja tetapi beberapa media lagi yang kita akan libatkan mereka.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan lagi. Sila DUN Bandar.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Dipertua, terima kasih Yang Berhormat Exco. Kita ada maklumat yang diberitahu kepada kita bahawa jangkakan jumlah pelancong yang akan tiba pada tahun hadapan ke negeri Terengganu seramai 5 juta orang. Ini menjadikan nisbah dengan penduduk negeri Terengganu 1:4.3, maknanya seorang penduduk kita 4 orang lebih pelancong luar. Jadi atas premis ini saya nak tanya sama ada persediaan kita untuk menampung penginapan adakah mencukupi atau tidak ataupun ratio penginapan kita dengan pelancong berapa nisbah dia. Dan saya jugak nak yang semalam ada amaran daripada Kementerian Dalam Negeri menyatakan kebimbangan bahawa 78,300 orang pelancong yang datang ke negara kita tidak pulang dan jumlah ini tidak diketahui dan kerajaan masih lagi mencari kedudukan di manakah mereka bersembunyi kerana ini boleh mendatangkan masalah lanjutan kepada kita. Selanjutnya saya nak tanya di negeri Terengganu ini adakah kita menghadapi masalah sebegini dan dengan 5 juta orang ini apakah persiapan kita untuk menghindari masalah seperti ini? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tuan Yang Dipertua, terima kasih kepada ADUN Bandar. Yang pertamanya, premis

cukup, tak cukup. Jangkaan kita Tahun Melawat Terengganu 2013, kita mensasarkan sebanyak 4 juta pelancong datang ke Terengganu iaitu pelancong dari dalam dan juga pelancong daripada luar. Setakat ini tidak ada masalah apa-apa tetapi sekali-sekala umpamanya yang berlaku baru-baru ini iaitu semasa lumba basikal, pada malam itu kita tidak cukup penginapan. Walau bagaimanapun, penanda aras ini baik kepada kerajaan kerana kita masih lagi memerlukan untuk memaklumkan kepada pelancong bahawa sebenarnya kita ada penginapan tetapi mereka tidak tahu hotel, chalet dan sebagainya. Jadi kita menampakkan perkara ini bukanlah satu perkara yang besar tetapi dengan penambahan lagi beberapa hotel yang baru, InsyaAllah Terengganu mengikut sasaran bukan sahaja di Kuala Terengganu dan juga kawasan di Kenyir yang kita katakan kita akan bangun yang sebegitu rupa di dalam tempoh tertentu jangkaan ini akan mencukupi. Sasaran 5 juta ini kepada kita bukanlah dia mari sekali gus, dia mari beruncit, bulan 1 ke bulan 2 tak berapa ramai, biasanya masa ini ialah kunjungan daripada pelajar, bulan 4, 5, 6,7 barulah ramai tetapi bukan sahaja tertumpu di satu-satu tempat, ia bermula dari Besut, Setiu, Kuala Terengganu dan juga pulau-pulau.

Perkara yang kedua yang pelancong asing ini tak pulang di negeri Terengganu. Setakat ini saya tak dengar lagi tetapi ada, bukan pelancong tetapi pekerja, umpamanya pekerja-pekerja dari Indonesia, yang ini ada tetapi di bawah pengawasan keselamatan pihak Polis dan Imigresen. Dan soal pelancong setakat ini perkara-perkara yang disebutkan oleh Bandar tadi tidak timbul dan saya berterima kasihlah kepada Bandar kerana memaklumkan awal perkara-perkara yang perlu kerajaan mengambil berat supaya Terengganu ini adalah diyakini sebagai suatu tempat atau destinasi pelancongan yang menarik dan selamat. Sekian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan. Yang Berhormat Wakil Jabi dan Yang Berhormat Wakil Manir bangun serentak untuk mengemukakan soalan tambahan. Kita bagi Jabi dulu. Terima kasih Manir.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih. Binaan Bazar Warisan di Kuala Terengganu yang berhadapan dengan icon kita Pasar Besar Payang itu kita lihat sebagai suatu langkah yang baiklah oleh kerajaan untuk memperkembangkan dan untuk mempertingkatkan lagi perniagaan di kalangan usahawan-usahawan bumiputera. Walau bagaimanapun, kita dapati di tingkat pertama itu penuh tetapi di tingkat atas banyak berlaku kekosongan

kerana tidak ramai peniaga yang buka kedai-kedai mereka. Antara lainnya adalah kerana tidak mendapat sambutan dan anggapan kepada pelancong dan bakal-bakal pembeli ini harga di Bazar Warisan itu jauh lebih tinggi dari di tempat-tempat lain, itu adalah anggapan dan persepsi mereka. Jadi adakah boleh pihak kerajaan terangkan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk membantu para peniaga di situ kerana saya dapati lebih daripada 10 ke 15 buah kedai yang tidak pernah dibuka langsung, disewa sahaja. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak penguatkuasaan, contohnya MBKT kalau sewa tetapi tidak dibuka mesti ada langkah-langkah atau tindakan oleh pihak penguatkuasaan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri):
Tuan Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Jabi. Di Bazar Warisan ini kalau kita melihat kepada *architecture* dia cantik dan kita bangga dengan adanya Bazar Warisan ini. Walau bagaimanapun, beberapa kajian dibuat dari tahun ke tahun untuk melihat apakah kekangan yang sebenar selain daripada mempamerkan keindahan dan juga daya yang menarik sebagai satu tempat pelancongan iaitu Bukit Puteri di sebelahnya yang mana sebuah bukit yang bersejarah. Kerajaan telahpun meneliti perkara ini terutamanya yang dikatakan harga jualan. Yang keduanya, tidak penuh. Dan kerajaan sedar bahawa perkara ini berlaku tetapi tidak semuanya mahal dan yang tidak penuh itu sebenarnya ada tuannya dan kita telah meminta kepada pihak berkuasa negeri supaya melihat balik mana-mana kedai yang ada tuan tetapi tidak berniaga hendaklah dibuat tindakan susulan supaya Bazar yang seindah ini akan mendapat tarikan yang ramai. Begitu juga Tuan Yang Dipertua, kita nampak bahawa di depan bazar itu ada satu bangunan lagi yang sangat kontroversi maknanya bukan sahaja orang pergi ke bazar tersebut tetapi yang lebih menarik lagi ialah Pasar Kedai Payang, ia dekat-dekat tu. Kerajaan negeri melihat kepada Pasar Kedai Payang ini yang setengah parti kata tidak boleh dibuat kerana nak jaga warisan tetapi kerajaan kata ada penaja dan bantuan untuk membaik pulih. Jadi dua-dua Bazar Warisan dan Pasar Kedai Payang ini merupakan adik beradik, dia duduk dekat-dekat je, kalau pergi ke Bazar Warisan, boleh pergi juga ke Kedai Payang dan apabila masuk ke Pasar Kedai Payang, boleh pergi pulak ke Bazar Warisan. Jadi sebab itu kerajaan sangat menitik berat bahawa untuk membantu Bazar Warisan ini menjadi lebih baik di masa depan maka Pasar Kedai Payang juga perlu kita bina yang terbaik dan kita akan mendapat pandangan yang ramai supaya kawasan bandar ini yang sedang kita buat muaranya keindahannya ini akan dapat dimanfaatkan oleh semua rakyat

bukan sahaja di sini mendapat nama tarikan tetapi kepada penduduk terutamanya penduduk sekitar akan mendapat lebih pendapatan ekonominya kerana pada masa kini di kawasan ini tumpuannya bukan sahaja di Bazar Warisan bahkan Pasar Kedai Payang, bot penambang dan juga TTI. Sebab itu kepada Wakil Jabi saya ucap terima kasih kerana membangkitkan perkara ini dan Kerajaan Negeri Terengganu bersungguh-sungguh untuk membina kawasan bandar ini, Bazar Warisan termasuk dan juga persekitarannya termasuklah Pasar Kedai Payang ini supaya akan lebih baik di masa depan sebab beberapa perkara yang kita lihat keindahan di sini ada sedikit cacatnya mengenai kebersihan dan juga penyelesaian untuk peniaga-peniaga yang lama supaya dipermodenkan. Sekian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita dah cukup

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Sikit je.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya tak boleh bagi laluan dah. Terima kasih banyak kepada Y.B. Permaisuri. Seterusnya, sebelum saya meneruskan, saya mengalu-alukan kehadiran Pemerhati yang baru tiba ke Dewan sebentar tadi dan hadir sama adalah Ahli Parlimen. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Soalan saya yang pertama –

Berapakah bilangan sekolah-sekolah swasta yang mengambil peperiksaan kementerian iaitu UPSR, PMR & SPM di negeri Terengganu? Apakah bentuk bantuan dan sokongan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada sekolah-sekolah tersebut?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat,

ketua-ketua jabatan dan para Pemerhati yang saya hormati sekalian. Terima kasih atas soalan daripada Wakil Paka yang berbunyi: Berapakah bilangan sekolah-sekolah swasta yang mengambil peperiksaan kementerian iaitu UPSR, PMR & SPM di negeri Terengganu dan apakah bentuk bantuan dan sokongan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada sekolah-sekolah tersebut?

Yang Berhormat Yang Dipertua, setakat ini bilangan sekolah-sekolah swasta yang mengambil peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia adalah seperti berikut:-

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)	-	3 buah sekolah
Penilaian Menengah Rendah (PMR)	-	2 buah sekolah
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	-	4 buah sekolah

Jumlah - 9 buah sekolah

Sehingga kini tiada bantuan atau sokongan yang diberikan oleh kerajaan negeri pada sekolah-sekolah tersebut kerana ia beroperasi atas kapasiti atas sekolah swasta. Namun begitu bagi Pusat-pusat Pendidikan Yayasan iaitu di Kuala Berang dan Pusat Pendidikan Yayasan, Besut kos pengurusan dan pembangunan ditanggung sepenuhnya di bawah kerajaan negeri melalui Yayasan Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tambahan. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, boleh tolong namakan sebab tak banyak mana hanya 9 buah sekolah.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Antara sekolah-sekolah negeri Terengganu yang mengambil ujian dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) ialah:

- Sekolah Rendah Islam Al-Amin Kemaman.
- Sekolah Rendah Islam Al-Amin Dungun.
- Sekolah Sri Utama Kuala Terengganu.

Bagi Penilaian Menengah Rendah (PMR) ialah:-

- Sekolah Rendah Islam Al-Amin Kemaman.
- Sekolah Menengah Agama Kampung Laut.

Manakala bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ialah:-

- Sekolah Menengah Islam Al-Amin Kemaman.
- Sekolah Menengah Agama Kampung Laut.
- Pusat Pendidikan Yayasan Terengganu, Kuala Berang.
- Pusat Pendidikan Yayasan Terengganu, Besut.

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ada soalan tambahan lagi? Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, kita dapat makluman daripada banyak sekolah-sekolah persendirian (swasta) yang mereka ingin membuat pendaftaran menghadapi berbagai-bagai karenah birokrasi daripada pihak kerajaan. Kita sedia maklum sepatutnya pihak kerajaan rasa berterima kasih kerana mereka turut sama membantu dan menyumbang dalam arus pendidikan dan mereka menggunakan modul kementerian untuk menerima ataupun mengambil peperiksaan kementerian. Sepatutnya pihak kerajaan memberi kemudahan

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan Y.B., soalnya.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya. Itulah kita tengok antara faktor yang mungkin ataupun ada faktor lain Yang Berhormat Exco boleh memberi jawapan adakah kerana mereka tidak berdaftar yang menyebabkan kita tidak memberi sumbangan. Adakah sekolah yang memaklumkan kepada saya, mereka nak mendaftar tetapi tidak diberi mendaftar. Yang ketiga, adakah mereka yang mendaftar dengan Pejabat Hal Ehwal Agama sudah cukup tanpa mendaftar dengan JPN sebab makluman yang lalu dia kata bila daftar dengan Pejabat Hal Ehwal Agama secara automatik dia menerima pakai pendaftaran di JPN.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Y.B. Paka. Dalam Sistem Pendidikan Malaysia atau mana-mana Sistem Pendidikan Negara

yang berdaulat, kita ada Kementerian Pendidikan maka dalam Kementerian Pendidikan, kita ada Akta Pendidikan Negara dan di bawah Akta Pendidikan Negara semua sekolah yang mengambil peperiksaan awam ini seharusnya mempunyai kelulusan yang diluluskan oleh kementerian kerana perlu berlaku keseragaman dalam sistem terutama kokurikulumnya. Sebab itu sebelum sesuatu sekolah itu diluluskan pendaftarannya perkara atau piawaiannya perlu ada ialah sekolah itu mestilah selamat maksudnya mendapat kelulusan pembinaan sekolah dan ada ciri-ciri keselamatan dari segi kemungkinan berlaku kebakaran dan sebagainya. Bentuk bangunan sekolah juga diambil kira, infrastruktur, kemudahan-kemudahan yang boleh beroperasi sebagai sekolah yang boleh memberikan kondusif untuk pelajar. Jika semua piawai ini dipenuhi, pihak kementerian akan turun menyiasat dan kelulusan akan diberi. Sebenarnya tak ada masalah kecuali tidak memenuhi kehendak dan peraturan yang ditetapkan oleh kementerian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Paka, teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita MAIDAM yang mempunyai sumber zakat yang besar dan sebahagian daripadanya ialah untuk fisabilillah. Khususnya mereka dari pendidikan agama yang dalam masa yang sama juga mengambil peperiksaan UPSR, PMR ataupun SPM yang sepatutnya kita boleh menyalurkan bantuan, sumbangan untuk menaik taraf semua sekolah-sekolah ini. Saya ucap terima kasihlah kepada MAIDAM baru-baru ini saya tengok ada salah satu institusi itu dia tunjuk surat kepada saya iaitu, MAIDAM telah menghantar surat untuk memaklumkan bahawa mereka ingin memberi sumbangan kepada semua sekolah-sekolah iaitu pemadam kebakaran. Saya ucap terima kasihlah walaupun saya tanya tadi tak sampai lagi dia kata tetapi paling kurang ada dah memberi bantuan alat pemadam kebakaran. Jadi dah sekian lama dan Terengganu ini dianggap sebagai antara pusat institusi pendidikan juga, jadi baru mendapat pemadam api saja. Jadi kita harap InsyaAllah pihak MAIDAM dapat menyalurkan zakat khususnya sebab mereka ini berhak yang melibatkan pendidikan fisabilillah untuk menaiktaraf sekolah-sekolah ini. Jadi kita tengok sekolah-sekolah ini tak sesuai dari segi keselamatan dan sebagainya sepatutnya kitalah yang membantunya. Jadi saya mintak komen daripada Exco.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Saya bersimpati mendengar 'sejak sekian lama tidak mendapat pemadam api'. Maka setiap Exco baru kita akan meluluskan RM500,000 untuk menyediakan kemudahan seperti pemadam api untuk semua sekolah-sekolah demi rakyat negeri Terengganu dan yang lain-lain itu dalam proses kajian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Ajil dan Y.B. Paka. Seterusnya dipersilakan Ahli Yang Berhormat Batu Rakit untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

Adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan kawasan pengeluaran tanaman sayuran bagi mengurangkan kebergantungan bekalan dari luar negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerajaan tidak bercadang untuk menambah kawasan pengeluaran baru sayur-sayuran di negeri Terengganu, ini kerana kawasan yang sedia ada jika ditanam sepenuhnya oleh penanam kita akan dapat memenuhi permintaan penduduk di negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila jika ada soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Yang Dipertua, jadi maksudnya bekalan sayur kita sudah mencukupi?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, sebenarnya negeri Terengganu kita masih lagi membeli sayur daripada luar Terengganu kerana penanam sayur kita tidak menanam yang sepatutnya. Kawasan luas tetapi hanya lebih kurang 53% sahaja kawasan yang sepatutnya ditanam diusahakan oleh penanam sayur kita. Jadi dengan sebab itu kita terpaksa beli sayur daripada luar. InsyaAllah, pada tahun depan ni kita akan cuba membuat kempen supaya kawasan terbiar dan kawasan

yang sepatutnya diusahakan oleh penanam sayur kita digunakan sepenuhnya di kawasan yang sedia ada di Terengganu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Soalan tambahan Yang Dipertua. Wakil Batu Rakit ni dia penggemar sayur, jadi dia bimbanglah takut sayur tak cukup, tu yang dia tanya tu. Saya nak dapat penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah pihak kerajaan bercadang ataupun mungkin telah mengambil langkah-langkah menggalakkan apa yang disebut *Edible Garden* ataupun penanaman sayur di sekeliling kediaman ini yang saya kira boleh membantu untuk mengurangkan kebergantungan kepada import bahan-bahan makanan terutama sayur daripada luar negara. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, InsyaAllah, pada tahun depan kita akan cuba untuk menggalakkan rakyat kita supaya menjadikan satu budaya memakan sayur apa yang dia tanam. Ini kita ambil daripada apa yang telah diperkenalkan oleh Menteri Besar iaitu menanam kelapa sawit di sekeliling rumah. Tahun depan ini kita akan tambah baik lagi dengan kita menggalakkan rakyat kita menanam sayur di sekeliling rumah dan juga di sekitar tanah yang terbiar di sekeliling mereka. Ini adalah di bawah program iaitu masih lagi di dalam pertimbangan kerajaan iaitu dengan nama 'Jom Kita Menanam'. Dan kalau ini boleh berjaya kita akan dapat mengatasi masalah tidak cukup sayur di Terengganu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, apakah pihak kerajaan mempunyai mekanisme yang tertentu untuk menggalakkan masyarakat ataupun petani-petani kita menanam sayur-sayuran, tidak cukup dengan mengatakan petani 'malas nak menanam' tetapi apa yang perlu kita fikir bagaimana nak memberikan pulangan yang terbaik bagi mereka supaya mereka lebih proaktif dalam menanam dan melaksanakan tugas mereka sebagai petani. Ini adalah suatu mekanisme yang perlu dikaji oleh pihak kerajaan supaya mereka tidak ketinggalan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kerajaan kita tidak pernah mengatakan rakyat kita malas menanam. Cuma kebetulan kawasan-kawasan yang sepatutnya ditanam tidak ditanam kerana ada sedikit masalah dan di samping itu juga kita akan cuba menggalakkan rakyat kita menanam dengan memberi beberapa insentif kepada mereka misalnya bantuan baja, bantuan racun. Kalau kita boleh galakkan mereka ini InsyaAllah, mereka bukan sahaja rajin tetapi mereka juga mampu menjadi petani yang baik.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Minta maaf Y.B. Paka, kita dah tiga soalan tambahan. Terima kasih kepada Y.B. Hulu Besut dan Y.B.-Y.B. yang bertanya soalan-soalan tambahan. Seterusnya saya mempersilakan Y.B. Jabi untuk mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, soalan saya nombor satu -

Bilakah pembangunan Pusat Pertumbuhan Baru/Desa di Pekan Jabi akan diluluskan oleh kerajaan?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan para Pemerhati sekalian.

Pusat Pertumbuhan Desa di Pekan Jabi akan dilaksanakan setelah kerja-kerja pengambilan balik tanah tersebut dapat dilaksanakan kerana kita terpaksa membuat permohonan ke Pejabat Tanah di bawah Seksyen 31(c) iaitu Akta Pengambilan Balik Tanah 1997. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ya, sila Jabi, soalan tambahan.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Apakah menjadi dasar kepada kerajaan atau apakah kriteria-kriteria yang diambil kira oleh pihak kerajaan di dalam membangunkan pusat-pusat pertumbuhan baru di seluruh negeri? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, kerajaan dalam melaksanakan sesuatu pembangunan, pertama, bila melibatkan keperluan komersial, sudah tentu kita membuat kajian teliti atas keperluan untuk projek itu, daya saingnya, nilai tambahnya dan keuntungan yang bakal diperolehi kerana ia melibatkan pengambilan balik tanah. Apakah potensi yang ada sebab itu kajian terpaksa dibuat dan akan melibatkan masa dan sebagainya. Kalau tanah kerajaan senang kita boleh teruskan saja tetapi ia melibatkan pengambilan balik melibatkan nilai jutaan ringgit. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan. Sila Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Berkenaan dengan Pusat Pertumbuhan Desa Jabi, saya bukan nak sokong Y.B. Jabi tapi rakyat di Jabi

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Takdok masalah kalau nak sokong pun boleh, baguslah tu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak tanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, adakah rancangan untuk membina RTC ataupun yang disebut sebagai *Rural Transformation Centre* yang boleh menempatkan semua agensi kerajaan dalam satu tempat kerana Pekan Jabi ini pada pandangan saya ianya berada agak di tengah-tengah. Jadi isu berkenaan dengan pendaftaran, lesen dan sebagainya terutama bila musim banjir ini kita tengok di Kemaman memang ada banyak masalah apabila sekolah nak dibuka untuk *regain* dengan izin, surat-surat beranak hak rosak semasa banjir itu agak bermasalah. Jadi kalau adanya pusat semacam RTC tu senang, tak payah mari ke bandar untuk dapatkan salinan dan sebagainya. Saya rasa dulu ada pengumuman berkenaan dengan RTC di Jabi tetapi saya tak berapa pasti, itu saya nak tanya kerajaan negeri. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Yang Dipertua. Kerajaan negeri telah bersetuju dengan cadangan kementerian/kerajaan pusat untuk menjadikan Bandar AMBS sebagai pusat RTC (*Rural Transformation Centre*) di AMBS. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kalau tak ada soalan tambahan, dipersilakan Yang Berhormat Kuala Besut untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

Tahap kualiti air sungai di Terengganu adalah berada pada tahap yang baik. Apakah langkah-langkah pihak kerajaan untuk mengekalkan serta meningkatkan lagi kualiti air sungai di Terengganu?

YANG BERHORMT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Kuala Besut ialah berkait dengan: Tahap kualiti air sungai di Terengganu adalah berada pada tahap yang baik. Apakah langkah-langkah pihak kerajaan untuk mengekalkan serta meningkatkan lagi kualiti air sungai di Terengganu?

Alhamdulillah keadaan air atau kualiti air sungai di Terengganu adalah dalam keadaan yang baik. Antara langkah-langkah dan usaha kerajaan bagi mengekalkan kualiti air di Sungai Terengganu ialah:-

- (i) Kita mengenakan syarat wajib pelan kawalan hakisan dan mendapan.
- (ii) Kita melaksanakan ESCP (*Erosion and Sediment Control Plan*) berkait dengan pencegahan hakisan dan juga pemendapan kepada pembukaan

kawasan baru dengan pelbagai aktiviti seperti perlombongan dan pembangunan terutama di kawasan tanah tinggi.

- (iii) Kita mengawal aktiviti pengambilan pasir sungai dengan tempoh tertentu dan syarat-syarat memenuhi garis panduan jabatan teknikal.
- (iv) Kita memperkenalkan Program Satu Negeri Satu Sungai dan Satu Daerah Satu Sungai bertujuan mendekatkan pihak komuniti dengan sungai serta menyemai rasa tanggungjawab bersama menjaga kebersihan sungai dan sayangkan sungai.

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan. Sila.

YANG BERTHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan saya, adakah program-program pemuliharaan sungai di dalam negeri Terengganu ini yang spesifik ke arah sungai-sungai tersebut. Boleh bagi contoh tak, yang menjamin tahap kestabilan kualiti air sungai di negeri Terengganu? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih kepada Wakil Kuala Besut. Jadi program yang kita laksanakan seperti contoh yang saya sebut tadi adalah Program Satu Negeri Satu Sungai dan Satu Daerah Satu Sungai, di mana kita melibatkan bukan hanya pihak kerajaan sahaja yang diberikan tanggungjawab tetapi kita menyemainya kerana yang pertama sekali kita perlu jugak membudayakan rakyat negeri Terengganu supaya memastikan sungai kita sentiasa bersih dan juga hidup dan vibran dengan mencapai kualiti air Kelas IIB untuk memastikan menjelang tahun 2015. Jadi antara program yang kita buat ni, sungai yang terlibat ialah di Besut - Sungai Jerteh, di Setiu - Sungai Guntong, di Hulu Terengganu - Sungai Pertang, di Kuala Terengganu - Sungai Hiliran, di Marang - Sungai Rinting, di Dungun - Sungai Pimpin dan Kemaman - Sungai Mat Ikar.

Jadi strategi pelaksanaan Program Satu Negeri Satu Sungai dan Satu Daerah Satu Sungai ini kita ada satu Jawatankuasa Pengurusan Sungai di peringkat negeri. Dan kita buat pemuliharaan di mana kita mengenal pasti punca-punca pencemaran, kita

melaksanakan projek-projek berkaitan bagi mengurangkan kesan pencemaran. Selain daripada itu juga kita ada buat program pencegahan yang kita semaikan kepada orang ramai dan juga kepada pelajar-pelajar sekolah iaitu yang kita panggil sebagai 'River Ranger'. Dan pemulihan ini ialah bertujuan untuk meningkatkan kualiti air sungai (WQI) dengan menggunakan dua kaedah iaitu:-

- (i) Kaedah Semburan EM "Effective Microorganisms".
- (ii) Kaedah Mencampak EM "Effective Microorganisms" atau menggunakan Mud Ball.

Itu saja, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila soalan tambahan. Sila Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya ada keratan akhbar berkenaan dengan tajuknya: "JKKK nafi ceroboh tanah rezab sungai." Ianya berlaku di Pengkalan Stor. Soalan saya, mengikut akhbar ini pihak berkenaan bercadang untuk membela ayam di tepi sungai dan dikatakan telah mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan. Tidakkah ini akan berlaku masalah kepada sungai tersebut?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sebelum Y.B. memberikan jawapan, Bentara tolong pergi ambil keratan akhbar itu, saya nak tengok sikit.

YANG BERHORMT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya rasa saya tak perlu jawab soalan ini sebab saya perlukan notis untuk meneliti dan menyiasat sama ada perkara ini berlaku atau tidak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila, soalan tambahan yang ketiga.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Adakah pihak kerajaan membuat pemantauan khususnya melibatkan kilang-kilang ataupun industri sebab di Sungai Paka khususnya Loji GP5 – 6 yang membuang sisanya walaupun dia ada kolam treatment dia tetapi apabila berlaku banjir dan sebagainya dia melimpah keluar dan kadang-kadang dia sedut buat masuk balik, ini akan menjejaskan kualiti air sungai. Kita bimbang kalau pekerja dia, dia ada buat *quarry* tetapi kita dari kalangan rakyat tidak ada apa-apa jaminan bahawa kita dapat selamatkan daripada itu khususnya masyarakat setempat yang masih lagi yang mengambil ikan dan sebagainya dan juga ternakan ikan dalam sangkar yang kita bimbang perkara ini hasil daripada yang keluar daripada kilang ini menjejaskan kualiti air. Jadi adakah kita buat lawatan berterusan sebab saya sendiri pun pernah tinjau, bila musim banjir tu memang air kumbahan dia tu akan keluar ke anak sungai dan seterusnya ke sungai besar, Paka.

YANG BERHORMT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih kepada Wakil Paka di atas soalan dan juga makluman yang disampaikan. Tapi untuk makluman bahawa dengan apa yang disampaikan tadi itu banyak kepada tanggapan. Jadi oleh kerana tidak ada lagi bukti yang menyatakan bahawa apa yang ditimbulkan itu berlaku dan kita pun tidak ada lagi menerima makluman ada kes-kes kesihatan dan sebagainya. Jadi walau bagaimanapun, sebelum kita meluluskan sebarang projek dan juga pembangunan yang berlaku itu sudah pasti bahawa kajian dan juga penyelidikan, siasatan telah dibuat. Jadi yang telah mengikuti piawai yang telah ditetapkan tidak ada masalah tetapi jika sekiranya ada perkara yang berbangkit, InsyaAllah, perkara ini akan kita siasat dan tindakan segera akan diambil. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Seberang Takir. Saya berhasrat untuk menangguh sementara Dewan kerana masa bagi Soalan-soalan Lisan telah tamat. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula pada pukul 11.00 pagi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.30 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi Allah S.W.T. Mesyuarat disambung semula. Perbincangan Bajet 2014 diteruskan dan dalam perbincangan ini saya mahu supaya kita patuh pada masa untuk memberi ruang yang adil kepada semua pihak untuk mengemukakan perbincangan bagi memastikan bahawa kita mempunyai perbincangan yang berkualiti dan pastikan bahawa kita lebih berfokus kepada Bajet yang telah dibentangkan. Oleh yang demikian, saya menjemput mana-mana Yang Berhormat yang ingin memberikan ucapan perbincangan dipersilakan.

YANG BERTHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, barisan Exco-Exco Kerajaan Negeri Terengganu, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, seterusnya tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang dapat disimpulkan sebagai bajet yang sangat menyeluruh dan mampu merancang pertumbuhan ekonomi domestik di samping dapat merancang ekonomi negeri dan sama-sama dapat merasai setiap peluang yang kita miliki. Ini bermakna setiap sen yang kita belanjakan akan dinikmati oleh semua daripada penduduk/rakyat negeri Terengganu. InsyaAllah, setiap yang kita lakukan ini akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. Nabi Muhammad S.A.W. bersabda yang membawa maksud: "9/10 daripada punca rezeki itu datang daripada perniagaan." Ini bermakna bahawa maksud bagi menambahbaik ekonomi perniagaan merupakan kerjaya yang mesti diberi tumpuan dengan serius. Dalam hal ini keupayaan kita untuk membentuk dan melahirkan usahawan terutamanya usahawan bumiputera yang rata-rata dapat dikategorikan sebagai usahawan kecil dan sederhana dapat memberi kesan atau impak yang lebih besar kepada pertumbuhan ekonomi terutama di negeri Terengganu.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri kerana memperuntukkan dana melalui Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) bagi melaksanakan Pelan Tindakan 5 Tahun Pembangunan Usahawan untuk memperkasakan usahawan negeri Terengganu. Semalam ada wakil daripada Teluk Pasu menyatakan pinjaman Yayasan Pembangunan Usahawan RM5,000 kepada RM10,000 dan sebenarnya Yayasan menyediakan RM5,000 sehingga RM50,000 tanpa faedah. InsyaAllah, pada tahun hadapan dengan strategi 5 tahun Yayasan Pembangunan Usahawan, saya mencadangkan kita tingkatkan lagi RM50,000 kepada RM100,000 tanpa faedah.(Tepukan sokongan) Inilah kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

Yang Dipertua, sehubungan dengan usaha untuk melahirkan usahawan yang berjaya kita juga tidak boleh lari dari bercakap mengenai Negara Maju. Sebagaimana yang diketahui umum bahawa negara kita berhasrat untuk menjadi sebuah Negara Maju menjelang 2020. Malah dalam hal ini ramai yang menjangkakan kita akan mencapai taraf Negara Maju lebih awal daripada tahun 2020. Maka sebagai sebuah negeri dalam Malaysia, negeri Terengganu juga akan melalui proses tersebut. Namun yang menjadi persoalannya apakah persediaan kita untuk memasuki fasa Negara Maju tersebut satu perkara yang tidak boleh dinafikan untuk menjadi Negara Maju kita hendaklah mengubah hala tuju ekonomi negeri Terengganu. Pada hari ini sebuah negeri yang boleh dikatakan maju di Malaysia aktiviti ekonominya tertumpu kepada sektor perindustrian. Saya cukup yakin dengan usaha yang dilakukan oleh kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu untuk membawa masuk pelabur luar dan dalam dengan sendirinya akan membuka peluang pekerjaan yang seluasnya kepada rakyat negeri Terengganu.

Yang Berhormat Yang Dipertua, dalam usaha kita ke arah mencapai Negara Maju, faktor perkembangan yang seimbang antara daerah juga perlu diambil kira dan diberi tumpuan. Pada hari ini dapat dirasakan bahawa pertumbuhan di sebelah wilayah utara Terengganu khususnya Setiu agak sedikit terbatas dan juga Besut. Dalam daerah Setiu terdapat tiga kawasan perindustrian yang tidak berkembang dengan baik iaitu di Lembah Bidong, di Saujana Fikri, kawasan Permaisuri dan di Sungai Bari di kawasan Langkap saya sendiri. Hari ini tapak-tapak perindustrian ini belum diduduki secara maksimum. Sekiranya kawasan ini dapat menarik minat pelabur luar dan dalam sudah pasti banyak peluang pekerjaan dan peluang-peluang ekonomi dapat diaktifkan. Saya mencadangkan supaya kerajaan memberi

perhatian dalam pembangunan industri di kawasan yang sebutkan tadi. Justeru itu, Bajet 2014 membuktikan kerajaan kita sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah merealisasikan Akujanji sebagai pemimpin yang bertanggungjawab yang memahami keperluan rakyat dan usahawan selaras dengan tema bajet 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan, Bajet Kesejahteraan Rakyat'.

Sekian, Langkap pohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Langkap. Seterusnya Sila Jabi.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah summa alhamdulillah. Alhamdulillahillazi hadana lihaza wama kunna linahtadiya lau la an hadaanallah. Alhamdulillahir rabbil alamin. Wabihi nastain. Wassalatu wasalamu ala rasulillah. Wa ala alihi wa ashabihi waman walah.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, seterusnya sidang Dewan yang dirahmati oleh Allah sekalian. Pertamanya, saya mengucapkan syukur kehadiran Allah S.W.T. dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Dipertua Dewan kerana memberi kesempatan kepada saya pada pagi yang berbahagia ini untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam perbahasan dalam sidang Dewan yang mulia pada pagi ini.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan negeri kerana telah berjaya membentangkan satu bajet yang berimbang bagi tahun 2014 nanti. Dan saya mendapati keseluruhan bajet ini mampu memberikan atau membawa kesejahteraan kepada seluruh rakyat negeri Terengganu. Dan ini sangatlah bersesuaian dan bertepatan dengan tema bajet iaitu 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan'. Tuan Yang Dipertua, saya kira yang lebih mustahak laginya ialah bajet ini nanti sudah pastinyalah akan mendapat sokongan penuh daripada keseluruhan Ahli-ahli Dewan daripada Barisan Nasional. Tidak sebagaimana yang berlaku di sebuah negeri apabila dibentangkan bajet oleh

kerajaan, puak dia jugak yang bangkang di luar Dewan. Jadi InsyaAllah, perkara ini tidak akan berlaku kepada Dewan kita pada hari ini.(Tepukan Sokongan) Tak payah sebutlah Tuan Yang Dipertua dok negeri mana-mana. Tahu belaka dah.

Tuan Yang Dipertua Dewan, pada kesempatan yang terhad ini, izinkan saya mengambil peluang bagi sama-sama berbahas dengan memberikan fokus kepada dua perkara yang menjadi strategi kepada bajet kerajaan negeri iaitu perkara yang kedua, 'Memantapkan Pembangunan Modal Insan Berkualiti' dan perkara yang ketiga 'Memelihara Kesejahteraan Rakyat'. Bajet kali ini memperuntukkan sebanyak RM178 juta daripada keseluruhan jumlah bajet untuk tujuan Pembangunan Modal Insan ataupun lebih tepat lagi bagi kegunaan tujuan-tujuan yang bersangkutan paut dengan hal ehwal pendidikan anak-anak negeri Terengganu. Jumlah yang sebesar itu saya kira mampu untuk mengangkat kerajaan ataupun negeri Terengganu ini sebagai sebuah negeri Anjung Ilmu pada masa akan datang. Sebagai perbandingan ini sekadar nak sebut perbandingan sahajalah, bukan nak kata kepada siapa-siapa, tidak. Terengganu memperuntukkan RM178 juta, Kelantan memperuntukkan RM78 juta untuk keseluruhan perbelanjaan pendidikan pada tahun hadapan, Selangor memperuntukkan RM35.9 juta secara keseluruhan

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Boleh beri kepada Alur Limbat laluan?

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Dok sut* lagi ayat Tuan Yang Dipertua. Sikit lagi saya bagi. InsyaAllah.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Duduk dulu Alur Limbat.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya berpendapat bahawa komitmen yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Terengganu ini merupakan pemangkin kepada matlamat yang disasarkan oleh kerajaan pusat sebagaimana digariskan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Manakala sepanjang tempoh 10 tahun yang ada

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okey, boleh?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Dok sut* lagi. Nantilah dulu, *dok sut* lagi. Duduk dulu, kita berilah *takdok* hal.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sabar Alur Limbat, sabar.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sepanjang tempoh 10 tahun kebelakangan inipun kita sudah nampak hasil, sudah nampak keberkesanan pelaksanaan program-program yang melibatkan pendidikan ini yang mana kita melihat negeri Terengganu ini selalu ataupun sentiasa berada di tangga utama, tangga teratas, kalau tidak nombor satu, nombor dua tetapi kebanyakannya nombor satulah di dalam keputusan-keputusan peperiksaan peringkat sekolah, sama ada UPSR, PMR dan sebagainya. Kita sentiasa mendahului negeri-negeri lain di dalam pencapaian keputusan. Walau bagaimanapun Tuan Yang Dipertua, penumpuan yang tidak sama rata ataupun di sini maksud saya terhadap sistem pembelajaran lebih menumpukan kepada sistem yang bercorak dengan izin, *theoretical* semata-mata tidak mampu untuk membentuk generasi yang cemerlang pada masa akan datang. Justeru itu, suka saya mencadangkan kepada kerajaan agar memberi penekanan dan jugak memberikan penumpuan kepada pendidikan berteraskan ajaran Islam di dalam setiap aspek pengajaran dan pembelajaran. Mungkin sukacita saya mencadangkan di sini antara perkara-perkara yang boleh diambil perhatian ialah yang pertama; memberi kefahaman terhadap kepentingan menjadi Generasi Ulul Albab. Pada masa ini kita duk sebut saja Ulul Albab, Ulul Albab tetapi tidak semua rakyat terutama ibu bapa kita, ibu bapa kepada anak-anak kita yang sedang belajar memahami apa itu Konsep Ulul Albab. Mereka tidak begitu faham, tidak begitu mendalami maksud bagaimana seseorang itu boleh dikategorikan sebagai seorang yang Ulul Albab, yang mempunyai keseimbangan di antara ilmu-ilmu duniawi dan ilmu-ilmu ukhrawi. Sebagai contoh, kanak-kanak yang mempunyai cita-cita untuk menjadi Angkasawan, contohnya. Kita menghidangkan kanak-kanak itu dengan cerita-cerita berkenaan dengan cakerawala dan sebagainya tanpa kita memasukkan unsur-unsur Islamik terhadap pembelajaran ataupun penumpuan yang diberikan kepada mereka. Sebagai contoh mungkin kita boleh mengaitkan dengan ayat-ayat Al-Quran yang selalu disebut di dalam Al-Quran, cerita-cerita, kisah-kisah berkenaan dengan cakerawala, alam semesta dan sebagainya. Di sini kita akan boleh memberikan satu kefahaman kepada pelajar-pelajar tersebut, kepada anak-anak kita di peringkat prasekolah lagi bahawasanya ada kesimbangan di antara apa yang dipelajari oleh mereka dengan apa yang sebenarnya yang

diajarkan di dalam Islam itu sendiri. Yang kedua, saya nak mencadangkan penekanan kepada praktikal sesuatu ilmu yang diajar tanpa terlalu kita bergantung kepada kefahaman *theoretical* semata-mata khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Islam terutama yang bersangkutan dengan hal ehwal kehidupan mereka hari-hari seperti kewajipan sembahyang, puasa, zakat dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua, baru-baru ini ada satu cerita yang berlaku di Malaysia Timur, di Sarawak kalau saya tak silap, satu laporan akhbar menyatakan seorang pelajar tingkatan 3 nak terjun bangunan dari tingkat 3, mungkin kalau dia tingkatan 5 dia pilih nak terjun dari tingkat 5 barangkali, agaknya kerana disindir oleh rakan-rakan kerana tidak tahu azan. Dia belajar tetapi dia tidak tahu bagaimana melaksanakan apa yang dia belajar. Jadi perkara ini cukup membimbangkan pada masa hadapan kerana kita tidak mahu, kadang-kadang kita ada berjumpa dengan orang-orang muda suruh baca Fatihah tidak tahu, suruh baca Alhamdulillah tahu pulak. Dia kata Fatihah hak mana, Alhamdulillah hak mana. Jadi mereka tidak tahu, tidak mempraktikkan apa yang dipelajari di sekolah kerana lebih penumpuan diberikan kepada *theoretical* sahaja. Untuk sekadar mengetahui sahaja tanpa dilaksanakan, dipraktikkan di rumah sebab itulah timbul ramainya pada hari ini pelajar-pelajar sekolah yang jauh ketinggalan dalam aspek membaca Quran, ada yang sembahyangnya pun tak tahu, tunggang-langgang tak tahu ke mana. Jadi ini yang kita nak berikan penekanan. Pada kali ini saya nampak di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan ini sudah ada, cuma tinggal lagi bagaimana pihak kerajaan negeri boleh membantu kerajaan pusat di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan dan jugak menekankan dari aspek praktikalnya.

Yang ketiganya, saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam di dalam pembentangan bajet iaitu Konsep Blended Learning. Konsep bentuk pembelajaran yang nak sebut guana dok tahu ni, yang diblend? Yang dikisar? Hak blender yang ada dirumah ni dikisar? Diadun, bukan ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri). Konsep pembelajaran yang diadun di antara kelas komputer dan jugak pembelajaran secara biasanya. Suka saya nak mencadangkan Konsep Blended Learning ini kita perluaskan lagi dengan tidak sekadar gabungan kaedah pembelajaran tetapi merangkumi kepada gabungan keperluan-keperluan ilmu duniawi dan ukhrawi sebagaimana yang saya sebut sebelum ini ataupun lebih awal tadi.

Yang keempat, saya nak mencadangkan pengiktirafan kepada Sekolah-sekolah Pondok, Maahad-maahad Tahfiz dan Sekolah-sekolah Agama Rakyat dan lain-lain Institusi Pembelajaran Islam yang berdaftar. Hak tak berdaftar itu dia peseng lain pulak, dia ada kaedah lain pulak, ini yang hak berdaftar dulu. Maksudnya mana-mana institusi yang telah saya sebut itu yang telah didaftarkan perlulah kita mengambil cakna terhadap mereka ini sama ada dengan memberikan peruntukan-peruntukan yang sesuai dan munasabah dengan keperluan-keperluan mereka. Di tempat saya Tuan Yang Dipertua, ada dua buah Sekolah Pondok, kedua-duanya berada dalam keadaan yang agak menyedihkan, tempat belajar ilmu agama, tempat yang di mana di situ berkumpulnya orang-orang yang Tahfiz Quran, orang yang kalau kita kira sebagai pelajar-pelajar yang pada mereka itu tertanam sifat-sifat dan semangat untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam, ilmu-ilmu agama ini tetapi dalam keadaan yang sangat menyedihkan. Saya kira perkara ini perlu diambil perhatian kerana untuk kita menarik perhatian kepada pelajar-pelajar mendalami ilmu-ilmu agama ini perlu kepada kewujudan satu suasana yang lebih kondusif.

Kelima, saya suka nak mencadangkan supaya kita menerapkan Konsep Wasatiyyah di dalam bidang pendidikan ini. Generasi perlu dilatih agar mampu menjalani kehidupan yang seimbang bukan setakat sederhana. Selalunya bila kita sebut wasatiyyah, kita selalu terfikir persepsi yang pertama ialah bersederhana sahaja. Tetapi bukan setakat bersederhana, mereka mesti seimbang, perlu ada keseimbangan di dalam setiap apa saja yang mereka laksanakan dan ini perlu dimulakan daripada peringkat prasekolah lagi. Ini sesuai sekali dengan Firman Allah di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 143 yang bermaksud: "Dan demikianlah sebagaimana kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus dan kami jadikan kamu satu umat pilihan yang adil supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia tentang yang benar dan salah dan kami jadikan Rasulullah itu pula sebagai orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu."

Tuan Yang Dipertua Dewan dan sidang Dewan yang dimulakan. Saya nak menyentuh sedikit berkenaan dengan perkara strategi bajet yang keempat iaitu 'Kebajikan dan kesejahteraan rakyat'. Tapi saya janji dah satni nak berikan laluan. Silakan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Wakil Jabi. Apa yang disentuh tadi berkenaan dengan bajet dibandingkan dengan negeri Pakatan Rakyat. Saya rasa tak adil kerana ini bukan

cara perbandingan dia. Cara perbandingannya adalah yang lebih betul dari segi statistik adalah *percentage*. Negeri Kelantan bajet dia hanya RM500 juta maka RM78 juta daripada RM500 juta adalah sekitar 30% berbanding dengan RM178 juta ataupun lebih daripada RM100 juta berbanding dengan hampir RM3 bilion maksudnya teramat rendah bajet untuk pendidikan yang diberikan di dalam Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Itu yang sebenarnya dari segi statistik, kira mengikut *percent*, bukan dari segi angka.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Wakil Alur Limbat. Hak orang payah nak adil *sokmo*. Jadi hal duit ni kita nak kira jumlahnya

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah cakap *dok betul lekpon*.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Duit dalam poket kita ni, kan kalau kita nak pergi beli, kita kata nak beli gula dengan harga berapa-berapa peratus? Tak, mesti kita kira jumlah yang ada di dalam perbelanjaan kita ini.(Tepukan sokongan) Minta saya teruskan Tuan Yang Dipertua.

Menyentuh tentang Kebajikan Dan Kesejahteraan Rakyat. Rakyat Terengganu sangat bertuah kerana dilimpahi dengan berbagai bentuk bantuan yang diterima sama ada daripada kerajaan pusat ataupun kerajaan negeri. Deretan bentuk-bentuk bantuan seperti Dana Khas, bantuan kepada orang-orang muda dan pada tahun ini ramai yang dapat Bantuan Insentif Perkahwinan, ibu tunggal dapat RM2,000 dan kalau lawan dengan bapak tunggal dapat RM2,000 seorang pulak, jadi RM4,000. Ramai baru-baru ini yang mari kepada kita mintak untuk tandatangan borang sokongan pohon bantuan ini. Perkara ini bagus, ini suatu perkara yang sangat menarik dan jugak suatu perkara yang perlu diteruskan dan wajar dicontohi kerana kita menggalakkan kepada pembinaan institusi kekeluargaan dan mengelakkan daripada berlakunya maksiat. Kemudian dana-dana Bantuan Persediaan Pelajaran dan nak buka sekolah ini pulak, sikit-sikit lagi ada pulak dana kepada pelajar-pelajar sekolah, bantuan kepada anak-anak sekolah kita dalam bentuk wang tunai dengan dinisbahkan kepada persediaan untuk membeli pakaian sekolah, maksimum dua orang untuk sebuah rumah/satu keluarga. Ini suatu perkara yang sangat menarik dan sangat bertuah sebenarnya kepada rakyat negeri Terengganu. Walau bagaimanapun, Tuan Yang Dipertua,

saya melihat perkara ini di dalam dua dimensi. Hal ini sudah tentu ada baik dan buruknya, sudah tentu daripada dimensi yang lebih positifnya ialah pemberian secara terus ini, bantuan-bantuan ini dapat mengurangkan beban ekonomi mereka dalam kehidupan seharian. Tetapi untuk satu tempoh jangka masa yang panjang, saya melihat pemberian terus seperti ini sedikit sebanyak akan membentuk sikap negatif di kalangan rakyat kita sendiri. Masyarakat sekarang ini sudah menjadi terlalu bergantung kepada pemberian-pemberian ataupun dana-dana daripada kerajaan. Mungkin tidak keterlaluan kalau kita sebutkan mereka menjadi masyarakat subsidi, takdok subsidi marah selalu. Hak patut kita berikan kepada dia itu ialah imbuhan ataupun orang kata bukanlah suatu kewajipan daripada pihak kerajaan untuk beri kepada mereka. Tetapi apabila sekali mereka tidak dapat 10 kali, 9 kali hak mereka dapat, mereka sudah tidak ingat. Dan inilah yang menjadi masalah-masalah kepada kita pimpinan di peringkat akar umbi untuk memperjelaskan kepada rakyat bahawasanya mereka tidak boleh terlalu bergantung kepada bentuk bantuan subsidi kerajaan semata-mata bahkan mereka mestilah berusaha dengan kudrat tenaga mereka untuk membiayai keluarga dan anak-pinak mereka. Saya berpendapat sudah sampai masanya kerajaan mengkaji semula bentuk pemberian ini agar dapat dibuat secara lebih objektif dan memberi kesan jangka panjang yang lebih positif, ibarat kata pepatah "Jangan kita memberikan mereka ikan tetapi memberikan mereka batang pancing untuk mereka belajar bagaimana memancing dan membawa balik hasil setiap hari ke rumah mereka."

Tuan Yang Dipertua, menyentuh berkenaan dengan soal-soal ekonomi. Satu projek usahasama ekonomi yang boleh dibanggakan di negeri ini ialah ECER-DC ataupun dengan izin, *East Coast Economic Region – Development Council* ataupun kita duk sebut 'ecer'. Sebutlah apa pun tapi itulah satu kerjasama yang sangat baik di antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat dalam membawa pelaburan-pelaburan ke dalam negeri Terengganu ini bagi mempertingkatkan kedudukan ekonomi negeri dan juga rakyat. Nilai pelaburan yang dijangkakan mencecah RM20 bilion dengan hampir 11,000 peluang pekerjaan ini adalah sesuatu yang sangat positif.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Jabi, 4 minit lagi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dok kira masa hak beri pinjam ke orang satni?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Campur sekali dah tu.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Adjust sikit boh!* Ramai juga rakan-rakan yang bertanya kepada saya, selain daripada peluang pekerjaan tersebut apa lagi kami sebagai rakyat bawahan ini yang boleh dapat manfaat daripada ECER-DC ini? Sudah tentulah kata mereka; kami tidak terlibat dengan pelaburan, kami tidak terlibat dengan industri dan kami bukan pemilik perusahaan-perusahaan yang berskala besar. Tetapi saya difahamkan selain daripada nilai pelaburan yang mencecah bilion ringgit itu, ECER-DC juga membantu usahawan-usahawan kecil dan pertengahan seperti pengusaha-pengusaha produk tempatan. Salah satu program yang saya difahamkan yang dilaksanakan oleh ECER-DC ialah Program *Empowerment* dengan izin, iaitu program untuk membantu usahawan-usahawan kecil ini yang pada hemat saya perlulah diperluaskan daripada Kemaman sampai ke Besut. Janganlah ada kawasan-kawasan yang ketinggalan di dalam mendapat manfaat daripada program-program sampingan ECER-DC. ECER-DC mesti bekerjasama dengan pemimpin tempatan untuk mengenalpasti usahawan-usahawan berpotensi dan tulen bagi diberikan latihan dan bantuan. Dan mustahak sekali ECER-DC tidak boleh mengambil jalan pintas untuk mengatakan bahawasanya telah wujud ramai usahawan yang dibangunkan di bawah program-program *empowerment* ini dengan memberikan mereka pengiktirafan-pengiktirafan, dibawa ke atas pentas dan memberikan mereka anugerah-anugerah dan sebagainya. Sedangkan apabila selesai saja program-program tersebut, ramai pula yang berkata: "Balik-balik orang yang sama, balik-balik orang yang sama yang diberikan anugerah dan pengiktirafan-pengiktirafan." Jadi ECER-DC ini saya merasakan perlu mengambil kira pandangan dan juga pendapat daripada pemimpin-pemimpin tempatan, dalam hal ini Wakil-wakil Rakyatlah supaya mereka dapat mencadangkan kepada ECER ini orang yang bagaimana? Siapa yang berpotensi dan untuk dibangunkan? Bukan semata-mata dia menjadi satu *redundant* dengan izin, ataupun pertindihan di antara kumpulan sasar antara ECER-DC dan lain-lain agensi seperti Yayasan Pembangunan Usahawan, Yayasan Pembangunan Keluarga, TEKUN, MARA dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua Dewan, nak *landing* dah ni, sikit lagi. Menyentuh hal rakyat ini juga saya turut merasakan kesedihan dan simpati terhadap mangsa-mangsa banjir di Pantai Timur khususnya di negeri kita di Kemaman. Saya berkesempatan juga hadir di beberapa kawasan perpindahan di Kemaman dan membuat tinjauan

dan memberikan bantuan sekadar yang termampu. Apa yang saya dapati, bekalan makanan dan bantuan-bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan dan jugak pihak-pihak NGO dan parti-parti politik mencukupi dan tidak seteruk sebagaimana yang digambarkan. Dua pemimpin utama kita yang saya rasa perlu diberi penghargaan iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sendiri dan Yang Berhormat Menteri kita Dato' Seri Ahmad Shabery Cheek. Kedua-dua mereka ini kita dapati berada sepenuh masa di dalam kawasan yang dilanda banjir itu. Kita baru balik daripada Perhimpunan Agong UMNO, saya tidak berjumpa sekalipun dengan Yang Amat Berhormat Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Kuala Lumpur pada masa Persidangan UMNO ini. Begitu jugak kita tidak berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri kerana difahamkan mereka berada di Kemaman untuk membantu mangsa-mangsa banjir ini.(Tepukan sokongan) Cuma yang menyedihkan ialah di dalam blog-blog, di dalam laman-laman sosial berbagai fitnah telah dilemparkan kepada agensi-agensi kerajaan ataupun pemimpin-pemimpin kerajaan yang kononnya tidak membantu, yang kononnya lepas tangan, yang kononnya sedang bersenang-lenang di Kuala Lumpur, duduk di hotel makan sedap-sedap. Sedangkan pada masa yang sama rakyat berada dalam situasi mencemaskan ditimpa bencana banjir. Sebagaimana disebut oleh rakan saya Wakil Kuala Besut semalam (kelmarin), taburan hujan yang kita terima pada tahun ini sangat luar biasa dan tidak pernah dijangkakan oleh sesiapa pun. Sebab itu mungkin pada peringkat awalnya, proses penghantaran bantuan ini tidaklah begitu licin dan sudah tentu timbul berbagai masalah. Saya berada di satu-dua tempat di Kemaman, difahamkan pihak Tenaga Nasional Berhad terpaksa menggilirkan generator sebanyak 15 buah bergilir-gilir di kawasan-kawasan penempatan pemindahan banjir ini kerana kita tidak mempunyai keperluan utiliti yang mencukupi untuk menghadapi bencana yang sebesar itu yang tidak pernah pun kita hadapi sebelum ini. Tuan Yang Dipertua, bagi meringankan beban kepada mangsa banjir ini atau mangsa bencana alam ini, suka saya mencadangkan kepada pihak kerajaan mengecualikan bayaran bil utiliti kepada mangsa yang teruk terjejas di Kemaman dan kawasan-kawasan yang terjejas seperti bayaran bil air, sewa-sewa rumah kedai kepunyaan PBT dan lain-lain *charge* yang melibatkan kegunaan domestik dan entiti bisnes agar dapat mengurangkan beban mereka. Kalau semalam Wakil Ladang bercadang beri RM1,000 tapi yang sebenarnya lebih dari RM1,000 dah, kalau nak ikutkan nilai itu lebih daripada RM1,000 dah kerajaan membantu kepada rakyat yang mengalami bencana dan kesusahan ini. Marilah kita bersama-sama insaf bahawasanya pada masa inilah kita boleh berganding tangan dan berganding

bahu di antara semua parti-parti politik tanpa mengira siapa saja kita, pemimpin mana pun pergilah membantu kepada rakyat yang berada dalam kesusahan. Selepas dibantu itu janganlah pulak kita semata-mata ambil gambar dan masuk ke dalam laman-laman sosial, kemudian kita tulis pulak *caption*: "Oh! Kitalah yang membantu orang lain tidak." Jadi perkara ini tidak sayugialah kita laksanakan kerana rakyat boleh menilai sebenarnya kalau betul ikhlas kita memberikan bantuan maka InsyaAllah rakyat dapat menilai dengan tepat dan benar. Kita bimbang kerana apabila kita menunjuk-nunjukkan dan jugak kita

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sikit lagi dah, sikit lagi dah. Ini *kohor slow* dah ni. Apabila perasaan hasad dengki kepada usaha orang lain itu akan memadamkan segala kebaikan yang kita buat sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: "Janganlah nanti perasaan hasad dengki kita itu memusnahkan segala kebaikan yang telah kita laksanakan sebagaimana api memakan kayu." Ini suatu perkara yang InsyaAllah, marilah sama-sama kita berdoa supaya dapat kita dilindungi daripada perasaan-perasaan ataupun sikap tersebut.

Tuan Yang Dipertua Dewan, oleh kerana pada hari ini ada rombongan daripada Jabi, saya sukacitalah mintak izin sedikit nak menyebut berkenaan dengan hal ehwal masyarakat di Jabilah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Panjang dah ni, cepat sikit.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sikit lagi. Saya nak undur sikit lagi. Selain daripada yang ditimpa bencana tadi, saya juga suka nak mencadangkanlah kepada pihak kerajaan jika dapat dekat-dekat nak buka sekolah ini kita tahu perbelanjaan persekolahan ibu bapa untuk menanggung persekolahan anak-anak ini sangat besar. Masuk tadika saja pun kalau tadika yang swasta itu RM500- RM600 habis, Tadika KEMAS masih kekal RM10 lagi, syabas. Walau bagaimanapun, kita difahamkan Yayasan Pembangunan Keluarga akan menaikkan bayaran kepada setiap anak yang dihantar ke tadika di bawah YPK itu sebanyak RM50, memandangkan kita masih lagi berada di dalam keadaan bencana yang saya kira dalam tempoh dua – tiga minggu yang akan datang hingga ke buka sesi persekolahan mungkin ibu bapa tidak sempat menyediakan kewangan-kewangan

yang sepatutnya. Maka saya mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri melalui Yayasan Pembangunan Keluarga agar menanggungkan kenaikan sebanyak RM50 tersebut kepada satu tempoh masa yang betul-betul ataupun benar-benar memberikan kelegaan kepada para ibu bapa.

Tuan Yang Dipertua Dewan dan sidang Dewan yang dimuliakan. Izinkan saya sebut sedikit beberapa perkara berkenaan dengan kawasan yang saya wakili iaitu

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wakil Jabi saya rasa dah panjang sangat dah.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): 2 minit, Tuan Yang Dipertua. Saya memohon kepada kerajaan negeri agar dapat menyediakan proses pengambilan balik tanah sebagaimana disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi bagi pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa dan Bandar Baru Pekan Jabi. Proses ini yang telah sekian lama tertangguh membantutkan kemajuan Pekan Jabi sebagaimana yang disebut oleh dan saya ucap terima kasih kepada Wakil Bandar kerana beliau menyokong tadi pembangunan di Pekan Jabi ini yang terletak di tengah-tengah laluan di antara Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Kepadatan penduduk di DUN Jabi sekarang memerlukan kepada pembangunan fasiliti-fasiliti yang lebih baik dan kondusif. Dengan adanya pusat pertumbuhan baru nanti Pekan Jabi boleh dibangunkan dengan kewujudan cawangan-cawangan bank ataupun cawangan-cawangan agensi-agensi kerajaan dan menyusun semula kedudukan pejabat-pejabat atau agensi kerajaan yang sekarang ini kedudukannya agak berselerak. Perancangan pembangunan yang tersusun ini boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi rakyat Jabi pada masa akan datang.

Selain dari itu saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan pembinaan masjid-masjid baru

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Jabi saya rasa *last* dah ni. Jabi tolong pendekkan dah hampir setengah jam dah ni.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak apalah. Kita sambung lagi pada sesi yang akan datang InsyaAllah. Jabi mohon menyokong. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Jabi. Sebab kita masih ada banyak lagi perbincangan yang patut kita bagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain dan bagi kita mendapatkan keadilan dan perbincangan yang berkualiti. Terima kasih banyak. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabbil alamin. Wassalatu wassalamu ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa ala alihi wa ashabihi ajmain. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan dan Pemerhati sekalian.

Saya ingin menarik ucapan saya pada tengah hari ini dengan perkara di dalam muka surat 17, Ucapan Bajet berkait dengan Meneruskan Program e-Book yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam. Di dalam ucapan tersebut kerajaan memperuntukkan 117,112 buah e-Book kepada pelajar-pelajar sekolah dan pada tahun 2014, peruntukan sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan untuk membeli e-Book sebagaimana tahun-tahun yang sebelum daripada ini. Apa yang saya ingin kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini saya rasa agak tertarik dengan apa yang dikemukakan di dalam *Virtual Class*. *Virtual Class* ini dimulakan dengan Sekolah Kebangsaan Paya Bunga dulu, dilihat keberkesanannya sebagaimana yang dilaporkan oleh wakil kerajaan barulah dikembangkan di sekolah-sekolah sebagaimana yang disebut di dalam ucapan ini. Tetapi soalan saya adakah pihak kerajaan membuat kajian berkenaan dengan pemberian e-Book kerana diberikan kepada seluruh pelajar dengan jumlah yang besar. Cuba bayangkan kalau dan saya memohon pengesahan daripada pihak kerajaan, berapa sebenarnya kos yang dibayar kepada TOP-IT harga sebuah e-Book tersebut? Oleh kerana TOP-IT ni sebuah syarikat GLC, anak syarikat kerajaan negeri, berapakah kos sebenarnya yang ditanggung oleh TOP-IT untuk mengeluarkan e-Book dan soalan saya lagi adakah e-Book ini datang dari China siap sebiji begitu ataupun dibuat, *diassemble* di kilang TOP-IT di Gong Badak. Jadi inilah soalan yang saya nak kemukakan dan perlukan jawapan nanti. Ini andaian saya, kalau sekiranya harga sebuah e-Book tu RM1,000, maka kerajaan telah membelanjakan 117,112 dekat RM117,112,000 untuk keseluruhan e-Book yang telah dikeluarkan. Jadi dari segi itu saya mencadangkan supaya pihak kerajaan membuat kajian secara menyeluruh berkenaan dengan pengeluaran e-Book ini atau pembahagian e-Book kepada pelajar-pelajar sekolah kerana seingat saya

kejayaan UPSR terbaik di Malaysia bermula daripada era Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Awang iaitulah sekitar tahun 2002 dan pengeluaran e-Book ini

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Pohon laluan, pohon laluan, boleh Alur Limbat? Sikit saja. Yang Berhormat Yang Dipertua, betul ianya bermula dari era Yang Amat Berhormat waktu itu tetapi asasnya untuk makluman Dewan dibuat oleh pemimpin sebelum itu lagi sebab kejayaan bukannya dapat terus hari itu ianya mestilah dibuat, dirancang jauh sebelum hari itu lagi. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okey, terima kasih. (Sambil gelak) Ayahkan? Soalan saya Tak apa, kami sebut fakta. E-Book mula diberikan pada tahun 2009, Dewan yang mulia ini dengan pegawai-pegawai kerajaan yang ramai ini, adakah kerana kejayaan yang berterusan adalah kejayaan pembahagian e-Book? Saya tadi jugak dengar Wakil Batu Rakit dia ada sebut isu sekolah yang semakin sikit murid-muridnya, dia tak cadang *Virtual Class*, dia cadang supaya perumahan ditambah maknanya yang sebenarnya sekolah ada kemungkinan dibuat berdasarkan pembinaan sekolah dibuat tanpa mengambil kira jumlah penduduk di situ, populasi penduduk. Jadi ini kerajaan jawablah. Ada sekolah yang 3 bulan lagi nak periksa UPSR, saya istilahkan sebagai e-Book dikuarantin sebab e-Book ini boleh dibawa balik ke rumah jadi hak milik dia dan ada sekolah guru wajibkan pelajar bawa ke sekolah disimpan 3 bulan sebelum Peperiksaan UPSR, tujuan apa, itu soalan dia. Sebab nak periksa

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Alur Limbat, saya bekas pendidik, kalau boleh nyatakan sekolah itu lebih tepatlah.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya rasa biar pihak kerajaan *checklah* sekolahnya, sekolah di Kuala Terengganu ni.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sekolah di mana? Di Kuala Terengganu bukan di Alur Limbatlah.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Untuk apa e-Book ini disimpan? Mungkin kerana ianya mengganggu, itu mungkin tapi kerajaan berilah jawapan dia. Kemudian kajian yang perlu dibuat dari segi kualiti e-Book oleh

kerana TOP-IT ini dia ambil daripada China, selalunya bila sebut hak China ni biasalah, masing-masing dalaman, inside dia dengan izin, kurang kualitinya. Jadi saya nak mintak kerajaan buktikan e-Book yang berjenama TOP-IT yang berwarna biru pulak, sebab apa warna biru tak apalah, kita tak kisah kita pakai jugak tapi tidak atas nama yang brandedlah, dengan izin. Saya juga berasa sedih beberapa tahun yang lalu Yang Amat Berhormat ada pergi ke sekolah-sekolah ataupun pergi ke tempat-tempat yang tertentu apabila membahagikan *pendrive* yang setahu saya tu made in China jugak, dibuat di China, *pendrive* tu kita mendapat rungutan dari guru-guru ia tidak boleh diguna, berapa harga dia? Kalau tak salah saya dalam 8 megabit yang mana kalau harga hari itu agak tinggi sikit je tapi saya bimbang dengan harga yang agak tinggi diberikan kepada guru dan ada guru tak berani nak guna kerana bimbang komputer dia rosak dan ini sudah berlaku sebenarnya. Dan saya jugak nak ambil perhatian dari segi kajian berkenaan dengan pemberian e-Book secara percuma dengan jumlah RM20 juta yang *directly* dengan izin, diberi kepada pihak Syarikat TOP-IT, ada rungutan dari syarikat-syarikat komputer yang mana kalau kita lihat, saya bagi contoh di Mydin Mall. Di Mydin Mall ada beberapa buah syarikat komputer yang menjual, servis komputer hanya ada satu sahaja syarikat bukan bumiputera, semuanya syarikat bumiputera dan sebahagian besar syarikat IT di Terengganu kita ini adalah syarikat bumiputera jadi dengan TOP-IT yang di bawah kerajaan ini yang mengungguli keseluruhannya. Jadi dari segi market share dengan izin, saya yakin akan merosak kalau boleh saya kata sekitar mungkin dalam 20% sehingga 30% *market share*. Apakah langkah kerajaan untuk mengembalikan semula perkara ini kepada pihak pengeluar ataupun syarikat IT di luar sana. Saya bagi contoh oleh kerana pengeluarannya 117,000 dan telah dijawab oleh pihak kerajaan melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dari segi servis selepas jualan ataupun selepas pembahagian, saya cadangkan supaya difikirkan jugak kepada pengusaha-pengusaha tempatan ini untuk memberikan khidmat mereka dan kalau ada sila jelaskan perkara ini supaya dari segi market share mereka bertambah sedikit untuk pasaran ataupun untuk masa depan syarikat-syarikat yang ada di negeri Terengganu ini. Dan saya jugak mencadangkan supaya syarikat kerajaan, TOP-IT ini, maafkan saya kerana saya sebut acap sikit kerana TOP-IT ini ialah anak syarikat kerajaan kalau boleh ceburlah ke bidang-bidang lain yang belum diterokai oleh syarikat bumiputera IT tempatan oleh kerana bidang IT ni dia cepat berkembang seperti *content management*, animasi, *data centre* dan lain-lainlah yang mungkin orang-orang IT ni dia lebih mengetahui mengenai perkara-perkara ini supaya tak bertembung. Dan untuk meningkat kesedaran IT, saya nak tanya pihak kerajaan dulu di bandar

ini ada satu syarikat atau syarikat kerajaan iaitu M2Farm, apa sudah jadi dengan projek ini? Banyak duit yang telah dibelanjakan untuk mengubahsuai pejabat, penyediaan peralatan tapi kali ini kita tak dengar lagi dah. Saya takut gah pejabat dia saja lawa tetapi hasilnya tidak ada. Jadi saya harap sangat penjelasan daripada pihak kerajaan berkenaan dengan M2Farm ini. Saya juga mendapat aduan benar atau tidak dasar kerajaan yang hanya membenarkan pembelian alatan IT hanya di syarikat TOP-IT sahaja, benar atau tidak? Sila beri jawapan semasa penggulungan nanti. Sepatutnya anak-anak syarikat kerajaan ini dia menjadi payung tetapi kalau ini berlaku saya rasa amat malang sekali.

Dan saya juga ingin menyentuh Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, berhubung dengan tawaran pemberian WiFi secara percuma supaya ada akses internet kepada rakyat. Bila? Sebab dia sebut secara ringkas, mohon penjelasan daripada pihak kerajaan bulan berapakah WiFi Percuma ini? Sebab memang daripada kami rakyat semua menunggu-nunggu WiFi Percuma sebab hampir semua Ahli Yang Berhormat, pegawai kerajaan di rumah mereka terpaksa berbelanja sebulan kalau nak dapat 2 meg akses internet mestilah dibayar kepada Telekom sebanyak RM130 ataupun RM140 sebulan. Saya harap supaya dengan pemberian WiFi Percuma ini kita tidak lagi melanggan dan membayar duit sebanyak itu kepada Telekom. Adakah di bandar-bandar besar sahaja atau seluruh penduduk akan menikmati WiFi Percuma ini, saya dapat maklumat semalam bahawa semasa pembentangan daripada Menteri Besar di mana akan dibina tiga menara dan saya juga dapat maklumat bahawa sembilan menara telah dibina oleh pihak kerajaan. Adakah cukup dengan menara yang sedia ada ataupun yang akan dibina ini untuk WiFi Percuma ataupun dibuat secara berperingkat-peringkat dan sehingga bila masa dia? Dan jugak sebelum ini kita kedengaran Projek T@Wan yang dikenali sebagai (TAWAN) dan TAWAN ini jugak adalah projek seumpama WiFi Percuma, cuma mungkin skop dia lebih kecil iaitu kepada jabatan-jabatan kerajaan di daerah-daerah dan sejauh mana projek TAWAN ini, adakah TAWAN ini projek WiFi Percuma? TAWAN ini bukannya macam tawan nak menang atau nak apa-apa, ia adalah T@WAN (Terengganu Wireless Area Network) yang usaha untuk memberi WiFi Percuma yang sudah tidak kedengaran lagi. Dan saya juga difahamkan belanja T@WAN ini sekitar RM15 juta, sila sahkan perkara ini. Kalau ianya tidak berjaya saya bimbang WiFi Percuma yang dicadangkan dalam belanjawan ini macam gajah putih sahaja dan membazir duit rakyat yang dikemukakan sebelum daripada ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, tajuk yang sama saya nak kemukakan berkenaan dengan ICT lagi iaitulah pembentangan daripada pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berkait dengan Bestari.Comm yang dibelanjakan sebanyak RM3.6 juta kepada Bestari.Comm. Projek yang semua kawasan Dewan Undangan ada satu Bestari.Comm ini. Tapi dari segi pengamatan saya sebahagian besar Bestari.Comm ini 'hidup segan mati tak mahu'. Adakah kerajaan telah membuat kajian berkenaan dengan keberkesanan Bestari.Comm, saya bimbang dia hanya tidak bersaing tetapi menambahkan Cybercafe yang semakin banyak tumbuh di kampung-kampung sekarang ini yang memerlukan pemerhatian, memerlukan tindakan ataupun pemantauan daripada pihak kerajaan ke atas Cybercafe yang banyak sekarang ini. Dan dibentangkan jugak RM100,000 atau yang masuk setiap tahun, jumlah ini pun saya agak pertikaikan di mana sumber ambilan dia ataupun setiap orang direkod dan adakah mereka ini memang masuk Bestari.Comm dan mengikuti kursus

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Alur Limbat ada 3 minit lagi.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): 3 minit lagi. Sekejap je rasa.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Orang politik, rasa macam tu biasalah.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okeylah, saya mengharapkan supaya pihak kerajaan setelah diluluskan bajet RM3.6 juta ini pastikan Bestari.Comm berjalan sebagaimana dirancang di peringkat awal.

Begitu jugak dengan apa yang dibentangkan oleh berkenaan dengan TEG (*Terengganu Electronic Government*). Jadi saya jugak mencadangkan dan mintak supaya Kerajaan Negeri Terengganu mengikuti perkembangan-perkembangan terkini, misalnya mengupgrade dan mungkin telah disebut Government 2.0 yang melibatkan collaboration dengan izin, antara rakyat dan kerajaan. Misalnya teknologi yang support dengan web 2.0 yang lebih interaktif khususnya, persoalan saya oleh kerana masa kurang ni, adakah kerajaan atau pejabat kerajaan sekarang ini sudah ada facebook, dulu kita bincang masalah setiap kerajaan ada laman web tapi sekarang ini sepatutnya setiap jabatan mesti ada facebook yang direct kita boleh berinteraksi dengan Menteri Besar, dengan pegawai kerajaan, jabatan yang

boleh respon secara *direct*. Inilah antara perkembangan-perkembangan yang sepatutnya diambil kira oleh pihak kerajaan.

Oleh kerana masa takdok, saya juga nak ambil peluang untuk bercakap berkenaan dengan Err Satu lagi isu iaitu dari soalan saya yang ditolak iaitu Institut Kemahiran Trefound Educare, Yayasan Terengganu yang ditutup dijangka September 2014 kerana sudah ada surat kepada pelajar dan dia base on IT dengan izin, yang melibatkan 17 orang pekerja dan sekitar 200 orang pelajar. Apakah sebenarnya yang berlaku dengan institut ini, adakah kerajaan nak pindah ke tempat lain pelajar-pelajar dia ataupun seumpamanya dan dengan pekerja-pekerjanya.

Akhirnya, oleh kerana masa yang agak suntuk iaitu isu dalam DUN saya. Saya menerima laporan ataupun permintaan daripada ahli qariah Masjid Padang Limau Nipis yang saya jugak meninjau keseluruhan dalam DUN saya itu, saya melihat memang masjid itu masjid lama dan mereka telah mengangkat beberapa tahun yang lalu permohonan untuk pembinaan masjid baru. Apakah sebenarnya status permohonan ini dan bilakah akan dilaksanakan masjid tersebut?

Akhir yang kedua ialah isu juga dari soalan saya yang ditolak iaitulah isu Mat Rempit. Memang isu ini biasa tetapi luar biasa di sekitar jalan Wakaf Beruas dan Padang Midin yang mana kerajaan kata untuk mengatasi isu ini akan dibuat litar dan dibelanjakan dengan sejumlah wang dalam belanjawan. Tapi saya mengharapkan sangat supaya pihak kerajaan lihatlah perbandingan dengan terbinanya litar itu dengan isu Mat Rempit. Semoga dengan pembinaan tersebut dapat mengatasi dan walau bagaimanapun, nak bina itu lambat tapi tolong tengok-tengoklah masalah Mat Rempit ini yang sangat-sangat berleluasa bukan sahaja di sini tapi di tempat-tempat yang lain jugak khususnya di hujung-hujung minggu yang sangat-sangat membahayakan keselamatan penduduk.

Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, itulah ucapan saya. Wallahu wa'alam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Alur Limbat kerana membahaskan Bajet 2014. Seterusnya saya buka lagi kepada perbahasan. Kalau tidak ada kita nak buat penggulungan bagi pihak kerajaan. Sila Yang Berhormat Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wassalatu wassalamu ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa ala alihi wa ashabihi ajmain. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, barisan EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan serta para Pemerhati sekalian.

Alhamdulillah, pertamanya, saya memanjatkan kesyukuran dan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua yang telah memberikan kesempatan kepada saya untuk membahaskan Bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Dato' Seri Menteri Besar pada hari Isnin yang lepas. Dan terima kasih juga kepada Dato' Seri kerana telah membentangkan belanjawan atau bajet yang begitu besar dengan harapan bajet ini InsyaAllah akan memberikan kesejahteraan dan akan dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat kita khususnya di negeri Terengganu ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin jugak mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan takziah kepada mangsa-mangsa musim banjir khususnya bagi daerah Kemaman, DUN Cukai dan DUN Air Putih dan juga di daerah-daerah lain. Saya mengharapkan mangsa-mangsa banjir yang menghadapi musibah ini, yang menghadapi ujian daripada Allah S.W.T. ini supaya dapat bersabar, tabah dan redha dalam menghadapi ketentuan daripada Allah S.W.T. Mungkin di sebalik musibah yang melanda itu ada hikmahnya sebagaimana Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Boleh jadi suatu yang kamu tidak ingini itu baik untuk kamu dan boleh jadi sesuatu yang kamu cita-citakan, yang kamu kasihkan itu tidak baik untuk kamu." Mudah-mudahan dengan musibah yang melanda ini akan memberi keinsafan dan kesedaran kepada semua pihak khususnya bagi pihak kepimpinan dalam membantu dan mengatasi masalah yang menimpa rakyat di Terengganu ini.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2014 ini. Perkara pertama yang saya ingin menyentuh ialah perkara yang berhubung kait dengan infrastruktur dan kemudahan awam. Merujuk kepada belanjawan yang dibentangkan oleh Dato' Seri Menteri Besar pada muka surat 30 dan perenggan yang ke-43 di mana jumlah peruntukan yang diberikan bagi melaksanakan infrastruktur dan kemudahan awam ini berjumlah RM331.14

juta. Dengan peruntukan yang besar ini diharap dapat memberi faedah dan manfaat yang semaksimum mungkin kepada rakyat keseluruhannya.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin merujuk kepada halaman 11, perenggan 13 dan 14 di mana Dato' Seri Menteri Besar telah menyentuh betapa perlunya perbelanjaan secara berhemah dan mengelakkan dari berlakunya pembaziran dalam menguruskan sumber kewangan negeri. Ini suatu peringatan yang sangat baik yang perlu diberikan perhatian oleh kesemua kepimpinan dan juga di peringkat jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang menerima peruntukan daripada wang kerajaan. Dan saya melihat hasrat murni ini tidak akan berjaya jika tidak dihayati dalam mentadbir ataupun dalam urus tadbir yang melibatkan projek-projek besar mahupun projek-projek kecil. Sebagai contoh, saya sebutkan beberapa contoh khususnya di kawasan Dungun dan kemungkinan juga perkara yang seperti ini berlaku di daerah-daerah yang lain. Yang pertama, yang melibatkan projek LPT2 ini peringkat persekutuan dan negeri yang mana berlaku kelewatan pembinaan ini yang juga mengakibatkan berlakunya peningkatan kos pembinaan. Di mana sehingga 31 Ogos 2013 sebagaimana yang telah dibentangkan sebanyak 84.95% kemajuan keseluruhannya dan peruntukan untuk projek tersebut memakan belanja RM4.173 bilion. Dan juga difahamkan dalam sidang Parlimen baru-baru ni menyatakan ada tambahan untuk LPT2 ini sebanyak lebih kurang RM800 juta lagi. Ini menggambarkan kepada kita bahawa bila mana terdapat urus tadbir kelemahan-kelemahan ini menyebabkan berlakunya peningkatan kos yang jugak secara tidak langsung sudah berlakunya suatu pembaziran, suatu peningkatan yang melibatkan duit rakyat. Ini yang saya sebutkan tadi menggambarkan kelemahan dan kegagalan kita yang mengakibatkan kerugian kepada harta negeri dan juga rakyat. Contoh kedua, yang saya ingin sebut di sini ialah khususnya di kawasan Dungun yang jugak telah dibangkitkan dalam sidang-sidang yang lalu khususnya jalan yang melibatkan Jalan Yahya Ahmad yang jaraknya sekitar 2.17 kilometer yang juga mengambil masa yang lama sudah melebihi 5 tahun. Ini juga menunjukkan di sana terdapat berbagai-bagai karenah dan kelemahan yang ada yang secara tidak langsung mengakibatkan kos untuk pembinaan sekitar 2.17 kilometer itu terus meningkat. Jadi saya mencadangkan supaya pihak-pihak yang berkenaan supaya berikan perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam memastikan saranan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat berhormat Dato' Seri dalam mengurus kewangan negeri secara berhemah dan mengelakkan pembaziran. Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan jalan-jalan negeri seperti T118 yang

menghubungkan Durian Mentangau dan Serdang, T114 Tok Kah ke Lentang yang mana tidak dapat diselenggarakan dengan baik kerana sering berlaku kerosakan khususnya jalan T118 Serdang ke Durian Mentangau yang kadangkala jalan tersebut digunakan oleh treler dan lori-lori besar yang menyebabkan sering berlakunya kerosakan di jalan-jalan tersebut. Saya juga difahamkan bahawa ada syarikat ataupun konsesi yang mengendalikan baik pulih jalan tersebut dan mereka ini telah dibuat pembayaran secara lumpsom di mana setiap bulan mereka akan mendapat bayaran. Saya mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya memastikan konsesi yang dilantik yang diberikan tender untuk menguruskan projek tersebut dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada para pengguna jalan raya yang saya sebutkan tadi.

Dan saya juga ingin menyentuh tentang jambatan. Dua jambatan yang saya ingin bagi contoh di sini ialah Jambatan Sungai Gemuroh, Kampung Nyior yang mana laluannya terlalu sempit dan sering berlaku kemalangan. Diharap supaya pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat mengambil perhatian kerana jalan ini merupakan jalan utama dan berlaku kesesakan khususnya pada waktu puncak iaitu waktu pagi dan juga waktu petang bila mana sebahagian besar pekerja yang tertumpu di sekitar Paka, Kerteh, Kemaman khususnya. Dan satu lagi Jambatan Sungai Dungun yang saya kira sudah menjangkau usia 60 tahun yang mana juga merupakan suatu jalan penghubung yang perlu diberikan perhatian kerana pada beberapa hari yang lalu semasa banjir melanda negeri kita ada satu balak yang tersangkut yang menggegarkan jambatan itu dan alhamdulillah pihak Jabatan Kerja Raya telah mengambil inisiatif mengalihkannya. Tinggal lagi dari segi taraf keselamatan jambatan tersebut perlu dibuat penelitian agar keselamatan pengguna jalan raya dapat kita utamakan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, perkara seterusnya yang ingin sentuh ialah merujuk kepada halaman 35, perenggan 53 di mana kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta untuk kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan longkang di kawasan PBT. Sementara pihak Jabatan Parit Dan Saliran juga telah memperolehi peruntukan RM24,700,081.30 dan saya mengharapkan pihak berkenaan dapat melaksanakan amanah dan sumber kewangan yang diberikan ini dengan sebaiknya kerana telah banyak suara-suara yang dinyatakan dalam sidang kita ini salah satu daripada punca sebab berlakunya banjir antaranya ialah masalah yang melibatkan perparitan, parit dan saliran, longkang yang ada khususnya di kawasan-kawasan perumahan dan taman-taman

perumahan yang mana difahamkan bahawa pihak pemaju, kontraktor perumahan, bila mana untuk melaksanakan projek mereka, mereka telahpun dikenakan bayaran untuk persiapan ataupun infrastruktur berhubungkait dengan longkang dan parit yang ada di sekitar taman perumahan mereka. Tapi apa yang kita dapati hari ini bukan saja apabila dilanda dengan banjir yang besar malahan kadang-kadang banjir kilat pun kita dapati sesetengah taman perumahan menghadapi masalah limpahan air yang masuk ke rumah-rumah mereka. Jadi perkara ini perlu diberikan perhatian oleh pihak berkenaan bagi membantu masyarakat kita supaya masalah-masalah yang serupa tidak berulang.

Tuan Yang Dipertua, perkara yang ketiga saya ingin sentuh pada pagi ini ialah bagi menuju sebuah Negeri Maju khususnya bagi negeri Terengganu kita, kita mestilah mempunyai rangkaian sistem pengangkutan yang baik yang menghubungkan khususnya antara Pantai Barat dengan Pantai Timur kita di Semenanjung. Dan alhamdulillah, dalam pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada dua hari yang lepas beliau telah menyebut bahawa suatu projek keretapi laju yang akan dilaksanakan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Sura ada 4 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): InsyaAllah. Jadi saya berharap dengan adanya usaha yang sedemikian semoga negeri Terengganu ini mempunyai rangkaian sistem pengangkutan yang lebih baik yang juga sudah tentu memberikan pulangan kepada rakyat khususnya bila melibatkan kos tambang dan jugak dapat mengelakkan kesesakan, dengan izin, *traffic jam* yang berlaku di jalan-jalan raya.

Tuan Yang Dipertua, saya juga mengharapkan sistem pengangkutan darat seperti bas juga dapat dipertingkatkan antara daerah-daerah dan juga di bandar-bandar. Yang mana kita lihat hari ini sistem pengangkutan bas yang dikendalikan oleh sesetengah syarikat kadang-kadang menimbulkan masalah kepada pengguna-pengguna jalan raya dan juga kepada pengguna-pengguna khususnya yang menggunakan pengangkutan darat (bas). Dan saya ingin mencadangkan dan saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri yang telah menyediakan khidmat bas khususnya di sekitar bandar Kuala Terengganu yang dinamakan sebagai Bas Casligas. Ini suatu perkhidmatan yang baik yang perlu kita hargai dan saya ucapkan terima kasih. Tinggal lagi kalau boleh usaha yang

sedemikian yang dapat memberi manfaat kepada para pengguna kita khususnya yang berada di sekitar bandar untuk ke bandar kalau boleh dilebarkan usaha yang baik ini ke daerah-daerah lain. Dan kalau boleh kita berikan khidmat percuma kepada para pengguna. Mungkin di sesetengah negara-negara maju, di negeri-negeri maju seperti di kota raya kita mungkin usaha ini mungkin telah dilaksanakan dalam memastikan rakyat beroleh atau mendapat manfaat daripada usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara sikit lagi ialah berhubung dengan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: 2 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): InsyaAllah sempat. Isu berhubung dengan di kawasan DUN saya yang mana dalam sidang yang lepas dan jugak telah banyak disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya infrastruktur yang berkait dengan kesihatan yang mana saya mengharapkan kepada Exco dan juga barisan kepimpinan negeri supaya dapat memberikan keutamaan kepada daerah-daerah yang masih belum mempunyai hospital yang lengkap, yang sempurna, yang boleh menampung keperluan rakyat khususnya di kawasan Dungun dan juga daerah-daerah lain, Marang, Kemaman sendiri. Kalau di Dungun tu telah acap kali disebut dalam Dewan yang mulia ini, di mana tapaknya telah diluluskan oleh kerajaan negeri sekitar 20 hektar lebih dan papan tandanya telahpun lama ada di situ tetapi tidak ada perkembangan, tidak ada tindakan yang selanjutnya sedangkan ia telah lama diluluskan sebagaimana dinyatakan oleh kepimpinan di peringkat pusat. Jadi saya sangat mengharapkan supaya perkara ini dapat disegerakan.

Dan juga satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah berhubung kait dengan Ucapan Dato' Seri Menteri Besar di muka surat 21, perenggan 29, yang telah meluluskan suatu pembinaan Sekolah Menengah Agama di DUN Air Putih, Kemaman. Ini adalah satu usaha yang baik dan saya mengharapkan bukan sahaja di Kemaman, di DUN Air Putih malahan di daerah-daerah lain pun kita masih memerlukan kepada Sekolah Menengah Agama yang mana saya lihat di Dungun itu kita hanya ada sebuah saja sejak dibuka lagi sebelum tahun 60an, sebuah itulah Sekolah Menengah Agama Sultan Ismail dan sehingga ke hari ini sebuah itu sajalah sedangkan permintaan terhadap Sekolah Agama ini sangat tinggi. Masyarakat

pada hari ini sangat menyedari betapa perlu dan pentingnya anak-anak mereka ini diisi dengan ilmu agama. Maka wajar dan sangat perlu bagi pihak kerajaan mengutamakan pembinaan Sekolah-sekolah Menengah Agama ini di daerah-daerah dalam meraikan hasrat dan juga keinginan ibu bapa dan masyarakat sendiri untuk menghantar anak-anak mereka. Jadi saya mengharapkan kepada barisan kepimpinan kerajaan negeri semoga segala pandangan yang telah dikemukakan dan harapan-harapan yang diberikan ini, InsyaAllah akan dapat dilaksanakan dengan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

Dan akhirnya, saya mengambil kesempatan mengakhiri ucapan saya pada pagi ini untuk merakamkan ucapan takziah juga kepada rakyat Malaysia kerana bukan sahaja kita dilanda dengan kenaikan air bah malahan kita jugak dilanda dengan musibah kenaikan petrol 20 sen, kenaikan gula 34 sen dan kenaikan InsyaAllah pada 1 Januari yang akan datang kenaikan tarif elektrik dan akan datang pada April 2015 kita juga akan ditambahkan lagi dengan GST yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Jadi ini semua akan memberikan kesan kepada kos sara hidup rakyat dan secara tidak langsung bebanan kepada rakyat itu terus meningkat. Jadi saya berharap pihak kerajaan agar mengambil perhatian dan prihatin terhadap masalah yang melanda masyarakat Malaysia kita termasuklah rakyat Terengganu kita khususnya kepada mereka yang di luar-luar bandar,

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Sura panjang dah ni.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): InsyaAllah, nak habis dah ni. Mereka yang berada pada tahap miskin kerana rakyat kita dikatakan sekitar 40% berada di paras miskin dan mereka inilah yang menerima kesan daripada kenaikan-kenaikan harga barang yang jugak akan menjadi suatu sebab kesusahan

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Lualan sekali sebelum nak berhenti, boleh? Lualan sekali.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Jadi saya ucapkan terima kasih

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Nak ucap tahniah jugak ni. Boleh?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Jabi minta laluan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dia dah *landing* dah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Jadi dah *landing* dah

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Dipertua, saya nak ucap takziahlah kepada rakyat kawasan Sura mendapat Wakil Rakyat yang berucap yang tidak tentu sebentar tadi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Jadi kita ada lebih kurang setengah jam lagi peruntukan masa untuk perbahasan sebab itu kita mintak supaya patuh kepada peraturan masa, ya. Kita ada lebih kurang 4 orang lagi Ahli Yang Berhormat yang belum lagi mengemukakan ucapan, sekiranya berkeinginan untuk menyampaikan ucapan perbahasan, saya masih bukalah. Sila Wakil Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil alamin. Wassalatu wassalamu ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa ala alihi wa ashabihi waman tabi'ahum bi ihsani ila yau middin. Ammaba'd.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati yang dikasihi sekalian. Alhamdulillah, kita merakamkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. yang memberikan kepada kita peluang dan keizinan untuk bersama-sama mengikuti pembentangan dan perbahasan Bajet 2014 bagi Kerajaan Negeri Terengganu. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, memberi keizinan untuk saya melibatkan diri di dalam membahaskan Bajet 2014 pada kesempatan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya suka untuk sifatkan Bajet 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar adalah sebagai Bajet Muram. Ianya Bajet Muram kerana kita berada dalam kedukaan apabila sebahagian besar rakyat di Terengganu, Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu dihimpit dengan pelbagai kesukaran akibat banjir besar yang melanda khususnya di Kemaman. Meskipun muram, saya melihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar memiliki sikap yang lebih bertanggungjawab dan tidak mengotakan apa yang telah diucap oleh beliau sewaktu ketika dahulu untuk menafikan pembangunan di kawasan yang dimenangi oleh pembangkang. Ia suatu petanda Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar matang dan cekal mengagihkan hak yang sepatutnya diterima oleh rakyat. Oleh itu saya amat mengharapkan perkongsian kepentingan rakyat dibuat di atas paksi keadilan yang sebenar, barangkali tidak kedengaran lagi selepas daripada ini Rumah Mampu Milik diagihkan di atas sentimen politik semata-mata, barangkali kita tidak akan mendengar lagi agihan di atas kepentingan rakyat ini di atas nama sentimen politik dan juga dianaktirikan untuk sebilangan rakyat, manamana yang berhak akan menerimanya. Kelmarin Tuan Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat baru diserahkan Kad Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu. Seperti yang saya pegang sekarang ini dan tercatat di bahagian belakang pada nombor 2, dengan menyatakan: *Please provide the barrer with any assistant as deemed necessary.* Dengan izin. Dalam erti kata yang lain kita harap selepas kita memegang kad daripada Dewan ini, barangkali Yayasan Terengganu dan lain-lain agensi kerajaan boleh menerima tandatangan kami di dalam borang-borang yang berkaitan untuk kemudahan rakyat. Tuan Yang Dipertua, marilah kita menghayati Firman Allah S.W.T. di dalam Surah Al-Saad, ayat 26 yang bermaksud: "Wahai Daud! Sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu Khalifah di muka bumi maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan Hukum Syariat yang benar yang diwahyukan kepadamu dan janganlah engkau menurut hawa nafsu kerana yang demikian itu akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal disebabkan mereka melupakan jalan Allah S.W.T. itu." Demikian pesan daripada Allah kepada Nabi Daud a.s. sebagai pemimpin masyarakat, sebagai pemimpin sebuah negara yang telah ditunjukkan model yang cukup baik. Apapun bimbingan untuk para pemimpin sama ada ia untuk Nabi Daud a.s., Nabi Sulaiman a.s., mahupun Nabi Muhammad S.A.W. adalah pedoman wahyu yang dibekalkan oleh S.W.T.

Tuan Yang Dipertua, saya cukup bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tentang punca banjir yang berlaku. Selain hujan yang luar biasa, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar turut menegaskan pembangunan sebagai punca banjir. Antara hujah yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam catatan Sinar Harian kelmarin, saya kod antaranya, kata Yang Amat Berhormat: "Dulu kita lihat kawasan Paya Berenjut, Mak Lagam itu adalah merupakan kawasan paya, kawasan tadahan tetapi sekarang ini dibangunkan dengan projek perumahan yang begitu besar menyebabkan semua kawasan berpaya itu ditambun dan kawasan tadahan menjadi berkurangan. Tak apalah, banjir telahpun berlaku di Kemaman, usaha yang akan dibuat saya yakin pihak bertanggungjawab daripada pihak kerajaan dan jabatan-jabatan yang tertentu akan menyusun untuk usaha-usaha mengatasi banjir besar atau banjir kilat di mana-mana tempat". Cumanya sedikit persoalan ekoran soalan yang dikemukakan oleh saya pada 9 Disember yang lepas telah ditolak berhubung dengan isu Rancangan Kawasan Khas, Pusat Pentadbiran Daerah Kuala Nerus. Walaupun ditolak, sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Kawasan Tepoh, saya mempunyai tanggungjawab yang besar untuk kepentingan rakyat pelbagai lapisan. Isu yang ditimbulkan ini bukan membawa erti PAS menolak pembangunan yang dicadangkan melalui pembentukan daerah baru dan pembinaan Pusat Pentadbiran Daerah yang serba lengkap dan tersusun seperti yang telah dimaklumkan kepada kita semua. Pembangunan Pusat Pentadbiran dan bandar ini sebenarnya amat disokong dan dialu-alukan oleh PAS sebagai langkah yang konsisten untuk membela nasib rakyat, saya mewakili rakyat Tepoh mempersoalkan beberapa perkara. Yang pertama, adakah kerja-kerja tanah yang dilakukan di lokasi berkenaan sekarang ini mendapat kelulusan Laporan EIA ataupun Penilaian Impak Alam Sekitar daripada pihak Jabatan Alam Sekitar. Saya kemukakan soalan ini kerana ia dikira sebagai isu pembangunan khususnya melibatkan banjir dan takungan air khususnya lagi di musim tengkujuh. Apa yang kami difahamkan Laporan EIA tersebut tidak dikemukakan, jauh sekali untuk mendapat kelulusan. Oleh kerana itu, persoalannya kenapa tender pelaksanaan kerja-kerja ini telahpun berjalan dan kenapa kerja-kerja tanah ini bermula dengan begitu rancak sehingga pada hari ini?

Tuan Yang Dipertua, sejauh mana kepatuhan pihak kerajaan terhadap prasyarat keperluan kepada pelaksanaan keseluruhan Pelan Induk Sistem Tebatan Banjir Baruh Tok Jiring? Saya difahamkan lokasi tersebut telah dilakukan kajian oleh pihak JPS yang telah membuat kajian yang menyeluruh bagaimana usaha untuk

menangani banjir. Mengapa usaha penyelesaian masalah banjir tidak diseiringkan untuk mengelakkan kerugian rakyat akibat limpahan air yang boleh membawa banjir besar seperti yang berlaku di Kemaman. Tuan Yang Dipertua, kalaulah banjir besar yang melanda bumi Kemaman memiliki kaitannya dengan pembangunan di kawasan takungan air dan kawasan-kawasan paya yang ditambun ia membawa mesej yang sama dengan pembangunan di Pusat Pentadbiran Daerah Kuala Nerus. Saya bimbang kalaulah tangisan pada hari ini untuk rakyat Kemaman dan Dungun, kini tangisannya akan kembali kepada rakyat Tepoh yang bakal berdepan dengan situasi yang cukup menggerunkan ini. Justeru saya mencadangkan agar kerajaan menyegerakan pembinaan Tebatan Banjir Tok Jiring bagi mengelakkan kejadian buruk berulang. Saya juga mengambil kesempatan ini memohon agar semua projek pembangunan yang direncanakan di bawah kerajaan negeri, yang ditakrif di bawah *prescribe activities* dengan izin, aktiviti yang dibenarkan perlu mendapatkan kelulusan EIA daripada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar. Dan memang ia sebenarnya menjadi syarat di bawah Seksyen 34(a) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin kembali menyentuh isu banjir di Kemaman. Apakah sebenarnya Pelan Tindakan Bencana yang telah dirancang? Bagaimana Modus Operandinya?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Tepoh, Y.B. ada kurang lebih 5 minit lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMDUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): InsyAllah, saya sempat. Berapakah bajet yang diperuntukkan untuk bencana banjir ini? Juga kita ingin bertanya di manakah sebenarnya pusat monitoringnya? Saya ingin menyusulkan agar ada satu majlis tetap yang memiliki keseluruhan keanggotaan termasuk pemimpin pembangkang, termasuk pemimpin NGO dan ia perlu dihebahkan kepada seluruh rakyat bagaimana pelan tindakan untuk menghadapi bencana seperti banjir besar. Penyelarasan ini sangat penting untuk menyelesaikan persoalan bantuan hendak dihantar ke mana? Nak jumpa kepada siapa? Nak telefon kepada pihak mana? Banjir berlaku di kawasan mana? Jalan mana yang terputus? Di mana pusat perpindahan? Adakah elektrik telah terputus? Adakah bekalan air telah tiada? Semua perkara ini perlu berada di dalam maklumat rakyat khususnya di tempat-tempat yang dirasakan akan berlaku banjir besar. Kalaulah penyelarasan ini wujud, saya yakin tak perlulah Yang Amat

Berhormat Menteri Besar menahan lori roti Gardenia untuk mengagihkan kepada mangsa banjir. Saya tidak sindir Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya puji tindakan tersebut. Saya tidak prejudis kepada Menteri Besar kerana saya beranggapan kalau saya berada di tempat tersebut kemungkinan tindakan yang sama akan dibuat demi kepentingan rakyat. Tuan Yang Dipertua, benar hujan yang turun adalah luar biasa

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Pohon laluan Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMDUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya berkawan baik dengan Jabi, saya tak ada masalah. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Wakil Tepoh. Saya nak tanya adakah Wakil Tepoh sedar di bawah penyelarasan Majlis Keselamatan Negara, sebanyak 4,696 pusat-pusat pemindahan seluruh negara telah diwartakan yang boleh memuatkan 1.3 juta mangsa banjir jika berlaku banjir. Dan penyelarasan ini dibuat untuk menggerakkan pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang tugasnya untuk membantu rakyat dalam bencana seramai 56,997 orang. Jadi adakah wakil, sahabat saya dan berkawan baik jugak sedar berkenaan dengan fakta-fakta tersebut? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMDUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Jabi. Saya mengira saya mengikuti semua perkara ini melalui website tetapi malangnya website MKN tidak menempatkan maklumat yang penuh. Saya ucap syabas kepada JPS memiliki maklumat yang cukup bagus berhubung dengan informasi banjir tetapi MKN saya mengira agak tidak *up-to-date* di dalam membekalkan maklumat berhubung dengan banjir yang telah diberikan. Oleh kerana itu barangkali mungkin boleh diperbaiki berhubung dengan cara penyaluran ataupun *delivery* maklumat kepada rakyat.

Tuan Yang Dipertua, kita tertanya-tanya seolah-olah seperti kita dipukau sedangkan Allah S.W.T. telah memberikan kepada kita semua ruang. Kita memiliki data taburan hujan, kita tahu kelajuan angin, kita memiliki radar di Jabatan Meteoroloji, saya memuji tindakan yang dibuat oleh pihak yang saya tidak tahu

daripada mana yang telah menghantar SMS maklumat yang telah dihantar kepada pemilik talian telefon bimbit. Persoalannya mengapa amaran banjir besar yang dilihat website pihak berkenaan seperti sudah boleh dijangka tidak dihebahkan amaran dan tidak dikeluarkan suatu arahan kepada pemilik-pemilik telefon bimbit daripada kalangan rakyat kepada penduduk sedangkan bacaan kadar paras air sungai Kemaman pada waktu tersebut jauh melebihi paras bahaya. Dalam masa yang sama selain melontarkan persoalan-persoalan tersebut, di sinilah perlunya seluruh pemimpin, seluruh rakyat tunduk kepada Allah S.W.T. dalam keadaan kita mendabik dada semua perkara kita boleh laksanakan, semua perkara telah kita persiapkan tiba-tiba ujian ini menimpa kita sehingga kita panik dan pada saat tersebut Allah berfirman (yang bermaksud): "Siapakah yang menguasai kerajaan pada hari ini? Allah sendiri menjawab ia dikuasai oleh Allah Yang Maha Esa lagi yang mengatasi kekuasaanNya segala-galanya."

Tuan Yang Dipertua, strategi bajet untuk 'Memelihara Kesejahteraan Rakyat' amat wajar untuk diberikan perhatian oleh pihak kerajaan daripada sudut melindungi kepentingan bumiputera tempatan. Atau dalam erti kata lain, kita memohon kerajaan memperkasakan dasar projek negeri untuk warga negeri Terengganu dengan lebih serius. Saya yakin kontraktor dari Terengganu juga memiliki keupayaan yang sama untuk melaksanakan kerja-kerja yang ditawarkan oleh pihak kerajaan. Di sinilah juga perlu untuk memantapkan modal insan yang berkualiti dari kalangan kontraktor

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Tepoh, 2 minit lagi, sudah lewat ni.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMDUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sehingga mereka mampu mempersembahkan mutu kerja yang lebih bertanggungjawab untuk kepentingan semua pihak. Memiliki integriti dan sifat amanah yang tinggi bagi menguruskan kepentingan rakyat. Tuan Yang Dipertua, sebagai membawa harapan rakyat, bajet sebesar RM2.2 bilion ini bukanlah sebagai pengukur kejayaan kita, membawa kesejahteraan untuk rakyat adalah memberikan didikan yang benar mengikut acuan beragama seperti yang ditinggalkan oleh Rasulullah S.A.W., hiduapkanlah masjid-masjid, surau-sarau di seluruh negeri Terengganu dengan majlis-majlis ilmu secara bersistematik dan komprehensif guna melahirkan modal insan yang cemerlang. Sehingga akhirnya pihak pemerintah dan rakyat akan akur dengan semua perkara yang telah dinyatakan oleh Allah S.W.T. setelah lahirnya kefahaman yang mendalam tentang isu agama.

Tuan Yang Dipertua, memadailah setakat ini. Terima kasih atas peluang yang diberikan untuk saya mengambil bahagian di dalam menyampaikan ucapan. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tepoh. Kita buka lagi kepada perbahasan, kalau ada. Sila Y.B. Paka, teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabbil alamin. Wassalatu wassalamu ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa ala ashabihi waman tabi'ahum bi ihsani ila yaumiddin. Ammaba'd. Yang dihormati Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan juga seluruh Pemerhati yang hadir sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Alhamdulillah, memanjat syukur kehadiran Allah S.W.T. dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua kerana memberi kesempatan untuk saya juga bersama-sama berbincang, berbahas, memberi pandangan tentang Bajet Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2014. Allah Taala mengurniakan kelebihan kepada Terengganu Darul Iman memberi kurniaan dengan penemuan galian dan termasuklah juga minyak dan gas. Dan kita sedia maklum bahawa mungkin perkara ini tidak berterusan, sampai waktu dan saat ketikanya generasi akan datang mungkin tidak dapat untuk menikmati nikmat yang diberikan oleh Allah S.W.T. ini. Dan kerana itulah kita perlu menambahkan sumber-sumber lain. Antaranya juga apa yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. dengan bijih besi yang pernah dahulu pada tahun 1944 – 1945 ketika berlaku Perang Dunia ketika itu Bukit Besi merupakan pengeluar terbesar di dunia, sebagai satu catatan sejarah bahawa Terengganu merupakan pengeluar bijih besi yang terbesar di dunia pada tahun 1944 – 1945. Ia mula dibuka pada tahun 1939, pada tahun 1940 pernah mencecah sehingga 1.9 juta tan satu tahun, itu pada tahun 1940 dan ini merupakan suatu kurniaan. Ketika itu semua orang nak bekerja di Bukit Besi dan ketika itu Bukit Besi memberi peluang pekerjaan hampir 3,000 orang khususnya anak tempatan negeri Terengganu itu sendiri. Dan pada tahun 1959 hasil daripada Bukit Besi itu satu jalan raya telah dibina dan dapat dinikmati oleh rakyat dari bandar Dungun ke Bukit Besi. Hari ini projek Bukit Besi merupakan mungkin alternatif kepada pendapatan negeri Terengganu, itu yang kita harapkan.

Berdasarkan data yang ada ini daripada tahun 2010 – 2013, telah dikeluarkan 1.1 juta tan. Tahun 1940, 1.9 juta tan, kita dari tahun 2010 – 2013, 1.1 juta tan yang kita dapat. Tapi apa yang mendukacitakan kita, hasrat kita sumber yang dikurniakan oleh Allah Taala itu dapat memberi sumbangan besar kewangan kepada kerajaan negeri tetapi royalti yang diperolehi oleh kerajaan hanya berjumlah RM1.2 juta sahaja. Apa sebenarnya yang kerajaan dapat royalti daripada pengeluaran bijih besi ini? Adakah kerajaan negeri hanya mendapat lebih kurang RM1 untuk satu tan? Sedangkan pengeluaran 1.108 juta tan dan kita hanya dapat RM1.2 juta? Mungkin kalau kita ambil RM3 setan pun boleh tahan sikit, ini 1 juta daripada tahun 2010 sehingga 2013. Berapa sebenarnya royalti yang diperolehi oleh kerajaan negeri daripada pengeluaran bijih besi ini? Sedangkan kalau kita tengok daripada buku bajet, Permit Pasir yang diperolehi oleh kerajaan negeri pada tahun 2012 sahaja RM1.16 juta setahun boleh RM1 juta lebih bagi Permit Pasir dan Permit Tanah Merah untuk tahun 2012 RM1.8 juta, maknanya pasir lebih mahal daripada bijih besi, saya tak tahulah macam mana. Itu untuk setahun, ini berapa tahun dari 2010, 2011, 2012, 2013, empat tahun baru boleh RM1 juta. Apa yang berlaku sebenarnya? Rakyat ingin tahu dan ini merupakan sumber yang bukan kita boleh macam pertanian yang kita boleh tanam semula. Sekali Tuhan beri kurniaan ini dan sepatutnya ia memberi manfaat dan dapat dikecapi nikmat keseluruhan oleh rakyat Terengganu dan sebagainya. Sekarang ada tujuh syarikat yang diberi lesen untuk mengoperasikan bijih besi di Bukit Besi ini. Dan apa sebenarnya yang berlaku dan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan? Adakah orang curi bijih besi ini? Sebab berdasarkan 2011 yang lalu, tahniahlah tengok Menteri Besar turun sendiri ke Bukit Besi dan menyebut mahu heret pegawai ke SPRM kerana dikatakan pegawai dan kakitangan kerajaan terlibat dalam mencuri besi dan untuk menyiasat kejadian. Jadi kita ingin mendapat maklumat sampai hari ini berapa orang kakitangan kita yang terlibat dengan kes ini dan apakah tindakan yang telah dilakukan kepada pegawai-pegawai tersebut jika sekiranya tuduhan ini merupakan satu perkara yang benarlah. Jadi dalam hal yang seperti ini kita juga ingin tahu banyak mana kehilangan bijih besi ini hasil daripada kecurian ke, macam mana ke, salah urus ke, sebab pendapatan itu tidak munasabah. Dan kalau ada benar kecurian, banyak manakah kerugian yang terlibat? Dan kita juga sedia maklum bahawa hasrat kerajaan dengan adanya bijih besi ini syarikat-syarikat luar akan datang melabur ke negeri Terengganu khususnya daripada negara China. Kita dapat maklumat dan ingin pengesahan daripada pihak kerajaan betul ke dok maklumat ini bahawa kerajaan akan menyerahkan dan memberi lebih kurang 6,000 ekar tanah yang memiliki bijih besi kepada syarikat ini. Jadi sejauh mana

kebenaran maklumat ini dan adakah lesen-lesen yang sedia ada akan ditarik balik dan diserahkan kepada syarikat ini beroperasi. Dan juga kerajaan perlu mengambil kira walaupun dapat berjaya menarik pelaburan, sejauh mana sebenarnya keuntungan kepada kerajaan negeri sendiri sebab kita dapat maklumat, contohnya seperti Australia, Brazil, mereka jual bijih besi dan dia suruh buat balik dan proses di negeri itu sebab pencemaran alam, sulfur yang boleh mendatangkan masalah alam sekitar dalam jangka masa yang panjang, jadi kita ini buat di negeri Terengganu. Sejauh mana kajian EIA pun kita tidak tahu. Dan ia akan menjejaskan jika sekiranya tidak dapat ada kawalan yang baik yang melibatkan rakyat, masyarakat kita sendiri. Jadi negara-negara maju hak cerdik-cerdik tu dia suruh kilang-kilang hak bahaya ni dibuat di negara-negara dunia ketiga, negara membangun dan mereka dapat hasil yang bersih sahaja. Sedangkan negara kita akan menjadi mangsa kepada pencemaran dan sebagainya jika sekiranya ia tidak dijaga dengan sebaik mungkin. Jadi dalam hal ini, kita juga ingin tahu apakah manfaat yang ditawarkan kepada syarikat seperti ini.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, kita ada 5 minit lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): 5 minit lagi. Boleh sambung dok lepas pada ni?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Kita ..., rasanya takdok dah, panjang dah tu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Baru beri satu pandangan baru.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Minta maaf Y.B. Paka.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Balik nun dokdang tambah lagi.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Teruskan dulu, teruskan dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *I'dilu hua akrabu litakwa*. Biar sama adil.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau boleh masa saya, biar saya beri kepada Wakil Paka untuk dia tambah. Beri peluang kepada dia. Saya dok cakap tak apa, beri ke dia.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bermakna Y.B. Wakaf Mempelam pada petang ini tidak mahu berucap? Bermakna sekarang ini hak atau masa perbahasan Y.B. Wakaf Mempelam kita beri kepada Y.B. Paka, ya.

YANG BERHORMT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Jadi sekarang ini dalam masa yang sama, kita tengok sekarang, kerosakan jalan-jalan raya. Kalau kawasan saya di Serdang – Durian Mentangau tu memang hancur lebur, saya kerap jerpok dengan lori-lori ini, dia orang ni dok hirau ke orang, lori 40 tan dia bawa, kita dengan kereta dia nak elak ke kita, hancur lebur habis jadi jalan raya ini. Dalam suasana sekarang ini kalau kita tengok Jalan Jabor tu, dahlah dengan musim hujan dengan air merahnya hasil daripada pencemaran hak nampak di depan mata. Bagaimana kalau berlakunya, adanya kilang seperti itu, dengan asap hasil daripada sulfur dan sebagainya yang kita boleh rasa akan menjejaskan tahap alam sekitar kita.

Juga hasil daripada bajet yang dibentangkan, kerajaan berhasrat untuk menggali terusan sepanjang 2 kilometer yang menelan kos RM20 juta. Jadi saya ingin menarik perhatian, itu terusan daripada kawasan Pelabuhan Kemaman saja. Bagaimana yang melibatkan *transport* daripada Bukit Besi ke Kemaman dan juga Kuantan dan sebagainya. Sedangkan di sana sebenarnya ada KKRS yang merupakan Kereta Api Kuantan-Kertih yang sudah ditamatkan perkhidmatannya pada 1 Oktober 2010, 6 tahun saja. Dulu masa belum buat kereta api ni, kerajaan ada menyatakan bahawa projek ini akan dapat menyelamatkan, bayangkanlah daripada 1,000 buah sehari ni lori yang angkut barang-barang dan sebagainya. Jadi dengan adanya jaliran kereta api ini akan memberi kemudahan untuk industri dan sebagainya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, kita berhenti sekejap. Kita tangguh dulu dan kita akan sambung balik petang ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Paka. Jadi masa sudah menghampiri pukul 1.00 tengah hari. InshaAllah, saya berhasrat untuk menangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung balik. Sebelum kita menangguhkan sementara Dewan ini, saya dengan rendah hati menjemput Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, semua Ahli Yang Berhormat, semua ketua jabatan dan wakil untuk menjamu selera di tingkat 18, Wisma Darul Iman. Oleh kerana ruang yang tidak mencukupi di atas, maka kepada semua Pemerhati yang saya muliakan, dijemput semua untuk menjamu selera di Perkarangan U2. Jamuan makan tengah hari ini diuruskan oleh Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung semula pada pukul 2.15 petang. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

PUKUL 2.15 PETANG

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Mesyuarat disambung semula. Perbahasan Bajet 2014 diteruskan dan saya menjemput Y.B. Paka untuk menyambung perbahasan. Dipersilakan.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua, saya menyambung balik ucapan saya tadi iaitu menyentuh tentang terusan yang bakal dibina dengan anggaran kos sebanyak RM20 juta sepanjang 2 kilometer. Saya mencadangkan supaya pihak kerajaan memikirkan kembali laluan kereta api yang sudah sedia ada iaitu laluan Kerteh-Kuantan yang ditamatkan pada 1 Oktober 2010 setelah 6 tahun beroperasi. Sedangkan kos membina laluan kereta api itu cukup tinggi iaitu RM800 juta termasuk dua kepala kereta api (locomotive) dan juga 50 set wagon yang ada yang kita rasa boleh digunakan untuk mengangkut bijih besi daripada Bukit Besi ke Pelabuhan, tinggal lagi menyambung daripada Bukit Besi ke Kerteh. Jadi kita boleh memanfaatkan laluan kereta api yang sedia ada tanpa memberi kesan kerosakan kepada jalan raya yang sedia ada dan juga berkait dengan isu-isu keselamatan jalan raya yang melibatkan pengguna yang menggunakan laluan Jabor-Jerangau ataupun melalui jalan biasa, jalan pantai.

Saya juga melihat daripada sumber galian bijih besi ini sendiri. Mengikut kaedah Islam, harta yang terpendam, harta galian, dalam Islam perlu dikenakan Zakat Khums iaitu 1/5 maknanya 20% daripada sumber galian yang ada hendaklah dibayar zakat. Tapi apa yang saya lihat daripada jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Rhu Rendang bahawa tidak ada nilai Zakat Galian yang dicatatkan oleh MAIDAM sedangkan kita melihat banyak sumber-sumber galian yang dikeluarkan, kenapa Zakat Galian tidak dikenakan? Perkara ini kita perlu ambil cakna sebab apa yang diberi nikmat oleh Allah S.W.T. ini perlu dikembalikan semula dan rakyat perlu merasai nikmat sebenarnya hasil mahsul yang dikurniakan oleh Allah. Janganlah sampai apa yang disebut oleh Allah Taala (yang bermaksud): "Harta kekayaan, khazanah itu berlegar dari kalangan orang-orang tertentu sahaja di dalam negara tersebut." Kerana itulah kita tidak mahu pemilik-pemilik lesen yang mengoperasikan itu kaya raya tetapi rakyat tidak

merasai nikmat, penduduk Bukit Besi sendiri apa yang mereka rasai nikmat melainkan debu-debu, jalan-jalan yang rosak dan sebagainya. Apa salahnya kalau kita melihat apa yang dibuat oleh Selangor berkait dengan pasir. Bagi Kerajaan Selangor, mereka yang dapat memiliki Lesen Pasir merupakan seorang yang bakal menjadi jutawan. Tetapi setelah berubah kepimpinan, kita melihat bahawa apabila diserahkan kepada anak syarikat kerajaan negeri, adanya peningkatan yang secara drastik dan mengembalikan sumber pendapatan kepada kerajaan negeri dan bakal dinikmati oleh rakyat. Contohnya, daripada Permit Pasir di Selangor pada tahun 2007 hanya mendapat RM2.9 juta sahaja. Tetapi 2008, apabila pihak Kerajaan Selangor menyerahkan kepada anak syarikat ini maka dia telah melonjak kepada RM6.3 juta, sehinggalah tahun 2010 kepada RM10.3 juta. Jadi kita mengharapkan supaya pihak kerajaan memikirkan balik supaya operasi yang mengeluarkan hasil nikmat galian ini dapat memberi pulangan yang besar kepada kerajaan negeri dan akhirnya dapat dinikmati oleh rakyat.

Yang kedua, Yang Berhormat Yang Dipertua, melihat kepada sumber bagi Kerajaan Negeri Terengganu, Cukai Tanah menyumbang sebanyak RM27.7 juta berdasarkan apa yang diperolehi pada tahun 2012. Ini memberi sumbangan yang besar kepada kerajaan negeri yang datang daripada Cukai Tanah. Tetapi apa yang kita lihat penerokaan haram yang dilakukan terhadap tanah-tanah khususnya tanah pertanian mencecah sehingga 7,358 hektar. Kenapa kita tidak mengambil perjalanan yang boleh menyumbangkan hasil, pihak Penguatkuasa di Pejabat Tanah Dan Daerah boleh mengambil tindakan yang sewajarnya kerana kekadang sesetengah itu diterokai sehingga 50 ekar seorang tanam kelapa sawit tapi kenapa tidak diambil tindakan yang tegas. Adakah kerana melibatkan orang-orang politik dan sebagainya yang menyebabkan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, ingin saya mengingatkan peraturan perbahasan, tuduhan, fitnah dan sebagainya

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita dengar Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum ini salam takziah dan sebagainya, menyindir tidak dibenarkan. Mintak patuh kepada peraturan, saya tahu bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat masih baru apa semua, sila rujuk kepada peraturan perbahasan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua tapi takziah ini bukan untuk orang mati saja, dok faham bahasa Arab ni.

Yang Berhormat Yang Dipertua, ini bukan satu tuduhan tapi apabila melibatkan orang-orang politik yang saya sebut ni di kawasan saya antaranya, yang melibatkan berpuluh-puluh ekar kadang-kadang takut nak ambil tindakan dan sebagainya kerana melibatkan JKKK, FELDA dan sebagainya. Mereka dah ada 10 ekar tapi meneroka tanah-tanah kerajaan, membuka ladang-ladang yang luas, kadang-kadang terlibat secara terbuka dengan menggunakan jentera berat dan sebagainya. Kalau rasa kerajaan ingin mendapatkan hasil, beri miliklah kepada mereka, paling kurang kerajaan boleh mendapat cukai daripada penerokaan haram yang dilakukan. Kalau kita rasa itu rakyat kita, mereka berhak bagilah nescaya ia akan dapat memberikan pulangan cukai dan pendapatan kepada kerajaan negeri.

Saya juga ingin menarik perhatian di kawasan Dungun sendiri khususnya, Majlis Perbandaran Dungun sumber pendapatan sudah mencecah RM16 juta hingga – RM17 juta. Tetapi apa rasionalnya pihak kerajaan meluluskan dua buah Rumah Urut di Paka. Satunya hanya beberapa meter sahaja daripada Masjid Paka, di kawasan sebelah yang melibatkan pasar minggu dan sebagainya. Kita telah rujuk, difahamkan dia bagi lesen untuk Refleksologi tapi di tingkat atas dengan katil-katilnya, ini bukan refleksologi ni, dengan wanita-wanita asing dengan pakaian yang tak senonoh dan sebagainya dan ini menyumbang kepada permasalahan sosial dan sebagainya. Kita telah hantar surat, kita telah maklumkan kepada pihak Polis, pihak Polis ambil tindakan memang benar adanya pendatang asing dan sebagainya, orang-orang luar yang digunakan sebagai khidmat tukang-tukang urut. Jadi adakah ini akan mendatangkan sumber pendapatan ataupun apa sebenarnya yang menjadi hasrat Majlis Perbandaran Dungun? Dua lesen ini kalau kita tarikpun tak rugi bahkan ia menjejaskan masalah moral dan akhlak. Disebut-sebut oleh masyarakat sekitar tentang betapa tidak wajarnya perkara ini berlaku. Dan satu lagi dibuat di Batu 7 hanya beberapa meter daripada pusat pendidikan, Sekolah Teknik ada di situ, Politeknik ada di situ dan sebagainya. Jadi kalau orang-orang muda seperti ini nak urut *menatang* apanya, muda lagi.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dia seliuh sendi, Y.B.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): ...(Gelak kecil) Kalau Yang Berhormat Yang Dipertua nak *try*, silalah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita pakat gi berdualah Y.B. Paka, tengok apa yang boleh kita cegah

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi melibatkan orang perempuan khususnya daripada China dengan berseluar pendek, apa dan sebagainya. Saya pun dok pergi mengendap lagi, cuma dimaklumkan saja.(Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kalau Y.B. Jabi berminat boleh mintak lesenlah *wat gi dinun*.(sambil gelak)

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): *Bakpe pulok ambenya, ambe dok diam aje*.(sambil gelak)

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Doklah, cadangan aje.(sambil gelak kecil)

Jadi dalam hal ini, kita mengharapkan supaya Majlis Perbandaran Dungun menghentikan lesen ini sebab kita rasa tidak memberi manfaat kepada rakyat dan menjejaskan imej kerajaan sendiri, duduk di depan masjid, duduk dekat Balai Polis. Perkara ini dirasakan tidak wajar dan kalau nak mendapatkan pendapatan, kita rasa tidak sebagaimana pendapatan yang diperolehi bahkan ia menjejaskan nama baik dan maruah kepada kerajaan sendiri.

Saya juga ingin menyentuh tentang pelaksanaan Syariah. Saya tengok takdok dalam bajet ini yang diberikan ke arah usaha ataupun keinginan kerajaan bagi melaksanakan Syariah di negeri Terengganu ini sendiri sedangkan enakmen itu sudah diwartakan. Jika sekiranya pihak kerajaan tidak bersetuju dengan enakmen yang ada sila buat pindaan dan setelah diwartakan pada tahun 2001, apakah usaha-usaha kerajaan bagi melaksanakan Syariah tersebut di negeri Terengganu?

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Brunei yang dengan berani mengisytiharkan untuk melaksanakan Syariah (Undang-undang Islam) di negara Brunei. Bahkan ia membuat kenyataan

siapa kita untuk menangguhkan pelaksanaan Syariah di negeri tersebut. Sebab orang berkuasa pasti akan ditanya di hari Akhirat kelak tentang amanah dan tanggungjawab ini sebab ia bukan merupakan kewajipan peribadi tapi ia merupakan kewajipan sebuah kerajaan, pemimpin negara dan sebagainya. Kita menyebut acap kali tentang *Maqasidur-assyariah*, diwar-warkan, bercakap tentang Maqasid Syariah, Maqasid Syariah sedangkan macam mana nak tercapai maksud 'maqasid', matlamat, tujuan daripada Syariah jika sekiranya Syariah itu tidak dilaksanakan, bohong aje. Maqasid Syariah bermakna kita tegakkan, laksanakan Syariah baru tercapai maksud dan matlamat tersebut

YANG BERHORMAT YANG DIPEERTUA: Y.B. Paka, saya sudah mintak supaya, masa saya bagi tapi perkataan bohong, khianat dan sebagainya

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya tak kata kepada siapa-siapa ni. Yang Dipertua jangan berasa hati pulak.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tapi itu walaupun secara umum, mintak kita *refindlah*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Macam berasa kena ke diri pulak, tak. Saya tidak terlibat dengan siapa-siapa sama ada hidup ataupun mati. Jadi apa yang disebut ni melibat *Maqasidur-assyariah*, antaranya adalah *Hisbul-Mal* untuk jaga harta, kecurian dan sebagainya. Sebab itu jenayah kecurian meningkat, macam mana kita nak selesaikan. Antaranya kerana itu Allah Taala menurunkan Syariah, (membaca petikan ayat Quran yang bermaksud): "Maka pencuri lelaki, pencuri perempuan dipotong tangan dia. Itu merupakan balasan terhadap apa yang mereka telah lakukan. Itulah satu pemeliharaan daripada Allah yang akan menyelamatkan negeri dan negara.") jika kita yakin kepada hukum Allah Taala ini. Maka sepatutnya kesungguhan kita untuk melaksanakan, begitu jugak maksud daripada Syariah itu adalah untuk pelihara harta, selamat harta itu dengan melaksanakan Syariah ini, macam mana kita mengutarakan tentang *Maqasidur-assyariah* jika Syariah itu tidak dilaksana dan ditegakkan. Begitu jugak dengan jaga akal, kerana itu Allah Taala mengharamkan meminum arak. Allah Taala nak jaga agama sebab itu adanya Undang-undang Murtad. Nanti kita akan bincang mengenai enakmen yang melibatkan kawalan agama lain. Tapi yang melibatkan Islam ni, inilah untuk pelihara agama kita supaya orang tidak mempersendakan agama kita apabila kita melaksanakan

Syariah. (Membaca petikan ayat Quran yang bermaksud): "Sesiapa yang keluar daripada agama Islam itu maka hukuman dia 'Ridah' (bunuh)". Begitu juga dalam menjaga nyawa maka kerana itu adanya hukuman Qisas. Sekarang kita rasa tak selamat, orang di Paka kalau taukeh emas tak apa jugak dirompak tapi taukeh restoran je kena bunuh. Seorang ustaz, Pegawai Penguatkuasa Agama di Pahang pun kena tembak juga. Cikgu pun kena bunuh. Jadi negeri kita ini apa sebenarnya yang menjadi masalah yang menyebabkan jenayah sedemikian tinggi. Mungkin orang tak takut kepada undang-undang, oleh itu apa yang disebut oleh Allah S.W.T. ini adalah untuk memelihara nyawa kita kerana itulah adanya hukum Qisas dan sebagainya. Begitu jugak dengan Hukum Nasab, Hukum Zina (membaca petikan ayat Quran yang bermaksud): "Penzina perempuan, penzina lelaki kena sebat 100 kali rotan". Itu adalah hukuman dari Allah S.W.T., hukuman Syariah dan sepatutnya kerajaan lebih bersungguh serta peka untuk melaksanakannya ke arah menyelamatkan apa yang menjadi tiga matlamat *Maqasidur-assyariah* ini. Inilah yang sepatutnya

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka 3 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Itu baru bahagian saya Yang Berhormat, bahagian orang lain

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dah lebih dah. Saya pun atas peraturan, sepatutnya saya tak teruskan tapi atas dasar setia kawan kita teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi kita mengharapkan pihak kerajaan supaya mengambil berat tentang perkara ini. Janganlah apa yang diperingatkan oleh Allah S.W.T. (membaca petikan ayat Quran yang bermaksud): "Wahai mereka yang beriman, kamu lihatlah jika sekiranya dipanggil, diajak kepada mereka ke arah melaksanakan apa yang diperintahkan (diturunkan) oleh Allah dan yang dilaksanakan hukuman oleh Nabi Muhammad S.A.W. kamu akan dapati orang-orang munafik akan menentang sekeras-kerasnya." Kita jangan ingat bahawa dengan sumber kekayaan yang kita miliki, nikmat yang kita salurkan kepada rakyat, kekayaan yang melimpah-ruah itu merupakan rahmat. Sebab Allah Taala mengurniakan kekayaan kepada Qarun, Allah Taala mengurniakan kekuasaan kepada Firaun, Allah Taala mengurniakan kecerdikan kepada Haman tetapi itu bukan rahmat tetapi itu merupakan ujian, bala yang diuji oleh Allah S.W.T. Sejauh mana mereka menggunakannya untuk

mengajak manusia mengabdikan diri kepada Allah. Kekayaan saja tanpa rasa syukur dan bagaimana timbul jenayah dan sebagainya ia tidak akan mententeramkan umat manusia sendiri. Oleh kerana itulah Allah Taala berfirman (membaca petikan ayat Quran yang bermaksud/huraian): Jika sekiranya Kami ingin hancurkan sebuah negeri, sebuah negara, Kami akan buka pintu-pintu kekayaan, orang akan jadi kaya-raya tetapi dengan duit kekayaan yang mereka miliki bukan menambahkan taqwa tapi mereka buat kerja fasik (berzina, minum arak, berjudi, melakukan benda haram dan sebagainya). Apa yang berlaku? Allah Taala kata: Layak mereka untuk mendapat Al-Kaum iaitu firman Allah Taala: 'Kun Fa Ya Kun', maka Allah Taala akan hancurkan negara tersebut sehancur-hancurnya. Ini merupakan peringatan kepada kita semua sebagai pemikul amanah sebelum kita kembali kepada Allah S.W.T.

Saya juga ingin menyentuh berkait dengan isu pendidikan. Memang tidak dapat dinafikan peruntukan yang diberikan kepada pendidikan merupakan salah satu pelaburan kita untuk jangka masa yang akan datang, melahirkan generasi yang akan meneruskan kepimpinan untuk sebuah negeri, negara dan sebagainya. Tetapi apa yang disebut termasuk beberapa rakan-rakan saya daripada Wakil Rakyat, bagaimana hasrat rakyat ini yang ingin menghantar anak-anak mereka untuk mendapat pendidikan alternatif bukan hanya mereka cemerlang dari segi pendidikan duniawi tetapi juga mereka ingin cemerlang ukhrawi. Sebab itu kita tengok permintaan kepada Sekolah-sekolah Menengah Agama cukup tinggi, tempat ada 100, permintaan sampai 500. Maknanya keinginan daripada masyarakat dan sepatutnya kerajaan memberi keutamaan supaya mewujudkan Sekolah-sekolah Menengah Agama tambahan ke setiap daerah-daerah bagi menampung keperluan kepada rakyat kita sendiri. Kita tengok di Kelantan, Kerajaan Kelantan membelanjakan lebih kurang RM76 juta kepada Yayasan Islam Kelantan dan mereka ada 86 buah sekolah agama, kita ada berapa aje? Inilah yang kita rasa kita perlu untuk menambahkan lagi bilangan Sekolah-sekolah Menengah Agama dan yang satu itu disebut di Kemaman tetapi kita harap di setiap daerah untuk ditambah bagi memenuhi keperluan masyarakat dan rakyat. Oleh itu kita mengharapkan supaya pihak kerajaan lebih mesra dengan pendidikan-pendidikan swasta untuk kita memberi ruang, peluang dan mengajak semua masyarakat supaya turut sama menyumbang dalam pendidikan jangan kita menyusahkan, menyukarkan sampai ada Sekolah Agama Rakyat mari jumpa saya, dia kata: "Kita mintak keizinan surat untuk kutip derma pun tak bagi". Sekali tu saya jumpa orang Bangladesh mari mintak derma, nak cakap Melayu pun tak pandai. Saya kata: "Mu

kutip derma ni salah ni". Dia faham ke dok, dok tahulah, dah orang Bangla. Dia tunjuk surat, dia ada surat, Pejabat Agama boleh keluar surat ni kepada orang cakap Melayu pun tak pandai. Keluar surat untuk kutip derma di kawasan kita.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka panjang lagi ke?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sekolah Agama Rakyat yang merupakan telah menyumbang sekian lama tetapi kita tidak boleh beri kebenaran untuk mereka untuk mengutip derma secara yang sah, secara yang halal dan sebagainya. Inilah yang berlaku nak beritahu kita ini tak mesra dengan pendidikan-pendidikan seperti ini sedangkan mereka menyumbang banyak, apa yang disebut oleh Wakil Jabi tadi iaitu Sekolah Agama Rakyat di kawasan dia ada sebuah maknanya tengok pun tak sampai hati. Mereka ini kalau kita tak bagi dia akan pergi ke negeri-negeri lain. Nanti orang akan tanya: "Mu mari dari negeri mana?" Mereka jawab: "Terengganu". Dan orang akan kata: "Sebab apa Terengganu pitih banyak, bajet lulus RM2 bilion guana mu mari kutip derma di sini?" Ini akan memalukan kita. Sepatutnya kita ambil caknalah apatah lagi Terengganu ini melahirkan kepimpinan ulama dulu, Tok Syeikh Pulau Duyong dan sebagainya. Inilah yang sepatutnya kita kembalikan dan inilah yang perlu kita jadikan sebagai punca-punca termasuklah industri pelancongan dan sebagainya, Edu Tourism yang boleh digambarkan bagaimana memanfaatkan institusi-institusi pondok yang sedia ada.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Pohon laluan Tuan Yang Dipertua. Pasal kutip derma tadi, jadi nak tanya sikit. Yang hak duk kutip-kutip pada setiap ceramah tu *dokdang* nak buat tolong Sekolah-sekolah Agama Rakyat ke hak tu? Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita yang melibatkan parti ke apa? Hak kutip-kutip tu dia banyak kutip-kutip ni. Hak banjir pun kutip. Yang Dipertua pun kutip hak di luar nun.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Hak ceramah.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak partilah.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Hah, mudah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak kerajaan pun kutip derma jugak, Tuan Yang Dipertua ke guana, untuk banjir tu?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, saya mintak tarik baliklah bukan hak Yang Dipertua kutip derma tu. Saya mintak tarik balik.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, saya tarik balik Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, terima kasih.(sambil gelak kecil) Allah Taala anjur, tak patut kita nak lawan Allah Taala. *Wa afiku fisabilillah*. Allah Taala suruh, perintah *ifak* (derma) *fisabilillah*, kita nak larang guana pulak. Baguslah kita anjurkan, yang kita persoal surat yang diberi tu, bila kita kutip derma takdok surat, kita marah. Mereka mintak surat, kita tak beri. Jadi ini ada diskriminasi, Bangla mari dia bagi

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Y.B. Paka, boleh tahu surat tu tarikh bila? Berapa haribulan? Kepada siapa?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita akan hantar semula, InsyaAllah. Kita harap lepas pada ini boleh berilah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, cepat-cepat sikit, lama dah ni. 36 minit dah saya bagi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Last* dah ni, dua lagi ganti.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: *Eh, dokleh* dah.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Panjang dia pulak pada orang lain.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh sikit tentang pertanian. Tahun 2006, Kerajaan

Negeri Terengganu menjadi Tahun Pertanian Terengganu. Melancarkan projek mega RM 20 juta, antaranya adalah Projek Fertigasi. RM16 juta peruntukan supaya ADUN/Wakil Rakyat cari, tak terlibat orang balik sini, suruh cari beberapa orang yang diberi lebih kurang RM50,000 peruntukan, sampai sekarang lepas ke mana alat fertigasi tu, sampai terpaksa import lagi sayur daripada luar. Gagal kita ataupun ADUN kita ni *recommend* orang hak bukan bahagian dia atau macam mana? RM20 juta ni, RM4 juta beri ke TADC, RM 16 juta suruh ADUN pergi cari, siapa hak *recommend* tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sila. Nak tanya ke, nak jawab?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Nak mintak.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Okey. Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak tengok masa berucap Paka, tak usah tengok ke sini, tengoklah Yang Dipertua. Tak payah bersyarah-syarah dengan kita.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya dok tengok ke sana, saya tengok api menyala ni, hah.(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tengok ke sana.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Nak suruh tengok Yang Dipertua. Minta maaf. *Peseng* kita nak buat macam mana.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ni bukan bersyarah di kampung, Paka.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, Y.B. Kuala Berang, terima kasih. Ada 1 minit lagi Y.B. Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Okey, Y.B. Yang Dipertua, jadi kita harap perkara ini tidak berlaku untuk akan datang. Ini lulus pulak bajet RM26 juta ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, penutuplah. Panjang sangat dah. Tolong buat penutup.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, ya, Yang Berhormat. Setahun sekali retek bajet ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Penutup tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): InsyaAllah, saya nak tutuplah ni. Dan saya juga mengharapkan pihak kerajaan check baliklah berkait dengan projek 1,500 hektar di Durian Mentangau, Citrus Valley yang kita rasa buah limaunya sedap, saya puji bagus, buah limau sedap, molek, apa, kulitnya hijau molek tapi 1,500 hektar, sekarang ini apa jadi, kita tengok kelapa sawit yang banyak. Jadi kemungkinan tidak gagal, tapi kita harap pihak kerajaan untuk mengelokkan kembali projek-projek seperti ini.

Memandangkan masa Yang Berhormat Yang Dipertua beri kepada saya terhad. Jadi saya ucapkan ribuan terima kasih walaupun ada lagi, banyak lagi yang hendak beritahu ni tapi InsyaAllah, moga-moga ianya dapat beri manfaat kita bersama dan beberapa persoalan yang saya timbulkan semoga mendapat *respond* daripada pihak kerajaan dan juga mendapat pertimbangan yang sewajarnya. InsyaAllah. Saya ucapkan terima kasih. Wa kullu fi hadza wa astaghfirullah al-adzim walakum. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alakumussalam. Y.B. Paka, terima kasih banyak. Saya kita dah tamat untuk perbahasan, jadi saya rasa semua dah diberi peluang untuk membahaskan Bajet 2014. Jadi terima kasih banyak kepada yang terlibat dan input-input yang boleh kita fikirkan bagaimana untuk menjadikannya lebih baik dan sebagainya.

Sayugia, saya menjemput untuk penggulungan oleh Yang Berhormat Wakil Kerajaan. Dipersilakan.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabbil alamin. Wabihi nastain. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan, wakil-wakil media, para Pemerhati dan seterusnya hadirin-hadirat yang dimulihkan.

Alhamdulillah, syukur kita kehadiran Allah S.W.T. kerana pada kali ini sekali lagi Kerajaan Negeri Terengganu mampu untuk membentangkan bajet yang mana jumlahnya adalah begitu tinggi. Dan tentu sekali jumlah yang tinggi ini, jumlah yang besar ini iaitu RM2.2 bilion akan boleh memberi manfaat yang banyak kepada rakyat negeri Terengganu. Dan saya juga rasa gembira kerana sekali lagi tema bajet kita pada tahun ini iaitu 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan' yang mana bajetnya adalah berteraskan 'Kesejahteraan Rakyat'. Dan tentu sekali daripada jumlah peruntukan yang InsyaAllah akan kita luluskan di penghujung perbahasan nanti adalah jumlah yang tinggi dan boleh memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Dan saya teringat juga apabila pembentangan bajet yang hendak dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu, rakyat di negeri lain jugak tertunggu-tunggu dan ternanti-nanti nak tengok apakah keistimewaan-keistimewaan yang boleh diperolehi oleh rakyat negeri Terengganu. Oleh kerana saya berada di sempadan daerah Kelantan yang mana apabila bercakap dengan rakan-rakan daripada rakyat negeri Kelantan, diberitahu kepada kita bahawa mereka tidak ada e-Book, mereka tidak ada Dana Hari Raya, mereka tidak ada Tuisyen Sekolah, mereka tidak ada Yayasan Pembangunan Keluarga sebagaimana yang diperolehi oleh negeri Terengganu hari ini. Sebab itulah saya rasa bersyukur dan InsyaAllah bajet yang akan diluluskan nanti ini akan diurus-sempurnakan dengan baik dan InsyaAllah apabila kita bersyukur dan tahu menguruskan dengan baik, Allah Taala akan menambahkan lagi rezeki kita, rakyat negeri Terengganu.

Dan sebelum terlupa, untuk menjawab beberapa soalan yang berkait dengan portfolio saya. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menduduki kerusi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi tugas Portfolio Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga Dan

Masyarakat(tepukan sokongan) bagi menggantikan Allahyarham Dr. Haji A. Rahman bin Mokhtar yang telah terlebih dahulu meninggalkan kita. Sebelum saya meneruskan ucapan ini, marilah kita sama-sama sedekahkan Al-Fatihah kepada Allahyarham, semoga rohnya sentiasa dicucuri rahmat Allah S.W.T. Al-Fatihah. Terima kasih.

Dan berbalik kepada portfolio di bawah penajaan saya. Saya berterima kasih kerana untuk makluman bahawa peruntukan-peruntukan di bawah portfolio ini telah ditambah dibandingkan dengan tahun yang lalu. Sebagai contoh, Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun hadapan InsyaAllah, bajet yang akan diluluskan nanti hampir mencecah RM50 juta. Yang mana jumlah ini telah meningkat lebih kurang RM2 juta dibandingkan dengan tahun yang lalu dan InsyaAllah bajet ini boleh memberi manfaat kepada 13 program yang telah kita atur yang boleh diterima oleh anggota-anggota masyarakat mengikut kategori-kategori yang tertentu. Dan sebenarnya jumlah sebanyak hampir RM50 juta ini adalah merupakan jumlah tambahan, yang sebenarnya telah ada bajet lain yang juga disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat oleh kerajaan pusat. Dan suka jugak saya menyentuh bahawa saya rasa Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu ini adalah merupakan saya ingat salah satu negeri di negara kita yang mempunyai satu yayasan yang menjaga berkait dengan pembangunan keluarga. Yang mana alhamdulillah, kita juga telah diberi peruntukan sebanyak RM7.8 juta dan alhamdulillah, iaitu satu pusat ataupun satu pejabat baru telah kita bersetuju untuk cadang didirikan bernilai RM1 juta iaitu di Hulu Terengganu. Dan kita juga sedang merancang supaya selain daripada ibu pejabat di Kuala Terengganu, di setiap daerah di seluruh negeri kita akan mempunyai Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga sendiri di peringkat daerah.

Dan sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dalam pembentangan bajet pada hari pertama, hari Isnin yang lalu yang mana Tabung Kronik juga iaitu kita peruntukkan sebanyak RM10 juta yang mana ianya pada tahun 2013 yang berakhir pada November yang lalu, Tabung ini telah dapat berjaya memberi manfaat kepada 1,004 orang pesakit. Dan berkait dengan Tabung Kronik ini, ada disentuh oleh Yang Berhormat Rantau Abang berkait dengan Tabung ada kata dia, nak boleh payah, tak tahu cara bagaimana dan sebagainya. Dan suka saya maklum bahawa pemilihan yang dibuat untuk mereka yang berjaya mendapat manfaat melalui Tabung Kronik ini sebenarnya kita tidak pilih melalui parti politik ataupun melalui orang kata 'pilih bulu'. Cuma saya tahu

kadang-kadang ramai daripada kalangan mereka yang tidak begitu mengetahui perkembangan semasa iaitu apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan yang mana kadang-kadang borang pun dia tak tahu nak ambil kat mana. Jadi sukalah saya maklum bahawa borang-borang untuk mendapat kemudahan Bantuan Untuk Sakit Kronik ini boleh diperolehi daripada hospital di setiap daerah dan Pejabat-pejabat DUN juga ada borang ini ataupun melalui saluran mana sekalipun tetapi kita memerlukan borang ini untuk sampai ke Bahagian Kebajikan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Tingkat 13, Wisma Darul Iman. Dan ada jugak yang keliru berkaitan dengan Bantuan Sakit Kronik dengan Tabung Darul Iman. Suka saya mengambil kesempatan untuk memberitahu bahawa Tabung Penyakit Kronik ini adalah bantuan yang kita beri kepada mereka yang memerlukan bantuan yang melibatkan bantuan untuk kesihatan sahaja. Tetapi untuk Tabung Darul Iman adalah bantuan-bantuan yang tidak terlibat dengan kesihatan iaitu bencana atau sebagainya yang mana untuk Tabung Darul Iman ini, kita mendapat punca pembiayaan Tabung daripada GLC-GLC ataupun badan-badan korporat ataupun mana-mana pihak yang sudi memberi sumbangan kepada Tabung Darul Iman.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Penjelasan Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya nak tahu Yang Berhormat, setakat ini berapakah jumlah ataupun statistik Penyakit Kronik rakyat negeri Terengganu dan berpakah bilangan yang telah mendapat bantuan melalui Tabung Penyakit Kronik ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jerih): Terima kasih Yang Berhormat Bandar. Sebagaimana tercatat dalam buku bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu jumlah penerima Bantuan Penyakit Kronik bagi tahun 2013 sebagaimana yang saya sebutkan tadi iaitu berjumlah 1,004 orang. Dan bagi tahun yang sebelumnya iaitu tahun 2012 jumlah penerimanya 990 orang sebagaimana tercatat di dalam muka surat 38, buku Ucapan Bajet.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat sebagai pegawai utama yang menjaga hal ehwal kesihatan, saya ajukan soalan yang pertama tadi, berapakah jumlah pesakit kronik yang ada dalam negeri Terengganu dan jumlah yang mendapat bantuan itu satu usaha yang kedua. Jadi kita nak tahu ratio antara yang berpenyakit dengan yang mendapat bantuan, boleh? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Yang Berhormat Bandar. Melibatkan angka kalau tanya dua-tiga hari sebelum boleh cari lagi, nak jawab secara *on the spot*, perlukan notis. Terima kasih Yang Berhormat Bandar. Dan seterusnya ada disuarakan oleh rakan-rakan berkait

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya nak tanya Exco yang terlibat, peruntukan RM10 juta pada tahun lepas, belanja RM2 juta saja dan tahun ini mintak pulak RM10 juta, apa rasional kita mintak begitu besar dan kita belanja RM1.63 juta saja. Jadi mintak RM10 juta setiap tahun. Bukan saya marah bagi, tidak. Tapi rasionalnya itu, kita mintak terlalu besar sangat kepada perbelanjaan yang sepatutnya kita telah belanja, rekod hak tahun-tahun lepas. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih. Sebenarnya RM10 juta itu adalah Tabung yang mana kita tidak boleh menjangkakan rakyat kita yang akan memohon

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat, kita boleh jangka melalui *track record* dia, statistik dia, itu cara kita bajet bukan pakai *lumpsum* begitu saja.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, setakat ini, rekod ini telah bertahun-tahunnya jumlah RM10 juta dan kita tidak bercadang untuk nak menambahkan lagi jumlah tabung ini kecuali rekod-rekod terbaru menunjukkan pertambahan yang mendadak.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Maksud saya tadi bukan mintak tambah tetapi belanjanya terlalu sedikit berbanding peruntukan yang diberikan, sama ada pesakit takdok ataupun entah macam mana. Sepatutnya kita kurangkanlah, kalau tahun lepas belanja RM2 juta, mintaklah RM3 juta boleh tahan jugak.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, setakat ini pihak kerajaan tidak bercadang untuk memenuhi kehendak Yang Berhormat untuk menurunkan jumlah peruntukan

tabung ini takut-takut apa yang kita rancang, apa yang kita jangkakan tidak berlaku sebagaimana yang berlaku. Sebagaimana yang rata-rata Acap teh.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh beri laluan?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Bandar. Saya pohon Yang Berhormat sebelum bercakap bangun, tanya, dapat kelulusan. Saya bagi dulu kelulusan, baru boleh bercakap. Baik, sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya agak rasa hairan, rasa pelik, tidak ada satu Dewan Undangan Negeri yang tidak mendapat maklumat terutama Exco, pegawai utama yang menjaga satu bidang, portfolio yang dipegang ataupun pegawai-pegawai kerajaan tidak menyediakan, *it's not provided, I don't think so*. Dengan izin. Saya tak rasa begitu, kita ada Pegawai Kesihatan, kementerian dan sebagainya untuk seluruh negeri Terengganu, saya rasa perkara yang berulang dari tahun ke tahun perkara yang sama. Tak mungkin kita tidak ada satu statistik yang asas berkenaan dengan penyakit kronik. Saya amat kecewa kalau dikatakan statistik di pusat pun, dikatakan antara punca kerajaan menarik balik subsidi, menyusun semula subsidi adalah kerana peningkatan penyakit kronik termasuk *diabetic*. Macam mana Exco boleh mengatakan tidak ada maklumat pada masa ini berkenaan penyakit kronik. Ini perkara yang di luar akal biasa.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jerneh): Ini nak bersyarah pulak bukan nak tanya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak, saya tidak berpuas hati dengan jawapan yang Yang Berhormat bagi kata tidak ada statistik. Ini macam memperkecilkan Pegawai Perubatan atau Pegawai Kesihatan di negeri Terengganu. Sekurang-kurangnya kita mesti ada jangkakan peningkatan 10% – 20% akan datang dan sebagainya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. saya rasa

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu Yang Dipertua, justifikasi atas perbelanjaan itu harus kita *reflect* terhadap jumlah pesakit kronik

yang ada dan dijangka meningkat. Ini sangat kebelakang berbanding dengan saranan Perdana Menteri mengatakan bahawa kita susun

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Padanlah tu. Okey, boleh?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tidak. Saya nak tanya Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Berkait dengan statistik?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, saya dah faham. Saya dah faham.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat punya statistik atau tidak?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar saya faham. Beliau inginkan jumlah pesakit kronik dibandingkan jumlah yang dapat bantuan untuk Tabung Kronik ni? Saya menyebut tadi bahawa pada tengah hari ini saya tidak mempunyai statistik tersebut. Saya memerlukan notis untuk mendapat bilangan pesakit-pesakit kronik sebab itu saya bagi tahu kalau ditanya melalui soalan lisan, soalan bertulis dengan tempoh masa tertentu boleh bagi ruang kepada saya atau pegawai-pegawai saya untuk menyediakan maklumat tersebut.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat, ini seperti *basic* Yang Berhormat. Ini portfolio Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar!

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini *basic*, ini asas.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sangat asas

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih, Y.B. Bandar. Sila Y.B. Jertih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, terima kasih. Dan seterusnya pihak kerajaan juga ditanya berkaitan dengan perkembangan ataupun status rancangan kerajaan berkaitan dengan pembinaan hospital di Dungun oleh Yang Berhormat Sura. Yang mana suka saya maklum bahawa Hospital Dungun akan kita bina dalam dua fasa, Fasa 1 dan Fasa 2. Yang mana Fasa 1 adalah merupakan kerja-kerja awalan, kerja tanah serta kerja-kerja yang berkaitan dipanggil, Earthwork. Yang mana kerja-kerja bagi Fasa 1 InsyaAllah, akan bermula dalam masa yang terdekat kerana buat masa ini iaitu penghujung tahun ini dalam proses akhir kerja-kerja tender. Suka juga saya maklum bahawa bagi Fasa 2 iaitu kerja-kerja pembinaan bangunan hospital baru serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya iaitu kita panggil kerja-kerja Fasa 1B. Ia dijangka akan ditender pada Mac 2014 dan InsyaAllah, kita akan dapat melihat kerja-kerja fizikal bagi Hospital Dungun akan bermula pada tahun hadapan dan kita menjangkakan Hospital Dungun ini dapat digunakan pada bulan Mei 2017.

Seterusnya, saya tertarik juga berkaitan dengan soalan rakan saya daripada DUN Jabi. Wakil DUN Jabi dia mintak supaya ramai daripada penduduk-penduduk di Dungun dan juga di Kemaman terlibat dengan banjir, tentunya mereka yang terlibat dengan banjir ini akan mengalami berbagai kesukaran dan beliau memohon agar yuran tadika di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga dikecualikan. Suka saya memaklumkan bahawa Yayasan Pembangunan Keluarga mempunyai 60

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Lalan sikit Yang Dipertua. Boleh?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Jertih, Y.B. Jabi mintak lalan? Sila Y.B. Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Seingat yang saya sebutkan pada sesi sebelah pagi tadi bukan dikecualikan ataupun dengan lebih tepat lagi ditangguhkan dahulu kenaikan yuran sebanyak RM50 itu daripada RM180

menjadi ke RM230. Itu yang saya sebutkan pada pagi tadi. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, terima kasih. Pembetulan, ditangguhkan kenaikan disebabkan oleh banjir. Suka saya memaklumkan bahawa kenaikan yuran ini adalah disebabkan oleh banyak penambahbaikan yang disediakan oleh kerajaan kepada Sekolah-sekolah Tadika Permata di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga dan saya tidak mempunyai kuasalah untuk nak jawab dan perkara ini saya serah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besarlah kerana ini melibatkan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri dan kita menyerahkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar menggunakan budi bicara beliau untuk mempertimbangkan suara yang dikeluhkan oleh Yang Berhormat Wakil Jabi pada sesi pagi tadi.

Dan saya juga ingin sama-sama berkongsi perbincangan berkait dengan banjir yang rata-rata disebut oleh rakan-rakan Yang Berhormat sepanjang sesi sidang kita pada kali ini. Ada yang gembira terhadap bantuan yang kita beri, ada yang marah, ada yang tak setuju, ada yang tak puas hati. Tetapi bagi saya sebenarnya kita telah merancang bagi menghadapi masalah banjir ini. Kita telah buat perancangan apa yang seharusnya kita buat sebelum banjir, apa yang seharusnya kita lakukan semasa banjir dan apa yang seharusnya kita buat selepas banjir. Kita mempunyai jawatankuasa kita, kita mempunyai agensi-agensi yang boleh memberi bantuan ataupun sokongan secara langsung melalui jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' SUK yang mana Majlis Keselamatan Negeri merupakan urus setianya. Cuma masalah yang disuarakan hari ini, saya bersetujulah sebagaimana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kuala Besut, yang mana mudah cara kita fikirnya, perancangan yang kita buat kita jangkakan hujan turun secawan tapi mari-mari turun semangkuk. Maka apa yang kita rancang menghadapi sedikit masalah yang mana semua kita tahu bahawa petugas-petugas banjir sendiri terlibat dengan banjir. Yang mana kita mengharapkan mereka ini merupakan jentera kerajaan untuk membantu mangsa-mangsa banjir tetapi petugas-petugas ini sendiri jugak menghadapi masalah dan mereka juga perlu dibantu. Jadi dengan sebab ini marilah kita sama-sama berfikir bahawa apa yang kita rancang, Allah Taala juga yang akan menentukan.

Jadi saya rasa tidak banyak perkara-perkara yang disentuh berkait dengan portfolio saya pada sesi sidang Dewan kali ini dan saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara yang berkait dengan portfolio saya, saya rasa saya telah menjawab sebaik mungkin. Dan dengan ini saya menyokongkan bajet yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada hari pertama sidang Dewan iaitu pada hari Isnin yang lalu. Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Jertih. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat untuk membuat penggulungan bagi pihak kerajaan.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil media, seterusnya hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur kita kehadiran Allah S.W.T. pada petang ini saya berkesempatan untuk membuat penggulungan terhadap bajet perbelanjaan kita yang dibincangkan dan hari ini adalah hari yang ketiga. Alhamdulillah, pada kali ini sekali lagi kita lihat Kerajaan Negeri Terengganu telah meletakkan keutamaan dalam Bajet Pendidikan Negeri kerana memahami dan menyedari hakikat kepentingan modal insan untuk terus kita mendiami dunia ini sebagaimana kepentingan kita lihat sebagaimana Allah Taala menjadikan dunia ini untuk kita diami terlebih dahulu dibekalkan ilmu kepada makhluk iaitu kepada Adam a.s. Ini menunjukkan ilmu sangat penting sebab itu sebelum diturunkan Adam ke dunia terlebih dahulu Allah Taala memberi dan mengajar tentang kepentingan-kepentingan benda-benda dan kehidupan di dunia. Sebab itu apabila Adam diturunkan maka ia boleh meneruskan kehidupan sebagaimana ilmu yang diberikan kepadanya. Sebab itu kemuliaan orang yang berilmu ini diangkat darjatnya sedarjat orang-orang yang beriman. Dan orang-orang yang berilmu inilah yang menjadi tuan dan perlu diberi penghormatan sebagaimana ayat Allah yang telahpun memberi arahan kepada makhluk-makhluk lain supaya memberi penghormatan iaitu sujud kepada Nabi Adam a.s. Ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa insan Adam ini yang diberikan kelebihan berbanding dengan Malaikat ialah ilmu yang mana telah diuji oleh Malaikat bahawa kelebihan yang ada pada

Adam ini. Justeru itu Allah memerintah kecuali insan yang kufur, yang angkuh dan sombong ini yang ingkar sujud sebagaimana ayat yang diperintahkan kepada iblis iaitu ingkar kepada ayat Allah. Oleh sebab itulah dalam bajet hari ini kita letakkan keutamaan Bajet Pendidikan iaitu pada jumlah yang cukup besar berbanding sektor-sektor lain kerana untuk melihatkan kemantapan negara hari esok ia bermula hari ini. Kehebatan generasi akan datang lihatlah pemuda hari ini. Sebab itu di bawah ini kita letakkan bahawa asas pendidikan alaf baru, kita tidak dapat lari untuk menganjak diri kita daripada status hari ini kepada kehidupan alam yang baru. Sebagaimana datuk-nenek kita dulu yang tidak pun menghadiri ke sekolah hanya sekadar membaca tulisan jawi sahaja, itupun merangkak. Pernah suatu ketika diwaktu saya kecil dulu, ada kawan saya yang boleh dikatakan dari golongan yang kurang pandai, mereka datang ke sekolah. Pernah ketika cikgu mengatakan kepada mereka: "Pakcik, bawa baliklah anak pakcik ni sebab dia tak boleh nak gi belajar." Tetapi pakcik ini yang berwawasan, dia berkata: "Tak apa cikgu, saya nak suruh anak saya kenal huruf saja, kenal mengira aje. Dah cukup untuk hidup pada masa akan datang." Alhamdulillah, sahabat saya itu telah menjadi seorang peraih ikan yang baik, dapat jual ikan, dapat kira dan mempraktikkan ilmu yang terhad iaitu mengira dan mengenal huruf. Dan saya melihat buku catatan '555'-nya, dia tulis hanya 'M' – Mat, dia tahu tulisannya dan dia tahu berapa hutang yang ditanggung oleh seseorang tu. Inilah hasil pendidikan. Justeru itu, kerajaan telah memperuntukkan besar dalam pendidikan e-ICT iaitu e-Book dan juga Kelas Maya. Saya faham ada golongan yang khuatir dan bimbang takut-takut pelaburan yang begini besar akan membazir atau tidak mencapai matlamatnya dalam pengurusan pendidikan masa akan datang. Tetapi yakin dan percayalah, walaupun sistem pendidikan ini begitu mahal tetapi ia lebih mahal lagi nilai generasi kita pada masa akan datang. Ia tidak boleh diukur dengan wang ringgit yang kita ada. Sidang yang saya hormati sekalian, saya teringat kalau kita terlalu negatif, takdok sesuatupun pembaharuan yang kita nak mulakan, ia ibaratkan penjual selipar di sebuah pulau di mana seorang penjual selipar yang pertama telah hadir ke pulau tersebut membawa selipar-seliparnya dan apabila dilihat keseluruhan penduduk di situ berkaki ayam, lalu dia berkata tidak mungkin aku boleh jual selipar kerana mereka ini berkaki ayam. Lalu dipanggil seorang yang berkaki ayam itu: "Wahai si-berkaki ayam, hendaklah kamu aku perkenalkan selipar buat kamu?" Orang itu berkata: "Nehi hey." Dengan izin. Dia tak nak kerana dia dah selesa dengan keadaan berkaki ayam, berlari merentasi bukit, lurah dan sebagainya. Lalu dia kecewa, lalu dia berkata tidak mungkin dia boleh menjual selipar kerana orang di situ takkan terima selipar kerana sesuatu pembaharuan ini memang sukar. Tetapi

penjual yang kedua pergi ke pulau tersebut, dia melihat benda yang sama lalu dia bertanya di hati kecil dan berfikir, sesungguhnya inilah peluang buat aku. Lalu dengan daya usaha yang bersungguh-sungguh, dengan cetusan idea, dengan keberaniannya meredah, merencana lalu ia berjaya menjadi penjual selipar yang hebat di pulau itu. Hampir keseluruhan masyarakat yang sebelum ini tak suka pakai selipar, jadi tak boleh dah tak pakai selipar.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BIN BAHARI (Wakil Paka): Pulau mana tu Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Saya sedang bercakap saya tak beri laluan. Dan seterusnya, kita lihat dengan keadaan sedemikian rupa, dengan sikap yang positif oleh kerajaan maka hari ini kita meletakkan jumlah harga yang cukup mahal untuk memastikan ilmu, survival bangsa kita boleh diteruskan dan kita menjadi khalifah yang betul-betul yang berwibawa di bumi negeri Terengganu, InsyaAllah. Sebab itu kita lihat di bawah modal insan, kita meletakkan ICT menjadi prioriti, keutamaan. Kita memajukan bukan sahaja setakat e-Book, kita memajukan Kelas Maya kerana hakikat suatu hari sebagaimana kita tengok Wakil Rakyat melayari internet, melihat apa saja, adakah kita sahaja yang melayari internet? Anak desa nun jauh di pedalaman, di Hulu Keruak, nun anak desa yang jauh di Bentong di kawasan DUN saya, harus terpinggir. Kita tidak rela membiarkan sedemikian rupa sebab itu apabila ada saja rancangan untuk menjadikan setiap rakyat negeri Terengganu mendapat WiFi Percuma, maka kita menyokong 100%

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, kalau saya nak tanya boleh ke?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ini penggulungan Y.B. Ladang, saya rasa kita dah banyak beri peluang pada pihak inilah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nak mintak penjelasan sebab ada soalan-soalan yang tidak

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Takdok dah, jelas dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nak tanya kalau boleh. Tak boleh tak apa.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey, seterusnya

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan saya banyak tak jawab tu.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Seterusnya, aspek kualiti pendidikan dan latihan akan terus diberi penekanan dan keutamaan supaya rakyat yang dilahirkan nanti rakyat yang celik akal, yang celik akhlak dan yang celik akal budi. Sebab itu kita menggabung jalinkan pendidikan kita antara duniawi dan ukhrawi. Kita wujudkan IMTIAZ untuk kita lahirkan insan Ulul Albab yang akan lahir sebagaimana ulama-ulama tersohor terdahulu seperti Ibnu Jarir, Ibnu Hatim, Ibnu Farabi, InsyaAllah. Dan inilah usaha murni yang dijalankan dari dulu hingga sekarang ini

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Dan hari ini kita telah meletakkan bahawa Sekolah IMTIAZ sebagai sekolah terbaik antara sekolah-sekolah di negara kita

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita beri peluang kepada penggulungan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya mintak Yang Dipertua *respond*

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang duduk dulu, Y.B. Ladang.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Sehingga kementerian mengambil kira bahawa kewujudan IMTIAZ ini di antara sekolah yang menjadi contoh untuk diwujudkan di setiap buah negeri. Sidang hadirin yang saya hormati sekalian, kecemerlangan pendidikan di Terengganu telahpun diakui oleh negeri-negeri lain. Malah negeri Kedah di bawah pimpinan Dato' Mukhriz sendiri pada 2010 pernah melawat IMTIAZ Terengganu, beliau mengkagumi. Semasa perjumpaan beliau dengan saya, dia sendiri melahirkan keinginan untuk menjadikan sistem pendidikan sekurang-kurangnya satu atau dua sekolah di Kedah bermodelkan sebagaimana IMTIAZ kita. Sebab itu kita lihat model pendidikan kita ialah menggabungkan dua nilai iaitu duniawi dan ukhrawi. Sebab itu kita mengutamakan juga pendidikan-pendidikan yang berasaskan ilmu Al-Quran dan juga perkara-perkara yang memantapkan kehidupan manusia yang seimbang dari segi rohani dan jasmani.

Di samping itu juga, kita lihat kerajaan tidak lupa kepada rakyat Terengganu yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara. Dan sebagaimana yang dinyatakan bahawa bukanlah kita, Kerajaan Negeri Terengganu mengambil alih tugas yang dilaksanakan oleh kerajaan pusat dari segi pembiayaan pelajar terutama dalam negeri atau luar negara. Sebenarnya, kerajaan di bawah Yayasan Islam hanyalah *compliment* (pelengkap) kepada kerajaan pusat. Sebab itu kita tidak boleh mendahului bantuan daripada pusat terutama PTPTN atau mana-mana agensi pusat. Kita akan membiayai mana-mana pelajar yang jika didapati tiada tempat tetapi pada masa yang sama kita hanya mempunyai kadar yang terhad kerana jumlah kewangan di bawah Yayasan tidaklah sebesar kerajaan pusat. Oleh itu, golongan-golongan yang difikirkan yang layak diberi berdasarkan pertimbangan dan penapisan yang ketat sahaja diberi di bawah penajaan Yayasan. Setakat ini kita lihat dengan peruntukan kerajaan negeri kepada Yayasan kita telah berjaya menaja lebih kurang 3,023 pelajar anak Terengganu di universiti dalam negeri. Manakala di luar negeri, kita hanya boleh mampu menaja 646 orang sahaja. Itu pun melibatkan RM31 juta lebih. Maka sebab itu dalam hal ini kerajaan negeri telah memperuntukkan satu peruntukan yang agak besar bagi memastikan anak Terengganu yang berpotensi, yang cerdas agar terus mendapat pendidikan yang baik di luar negara dan menjadi pelapis kepada kepimpinan negara dan memakmurkan negeri Terengganu.

Sebelum saya meneruskan perkara-perkara lain, iaitu tumpuan kepada pinjaman kepada IPTS dan IPTA, Kerajaan Negeri Terengganu juga membantu

kecemerlangan pelajar-pelajar di peringkat UPSR, PMR, SPM malah STPM. Iaitu pelajar yang cemerlang kita memberi anugerah dalam bentuk wang tunai dan sebagainya. Malah pelajar-pelajar STPM juga kita memberi bantuan RM1,000 kepada setiap pelajar yang menduduki tingkatan 6, ini semua semata-mata untuk merangsangkan mereka untuk terus berjaya dalam pelajaran untuk peluang yang kedua.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, dalam beberapa persoalan yang ditimbulkan oleh beberapa orang Wakil Rakyat tadi daripada Ladang pun ada, daripada Manir pun ada yang telahpun terjawab tadi seketika dan saya nak jelaskan yang ditanya semalam tentang apa dia Daim dan Mu'alim. Hal ini saya telah jawab dah semalam

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, acap kali dah perkataan tu, sebenarnya Daim ni maknanya berterusan dan Dai'e ni pendakwah.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Itu bahasa Arab Yaman.(Dewan Gelak) Arab Mesir lain, Arab Badwi lain, itu kot-kot Badwi, kot.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Arab benda ni?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Arabi, Arabi (sambil gelak kecil) Mahazah, Arabi. Dai'e bermaksud pendakwah. Saya nak jawab dah, saya takut Haji Hadi jawab lagu lain. Manakala Mu'alim maksudnya pengajar, grednya memang diletak berbeza. Tetapi walau macam manapun, kedua-duanya secara kontrak iaitu Dai'e kontraknya selama dua tahun dan senarai tugasnya banyak di sini kalau saya nak baca sampai pagi, kot. Dan elaun yang diperolehi, bagi Diploma dibayar RM1,500, petrol RM200, bil telefon RM100, jumlahnya RM1,800. Untuk Sarjana Muda, elaunnya RM2,000, petrol RM200, bil telefon RM100, jumlahnya RM2,300. Mu'alim ni guru, biasanya dia ambil dari orang yang dah pencen dan yang mempunyai ilmu yang boleh menjadi pakar rujuk kerana mereka diberi tanggungjawab mengajar sekurang-kurangnya 12 kuliah dalam sebulan. Dan dibenarkan di beberapa tempat yang tidak jauh daripada mereka tinggal dan mengikut kemampuan fizikal dan sebagainya. Namun begitu dia ada hak juga oleh kerana mereka dah pencen, kadar elaunnya bagi Diploma RM300, Sarjana Muda

RM800 dan Master RM900. Ini dah dikira bonus bagi golongan tersebut. Kemudian untuk

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ajil panjang lagi ke? Kalau panjang kita sambung lepas pada ni.

YANG BERHORMAT HAJI GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Sikit lagi. Nak jawab hak Ladang sebab dia *me-te* sangat. *Me-te* tu maknanya macam ghairah sangat

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sebut Ladang satni?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ya, Ladang, Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): *Me-te* tu pasal apa?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): *Me-te* tu ghairah nak bertanya. Bahasa hulu ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sama-sama Terengganu belaka terjemah dok betul jugak.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Dok, hulu lain.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Me-te* tu makna lain, jangan buat malu hulu gitu. *Me-te* makna lain tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Patut tarik balik perkataan tu, tarik balik.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Me-te* makna dok reti bahasa.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Manir, Manir! Dia ada sebut Ladang bukannya Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sekejap Yang Dipertua, sebab membabitkan Ladang jadi saya mintak supaya diperjelaskan makna *me-te* tu apa makna dia? Yang tersirat tu apa maksudnya?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Takdok tersirat. Maknanya saya menggunakan perkataan tu pasal kalau orang

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya khabor dah *me-te* makna dok reti bahasa.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Eh, itu Manir punya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Manir!

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Jangan buat lebih kurang begitu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Manir, duduk Y.B. Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tuan Yang Dipertua, oleh kerana Tuan Yang Dipertua bekas cikgu jadi saya nak tanya apa makna *me-te*?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Kita buka Kamus Dewan, nanti dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, tak, tak apalah. Saya tanya Yang Dipertua

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ajil, tadi Y.B. Ladang nak minta tanya *me-te* tu apa, Y.B. Ajil dah jawab ghairah.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Saya dah jawab dah, ghairah, ghairah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ataupun betul ke maknanya begitu atau

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Itu maksud dalam hati dia, tak tahulah. Saya, kita dengarlah

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ghairah ni, syok pulak.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya mintak Kuala Berang tolong jawab.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya mintak Y.B. Ladang, Y.B. Paka, Y.B. Manir duduk!

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN MAMAT (Wakil Ajil): Syok ni macam Y.B. Paka kata rumah urut

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya mintak Y.B. Ajil, duduk.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Pinjaman

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ajil, Y.B. Ajil duduk dulu(Dewan gelak) sebab ghairah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang duduk. Saya tak benarkan. Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat. Masa dah melangkaui pukul 3.30 lebih dah. Saya berhasrat untuk menangguhkan sementara Dewan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 4.00 petang. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.40 PETANG.

PUKUL 4.00 PETANG

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Penggulangan Bajet 2014 diteruskan dan saya menjemput Yang Berhormat Ajil untuk meneruskan ucapan. Dipersilakan Yang Berhormat Ajil.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan. Isu Pinjaman Perumahan Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu ditolak oleh Perbendaharaan Malaysia yang dikatakan menggunakan logo Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu. Mengikut rekod Jabatan Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu terdapat 26 orang kakitangan telah diluluskan pinjaman oleh Perbendaharaan Malaysia dan kelulusan yang terbaru adalah bertarikh 30.10.2013 kepada Mohamad Tarmizi bin Ngah sebanyak RM86,500 manakala kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah menikmati kemudahan pinjaman perumahan sehingga sekarang sebanyak 173 orang. Mengikut rekod Jabatan MAIDAM bagi urusan pinjaman perumahan masih lagi menggunakan kepala surat jabatan mengikut pusat tanggungjawab masing-masing. Mereka tidak akan ditolak jika mengikut prosedur yang sebenar. Jadi tidak timbul masalah seperti itu Yang Dipertua, kecuali kemungkinan berlaku kesilapan teknikal atau masalah salah faham di kalangan pemohon sahaja.

Manakala bagi perkara yang ditimbulkan iaitu IMTIAZ di Besut. Sebenarnya isunya adalah satu isu untuk dijadikan kampus Jordon University of Science Technology (JUST) tapi belum lagi mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menubuhkan cawangan di Terengganu kerana masih ada beberapa penelitian dan perincian yang lain yang belum diperhalusi.

Yang Berhormat Yang Dipertua, memandangkan peruntukan untuk pendidikan begitu besar dan harapan masyarakat dan kerajaan begitu tinggi akan digalas oleh pihak pendidik maka sudah tentu dalam bajet yang begini rupa pihak Jabatan Pendidikan dengan sokongan kerajaan negeri dengan latihan-latihan dan memperkasakan guru dengan peruntukan dan imbuhan yang sesuai InsyaAllah diyakini bahawa sistem pendidikan kita akan lebih maju dari masa ke semasa. Terima kasih kepada bajet kali ini yang tidak pernah lupa kepada jasa-jasa guru. Dan jikalau kita imbau beberapa tahun yang lalu sebagaimana yang dinyatakan

bahawa hadiah ataupun pemberian-pemberian anugerah kepada guru sesetengahnya diberi kemudahan-kemudahan dan imbuhan yang setimpal berdasarkan kepada pencapaian sekolah dan sebagainya. Perkara ini bukan sahaja diberi oleh kerajaan negeri malah juga oleh kerajaan pusat.

Untuk Program Kelas Maya, peningkatan kelas akan ditambah daripada 124 sekarang ini ditambah kepada 81 buah lagi mengikut keperluan dari semasa ke semasa. Proses penaiktarafan sekolah ini dilakukan secara berkala dan berhati-hati mengikut keupayaan dan kakitangan yang kita ada. Sebab itu pihak kerajaan cuba melakukan dengan sebaik mungkin dengan kadar yang perlahan-lahan iaitu peningkatan dari masa ke semasa mengikut kadar yang sesuai.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh tanya dok?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih kepada kerajaan negeri kerana memberi peruntukan utama kepada Pendidikan. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat boleh tanya dok?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Takdok dah, habis dah.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Penggulangan tak boleh?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Kita dah bagi masa panjang

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, boleh saya bercakap sikit sebab dia sebut nama saya. Saya tanya tadi kat luar tadi maknanya me-te, ada wakil daripada Besut katanya 'gedebe'.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang mintak patuh pada peraturan 47. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak tahu aje, bukan apa.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tadi dah jawab dah, saya rasa dah cukup dah. Dalam hansard dah tercatat dah maknanya ghairah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Makna dia ghairah?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, dia cakap ghairah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kalau Yang Dipertua beri makna apa benda mo'oh?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Lepas pada ini kita akan pakai istilah ni Yang Berhormat

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka duduk!

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Y.B. Paka duduk dulu

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA; Y.B. Ladang duduk. Y.B. Ladang, boleh duduk tak? Terima kasih. Ya, terima kasih Y.B. Ajil, kita teruskan kepada

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, ini melibatkan individu seorang, kalau suruh dia tarik, dia tarik ajelah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dan ini melibatkan nama baik, maruah orang, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Paka. Mintak pihak kerajaan sila teruskan penggulangan. Sila Bukit Besi.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan serta para Pemerhati yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Bajet 2014 khususnya yang membabitkan perkara-perkara di bawah bidang Pembangunan Usahawan.

Beberapa perkara yang telah ditimbulkan semasa perbahasan tersebut dan saya akan cuba memberikan perhatian terhadap semua teguran dan sedia berusaha melaksanakan cadangan yang sesuai yang telah dikemukakan. Ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan Bajet 2014 dapat mencapai matlamat yang dinyatakan dalam Ucapan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 9 Disember yang lalu. Di sini izinkan saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas Ucapan Bajet yang telah disampaikan dan memberi penekanan untuk Pembangunan Usahawan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ingin menegaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan sentiasa sedar dan memantau rapi program dan usaha-usaha menggalakkan dan memperkembangkan kegiatan keusahawanan di negeri Terengganu khususnya dalam membantu usahawan bumiputera Terengganu. Peranan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) adalah semakin penting dalam merencanakan masa hadapan ekonomi kita yang meletakkan majoriti 94% daripada masyarakat perniagaan Terengganu. Secara dasarnya, PKS membentuk sebahagian besar daripada sektor swasta, justeru pencapaian aspirasi negara berpendapatan tinggi yang digariskan dalam Wawasan 2020 banyak bergantung kepada usaha merealisasikan potensi PKS termasuk Perusahaan Mikro. Untuk itu baru-baru ini satu Pelan Halacara 5 Tahun Sektor Keusahawanan 2014 - 2018 telah dibentuk dengan visi Pembangunan Keusahawanan Sebagai Pemangkin Dan Penjana Kemajuan Negeri dan misi Mewujudkan Persekitaran Dan Ekosistem Yang Menyokong Keusahawanan Menerusi Penyediaan Kemudahan, Infrastruktur Dan Infostruktur Serta Sumber Yang Merangsangkan Pembangunan Keusahawanan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sebagaimana Akujanji PRU-13 yang lalu, kita bukanlah jenis parti yang cakap tak serupa bikin, InsyaAllah. Kita bukanlah seperti pemimpin yang sanggup memalsukan kata-kata dan memperdayakan rakyat dengan sanggup berjanji sahaja. Maka terbukti pada Dewan yang mulia ini sebagaimana yang telah dibentangkan

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, laluan.

YANG BERTHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Laluan bendanya

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Standing Order* kata, dengan izin: "A member should not read his speech." So, ni macam baca berita guana cerita ni. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat kena faham jugak, ni Exco nak gulung ni, takdok hal, Wakil Rakyat hak nak bersyarah baru tak boleh.

YANG BERTHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Saya tengok *tang* ke sana ke Yang Dipertua, saya tengok kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, tak tengok lagi ke? Okey, saya teruskan tak apa. Kalau nak menganggupun lain cerita.

Maka terbukti kepada Dewan yang mulia ini sebagaimana yang telah dibentangkan pada Bajet 2014 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa Akujanji akan direalisasikan iaitu memperhebatkan Dana Usahawan dan memperluaskan skala Perusahaan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS). Untuk itu lima matlamat Halacara Sektor Keusahawanan yang akan difokuskan pada tahun 2014:-

1. YPU sebagai Pusat Rujukan Setempat Keusahawanan Terengganu.
2. Menyediakan Dana Keusahawanan dan khidmat nasihat.
3. Membudayakan keusahawanan sebagai kerjaya rakyat Terengganu.
4. Menambahbaik produk, pasaran dan daya saing usahawan sedia ada.
5. Menyediakan dan menambahbaik infrastruktur dan infostruktur.

Yang Berhormat Yang Dipertua, bagi mempertingkatkan usaha membudayakan keusahawanan sebagai kerjaya rakyat Terengganu, YPU akan melaksanakan program dan aktiviti latihan dan pembudayaan keusahawanan termasuk memperkukuhkan serta menambah nilai program flagship, T-brand yang sedia ada. Disasarkan seramai 4,470 usahawan dan bakal usahawan akan mendapat faedah di bawah Program Pembudayaan Keusahawanan ini. Apabila membicarakan aspek keusahawanan, pasti isu utama adalah pasaran dan produk. Untuk itu saya nyatakan pada Dewan yang mulia ini Terengganu mempunyai potensi produk yang diterima baik di pasaran sama ada domestik mahupun di peringkat antara bangsa. Oleh itu, sebagai sebuah kerajaan yang amat memahami rintihan dan keluhan usahawan-usahawan PKS tempatan, kerajaan negeri pada tahun hadapan akan membantu PKS mempertingkatkan pembangunan produk serta usaha promosi pasaran. InsyaAllah, satu Pusat Pengumpulan, Pembungkusan, Pelabelan Dan Pemasaran iaitu TP4 akan diwujudkan di RTC Bandar Al-Muktafi Billah Shah (KETENGAH) yang dijangka pada pertengahan 2014. Ini akan mampu membantu usahawan PKS dalam aspek pembangunan produk dan pemasaran. Usaha ini akan dipertanggungjawabkan kepada YPU untuk menjadi agensi pemudahcara dan pembimbing usahawan PKS. Adalah diyakini bahawa usaha-usaha ini akan membantu daya saing dan daya maju usahawan PKS Terengganu, fokus kepada Program Groom Big dengan pendekatan nasional Blue Ocean Strategy di antara YPU dengan agensi Pembangunan Keusahawanan Persekutuan akan dipertingkatkan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebutkan, kerajaan mendengar luahan rasa yang dilontarkan oleh usahawan PKS berhubung kemudahan infrastruktur keusahawanan. Pada tahun 2014, YPU akan mempertingkatkan dan menyelenggarakan kemudahan infra keusahawanan. Oleh itu, bagi memastikan agenda pembangunan sosial ekonomi bumiputera dapat dilaksanakan secara efektif, sistem penyampaian akan diperkemas dan diperkejutkan untuk mewujudkan ekosistem yang cekap, komprehensif dan konstruktif. Ini bermakna dengan fokus untuk memperhebatkan Dana Keusahawanan dan memperluaskan skala perkembangan PKS pada tahun hadapan, kerajaan negeri berganding bahu dengan pihak YPU bagi tujuan Program Pembangunan Keusahawanan Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Yang Dipertua, berkaitan dengan soalan daripada Yang Berhormat DUN Teluk Pasu yang membangkitkan isu pembiayaan usahawan dan Program

Flagship T-Shoppe. Izinkan saya menerangkan keadaan yang diutarakan tersebut. Sebagaimana yang kita sedia maklum peranan YPU dalam membangunkan sektor keusahawanan bukan sahaja tertumpu pada penyediaan kemudahan pembiayaan malah peranan ini juga difokuskan kepada pembangunan produk dan pasaran, pembudayaan keusahawanan melalui latihan dan pembangunan dan perniagaan. Oleh itu, dalam membantu akses kemudahan pembiayaan keusahawanan, agensi-agensi keusahawanan peringkat persekutuan seperti MARA, TEKUN dan SME Corp. secara langsung turut menyediakan bantuan pembiayaan kepada usahawan-usahawan PKS tempatan. Bagi tempoh 2010 – 2013, YPU telah memberi kemudahan pembiayaan pinjaman keusahawanan kepada 213 orang usahawan yang melibatkan peruntukan pembiayaan sejumlah RM2,162,565,000. Kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh YPU menerusi tiga skim pembiayaan iaitu:

1. Skim Pinjaman Kecil (SPK) maksimum pembiayaan RM10,000.
2. Skim Pinjaman Tanpa Faedah (SPTF) maksimum pembiayaan RM50,000.
3. Skim Pinjaman Program Flagship maksimum pembiayaan RM150,000.

Pada tempoh yang sama SME Corp. menerusi Bumiputera Enterprise Enhancement Program (BEEP) telah berjaya menyalurkan kemudahan pembiayaan sejumlah RM16.8 juta kepada 109 usahawan bumiputera Terengganu. Manakala MARA dalam tempoh 2 tahun iaitu 2012 hingga 2013 telah membantu seramai 1,180 orang usahawan bumiputera dengan menyalurkan peruntukan pembiayaan perniagaan berjumlah RM100,960,000.

Yang Berhormat Yang Dipertua, dalam usaha membantu Usahawan Mikro, TEKUN pada tahun ini sahaja iaitu 2013 telah membantu seramai 2,822 Usahawan Mikro memperolehi pembiayaan kemudahan Pinjaman TEKUN yang keseluruhannya berjumlah RM23,760,500. Pernyataan di atas membuktikan bahawa agensi kerajaan sentiasa peka dan menyedari keperluan dalam membantu isu pembiayaan kemudahan perniagaan. Dalam masa yang sama perlu disedari bahawa terdapat beberapa isu dalam kesulitan di pihak usahawan mendapatkan pembiayaan antaranya; kegagalan para usahawan iaitu pemohon melengkapkan dokumentasi permohonan, status pemohon yang telah disenaraihitamkan dan gagal menyatakan maklumat yang betul.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kami tidak nafikan masih ada kelemahan dalam sistem penyampaian dalam menyalurkan

kemudahan pembiayaan dan keadaan ini akan terus ditambahbaik kaedahnya menerusi pelaksanaan Program GTP yang sedang dilaksanakan kini. Bak kata pepatah: 'Sebesar gajah kebaikan tak nampak, sebesar kuman kesalahan itu juga yang dinampak'. Oleh itu, saya menyarankan sekiranya wujud apa jua kelemahan, apa salahnya sama-sama kita Ahli-ahli Yang Berhormat menyalurkan idea kepada pihak kerajaan bagaimana langkah ke arah meningkatkan lagi sistem penyampaian yang ada sebagai solusi selaras dengan tema Bajet 2014 ini iaitu 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan, Rakyat Sejahtera'.

Berhubung dengan pelaksanaan Program Flagship T-Shoppe, program ini bermula pada Mei 2009 dengan pembukaan outlet perintis di Kuala Berang. Pelaksanaan program ini berteraskan objektif iaitu mewujudkan ruang jualan dan pemangkin pasaran produk IKS Tempatan, mewujudkan usahawan tempatan dalam sektor peruncitan dan menyediakan peluang pekerjaan di sektor peruncitan. Pelaksanaan program ini juga selaras Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR yang dilaksanakan di bawah aktiviti ekonomi utama nasional iaitu NKEA. ETP yang bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif. Sehingga kini sebanyak 24 buah T-Shoppe telah diwujudkan. Namun yang beroperasi sehingga kini hanya 16 yang melibatkan 13 outlet di Terengganu dan 3 outlet di negeri Kedah. Terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan outlet T-Shoppe ditutup atau tidak beroperasi iaitu masalah usahawan itu sendiri, kesesuaian lokasi, ini saya bersetuju dengan Wakil Teluk Pasu dan pentadbiran organisasi. Bagi T-Shoppe yang ada di UMT dan juga UUM, kini namanya telah ditukar kepada KOSISWA. Yang Berhormat Yang Dipertua, Program T-Shoppe yang beroperasi ini telah mencipta peluang pekerjaan sebanyak 130 orang pekerja. T-Shoppe akan melahirkan 18 usahawan peruncitan baru sehingga kini. Bagi memperbaiki dan memperkukuhkan pelaksanaan Program Flagship T-Shoppe ini, pengurusan YPU sedang mengambil tindakan penjenamaan semula konsep pelaksanaan T-Shoppe dan memperkemas sistem pemilihan usahawan dan lokasi, memperkukuhkan sistem Audit, pemantauan pelaksanaan dan menambahbaik Sistem Standard Operasi Perniagaan. InsyaAllah, saya yakin dengan usaha-usaha penambahbaikan ini, kejayaan pelaksanaan Program T-Shoppe ini akan dapat ditingkatkan mencapai sasaran pelaksanaan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sebagai rumusan perniagaan dan keusahawan merupakan aktiviti ekonomi terpenting bagi menjana pendapatan dan kekayaan.

Walau bagaimanapun, penglibatan bumiputera dalam kegiatan tersebut masih rendah disebabkan terdapat beberapa kekangan yang dihadapi termasuk teknologi pengeluaran yang lapuk, kurang pengetahuan tentang dana dan modal serta pasaran produk yang terhad. Oleh itu, dengan pernyataan yang dijelaskan ini membuktikan bahawa kepimpinan transformatif UMNO dan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato' Seri Haji Ahmad Said amat bertanggungjawab setiap Akujanji demi meneruskan agenda Melayu dan bumiputera dalam sektor keusahawanan di bumi Terengganu tercinta ini. Langkah ini juga adalah seiringan dengan usaha agenda memperkasakan ekonomi Melayu dan bumiputera yang sewajibnya menjadi agenda teras nasional sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini. Dengan ini saya menyokong pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 9 Disember yang lalu. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kerajaan daripada Bukit Besi. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kerajaan untuk meneruskan

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Yang Dipertua, Peraturan Dewan, Peraturan Dewan

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, saya.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Peraturan 46(13).

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: 46

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): ... (13).

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Cuba baca balik.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya rujuk balik kepada kes terdahululah. Kita nak bela jugak kawan kita ni sebab setiap ucapan akan masuk dalam hansard Dewan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): "Seseorang ahli dilarang menggunakan bahasa atau perkataan yang cemar atau mencela." Jadi saya mintak perkataan 'me-te' itu adalah tercemar dan mencela maka mintak Ajil tarik balik atas bahasa yang digunakan kepada Ladang sebab ada dalam hansard.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya difahamkan Y.B. Ajil telah menjawab bahawa 'me-te' baginya, maksudnya ialah ghairah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tidak boleh sebab 'me-te' ni kepada orang ramai maksudnya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, saya fikir beri makna ikut dang tak boleh. Kalau kasih maknanya kasih, kalau benci tak boleh kata kasih. Bukan begitu Yang Dipertua sebagai seorang cikgu?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ada yang benci tapi rindu Y.B. kan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kalau begitu boleh tahan(Dewan Gelak) Tapi kalau 'me-te' ni dia membawa makna yang terlalu negatif. Saya bukanlah nak itu sangat cuma Tapi kalau dah direkod itu tak comellah kot. Kalau boleh ditarik balik dengan baik kan comel.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ajil?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bahasa Terengganu dia tidak dinyatakan dengan jelas dan berbunga-bunga

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Lekok, lekok, jangan lekok, orang faham belaka dah ni.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Jadi macam airlah, saya tengok separuh penuh, orang lain tengok kosong

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ajil, macam nilah, tarik baliklah lebih mudah. Saya rasa tarik baliklah mudah.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Oleh kerana tak faham, biar saya tarik baliklah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey Y.B.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bahasa kalau tak faham tak betul tu, faham kena tarik balik tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa. Dia dah tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang. Alhamdulillah. Maafkanlah kalau ada apa-apa saya rasa kita boleh maafkan dengan hati yang ikhlas sebagai seorang mukmin. Terima kasih, ya. Jadi kita terus kepada Yang Berhormat Wakil Kerajaan. Sila.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih Yang Dipertua Dewan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai kerajaan dan seterusnya Pemerhati-pemerhati yang dihormati sekalian.

Pertama-tamanya, marilah kita memanjat kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurniaNya kita dapat meneruskan Persidangan Dewan kita pada hari ini, hari yang ketiga dalam keadaan yang saya kira begitu mesra dan harmoni, ada cuit, gurauan dan sehinggakan ada di antara kita tidak memahami sesetengah perkataan yang diperkatakan. Tapi alhamdulillah, di atas rasa perpaduan dan semangat ukhwah sesama kita maka Yang Berhormat Ajil tadi dah tarik.

Alhamdulillah juga pada petang ini kita dalam sesi penggulungan setelah tiga hari kita bersidang dan saya nak ucap syabas dan tahniah pertama-tamanya kepada

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dan juga Kerajaan Negeri Terengganu kerana pembentangan bajet yang saya kira bajet yang seimbang yang merangkumi dalam berbagai sektor perkhidmatan pengurusan dan untuk kesejahteraan rakyat di negeri Terengganu kita ini. Sesuai dengan tema kita, slogan kita 'Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan'. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian sepanjang tiga hari ini dalam sidang Dewan yang saya kira ada di antara pandangan-pandangan, pendapat-pendapat yang bernas, pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang boleh diambil kira, sama ada pandangan-pandangan itu daripada pihak kerajaan dan juga pandangan-pandangan daripada pihak pembangkang. Kita sebagai sebuah kerajaan yang telus, sebagai sebuah kerajaan yang demokrasi, sebagai sebuah kerajaan yang bersedia berkhidmat untuk rakyat dan mendengar apa sahaja keluhan bukan sahaja di akar umbi di kampung-kampung, di desa-desa malah kita sedia mendengar apa yang diperkatakan oleh Wakil-wakil Rakyat Pembangkang. Dan mana-mana pandangan atau cadangan yang baik, saya kira boleh dipertimbangkan. Saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Unit Penyampaian Dan Pengurusan Prestasi Negeri Terengganu, prestasi kerajaan dan saya kira apa yang diperkatakan, dibincangkan di sini saya dengar dari awal ada perkara-perkara yang kita bincang di sini adalah perkara-perkara yang cukup bagus untuk rakyat kita. Beberapa teguran yang saya kira yang boleh diberi penambahbaikan, InsyaAllah saya yakin kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita sedia perbetulkan.

Tuan-tuan dan puan-puan, bagi pembentukan sebuah kerajaan yang mantap, kerajaan yang dipercayai oleh rakyat, kerajaan yang dipilih oleh rakyat maka kerajaan itu bertanggungjawab untuk membuat penambahbaikan dari masa ke semasa. InsyaAllah, Kerajaan Negeri Terengganu sebagai sebuah Kerajaan Barisan Nasional, InsyaAllah akan membuat tambahbaik dalam edah selama 5 tahun ini dan juga dalam masa yang akan datang untuk kebaikan rakyat negeri Terengganu. Kita sebagai sebuah Kerajaan Barisan Nasional yang mementingkan kepada pencapaian terbaik untuk rakyat, pencapaian terbaik untuk kerajaan dan InsyaAllah kita menitikberatkan kepada KPI (Key Performance Indicator) kepada pencapaian kita ataupun Petunjuk Prestasi Utama. Di mana setiap jabatan dan jugak portfolio yang ada di Dewan ini dan yang bekerja di negeri Terengganu pada hari ini memang kita titikberatkan dan kita bincang pun dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri (Mesyuarat Exco) bahawa setiap portfolio kerajaan dan juga jabatan-jabatan yang

ada di negeri Terengganu kita ini hendaklah menunjukkan KPI yang lebih baik dari masa ke semasa dan kita nak hari ini lebih baik daripada semalam dan hari esok mesti lebih baik daripada hari ini. Sebab itu pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang baik, yang bernas sama ada daripada pihak kerajaan dan jugak pembangkang kita mengambil kira dalam Persidangan Dewan kita ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, dalam kita nak memastikan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu adalah sebuah kerajaan yang dipertanggungjawabkan oleh rakyat dalam pemilihan pilihan raya yang lepas, kepercayaan yang diberikan kepada kita bahawa kita sebagai sebuah kerajaan berjanji kepada rakyat kita akan pastikan ekonomi negeri Terengganu mesti bertambah baik daripada sebelum ini. Dan dengan bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita menampakkan kepada kita bahawa kerajaan kita bertambah baik dengan bajet yang bertambah pada tahun ini. Walau pun sebahagian daripada beberapa perkara yang dibentangkan itu dipertikaikan. InsyaAllah, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita akan membelanjakan seberapa baik wang rakyat yang diperuntukkan kepada kita sebagai sebuah kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin serta Ahli Sidang sekalian. Beberapa perkara yang disentuh oleh pembahas kita ataupun yang diperkatakan oleh Wakil Rakyat Pembangkang yang menyentuh

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):[Berdiri].....

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Duduk, duduk dulu.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak, saya berdiri ni untuk menarik perhatian Yang Dipertua untuk saya nak mencelah, dapat penjelasan.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ya, sila.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya agak meneliti apa yang diperjelaskan oleh Exco, terima kasih apa yang diberi tadi. Cuma saya nak fahamkan sedikit lagi maksud yang disampaikan tadi tentang fungsi Yang Berhormat yang menjurus kepada tanggungjawab penyampaian awam. Itu nampak portfolio yang Yang Berhormat jaga. Jadi saya nak tanya, adakah bermakna Exco ataupun tugas Yang Berhormat untuk memastikan bahawa

belanjawan yang kita bentangkan ini sifatnya dikatakan sebagai *outcome based budgeting*, dengan izin, iaitu belanjawan yang mengutamakan hasil ataupun outcome dia, jadi itu perkara yang pertama. Dan lanjutan daripada itu saya nak minta penjelasan berkenaan dengan isu di mana peruntukan yang tidak dibelanjakan. Maknanya kalau peruntukannya RM10 juta cuma dibelanja RM2 juta dan lebih RM8 juta, adakah pada tahun hadapan kita akan mengamalkan prinsip supaya lebih itu akan dipotong untuk tahun berikutnya? Terima kasih.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama, persoalan tadi yang berkaitan dengan *outcome*. Sebagai sebuah kerajaan yang dipertanggungjawabkan dan sebagai sebuah portfolio yang mementingkan kepada transformasi dalam kerajaan kita ini, dalam kepimpinan dan dalam semua aspek bahawa *outcome* itu diambil kira dan itulah visi-misi kita sebagai sebuah kerajaan dan visi-misi mana-mana portfolio dan jabatan-jabatan yang ada dalam kerajaan kita. Yang berkaitan dengan bajet yang diperuntukkan ataupun yang dipohon kepada kerajaan negeri yang terutama sekali terutama yang berkaitan dengan sakit kronik tadi, yang berkaitan lain-lain, ada di antara bajet yang diperuntukkan itu yang agak besar, contohnya yang berkaitan dengan sakit kronik. Itu menggambarkan bahawa kesediaan kerajaan kita untuk menyediakan bajet yang begitu besar untuk menjaga kebajikan rakyat. Tetapi dalam tahun semasa mungkin bajet tersebut tidak habis ataupun tidak digunakan sepenuhnya. Saya kira ini suatu kelebihan yang ada kepada rakyat Terengganu bahawa kerajaan menyediakan bajet yang khusus dan besar kepada kebajikan. Jadi saya rasa kita tidak perlu pertikaikan sangat yang berkaitan dengan bajet itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Mintak saya mencelah sedikit.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ya, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, yang berkait dengan peruntukan Dana Kesihatan Tabung Kronik RM10 juta. Saya fokus yang dana RM10 juta itu di mana dana itu dibuat pada tahun 2012. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar setelah mengumumkannya terus kita letak dana RM10 juta tu dan sekarang kita dah belanja 2 tahun, jadi ada baki lagi. Jadi bukan bererti bahawa setiap tahun itu

diberi RM10 juta, RM10 juta, dana itu hanya sekali dan akan dibelanjakan sehingga habis dan dana ini berterusanlah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, terima kasih Seberang Takir. Yang Dipertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, beberapa persoalan yang dibangkitkan dalam persidangan kita pada kali ini yang seharusnya yang berkaitan dengan portfolio saya iaitu IT. Saya kira saya perlu membuat beberapa penjelasan supaya merungkai permasalahan ataupun ketidakfahaman ataupun kekeliruan di antara kita semua.

Yang pertama, berkaitan dengan Bes.Comm. Alur Limbat ada bertanya tentang keberkesanan Bes.Comm dan juga dari segi pengunjugan, kesahihan pengunjug-pengunjug yang datang ke Bes.Comm ini. Yang Berhormat Yang Dipertua, bahawa Bes.Comm kita ini adalah salah satu daripada pusat IT kita yang saya kira cukup berkesan kepada rakyat kita. Setakat hari ini kita ada 47 buah Bes.Comm di seluruh negeri Terengganu dan memang kita tempatkan ianya di setiap DUN dan juga beberapa lokasi yang tertentu. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bilangan pengunjug Pusat Bestari.Comm, kita ada data yang lengkap dan kita ada catatan-catatan pengunjug-pengunjug. Di mana pada tahun 2013 sehingga Disember 2013 yang terkini, kalau kita tengok di sini di Kuala Besut sahaja jumlahnya seramai 3,055 orang, Kota Putera 2,594 orang dan juga Bes.Comm di Pengkalan Kubur seramai 2,442 orang. Ini saya ambil secara rambang, di Kuala Telemong seramai 1,863 orang dan Bukit Besi seramai 1,038 orang. Ini di antara beberapa contohlah yang kita boleh sebut dan kebanyakannya Pusat Bestari.Comm kita fungsinya cukup bagus untuk generasi baru kita, orang-orang muda kita. Di sini tidak sama dengan Cyber Café yang ada di mana-mana tempat, ia adalah terkawal dan memang dalam pantauan pihak berwajib iaitu kerajaan kita.

Perkara yang kedua yang saya nak sentuh dalam penggulungan ini yang diungkitkan atau yang disebut oleh Wakil Alur Limbat iaitu berkaitan dengan Terengganu e-Government (TeG). Bermula pada tahun 2006, Portal Bersepadu Kerajaan Negeri Terengganu merangkumi empat modul utama telah dilaksanakan iaitu Portal Kerajaan Negeri Terengganu meliputi portal dan laman sesawang jabatan di bawah Kerajaan Negeri Terengganu. Kita ada e-Zakat, merupakan sistem yang membantu pihak MAIDAM. Kita ada e-Aduan, merupakan sistem

aduan untuk rakyat. Dan kita ada e-Tanah dan berbagai-bagai lagi kemudahan-kemudahan IT atau e-Government yang disediakan.

Pada hari ini, saya nak sentuh jugak berkaitan dengan T@WAN. Yang Berhormat Alur Limbat ada menyentuh tentang T@WAN. Hari ini kita alhamdulillah, negeri Terengganu merupakan satu-satunya negeri yang saya kira ke depan dari segi ICTnya. Di mana dalam T@WAN ini, untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, projek T@WAN mula dibangunkan pada 8 Ogos 2007 dengan nilai keseluruhan projek RM15.8 juta ketika itu. Objektif projek T@WAN adalah menyediakan infrastruktur rangkaian secara sambungan terus kepada semua Pejabat Daerah dengan Wisma Darul Iman ketika itu. Projek T@WAN telah menyediakan infrastruktur rangkaian jalur lebar tanpa wayar ke semua Pejabat Daerah dengan menggunakan teknologi *Worldwide Interoperability For Microwave Access* ataupun dikenali dengan WiMAX. WiFi percuma dalam infrastruktur T@WAN disediakan untuk pusat komuniti, Bestari.Comm dan jugak masjid-masjid yang mana menjadi laluan utama kepada rangkaian T@WAN. Untuk makluman lain, pada hari ini dari segi T@WAN ini baru-baru ini kita menggunakan Menara Celcom iaitu Celcom Batu Rakit kita tumpang, Celcom Bukit Bauk kita menyewa di situ, Celcom Bukit Bintang, Celcom Bukit Jerung, Celcom Merang dan empat Menara Maxis yang kita sewa jugak sebelum ini iaitu Maxis Bukit Kemuning, Maxis Kuala Berang, Maxis Manir dan juga Maxis Serating. Di atas keprihatinan pihak kerajaan, Kerajaan Negeri Terengganu yang benar-benar ingin melihat atau memberi perkhidmatan kepada rakyat tentang kemudahan WiFi ini. Maka lokasi-lokasi menara telekomunikasi yang baru telah siap dibina, sebanyak enam menara baru hakmilik kerajaan negeri Terengganu iaitu di Batu Hampar, Manir, di Bukit Jerung, Marang, di Kuala Berang, di Batu Rakit, di Merang dan juga di Bukit Bintang. Manakala dalam tahun 2014, tiga menara lagi akan dibina iaitu di Bukit Serating, Bukit Bauk dan juga di Bukit Kijal. Ini di antara petunjuk-petunjuk menggambarkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu bersungguh-sungguh dalam pembangunan ICT untuk kepentingan rakyat negeri Terengganu dan jugak terutama sekali generasi-generasi muda kita yang begitu memerlukan kemudahan-kemudahan ICT ini terutama sekali Kampung Tanpa Wayar ataupun destinasi-destinasi tanpa wayar ini di mana keperluannya begitu tinggi. Maka pada hari ini kita juga mendapat kerjasama daripada kementerian pusat iaitu daripada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) di samping di peringkat negeri Terengganu kita ada satu unit yang menguruskan iaitu Unit Pengurusan Maklumat Negeri Terengganu. Di negeri Terengganu juga alhamdulillah, di bawah Suruhanjaya Komunikasi Dan

Multimedia Malaysia (SKMM) kita telah diperuntukkan sebanyak 12 buah Pusat Internet 1Malaysia dan hari ini Pusat Internet 1Malaysia ini fungsinya cukup bagus dan saya sendiri sudah melawat tempat-tempat Pusat Internet 1Malaysia ini dan kita mengharapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang silalah berkunjung ke Pusat Internet 1Malaysia ini. Dan di sini terlalu bagus untuk kepentingan generasi-generasi kita yang berminat dengan ICT ini. Di mana di kawasan ini internetnya berkelajuan tinggi, PC yang canggih dan WiFi percuma di persekitarannya. Kampung dan kawasan persekitarannya jugak merupakan Kampung Tanpa Wayar. Dan di Pusat Internet 1Malaysia ini juga kita ada tempat kemudahan untuk fotostat, *printing*, *scan*, *lamine* dan *binding* disediakan. Ini adalah kemudahan-kemudahan yang kita buat dan juga kita adakan kelas latihan percuma di Pusat Internet 1Malaysia, dia seolah-olah kalau kita lihat di Pusat Internet 1Malaysia ini di Terengganu berbanding dengan Bestari.Comm, kita mendahului sebenarnya, kita sudah ada 42 Bestari.Comm yang fungsinya hampir sama dengan Pusat Internet 1Malaysia ini. Nampaknya satu lagi Kerajaan Negeri Terengganu jugak mendahului negeri-negeri lain dalam pembangunan ICT ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, perkara lain yang saya nak sentuh, saya nak beritahu apa yang dipersoalkan atau yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat kita daripada Alur Limbat. Saya kira perlu kita jelaskan iaitu yang berkaitan dengan banjir dan Sistem Penyampaian tentang banjir. Sistem Web Portal Kenyataan Banjir ataupun lebih dikenali dengan e-Tindakan merupakan sebuah laman sesawang yang memberikan informasi penting berkaitan dengan bencana banjir kepada rakyat di negeri Terengganu. Sebenarnya Yang Berhormat ini sudah ada sebenarnya dan sepanjang musim banjir yang kita sudah lalui, saya jugak dihubungi melalui telefon, melalui media elektronik dalam internet terus sampai kepada saya dari masa ke semasa. Saya yakin ini adalah datang daripada portal banjir kita yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Sistem ini telah dibangunkan oleh Unit Pengurusan Maklumat Negeri Terengganu berdasarkan keperluan-keperluan yang diberikan oleh MKN Negeri Terengganu. Ini saya kira sudah lama dilaksanakan tinggal lagi sejauh mana rakyat di negeri Terengganu sedar perkara ini telah berlaku.

Ada seperkara lagi yang saya ingin maklum kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Penjelasan.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):
Terima kasih. Saya suka menarik perhatian balik berkenaan dengan portal yang telah disediakan melalui e-Tindakan. Untuk makluman Yang Berhormat, semasa banjir besar baru-baru ini saya meneliti hampir setiap hari tetapi malangnya e-Tindakan tidak memaparkan tentang beberapa perkara penting berkenaan dengan banjir besar tersebut ataupun dalam erti kata yang lain, tidak berlaku kemas kini yang mantap melalui *website* tersebut. Jadi saya tidak ada sebarang permasalahan, saya pohon supaya ia dijadikan perhatian supaya rakyat boleh menilai maklumat daripada portal yang telah disediakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, terima kasih atas pandangan daripada Wakil Tepoh. InsyaAllah, pandangan yang baik kita terima untuk kesejahteraan rakyat. Lain-lain perkara yang perlu saya sentuh iaitu berkaitan dengan pandangan yang mengatakan bahawa kerajaan kita, Kerajaan Negeri Terengganu hanya mengutamakan kemudahan-kemudahan WiFi ini di kawasan bandar-bandar ataupun di kawasan pekan-pekan. Sebenarnya tidak, sebagaimana yang saya sebutkan atau nyatakan tadi T@WAN itu sudah merangkumi atau melangkau seluruh negeri Terengganu pada hari ini. Cuma masih ada lagi beberapa tempat, beberapa kawasan yang perlu kita bangunkan kemudahan WiFi ini untuk kepentingan kita. Di antara yang boleh kita sebutkan di sini seperti T@WAN kita yang berfungsi di masjid-masjid seperti Masjid Tengku Mizan Kerteh, Masjid Jamek Kerteh, Masjid Nur Zahirah sendiri dan di Masjid Ladang, Masjid Durian Burung, Masjid Ajil, Masjid Binjai Rendah di tempat saya pun ada, Masjid Kampung Raja Besut dan juga Masjid Hadari. Dan InsyaAllah, dibangunkan pula di masjid-masjid lain selepas ini. Ini adalah di antara perancangan-perancangan kita dalam IT. Untuk pengetahuan, kita juga di peringkat negeri Terengganu ini kita sedia mendengar aduan-aduan di mana rakyat kita termasuk juga di kawasan-kawasan pembangkang kalau ada kawasan-kawasan yang memerlukan kemudahan WiFi ataupun talian internet ini sila maklumkan kepada kita, kepada pihak kerajaan untuk kita panjangkan kepada Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM). Ada di antara yang

pusat boleh bantu, ada yang di antaranya kerajaan negeri boleh bantu. Contoh yang terbaru, saya sendiri telah menghantar surat kepada

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Pengkalan Berangan panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Sikit lagi. Kita telah

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sebab kalau panjang kita sambung besok sebab sudah menghampiri pukul 5.00 petang dah.

YANG BERHORMAT A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ada sikit lagi Yang Berhormat Yang Dipertua. Bahawa keprihatinan Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia di mana baru-baru ini saya ada menghantar surat kepada pihak Suruhanjaya untuk satu kampung iaitu aduan daripada rakyat yang memohon supaya kawasan mereka ada liputan WiFi. Alhamdulillah, *respond* daripada Suruhanjaya/Kementerian yang langsung terus dilaksanakan dan telah dibina di kawasan Marang ini. Itu adalah perkara-perkara yang kita ambil perhatian.

Saya ingat saya ingin tamatkan penggulungan saya pada petang ini. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, kepada pegawai-pegawai kerajaan dan juga kepada semua yang hadir pada hari ini termasuklah para Pemerhati. Dan saya dengan ini menyokong bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 9 haribulan baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sama-sama. Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Berangan bagi pihak kerajaan yang menggulung Bajet 2014. Masa memang sudah menghampiri pukul 5.00 petang. Alhamdulillah, hari ini hari ketiga, tanggal 11.12.13 (11hb Disember 2013), Persidangan Dewan Undangan Negeri ini nampaknya berjalan lancar, alhamdulillah. Terima kasih sekali lagi, terima kasih banyak kepada sumbangan dan penyertaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam perbincangan dan penggulungan. Saranan saya kita kekalkan keadaan harmoni dan mawaddah warahmah ini dan cuba elakkan, sekali lagi saya nak tekankan supaya peraturan perbincangan kita patuhi antara kitalah. Kekalkan setia kawan dan perpaduan, InsyaAllah.

Oleh kerana masa persidangan menghampiri pukul 5.00 petang, jadi saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan Dewan ini. Oleh yang demikian, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini ke esok hari 12.12.13 (12 Disember 2013) pukul 9.30 pagi dan marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 4.50 PETANG.

PERSIDANGAN
PADA HARI KHAMIS, 12 DESEMBER 2013

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA

Tuan Haji Mohd Zubir bin Embong, AMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.

WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, DPMT.,SMZ.

WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Haji Rozi bin Mamat, SMZ.,AMT.

WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Ir. Rosli bin Othman, AMN.

WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, AMT.,PJK.

WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.

WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Roslee bin Daud, PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Haji Muhammad Pehimi bin Yusof
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Mohd Mahdi bin Musa
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Mohd Iskandar bin Jaafar
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, PMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat
WAKIL CUKAI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Mazlan bin Ngah, DSMZ.,DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Dato' Noorbahri bin Baharuddin, DPMT.

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Abdul Razak bin Ismail, DSMZ.,DPMT.,JMN.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Tuan Haji Azhar bin Jusoh, AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah sama-sama kita membaca Ummul Kitab Al-Fatihah. [Al-Fatihah] Amin, amin, amin ya rabbal alamin.

Sebelum kita meneruskan tertib pada pagi ini, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran para Pemerhati pada hari ini 12 Disember 2013 (12.12.13) bersamaan 9 Safar 1435 Hijrah. Pertamanya, saya mengalu-alukan kehadiran To' Puan Seri Norliza binti Mahmud, isteri kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu dan diiringi oleh isteri Yang Berhormat-Yang Berhormat lain. Selain daripada itu, dialu-alukan juga Pemerhati-pemerhati daripada KEMAS, pelajar Universiti Malaysia Terengganu, Pemuda UMNO Bahagian Kuala Nerus, warga Dewan Undangan Negeri Kawasan Jertih, warga Dewan Undangan Negeri Kawasan Bandar, warga Dewan Undangan Negeri Kawasan Bukit Payong, warga Dewan Undangan Negeri Kawasan Sura dan warga Dewan Undangan Negeri Kawasan Paka. Tahniah kepada Pemerhati yang selalu hadir bermula pada hari pertama iaitu daripada KEMAS dan beberapa DUN lain seperti DUN Bandar dan DUN Ladang. Tahniah dan syabas juga kepada Pemerhati-pemerhati lain yang sudi hadir pada hari ini yang begitu ramai sekali. Tahniah dan syabas serta jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua ketua jabatan yang menunjukkan komitmen yang tinggi untuk hadir sendiri ke Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini yang dianggap penting mulai pada hari pertama. Malah penghargaan juga saya ucapkan kepada pihak media yang sudi hadir dan melebar luas maklumat-maklumat yang berharga dan muluk-muluk dan molek-molek tentang perjalanan Dewan pada kali ini.

Alhamdulillah, sehingga hari ini saya berpendapat bahawa semua Ahli Yang Berhormat telah dapat melaksanakan tugas dengan agak berkualiti dalam keadaan yang mawaddah warahmah. Saya dapati wujud ukhwah Islamiah yang tinggi dalam kalangan kita. Bagi saya kalau kita lihat ukhwah yang paling minimum ialah 'salamatu sadri' iaitu kesejahteraan jiwa sesama muslim yakni seseorang muslim tidak mempunyai sebarang halangan dengan saudaranya

sehingga wujud saling percaya mempercayai, saling kasih sayang, tidak syak wasangka dan tidak curiga. Dan ukhwah yang paling tinggi ialah 'al idhar' yakni seseorang muslim mengutamakan saudara seislamnya melebihi daripada dirinya sendiri. Sebagaimana pesan Badiuzzaman Said Nursi menyatakan: "Jangan kamu membakar rumah yang terdapat di dalamnya 10 orang hanya kerana seorang daripadanya jahat sedangkan 9 lagi baik." Saya amat berharap agar pada hari terakhir ini suasana harmoni, profesional, rasional bukannya emosional yang telah kita semaikan selama 3 hari dapat kita teruskan. Marilah kita sama-sama turuti dan ingati pengajaran daripada Allah S.W.T. dalam Surah Al-Hujarat, ayat ke-6 yang menekankan untuk kita cari kebenaran maklumat yang patut kita amalkan sebelum berhujah. Dan ayat ke-11 yang melarang keras kita memperolok dan mencela orang lain dan agar kita sentiasa menjauhi prasangka seperti yang dihuraikan dalam ayat yang ke-12.

Dan bagi menunjukkan sensitiviti kita warga Dewan, semua ketua jabatan dan Pemerhati sekalian, izinkan saya memperingati bahawa hari ini hari terakhir Dewan bersidang dan tabung masih dibuka dan semailah seikhlas-ikhlasnya. Dan kepada mereka yang telah menyumbang, tambahkanlah pelaburan untuk masa depan, masa akhirat dan yang belum menderma itu sudi-sudikanlah berbuat demikian. Kalau diizinkan semua pihak, InsyaAllah hasil derma hari ini ataupun dalam Persidangan Dewan hari ini kita akan serahkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu bagi membantu anak-anak mangsa banjir yang dhaif bagi membeli kelengkapan mereka untuk belajar apabila sekolah dibuka nanti.

Saya juga ingin mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat agar sekali lagi mematuhi Peraturan-Peraturan Dewan seperti menyoal dalam Peraturan 26, peraturan berbahas sebagaimana Peraturan 46, berilah yang terbaik kalau kita ingin yang terbaik. Juga saya ingin ingatkan sekali lagi warga Dewan bahawa sebarang rakaman tidak rasmi tidak dibenarkan dilakukan di dalam Dewan ini. Kita dah ada rakaman yang rasmi. Patuhilah segala Peraturan Berpakaian dan harap letak telefon dalam 'mode senyap'. Pagi-pagi lagi tadi saya dah dengar, semalam pun acap kali saya dengar yang mengganggu ketenteraman sidang Dewan kita ini. Saya merayu kepada pihak Dewan, tolonglah dan kalau tak boleh jika telefon mode senyap rosak adalah lebih baik tutup terus telefon itu. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasih.

Persidangan pada hari ini kita teruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Air Putih untuk mengemukakan soalan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

Sejak kebelakangan ini, terdapat perkembangan pesat di dalam segmen ke Restoran Kopitiam di negeri Terengganu. Berapa banyakkah Kopitiam-kopitiam ini yang memohon Sijil Halal dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (JHEAT) dan berapa banyak yang telah diluluskan?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, seterusnya para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Soalan 1: Sejak kebelakangan ini, terdapat perkembangan pesat di dalam segmen ke restoran kopitiam di negeri Terengganu. Berapa banyakkah kopitiam-kopitiam ini yang memohon Sijil Halal dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (JHEAT) dan berapa banyak yang telah diluluskan?

Yang Berhormat Yang Dipertua, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah menerima dan memproses Pensijilan Halal yang dipohon oleh restoran kopitiam di negeri Terengganu. Dan setakat ini terdapat cuma tiga (3) permohonan daripada premis kopitiam dan dua (2) Premis Kopitiam telah diluluskan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tambahan. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan semua kopitiam-kopitiam ini mendapatkan Sijil Halal memandangkan trend, dengan izin, sekarang ini pengunjung-pengunjung kopitiam ini terdiri

majoritinya daripada orang Islam. Jadi mintak penjelasan daripada pihak kerajaan?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Air Putih. Setakat ini kita belum lagi mengeluarkan satu arahan atau penguatkuasaan iaitu mewajibkan semua restoran kopitiam ini mempunyai Sijil Halal, Insyallah kita akan kaji selepas ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa. Kita bagi kepada Air Putih dulu, selepas ini kita bagi satu kepada Paka. Boleh Paka, ya. Sila Air Putih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, dalam kita bercakap pasal kopitiam ini juga, saya mintak pihak kerajaan pertimbang juga untuk memastikan semua restoran selain dari kopitiam untuk mendapat Sijil Halal sebab kadang-kadang kita tak jelas sumber atau hasil yang masuk itu? Pohon jawapan dari pihak kerajaan.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua. Sehingga hari ini dan ia menjadi amalan sebelum ini pun, kebanyakan pengusaha kedai makan dan restoran hanya membenarkan atau mendapat kelulusan daripada Majlis Daerah dan Lesen Perniagaan terutama yang diusahakan oleh peniaga-peniaga Islam. Dan setakat ini memang kita tidak ada satu pun arahan secara khusus setiap kedai ataupun premis yang menjual makanan terutama yang dikendalikan oleh orang-orang Islam kita wajibkan ada Sijil Halal dan perancangan kemudian boleh kita pertimbangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Y.B. Paka kemukakan soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, ada tiga kopitiam yang disebut tadi, dua diberi kelulusan oleh Pejabat Agama, satu yang tidak diberi. Boleh namakan dua yang

dilulus dan satu tidak diluluskan. Kenapa yang satu itu tidak diluluskan, maknanya tak halal ke? Adakah itu termasuk Kopitiam Hai Peng, tak di Kemaman?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey, terima kasih Wakil Paka. Daripada tiga permohonan tadi dan dua lulus iaitu:

1. Salt Water Kopitiam, K 714, Seri Kertih, 24300 Kemaman, Terengganu.

(Tarikh Sijil Lulus ialah 16 Julai 2013 - 15 Julai 2014).

2. Hailam Kopitiam, No. 5692 & 5693
Jalan Kubang Kurus, Bandar Cukai Utama
24000 Kemaman, Terengganu

(Lulus keputusan mesyuarat Panel Pengesahan Halal Malaysia Kali Keempat pada 29 Oktober 2013 tetapi sijil belum dikeluarkan lagi oleh JAKIM sebab baru lulus).

Dan yang tak lulus Kopitiam Paka, PT 192, No.13, Pusat Niaga Paka, 23011 Dungun, Terengganu.(Dalam gelak kecil) Takdok sentimen yang tak lulus ni, takdok sikit habuk pun. Permohonan ditolak kerana permohonan tidak lengkap. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hai Peng tak masuk?

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Guana kerek benar Hai Peng ni?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab orang Cukai, orang Melayu di Kemaman berahi gi situ.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Y.B. Ajil, Y.B. Air Putih, Y.B. Paka yang bertanya soalan. Kita pergi seterusnya kepada Yang Berhormat Bukit Tunggal untuk mengemukakan soalan. Dipersilakan.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

Apakah usaha kerajaan bagi mengatasi pencemaran sungai-sungai di negeri Terengganu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, rakan media serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Terima kasih kepada Wakil Bukit Tunggal kerana bertanya tentang soalan: Apakah usaha kerajaan bagi mengatasi pencemaran sungai-sungai di negeri Terengganu? Dan soalan ini adalah mirip dan sama dengan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Kuala Besut kelmarin iaitu langkah-langkah kerajaan mengekalkan serta meningkatkan lagi kualiti air sungai Terengganu.

Jadi jawapan saya pada hari ini ialah sama dengan jawapan yang telah disampaikan kelmarin. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Silakan Y.B. Bukit Tunggal.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Mengikut laporan daripada Jabatan Alam Sekitar dari segi kualiti air bersih memang boleh dipertahankan lagi tetapi melihatkan *trend* pencemaran pepejal terampai semakin meningkat di sungai-sungai seluruh negara. Antara punca yang disebutkan ini ialah akibat daripada *discharge* ataupun pembuangan air kumbahan secara langsung ke dalam sungai dengan tidak dirawat dengan sempurna. Yang keduanya, kerana berlakunya yang kita panggil macam penggondolan bukit-bukit di tempat tadahan air yang mana sedimen ini akan turun ke sungai yang menyebabkan berlaku pepejal terampai yang airnya keruh. Yang ketiga, kerana

tidak ada kawalan dari segi pengorekkan sungai akibat daripada aktiviti pengalihan pasir. Ini di antara yang disebutkan. Ini yang saya perhatikan di Sungai Terengganu pun memang zaman saya budak-budak dulu airnya jernih, boleh mandi dan boleh diminum pun tapi hari ini memang kita nak celup kaki pun rasa tak sanggup sebab air terlalu keruh. Ini adalah di antara yang saya kira menjadi pencemaran pepejal terampai tadi. Dan satu kes yang berlaku di kebun ataupun tempat penanaman sayur di Sungai Emas di dalam DUN Tepoh akibat daripada Kilang Kuari yang menyebabkan satu kebun sudah rosak kerana pencemaran oleh sedimen kepada aliran sungai itu yang menyebabkan hilang punca pendapatan petani yang saya pernah sebut dalam Dewan sebelum ini. Jadi saya nak tahu daripada pihak kerajaan, sejauh manakah aktiviti-aktiviti yang disebutkan tadi diawasi oleh Jabatan Alam Sekitar dan adakah kerajaan mematuhi apa-apa pandangan dan nasihat daripada Jabatan Alam Sekitar ini? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bukit Tinggi. Dipersilakan Wakil Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Terima kasih Wakil Bukit Tinggi. Jadi untuk masa sekarang ini memang kita sedia maklumlah bahawa dengan kejadian banjir yang berlaku ini sudah pastilah akan berlaku sedikit sebanyak pencemaran kepada sungai-sungai dan sebagainya dengan kesan atau implikasi daripada banjir yang berlaku. InsyaAllah, pihak Jabatan Alam Sekitar akan memantau dan memastikanlah perkara-perkara atau kesan-kesan yang tidak akan memberikan satu kesan yang tidak baik kepada rakyat di samping adanya tindakan yang akan dibuat oleh Jabatan Kesihatan.

Yang sebenarnya, seperti yang saya sebut kelmarin bahawa usaha-usaha yang kita sedang dan telah dilaksanakan begitu banyak. Antaranya, yang saya sebut kelmarin ialah kita mengadakan penguatkuasaan ESOP (Erosion and Sediment Control Plan) di mana kita menguatkuasakan dan ada syarat-syarat wajib Pelan Kawasan Hakisan Dan Mendapan terutama kepada kawasan perlombongan, pembangunan kawasan tanah tinggi. Jadi memang kita tidak nafikan sudah pasti adalah perkara-perkara yang kadang-kadang di luar daripada pengetahuan pihak jabatan, jadi tidak ada masalah sekiranya ada *complaint*, ada laporan yang telah diberi oleh pihak-pihak tertentu maka tindakan akan diambil sesuai dengan peraturan dan juga undang-undang yang telah dibuat. Selain daripada itu,

kelulusan untuk pengambilan pasir sungai ini pun bukan kita ambil sewenang-wenangnya maka kita mendapat nasihat dan juga garis panduan daripada jabatan teknikal, sudah pasti kalau sekiranya jabatan teknikal tidak memberikan sokongan sudah pasti kita tidak akan meluluskan. Jadi perkara-perkara begini memang kita laksanakan dan selain daripada itu yang saya sebut ialah Program Satu Negeri Satu Sungai dan juga Satu Daerah Satu Sungai kerana hari ini keutamaan yang perlu kita laksanakan ialah dari segi kesedaran kepada masyarakat dan juga kesedaran kepada rakyat kita sendiri. Kesedaran ini amat penting supaya mereka hari ini juga turut membantu menjaga sungai kita tidak hanya mengharapkan 100% kepada kerajaan. Sekarang ini di bawah Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, sekarang ini sedang berlangsung Program Gotong Royong Kempen Kebersihan Kawasan Pesisir Air. Dan yang telah dilaksanakan setakat ini dia ada dua, yang pertama, di Seberang Takir pada 9.11.2013 dan yang kedua kita buat di kawasan Bukit Tunggal di Seberang Tuan Chik pada 30.11.2013 baru-baru ini. Ini adalah antara program-program yang kita laksanakan dan kita haraplah bila laksanakan program ini perlulah penglibatan daripada semua pihak termasuk juga daripada pihak sebelahlah untuk sama-sama kita membantu bagi mengatasi permasalahan yang telah disebut tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya teringat bila pihak kerajaan (Wakil Seberang Takir) menjawab tentang Sungai Angkat dan sebagainya, tentang kerjasama daripada pembangkang dalam mengawal ataupun membantu dari segi menjaga kebersihan sungai ini. Pada penggal lepas, pernah dilantik Wakil-wakil Rakyat sebagai macam Bapak Angkatlah kepada sungai-sungai tertentu, pengkalan-pengkalan tertentu. Dan saya telah pergi isi borang, hantar nama dan sebagainya tetapi sehingga hari ini tidak pernah ada taklimat ataupun apa-apa *follow-up* atas cadangan itu. Jadi bagaimana kita nak bagi kerjasama. Kita dah pun beri kerjasama pergi isi borang, menyatakan sungai mana, siapa orang yang dihubungi di tempat kita tetapi kita tidak pernah dihubungi selepas itu. Jadi InsyaAllah, kita memang bersedia untuk bekerjasama. Cuma saya nak tahu apakah yang

dinamakan Wakil Rakyat sebagai mengambil langkah sebagai Sungai Angkat, Pengkalan Angkat itu diteruskan ataupun benda itu sudah hilang begitu saja?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Perkara ini masih diteruskan. Seperti yang saya sebut tadi kalau semuanya kita bergantung kepada jabatan, bergantung kepada kerajaan, sudah pastilah perkara ini tidak akan dapat kita selesaikan. Kesedaran itu perlu wujud di pihak kita sendiri. Saya rasa tidak ada masalah kerana perlu jugaklah inisiatif daripada pihak kita sendiri, kalau boleh hari ini maknanya tidak ada masalah di pihak pembangkang untuk mintak melaksanakan bekerjasama dengan jabatan-jabatan bagi melaksanakan program, seperti yang saya sebut tadi. Maka bila ada gotong-royong tadi, apabila kita naik kain rentang kita tidak payahlah tunggu surat-surat jemputan. Bila dah ada kain rentang maknanya dijemput semualah untuk hadir bersama. Tetapi masalah kita itulah kadang-kadang bila ada gotong-royong ini kadang-kadang sambutan itu tidak sepertimana yang kita harapkan. Jadi harapan saya selepas ini kita tidak perlulah ada surat jemputan, kadang-kadang jabatan ini pun kita faham. Bila dinaikkan kain rentang, maklumat kita sudah tahu maka kesedaran perlu di kalangan kita sendiri, terutama daripada diri kita sendiri dan membawa ahli keluarga kitalah bersama-sama. Ini adalah suatu perkara yang kita perlu laksanakan secara bersama. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila, soalan tambahan terakhir.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Sebagaimana saya sebutkan tadi yang surat secara rasmi yang melantik kita dan menyuruh kita mencari sungai untuk dijadikan Sungai Angkat tadi tapi rancangan itu seolah-olah macam tidak ada *follow-up* kepada kita bukan soal program-program yang dibuat selepas itu tapi yang rasmi tu seolah-olah macam melepaskan batuk ditangga panggil kita selepas senyap begitu.

Okey, yang kedua yang menjadi kebimbangan saya yang paling besar tentang Sungai Terengganu ini ialah bila mana pembangunan Pusat Pentadbiran Baru Kuala Nerus yang menyebabkan satu kawasan takungan air yang besar yang akan

ditimbus dan melibatkan banyak bukit-bukit yang terpaksa ditarah untuk ambil tanah dan semua aliran itu saya melihat daripada pelan induk itu akan mengalir ke Sungai Terengganu khususnya ke Sungai Lebam, Bukit Tumbuh semua mengarah aliran air ini menuju ke situ. Saya bimbang, takutlah seperti yang ada sekarang ini tidak ada rawatan khusus terhadap air kumbahan ini yang akhirnya akan mencemarkan Sungai Terengganu bukan sahaja dari segi pepejal terampai tetapi mungkin dari segi bahan-bahan kimia, amonia

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Dipertua, soalnya Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Soalnya Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ini nak tanya soalanlah ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa. Silakan Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Gaduh sungguh Air Putih ni. Banjir surut dah, jangan bimbang.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Orang muda tu, tak apa. Soalnya terus.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Soalnya, saya nak tanya pihak kerajaan, apakah *precaution* ataupun langkah-langkah pencegahan khususnya bila pembangunan yang besar ini sebab kita melihat tidak ada Treatment Plant untuk air kumbahan ini yang terus *discharge* dengan izin, ke sungai-sungai ini. Supaya perkara ini diambil perhatianlah yang lebih serius takut di masa depan ia akan mencemarkan lebih teruk Sungai Terengganulah khususnya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bukit Tunggal. Sila Y.B. Seberang Takir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasih Y.B. Bukit Tunggal. Jadi nampak cara Wakil

Bukit tanya tu macam dok berapa nak aje daerah Kuala Nerus tapi pihak Seberang Takir memang nak sangat daerah Kuala Nerus ni.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Eh, bukan tak nak tapi menarik perhatian, kita mahukan pembangunan tapi yang lestari, itu maksud saya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Tapi sebenarnya kerajaan dia tak akan ambil sesuatu perkara itu secara semborono. Kita akan buat berasaskan kepada kajian dan berasaskan kepada peraturan-peraturan dan garis panduan. Seperti yang saya sebut semalam maknanya kita menggunakan pelan ESOP dan di samping itu cara rawatan sungai juga, ada dua kaedah yang kita buat secara pemulihan menggunakan kaedah semburan EM dan juga kaedah mencampak EM. Dan di samping itu, kita ada banyak lagi termasuk pembinaan perangkap sampah dan sebagainya. Tidak ada masalah sekiranya ada berlaku saja perkara-perkara yang di luar kawalan kita, InsyaAllah tindakan segera akan diambil. Dia kadang-kadang apabila kita laksanakan pembangunan sudah pasti adalah perkara-perkara yang tidak dijangka berlaku tetapi dalam soal Pembangunan Kuala Nerus, kerajaan sudah mempunyai langkah-langkah dan juga cara-cara dan kaedah bagaimana kita nak membangun kawasan Kuala Nerus sesuai dengan penggunaan Teknologi Hijau tapi bila sebut hijau ini dia sensitif sikit, tak sebab di pihak sebelah sana dia kata e-Book pun warna biru. Kita tak ada masalah sebenarnya, dari segi kita, kita tidak ada masalah dengan warna-warna ini. Jadi dalam soal ini, hari ini bahawa Pembangunan Kuala Nerus sudah pasti akan tidak lari daripada garis panduan menggunakan kaedah Teknologi Hijau ataupun *Green Technology*, dengan izin. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Seberang Takir. Y.B. Bukit Tunggal.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang BERTHORMAT Yang Dipertua, saya nak tanya

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Minta maaf Y.B. Paka, kita dah

Terima kasih Y.B. Paka. Seterusnya kita pergi kepada soalan seterusnya dan saya minta Y.B. Batu Rakit untuk mengemukakan soalan seterusnya. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

Apakah status terkini mengenai perancangan kerajaan untuk memajukan kawasan industri di Batu Rakit dan Sungai Bari, Setiu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Batu Rakit yang ingin mengetahui soalan pertamanya yakni status terkini mengenai perancangan kerajaan untuk memajukan kawasan industri di Batu Rakit dan Sungai Bari, Setiu.

Tuan Yang Dipertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi kedua-dua kawasan perusahaan ini, pertamanya, di Batu Rakit setakat ini 18% kawasan perusahaannya daripada jumlah 137.5 hektar telah kita agihkan kepada pemaju dan di Sungai Bari 37% bersamaan 22.43 hektar juga kita telah agihkan daripada jumlah keluasan 60 hektar. Bagi mereka-mereka yang memohon dan diberi kelulusan kepada kawasan-kawasan tadi antara yang dibangunkan adalah Perusahaan Produk Konkrit di Sungai Bari. Kedua-dua kawasan ini juga mempunyai potensi dan kedua-duanya dimohon oleh Perusahaan Pembekalan Tenaga Solar dan berada di peringkat perlaksanaan awal. Kita harap ia akan menjadi satu produk yang dijangka akan dapat membekalkan kuasa *electricity* sejumlah yang agak lumayan, contohnya di Sungai Bari 5 MW dan jumlah pelaburannya RM40 juta dan kita harap perlaksanaannya digesa oleh pihak kerajaan akan disegerakan. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Kuala Berang. Sila soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan tambahan saya, bilakah dijangka pelabur-pelabur ini akan masuk? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan ini bagi pihak kerajaan sebenarnya Tuan Yang

Dipertua, kita ingin seberapa segera mungkin sebab itu sebelum permohonan diluluskan kita membuat penilaian dan dalam penilaian itu kita mintak dengan izin, proposal-proposal itu dibuat pembentangan, kita tanya berbagai soalan dan kita pastikan antaranya modal, kemampuan dan kesemua segi dapat ditunaikan oleh pelabur tapi seperti biasalah Tuan Yang Dipertua apabila kelulusan diberi maka kita lihat sampai sekarang kecuali konkrit produk sahaja dibangunkan di kawasan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Yang Dipertua, berapa banyakkah peluang pekerjaan yang akan dapat diwujudkan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, kepada soalan tambahan kedua daripada Batu Rakit ini, kita faham sebagai Wakil Rakyat memang kita inginkan kawasan ini memberi peluang pekerjaan kepada penduduk dan begitu jugak hasrat kerajaan. Jika dilihat di kedua-dua kawasan ini, jumlah kelulusan dan juga jumlah status pelaksanaan masih di peringkat tidak memberangsangkan kepada anggaran tenaga solar itu tidak ramai tenaga buruhnya dijangka lebih kurang 10 orang, begitu juga bagi projek pembuatan konkrit ini pun tidak begitu ramai. Yang kita harapkan sekarang ini dalam persiapan akan datang oleh pihak kerajaan, kedua-dua kawasan ini sebenarnya Tuan Yang Dipertua merupakan penghujung kepada Lebuh Raya Pantai Timur Yang Kedua yang akhirnya sekarang ini di Gemuruh dan kita dapati hubungan Sungai Bari dan juga Batu Rakit sangat hampir kepada Exit ini dan kita mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa kedua-dua kawasan ini kalau dahulunya dilihat tidak menarik tapi hari ini InsyaAllah, kita akan membuat promosi yang bersungguh-sungguh untuk memastikan kedua-dua kawasan ini adalah kawasan yang paling menarik. Dan InsyaAllah, hasrat untuk menjadikan peluang pekerjaan ini akan menjadi tumpuan utama kerajaan untuk pastikan Batu Rakit juga Sungai Bari destinasi yang paling menarik kepada pelabur dan InsyaAllah akan memberi peluang pekerjaan yang tinggi kepada penduduk. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan seterusnya. Kalau tak ada, saya mempersilakan Yang Berhormat Bandar untuk mengemukakan soalan. Dipersilakan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih. Soalan saya nombor dua, Tuan Yang Dipertua. Terima kasih. -

Berapakah keluasan keseluruhan kawasan industri di Terengganu mengikut kategori dan apakah rancangan untuk mengembangkan lagi perindustrian di dalam negeri terutama SME?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Nombor berapa tu Y.B. Bandar?

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Nombor dua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, terima kasih kepada Y.B. Bandar. Wakil Bandar ingin mengetahui berapakah keluasan keseluruhan kawasan industri di Terengganu mengikut kategori dan apakah rancangan untuk mengembangkan lagi perindustrian di dalam negeri terutama SME.

Tuan Yang Dipertua, keluasan keseluruhan kawasan industri di Terengganu berjumlah 3,371.69 hektar dengan bilangannya 23 buah kawasan termasuk di kawasan Pembangunan KETENGAH. Menjawab kepada kategori kepada kawasan-kawasan ini di antaranya kawasan yang awal kita bangunkan ialah di Gong Badak iaitu elektronik, pengangkutan dan pemprosesan makanan. Di Chendering kita tumpukan kepada pengangkutan, elektronik, juga memproses makanan, tekstil dan kraftangan. Di Pulau Serai ialah IKS, pemproses makanan juga logistik. Kawasan industri utama kita ialah di Kerteh iaitu seluas 790 hektar dengan penapisan petroleum, produk petrokimia, logistik, jentera berat dan juga gas. Di Bukit Khor ialah pembungkusan makanan, pemesinan, bahan binaan dan juga pusat latihan. Di Teluk Kalong kawasan perdana kita Tuan Yang Dipertua, seluas 1,200 hektar, di sini kita tumpukan kepada industri berat yang strategik dari segi petrokimia dan kimia, fabrikasi, peralatan penyelenggaraan dan logistik, industri gas dan petroleum. Banyak lagi Yang Dipertua ni, di Gong Medang kita tumpukan

kepada perabot juga sedikit perkayuan dan juga pembungkusan makanan. Di Jakar I dan II ialah perkilangan mesin dan kelengkapan industri. Manakala di Jakar III juga kelengkapan industri. Batu Rakit dan Sungai Bari yang telah saya jelaskan tadi. Di Batu 7, Dungun kita tumpukan kepada pembinaan bahan pembinaan, pemesinan, kelengkapan pengangkutan, produk besi dan juga aluminium. Di Ajil yang mendapat sambutan 100%, kita tumpukan kepada perkayuan dan perabot, juga percetakan dan pemesinan. Di Bukit Labohan, Kerteh tumpuannya kategori komponen jentera berat dan juga kelengkapan logistik. Di Wakaf Tapai, perkayuan, perabot dan pemesinan. Di Taman Bio Polimer Kerteh, industri berasaskan bio produk. Di Mak Lagam kita tumpukan kepada pemesinan, bahan binaan dan juga bahan produk besi aluminium. Kemudian di Bukit Besi dan KETENGAH kebanyakannya kita tumpukan kepada industri perkayuan, perabot dan juga perkilangan IKS. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Soalan tambahan. Sila Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua dan Yang Berhormat Exco yang mewakili Kuala Berang. Daripada penerangan tadi memang tidak syak lagi kita ada ramuan yang lengkap untuk menjadikan negeri kita sebagai yang mempunyai *supportive industry* dengan izin, yang dirangka. Cuma saya nak katakan tumpuan saya sekarang kepada SME iaitu industri kecil dan sederhana, industri yang berskala besar itu memang kita tidak dapat nafikan memang dari segi *acreagenya* memang besar. Dalam SME ini, sebab semalam ada laporan daripada SME Corp yang menyatakan negeri Terengganu 98.1% industri SME mendominasi sektor perindustrian kecil di negeri Terengganu dan isu yang dibawa adalah daripada SME ini lebih daripada 90% adalah diwakili oleh bumiputera Melayu terutamanya. Bermakna skala kecil yang disebut sebagai *overhead* dengan izin, yang kurang daripada RM8,000 sebulan. Ini memang dari segi sektor penjanaan keuntungannya amatlah rendah tapi digariskan sebanyak lebih daripada 90%. Jadi persoalan yang saya nak ajukan, adakah kita merancang untuk mempertingkatkan tumpuan kita kepada sektor perolehan atau keuntungan SME oleh kerana hampir 100% diceburi oleh bumiputera Melayu di negeri Terengganu. Jadi setakat ini, apakah perancangan kita untuk melihat perubahan dari segi perolehan ataupun keuntungan mereka.

Adakah strategi yang kita rangka dalam sektor SME terutamanya setakat ini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, saya setuju dengan Bandar dan memang ada. Dan strateginya Tuan Yang Dipertua, kita melihat kepada keadaan negeri kita, kalau suatu ketika dahulu kita lihat Terengganu dilihat jauh daripada *industry player* dengan izin Tuan Yang Dipertua dan dari segi infra dan kemudahan-kemudahan lain tetapi dengan fasa baru Lebuh Raya Pantai Timur Fasa II yang hampir siap. Sekarang Terengganu bukan lagi menjadi faktor seperti itu. Jadi InsyaAllah, kalau saudara Yang Berhormat Bandar melihat kepada strategi Bajet 2014 dengan meletakkan teras utama dan di antara teras utama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk mendayasaingkan keupayaan negeri dalam semua bidang termasuk industri dan kita lihat peranan industri ini bukan lagi peranan berkesampingan. InsyaAllah, ia menjadi peranan yang kita majukan SME, majukan infra, majukan semua bidang termasuk pertanian, pelancongan dan sebagainya. InsyaAllah, akan menjuruskan kepada pembangunan SME, InsyaAllah Tuan Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Kuala Berang yang menjawab soalan tambahan. Seterusnya soalan tambahan kedua. Sila Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ringkas saja. Saya jugak merasa gembiralah atas penerangan sebegitu matlamatnya yang kita nak capai. SME yang disebut, dikata tidak jugak melupakan sektor peruncitan dan juga pemborongan yang juga diletak di bawah SME. Untuk kes perbincangan dalam belanjawan kita ini, saya nak menjurus kepada satu isu yang dibawa ke dalam Dewan ini iaitu aktiviti peruncitan yang diasaskan oleh peniaga tempatan kita yang disebut nama Sabasun yang mana bersama dengan pertumbuhan SME yang diterajui oleh Sabasun ini katanya ada 1,500 usahawan tempatan negeri Terengganu, ini saya mintak pengesahan sama ada betul atau tidak 1,500 pengusaha-pengusaha tempatan yang dipayungi atau bersama jadi rangkaian kepada peruncitan ini. Jadi saya mintak kalau boleh kita tolong bagi *assistance* dengan izin, kepada peruncitan yang diasaskan oleh kelompok ini supaya kita ada satu tanda maknanya orang kata kita membangun atau membantu, menolong kepada sektor peruncitan tempatan, anak negeri. Kita ada satu bukti yang kita

boleh katakan atau beri jawapan kepada sesiapa, memang kita ada satu contoh iaitu industri, kecil dan sederhana dalam bidang peruncitan/pemborongan kita ada satu contoh dan kita bantu dia, kalau boleh. Jadi sekali gus kita menamatkan isu seolah-olah macam kita mengabaikan mereka atau menganaktirikan mereka dalam bidang ini. Saya pohon sampaikan kalau boleh dapat peluang ini dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Exco.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bandar. Sila Y.B. Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, saya tidak ada laporan tepat sebagaimana yang dibangkitkan oleh Teluk Pasu dalam perbahasan dan juga Bandar sebentar tadi. Kalau betul kita mintak notislah tetapi dalam kes SME ini saya nampak berbalik kepada daya saing yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat, kemudian status negara kita yang menjelang 7 tahun akan datang untuk menjadi negara maju, kemudian kita lihat ke belakang bantuan kerajaan pusat, negeri dan semua pihak untuk membangunkan SME memang terlalu banyak. Jadi saya ingin tegaskan di sini Yang Berhormat Yang Dipertua, kepada pengusaha-pengusaha negeri kita dalam menghadapi suasana ini, kita ingin pastikan kepada pengusaha jangan menggunakan status bumiputera, status sentimen kita, kemudiannya kita tidak ikut peraturan. Seperti yang dibangkitkan oleh Saya mintak maaf, saya di dalam Dewan ini sepatutnya tidak boleh menyebut syarikat begini kerana dia tidak ada peluang untuk menjawab tapi kalau ikut laporan daripada Teluk Pasu dan juga dibangkit oleh Bandar pagi ini, saya percaya untuk memberi keadilan kepada pihak kerajaan, pihak pegawai, kita ingin pastikan setiap kemajuan, setiap pengusaha yang ingin maju mesti mengikut peraturan. Jangan kita nak buat satu hypermarket ataupun perusahaan yang besar, kita ada sentimen nak beri pekerjaan yang ramai, sentimen nak beri kepada vendor, SME yang bagus tetapi dalam masa yang sama kita tidak mengikut peraturan, ini tak kena, ini maksud saya. Kita mesti ikut peraturan, kita mesti pastikan apa yang kita angkat ini mengikut garis pembangunan yang sebenar dan pada masa yang sama mesti dibantu dan memang telah dibantu oleh pihak kerajaan. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Err Nak ambil bahagian *retak*.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila, soalan terakhir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, saya cuma nak buat pencerahan tentang kes Sabasun tadi tu. Dia ada dua kes, satunya di Bukit Kecil, satu lagi di Wakaf Tembesu. Di Bukit Kecil tu alhamdulillah, katanya dah *sett/e* dengan kerjasama yang baik daripada Datuk Bandar. Cuma kes di Wakaf Tembesu, katanya Sabasun ada menerima surat menyatakan tanahnya akan diambil balik untuk dibangunkan sebagai Bandar Baru Perkasa Alam dan terkena tapak Sabasun yang ada sekarang ini dan tujuannya juga untuk peruncitan, perniagaan. Jadi kita nak mintak kalau boleh dikaji balik dan masukkan juga kawasan Sabasun yang diambil itu dalam planning bersama dengan kawasan yang diambil balik untuk tujuan perniagaan. Itu yang kita nak mintak dan Sabasun ada menerima surat itu, kenyataan menyatakan tanahnya hendak diambil balik yang diterima oleh pihak Sabasun. Jadi itulah sedikit ketakutan dan juga pencerahan daripada isu-isu yang berlaku sekarang ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Ladang.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, InsyaAllah, saya akan menjawabnya semasa penggulungan saya nanti.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Berkenaan dengan bantuan, semalam saya sempat menghadiri Anugerah Usahawan Terengganu, saya begitu kagum melihat betapa bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Terengganu kepada usahawan-usahawan tanpa memilih bulu, tanpa memilih parti. Yang naik semalam pun ramai dari rakan-rakan bagi saya memang hebatlah. Ada yang saya nampak dalam anugerah semalam dari kerajaan melalui pelbagai agensi terutamanya Yayasan Pembangunan Usahawan, ramai antara usahawan-usahawan yang telah melepasi tahap kemiskinan. Ada ibu tunggal yang dibantu, ada yang pelbagai, inilah aspek-aspek yang saya rasa kita patut tonjolkan betapa Kerajaan Negeri Terengganu ini memang mengutamakan tak kira siapa pun. Jadi saya rasa kita sama-sama patutlah melihat kebaikan itu bagi kebaikan semua pihak. Seterusnya

kita ada sedikit masa lagi. Saya mempersilakan Yang Berhormat Ladang untuk mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Dipertua, soalan nombor satu dan soalan nombor dua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Satu sahaja.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sebab dua-dua tidak ditolak sebab itu boleh dua selalulah.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Saya mintak dibuat satu sahaja.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nombor dualah -

*Setakat manakah cadangan pembinaan bangunan baru Pejabat
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu?*

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kanan kerajaan, para Pemerhati sekalian. Setakat manakah cadangan pembinaan bangunan baru Pejabat Majlis Bandaraya Kuala Terengganu?

Pelaksanaan pembinaan bangunan baru Pejabat Majlis Bandaraya Kuala Terengganu telahpun diserahkan kepada kontraktor yang mana ianya akan dibina di Southern Breakwater dengan keluasan keseluruhan tapak 5.49 ekar di mana SO-nya adalah Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu dan peruntukan bagi bangunan ini RM141 juta iaitu 30 tingkat yang merupakan satu lagi mercu tanda bandar Kuala Terengganu. Terima kasih Tuan yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Soalan tambahan sekiranya ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tambahan. Peruntukan RM100 juta itu adakah daripada kerajaan negeri ataupun daripada Bandaraya sendiri dan bilakah akan siap dan bangunan yang diduduki sekarang apakah akan jadi, apakah akan diserahkan kepada SEDC ataupun akan dimasukkan penyewa-penyewa yang lain?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Wakil Ladang. Yang Dipertua, peruntukan untuk membina bangunan ini ialah datangnya daripada kerajaan negeri. Dan bangunan yang sedia ada ini adalah disewa daripada SEDC dan terpulanglah kepada SEDC sama ada untuk mencari penyewa lain atau digunakan untuk kegunaan mereka kerana mereka juga berlakunya pertambahan kakitangan dan pembesaran. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tambahan lagi. Baru-baru ini SEDC ada membina bangunan tower baru yang dua buah tu. Apakah itu untuk kegunaan SEDC ataupun untuk disewakan kepada agensi lain?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, dua blok bangunan itu, satunya merupakan bangunan pejabat yang sebahagian besarnya akan disewa oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan satu lagi ialah bangunan hotel yang telahpun kita buat keputusan untuk disewakan dan telah ada penyewanya untuk menguruskan hotel di situ. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Amat Berhormat tak jawab lagi hak cadangan siap tu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tempoh siap 36 bulan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Tiga soalan tambahan sudah dikemukakan. Jadi oleh kerana kita sudah menghampiri pukul 10.30 pagi. Jadi saya berhasrat untuk menanggungkan

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, saya mempunyai Usul Di Bawah Fasal 30.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Y.B. Jabi.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Saya Mohd Iskandar Jaafar, Wakil Jabi, mencadangkan di bawah Fasal 30, Peraturan-peraturan Dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Bahawa Persidangan pada pagi ini hendaklah ditanggungkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan Isu Pemantapan Akidah Umat Islam Negeri Terengganu khususnya mengikut akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Tuan Yang Dipertua dan sidang Dewan yang dirahmati Allah sekalian. Statistik semasa menunjukkan peningkatan ajaran sesat semakin berleluasa. Islam juga sentiasa diancam sama ada daripada dalam di kalangan orang-orang Islam sendiri lebih-lebih lagi daripada luar iaitu musuh-musuh Islam. Yang terbaru ini kita dikejutkan dengan peristiwa pembunuhan seorang Penguatkuasa Jabatan Agama Islam di negeri jiran kita yang dikaitkan dengan Ajaran Tuhan Harun. Seterusnya, ajaran-ajaran yang mengelirukan seperti Fahaman Syiah yang telah dilahirkan berinspirasi kalangan parti-parti politik yang kemudian berubah menjadi gerakan-gerakan keagamaan. NGO-NGO yang dilihat condong untuk mengancam ajaran Islam yang sebenar seperti Pertubuhan COMANGO yang mencabar nilai-nilai Islam di atas nama hak asasi manusia. LGBT dan sebagainya yang memperjuangkan naluri songsang yang seumpama dengannya telah menyebabkan ajaran Islam itu sendiri diganggu-gugat. Sesuatu yang perlu dijelaskan juga ialah akidah Islam yang menjadi pegangan majoriti umat Islam di negara kita ini ialah Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, Jalur Imam Abu Hassan Ashaari dan Abu Mansur Al-Maturidi ataupun yang selama ini kita daripada kecil dulu duk belajar iaitu Sifat 20. Hakikat ini sudah menjadi suatu yang baku ataupun yang *established* dengan izin, di seluruh kepulauan nusantara ini sebagaimana yang telah dikisahkan oleh Sarjana Besar Melayu abad ini iaitu Tan Sri Prof. Sheikh Naquib Al-Atas dalam banyak siri-siri tulisan dan juga rencana

beliau. Justeru pentafsiran terhadap Islam itu sendiri hendaklah merujuk kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang merangkumi lapan golongan khusus umat Islam sebagaimana dihuraikan oleh sarjana kurun lampau iaitu Abdul Qahir Abu Tahir Al Baghdadi dalam kitabnya yang tersohor Al-Farqu Baina Firqah. Kepentingan menjelaskan maksud ataupun pentafsiran terhadap Islam itu sendiri supaya mengikut Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ini sangat mustahak Tuan Yang Dipertua Dewan, dan kerana ianya merupakan satu kaedah ataupun cara bagi kita memperbetulkan akidah rakyat terutamanya umat Islam di negeri Terengganu di samping memberikan kekebalan undang-undang terhadap Islam itu sendiri mengikut konteks yang sebenar.

Tuan Yang Dipertua Dewan, isu ini adalah perkara tertentu kerana melibatkan dua perkara pokok iaitu pemantapan akidah umat Islam dan juga membendung ajaran sesat daripada berleluasa. Perkara ini melibatkan kepentingan ramai kerana jika tidak dibendung daripada sekarang ia dikhuatiri kelak akan menimbulkan kekeliruan di kalangan generasi umat Islam yang akan datang. Mohon mengusulkan, Tuan Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Jabi. Saya mintak Bentara mengambil skrip tersebut untuk diserahkan kepada saya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Dipertua, peraturan mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 30(4): "Maka pada suatu perkara yang dihadapi menurut peraturan dan perintah ini yang tiada mendapat sokongan yang dikehendaki, tiadalah boleh di dalam tempoh 12 bulan yang berikutnya dibawa semula di bawah peraturan ini." Usul ini saya rasa telah dibawa kepada Dewan pada sesi lepas, baru berapa bulan? Dibawa sekali lagi

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya mintak Wakil Bukit Tunggal buktikanlah usul yang mana yang saya bawa pada penggal yang lepas. Saya ada bukti.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Perkara yang sama aje.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Perkara yang sama.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dia lihat daripada dimensi lain, saya bercakap hak lain.

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dimensi sama aje.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Mana boleh Tuan Yang Dipertua

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bakpe yang nak marah sangat tu gok. Dengarlah dulu.

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Pada mesyuarat yang lepas Usul Ajaran Sesat yang saya bawa tadi Ahli Sunnah Wal Jamaah

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Mintak duduk Y.B!

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ni tidur ke guana?

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Jabi duduk dan semua Y.B. duduk.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang marah sangat tu bakpe, ke ada Syiah jugak?(Dewan gelak) Biarlah dia bawa dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Selesai Ayah Pin tu dulu.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. apa-apapun

YANG BERTHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Kita bahas usul ini Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Peraturan 46, terpakai di sini. Okey, jadi macam ini sebab kita dah melangkaui 10.30 pagi lebih dah. Jadi saya akan tengok, teliti dahulu.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dia hala ke orang nak suruh ikut peraturan, bila hala ke dia, dok.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Jabi, kita terimalah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya pun sokong terima. Usul ini kita bahaslah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tepoh juga sokong.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita nak tengok Islam Hadhari itu sahik ke dok.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kita ada YDP Dewan di sini. Tolong, hari ini hari akhir, kita patut profesional dan rasional seperti biasalah. Terima kasih. Seperti mana Dato' Ku Hassan kata semalam 'benci tapi rindu', Ku deh.

YANG BERHORMAT DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Oleh kerana sebut nama saya(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya nak dengar usul hak kita janjilah tu Ku, kalau boleh.

YANG BERHORMAT DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak mencadangkan supaya Yang Dipertua *check* betul-betul usul tu dan kami di sini bersedia untuk menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: InsyaAllah, InsyaAllah. Terima kasih Ku. Hak usul satu lagi takmboh Ku? (Sambil gelak kecil)

YANG BERHORMAT DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak tahu, tak tahu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apalah semula-semulalah. Okey Alur Limbat, kita dalam keadaan bil hikmah, InsyaAllah. Saya akan teliti dan

InsyaAllah saya akan bagi dalam keadaan reda dan tenteram untuk meneliti isu-isu sebegini bukan dalam keadaan emosional tapi dalam profesional dan rasional, InsyaAllah. Semoga Allah bagi yang terbaik untuk kita.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi Allah S.W.T. maka saya tangguhkan sementara Dewan pada pagi ini dan disambung semula pada pukul 11.00 pagi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.35 PAGI.

PUKUL 11.00 PAGI

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan disambung semula.

Saya ada menerima satu cadangan untuk menangguhkan Dewan bagi membicarakan perkara-perkara yang mustahak bagi orang ramai berdasarkan Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu dari Yang Berhormat Wakil Jabi. Oleh kerana beliau tidak mematuhi Perkara-Perkara Mustahak, Aturan 30(4), saya menerima bantahan yang dibuat oleh Wakil Bukit Tinggi. Namun demikian sekiranya perkara ini diterima saya dapati bahawa walaupun usul ini berkepentingan orang ramai, tertentu dan tidak perlu disegerakan kerana ada beberapa kes yang masih dalam perbincangan, dalam rayuan kes-kes mahkamah dan saya berpendapat bahawa Kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membendung perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Jadi kita teruskan oleh kerana tempoh masa ini selama 2 jam, kita akan teruskan penggulungan bajet daripada pihak kerajaan. Jadi kita berhasrat untuk habiskan pada tengah hari ini, kalau tak dapat habiskan maka kita akan sambung sampai petang ini, InsyaAllah. Jadi saya menjemput pihak kerajaan untuk menyampaikan ucapan penggulungan. Dipersilakan Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan serta Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Pertama-tamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih atas prihatin wakil-wakil yang telah menyentuh Portfolio Pertanian. Seramai 5 orang yang menyentuh dan membangkitkan soal pertanian di Terengganu.

Wakil Batu Rakit mencadangkan supaya diadakan Bantuan Membeli Injin Bot kepada nelayan pantai. Dan untuk makluman sidang Dewan semua, kerajaan melalui LKIM telahpun sedia ada program iaitu Program Azan Tani iaitu mana-mana mereka yang tersenarai dalam e-Kasih dan mereka mahukan injin bot akan diberi oleh kerajaan. Satu lagi program iaitu Program Skim Bantuan Peralatan

Nelayan, yang juga di bawah LKIM juga menyediakan injin bot ini. Walau bagaimanapun, sekiranya nelayan di kawasan Batu Rakit memerlukan segera ataupun nelayan-nelayan ini berterima kasih kepada kerajaan yang ada pada hari ini, InsyaAllah, kerajaan mengambil berat mereka yang bersyukur dan berterima kasih ini, InsyaAllah akan diberi tumpuan.

Wakil dari Manir juga berminat mengetahui tentang kawasan jelapang padi baru yang dibuat di Terengganu. Sebagaimana kita sedia maklum, kita di Terengganu mempunyai kawasan jelapang hanya di Besut. Daripada keseluruhannya, beras atau padi yang diperlukan oleh rakyat Terengganu masih lagi tidak cukup maka dengan sebab itulah kerajaan telah membuat keputusan untuk mengadakan satu projek untuk padi di Setiu iaitu Projek Pengairan Padi di Kampung Jelapang, Setiu yang menelan belanja hampir RM50 juta iaitu RM46,526,000. Projek ini sebenarnya kalau berjalan lancar boleh menampung hampir 85% tahap sara diri beras untuk Terengganu. Walau bagaimanapun, setakat ini projek ini telahpun berjaya ditanam dengan padi melibatkan kawasan seluas 173 hektar daripada sasaran seluas 735 hektar. Projek ini sebenarnya sebahagiannya akan dilaksanakan oleh peserta dan sebahagian lagi akan diusahakan oleh pihak swasta ataupun dibuat secara ladang sama ada oleh Pertubuhan Peladang ataupun PPK. Dan kalau projek ini berjalan lancar, kita di Terengganu ini akan mampu meningkatkan tahap sara diri beras kita kepada 85% menjelang tahun 2020 nanti.

Wakil Kuala Besut juga membangkitkan soal sistem pengairan di luar Jelapang yang tidak sempurna lagi. Sebenarnya kerajaan walaupun kawasan Jelapang kita di Besut, di KETARA diberi tumpuan oleh kementerian, di luar Jelapang juga kerajaan memberi juga bantuan kepada sistem pengairan di sini, misalnya di Sistem Pengairan Pengkalan Nangka. Pada tahun ini kerajaan telah membelanjakan RM2.7 juta dan telah siap pembinaan Low Weir-nya di Sungai Gong Nangka. Sebagaimana sedia maklum juga semasa Pilihan Raya Kecil baru-baru ini, kerajaan persekutuan telahpun meluluskan Projek Perairan Pengkalan Nangka ini sebanyak RM35 juta dan InsyaAllah, kalau berjalan pada tahun depan, Pengairan Pengkalan Nangka ini ataupun di kawasan ini akan selesai dari segi infra untuk penanam padi di kawasan luar jelapang ini. Bukan itu saja, banyak lagi kawasan-kawasan di luar jelapang juga dibelanjakan oleh kerajaan untuk memberi kemudahan kepada rakyat ataupun kepada penanam padi di luar jelapang di seluruh Terengganu.

Wakil Paka juga ada menyebut soal Projek Membangunkan Lembah Limau Madu di Durian Mentangau. Rasanya kalau dibaca daripada jawapan pada Soalan Bertulis telah lengkap jawapan yang diberi oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa melihat projek ini kalau sekiranya mempunyai potensi, kita masih lagi menjalankan kerja-kerja ataupun meneliti kalau sekiranya projek membangunkan ataupun mengeluarkan limau ini berpotensi pada masa depan, kerajaan akan terus membelanjakan supaya bekalan buah-buahan di negeri Terengganu kita cukup untuk rakyat negeri Terengganu.

Akhir sekali, Wakil Paka juga menyentuh soal fertigasi. Sebenarnya fertigasi di negeri Terengganu kita sebahagian besarnya boleh dikatakan berjaya. Misalnya di Tok Dor, muskmelon adalah pengeluaran terbesar di Malaysia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Boleh mencelah sikit.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila, Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, kalau dikatakan fertigasi sebahagian besarnya berjaya itu, ada tak peratus kejayaannya itu daripada berapa jumlahnya dan berapakah yang berjaya? Sebab pada pengamatan saya ianya tidak berjaya, yang berjayanya hanya sedikit.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih Wakil Ladang. Fertigasi ini bolehlah saya katakan sebahagiannya berjaya tapi peratusnya saya tak adalah. Misalnya di Besut, di Cegar Batang – berjaya, di Alur Lintang – berjaya dan di Tok Dor merupakan pengeluaran muskmelon terbesar di Malaysia. Pada tahun depan kita akan tukarkan muskmelon ini kepada nama Manis Terengganu, InsyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya pun bersetuju juga kalau tukar nama kepada Manis tu Yang Dipertua sebab kita dah ada Manis FM, kita ada Manis tu Baguslah. Cuma kalau boleh kita nak tahu kejayaan itu sebab saya difahamkan bahawa daripada jumlah yang begitu besar, kalau boleh diberitahu angka berapakah jumlah Projek Fertigasi ni. Kalau dulu kita boleh lihat di merata-rata ada tapi sekarang ini sudah

tak ada. Jadi kalau disebut satu-dua berjaya tu, alhamdulillah tapi sebahagian besarnya tidak berjaya, itu anggapan saya. Kalau boleh mintak Exco tolong persahkan.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dari segi peratusnya saya tidak boleh menjawabnya tetapi saya lihat usaha untuk memodenkan pertanian kita pada sayanya bagi pihak kerajaan boleh kita katakan dimajukan lagi. Sebagai contoh tadi saya sebut, di Tok Dor merupakan pengeluar terbesar seluruh negara dan kita akan tukar namanya kepada Manis Terengganu. Pada tahun depan kalau orang mari ke Terengganu, bila orang datang ke sini nak buahnya, buahnya ialah Manis Terengganu, InsyaAllah.

Begitu jugalah dengan kambing, dulu kita perkenalkan kambing. Sebenarnya kita berhasrat untuk jadikan negeri kita ini sebagai pengeluar kambing terbesar negara, itu cita-cita kerajaan. Kalau pelajar negeri kita boleh menjadi pelajar terbaik dan seluruh negara ibu bapa nak menghantar anaknya ke Terengganu kerana kita telah membuktikan kepada umum bahawa sekolah di Terengganu, pelajar di Terengganu, rakyat di Terengganu adalah terbaik. Dan kita juga mahu mencipta juga kalau Manis Terengganu ini terbesar di negara, kita juga akan cuba meningkatkan lagi pengeluaran kambing ini menjadi terbaik, terbesar di negara.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf Tuan Yang Dipertua, boleh mencelah sikit lagi? Nak dulu, ambillah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya. Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Exco sendiri bahawa perbelanjaan yang mencecah RM16 juta kepada projek ini seolah-olah menjadi sia-sia saja. Projek Fertigasi inilah sebab RM16 juta itu dari segi pemilihan peserta itu yang gagal sebab dia serahkan kepada Wakil Rakyat (ADUN). Saya rasa kalau kita serahkan kepada Jabatan Pertanian sendiri yang pilih orang yang benar-benar

terlibat dengan pertanian, saya rasa projek ini boleh berjaya. Tapi apabila dia *corner* ikut Wakil Rakyat ini

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Ini kena cakap molek Paka, jangan main semborono.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Memang tak semborono. RM16 juta untuk ADUN.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tapi di kawasan saya memang kita bincang dengan Pegawai Pertanian

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak, ini untuk Exco, kalau tak Exco itu kita jawab kemudianlah. Kita mintak Exco beri penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Jangan lepas macam ini

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya. RM16 juta, saya sebut dah RM4 juta untuk TADC. RM16 juta yang diserahkan kepada ADUN untuk mencari peserta melalui inden RM49,000 seorang

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Paka, kena tengok/hala kepada Yang Dipertua Dewan apabila bercakap.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, Air Putih suruh tengok ke saya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, saya. (sambil gelak kecil)

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, pada dia hensem saya kot. Terima kasih. Okey, Paka.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Apa yang didakwa oleh Wakil Paka itu pada saya tidak tepat. Memanglah sistem pemilihan peserta

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, ini statement 2008, takut tertukar aje.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bila pulak statement keluar ni, yang dipilih oleh Wakil Rakyat ni? Sebab dulu saya pun Exco Pertanian juga tapi saya tak pernah suruh keluar surat ke Wakil Rakyat pun? Saya tak tahu bila-bilanya, itu yang saya tanya tu?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Itu Y.B. Paka dalam hansard ke apa tu?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak, tak, Yang Berhormat. Saya baca ni

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sebab saya tak ingat, seingat saya, kita buat keluar surat supaya minta ahli daripada Wakil Rakyat, tak pernah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Kena kaji betul-betulah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya beri penjelasan sebab nama anta pun ada ni. Yang Berhormat yang mendedahkan RM15.5 juta telah dibelanjakan untuk Projek Fertigasi, Exco Pertanian Negeri - Rozi Mamat yang melibatkan 249 peserta.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Itu peruntukan kerajaan sebab sebagaimana yang dimaklum nak suruh jadi Terengganu ni sebagai pengeluar

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hah, bersyarahlah dulu.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bukan soal nak bersyarah, nak royatlah ni, dah mu duk bersyarah, aku kena syarahlah!

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah mana bukti kata beri ke Wakil Rakyatnya?

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dok benar. Saya nak khabor

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak betul ni Yang Dipertua. Itu tuduhan Yang Dipertua!

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka. Y.B. Paka. Y.B. Paka!

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah Exco Pertanian boleh mengesahkan kenyataan ini, Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Assalamualaikum Y.B. Paka.(Dewan gelak).....

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Apa yang didakwa oleh Wakil Paka adalah tidak tepat ataupun salah. Peserta bukan dipilih oleh Wakil Rakyat, tidak. Peserta dipilih oleh kalau Pejabat Pertanian, Pejabat Pertanianlah yang pilih, macam tu. Tidak kata Wakil Rakyat yang beri nama.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Itu dalam *hansard* ke Y.B. Paka, ada dalam *hansard* ke? Ke dalam maklumat mana yang kita dapat tu? Kita guna pakai *hansard* saja, kalau maklumat yang disampaikan di Dewan

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak sekarang ni, memang disebut dengan jelas RM16 juta diberi melalui

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, saya tanya maklumat dari mana Y.B. Paka tu? Dalam *hansard* ke ataupun dalam *handset* saje tu?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ini dalam kenyataan akhbar.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Kita hanya menggunapakai *handsard*, ini yang diterima oleh Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Itu yang saya ingin mendapat pengesahan tu, saya nak dapat penjelasan daripada Ahli Exco.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa Y.B. dah jawab dah, tidak tepat. Okey Y.B. Paka. Terima kasih. Boleh duduk.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya nak mintak penjelasan dulu. Salah ke kenyataan ini?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Biar ada tercatat dalam *hansard* jugak betul ke salah kenyataan ini.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Wakil Paka.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kenyataan Wakil Paka adalah salah. Tidak dipilih oleh Wakil Rakyat bagi peserta Projek Fertigasi.(Tepukan sokongan)

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Teruskan Hulu Terengganu. *Sorry*, Hulu Besut. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, kerana tersalah sebut tadi

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Oleh kerana dengar suara Y.B. Rozi tadi jadi

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dan akhir sekali saya juga ingin mengucapkan terima kasih bagi pihak

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, kalau boleh saya mencelah sikit hal kambing tadi. Saya nak bercakap hal kambing

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, sila Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kalau boleh sebelum kita kata berjaya atau tidaknya dan nak menambah lagi bilangan kambing tu baguslah tapi berdasarkan pengalaman yang lepas dan kenyataan yang lepas dan fakta yang sudah sedia ada bahawa projek kambing ini gagal. Lembah Kaprima, gagal. Kalau boleh sila persahkan berapa sebenarnya perbelanjaan untuk kambing ini dan berapa projek ini dijalankan dan berapakah yang berjaya dan berapa yang gagal. Baru kita boleh sebut bahawa ini sebenarnya baik. Saya mintak ini supaya diperjelaskan untuk makluman kita semua.

YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Sebenarnya dalam kita untuk menjadi Terengganu ini sebagai pengeluar kambing terbesar negara, kita mempunyai tiga program. Yang pertamanya, Ladang Kambing Separa Komersial. Kedua, Program Ladang Kambing Kelompok. Ketiganya, Program Lembah Kaprima. Cuma Lembah Kaprima ini saja yang kurang berjaya dan yang lain-lainnya berpotensi untuk kita majukan Terengganu sebagai pengeluar kambing terbesar. Cuma kos sebenarnya itu saya

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak mintak Exco tarik balik hak kata saya tak betul. Saya baca eh, saya baca ni dan ini saya rujuk daripada maklumat dari Terengganu Government sendiri: "Pelaksanaan nya lari duana pulak ni"

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Telefon hak tahun bila tu?

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sabar, bawa bertenang.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kakranglah pulak Y.B. Paka (dalam gelak kecil)

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jangan, sebab ini melibatkan kata betul, tak betul ni Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya pun boleh tunjuk jugak ni

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): "Pelaksanaan projek kemudiannya telah diserahkan kepada Jabatan Pertanian Negeri pada Oktober 2006 kerana TADC tidak mempunyai sumber manusia dan kepakaran. Projek bernilai RM16 juta diperuntukkan kepada daerah-daerah untuk diagihkan dalam bentuk pinjaman kepada peserta yang dipilih oleh ADUN kawasan berkenaan."

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, saya tanya sekali lagi. Maklumat itu daripada *hansard* ke atau maklumat itu daripada mana?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ini adalah diakses daripada laman web kerajaan sendiri, RPNT 2004 – 2008, terengganu.gov.my. Salah ke kenyataan ni, ini jelas ni. Jadi nampak Exco kata saya pulak yang salah.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dok saya tak berapa yakin dengan sumber yang diberi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak yakin kepada kerajaan sendiri ke, maklumat tak betul? Ente kerajaan, minta maaf. Yang Berhormat, kerajaan macam mana tak yakin dengan portal kerajaan sendiri.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Maknanya apa yang disebut ini salah ke?

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dah saya salah.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Salahkan kerajaan yang kenyataannya itu salah.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya pun boleh tunjuk dengan ini.

YANG BERHORMAT ARIFFN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Telefon saja tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Nak tunjuk molek jugak

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa cukup dah, cukup dah. Saya rasa kita pergi kepada seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Jadi berkaitan dengan kambing tadi yang mana Wakil Ladang ingin tahu. Bermula pada tahun hadapan, kita akan memperkukuhkan dan memperkasakan lagi di bawah ketiga-tiga program untuk kita jadikan Terengganu ini sebagai pengeluar kambing terbesar negara cuma Lembah Kaprima saja yang kurang berjaya. Dua lagi tu

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, saya nak doakan projek ini berjaya tetapi tolong ambil kira tentang permasalahan yang telah timbul kerana kegagalan dalam Projek Kaprima itu.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih Wakil Ladang yang menasihat dengan baik dan akan memberi perhatian atas nasihat daripada Wakil Ladang itu.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Penjelasan sikit Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Akhir sekali

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Berkenaan dengan padi tadi, sejauh mana kejayaan diukur oleh pihak kerajaan kerana berdasarkan lawatan yang telah kita buat, bermula dari 2009 memang hasilnya boleh dikatakan lumayan tetapi sehingga ke hari ini perkembangan pendapatan ataupun pengeluaran padi semakin menurun. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Terima kasih Wakil Manir. Berkaitan dengan Projek Pengairan Padi di Jelapang. Untuk

makluman Wakil Manir, kita di Jelapang ini kita baru berjaya menanam padi seluas 173 hektar daripada sasaran kita 735 hektar. Bermula pada tahun 2013 ini, kita telah mendapat persetujuan daripada petani-petani kita seramai 110 orang untuk tidak menanam padi pada tahun ini kerana kita akan menyiapkan kerja-kerja pengairan, kerja-kerja jalan ladang dan seterusnya kita membaikpulih tanah kerana sebahagian tanah di sini ialah tanah jenis berasid, kita terpaksa kapurkannya dahulu dan juga tanah di kawasan ini agak sedikit bergambut dan kita akan keringkan dahulu air di sini. Dan InsyaAllah, biasanya kalau kawasan yang baru dibuka ini kalau mengikut pengalaman kita, pihak kerajaan biasanya tanah seperti ini perlu masa antara 2 hingga 4 tahun, selepas 4 tahun barulah kita boleh melihat hasil pengeluaran padinya.

Akhir sekali saya bagi pihak petani, nelayan, peladang seluruh negeri Terengganu ingin mengucapkan terima kasih di atas cadangan untuk memperkuat lagi sektor pertanian di negeri Terengganu dengan InsyaAllah akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini sebanyak RM26.17 juta di bawah peruntukan pembangunan untuk memberi tumpuan kepada projek-projek baru dan juga sambungan projek untuk kepentingan petani, nelayan di negeri Terengganu. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Hulu Besut. Seterusnya saya mempersilakan Y.B. Kemasik untuk membahaskan penggulungan bagi pihak kerajaan. Dipersilakan.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabbil alamin. Wabihi nastain. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang saya hormati Tuan Yang Dipertua Dewan, yang saya hormati Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil media, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kehadiran Allah S.W.T. kerana diberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam penggulungan pihak kerajaan bagi perbahasan yang telah diambil bahagian oleh wakil-wakil bagi membahaskan Ucapan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 9 haribulan baru-baru ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan jugak pihak kerajaan kerana berjaya sekali lagi membentangkan, 'Bajet

Merakyatkan Pentadbiran Dan Pembangunan, Bajet Kesejahteraan Rakyat' yang berteraskan kepada empat pekara iaitu:

- Mengurangkan defisit.
- Memantapkan pembangunan modal insan berkualiti.
- Memelihara kesejahteraan rakyat, dan
- Meningkatkan daya saing negeri.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menyediakan sebanyak RM331.14 juta bagi melaksanakan projek-projek baru dan projek-projek sambungan untuk tahun 2014. Jadi dikesempatan ini juga saya akan cuba sedaya upaya untuk menjawab sebahagian soalan-soalan yang tak sempat saya beri ulasan sepanjang tempoh Soalan-soalan Lisan sebelum ini.

Jadi terlebih dahulu Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Wakil Cukai ada bertanyakan tentang bilakah LPT Fasa 2 daripada Jabor ke Bukit Besi akan siap dan berapakah kos sebenar projek berkenaan. Jadi untuk makluman, Wakil Cukai tak dapat bersama-sama kita pada pagi ini atas sebab-sebab yang tak dapat beliau elakkan. Jadi untuk makluman Dewan, InsyaAllah Projek LPT Fasa 2 dari Jabor ke Bukit Besi akan siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2014 dan kos sebenar adalah sebanyak RM4.25 bilion. Juga untuk makluman, InsyaAllah dengan izin-Nya, Susur Keluar LPT Fasa 2 ke Jalan Paka-Santong iaitu Pakej 8 akan dibuka kepada orang awam pada akhir tahun ini, InsyaAllah. Jadi pihak yang bertanggungjawab iaitu Lembaga Lebuh Raya Malaysia

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua mintak penjelasan sedikit. Kos LPT yang disebut RM4.25 bilion itu berapa yang diberi peruntukan oleh kerajaan negeri dan berapa hak kerajaan pusat?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih Wakil Paka. Jadi untuk makluman dan mengikut jawapan yang saya ada daripada RM4.25 bilion, sebanyak RM1.52 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 & 10 disalurkan oleh Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan sebanyak RM0.14 bilion untuk RMK-9, RM0.74 untuk RMK-10 dan RM1.85 bilion daripada Dana Khas jadi jumlah keseluruhannya adalah RM4.25 bilion.

Jadi seterusnya, Yang Dipertua Dewan, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk sedikit sebanyak memberi maklumat tentang usaha-usaha yang diambil oleh pihak kerajaan ke arah menambahkan kesejahteraan rakyat.

Jadi Wakil Jabi ada bertanyakan

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih kepada Exco yang memberikan maklumat berkenaan dengan kedudukan terkini LPT. Saya cuma nak dapat pengesahan daripada Yang Berhormat Exco tentang laporan akhbar The Malay Mail pada 3 Disember. Saya ada di tangan jika sekiranya Yang Dipertua memerlukan copynya saya ada. Yang memaparkan di muka hadapan RM800 juta *Highway Plunder*, ini yang disebut di muka depan. Maknanya RM800 juta peruntukan atau perbelanjaan untuk Projek LPT adalah suatu yang tidak perlu dalam erti kata membazir, erti kata tidak mendapat pengawasan yang betul, dengan erti kata diberikan tajuk sebegini dalam akhbar. Saya nak mintak penjelasan ataupun pandangan Exco yang menjaga hal ehwal tentang kedudukan ini.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih Wakil Bandar

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tolong sahkan dulu sama ada kerajaan negeri mengiktiraf atau tidak kenyataan akhbar yang dibuat oleh The Malay Mail pada tarikh ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih banyak Wakil Bandar. Jadi untuk setakat ini, kita tidak boleh mengesahkan apa yang dikatakan dalam The Malay Mail itu tapi jawapan seperti apa yang saya katakan tadilah. Maklumat yang saya ada ini adalah maklumat yang disahkan oleh pihak JKR.

Jadi Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya ingin meneruskan penggulungan saya

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebelum Exco berpindah ke tajuk lain, baik kita *clarifykan* dengan izin kerana faktor berkenaan dengan ini adalah fakta yang menjejaskan imej negeri kita dan sekali gus menjejaskan pentadbiran negeri kita. Lebih baik kita *clarify* dalam Dewan ini. Saya nak beritahu

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar duduk kechap. Y.B.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Belum. Nanti saya dilihat sebagai tidak menyampaikan maklumat yang betul Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar! Y.B. Kemasik, duduk dua-dua.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Saya nak sambung

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Duduk dulu. Y.B. Kemasik soalnya pengesahan *clarify*, tolong jawab. Kalau kita tak *clarify* apa semua, tolong jawab.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Dipertua. Jadi tentang apa yang diperkatakan oleh Wakil Bandar itu kita tidak boleh nak *clarifykan*.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tidak boleh *clarifykan*.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi maklumat yang saya ada adalah maklumat yang disahkan oleh pihak JKR. Jadi saya nak teruskan dengan penggulungan saya. Yang Dipertua

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini adalah maklumat yang telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara. Kita ada wakil Audit di belakang kita Tuan Yang Dipertua. Kita ada wakil Audit di belakang kita, pegawai kerajaan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita tak boleh

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Bandar, sekarang ini Audit biasalah, Audit kerajaan tubuh untuk tegur kerajaanlah. Jadi sekarang ini kelemahan dan kekurangan itu ada tapi Yang Berhormat duk sebut Audit, Audit *sokmo*.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu saya mintak

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kalau tidak kita tutuplah Audit.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu kita mintak pengesahan adakah maklumat yang dikeluarkan ini kita terima atau tidak, itu saja soalan dia.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi maklumat itu saya tak boleh nak terima pasal kita tidak boleh nak sahkan maklumat itu. Saya rasa jawapan saya jelas.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu saya kata maklumat ini datang daripada sumber Jabatan Ketua Audit Negara. Adakah Kerajaan Negeri Terengganu tidak mengiktiraf Laporan Ketua Audit Negara?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Kita tidak tahu pasal maklumat itu, jadi maklumat yang saya ada RM4.25 itu adalah

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Macam mana kata tak tahu maklumat.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): belanja yang disahkan oleh pihak JKR. Itu maklumat yang sah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, laporan ini dikeluarkan oleh akhbar dan kita tak dapat sahkan tapi jika sekiranya benar kita perlu merujuk kepada Kementerian Kerja Raya, kerajaan pusat kerana projek ini di bawah kerajaan persekutuan bukan kerajaan negeri.

Lebuhraya ini dibuat oleh LLM dan dikawal oleh kerajaan pusat bukan kerajaan negeri. Jadi kita tidak boleh menjawab sepenuhnya bagi pihak kerajaan persekutuan sebab itu kita perlu notis untuk dapatkan pengesahan daripada Audit dan juga kerajaan pusat. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Yang Dipertua, terakhir, terakhir.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa Y.B. Bandar dah cukup dah. Saya nak mintak Y.B. Kemasik teruskan ucapan

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya menggunakan peraturan mesyuarat kerana

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Berkenaan dengan masalah

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar, Y.B. Bandar

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): masa kita untuk *clarify*

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar bila Y.B. Speaker bercakap, mintak duduk dulu. Itu peraturan.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya jugak ada hak mengikut Peraturan Dewan.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, saya pun ada hak. Saya mintak Y.B. Kemasik teruskan.

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Okey, terima kasih banyak Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, ada diutarakan masalah berkenaan dengan tekanan bekalan air rendah di kawasan Manir

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Speaker
....

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi saya rasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa dah cukup dah Bandar, tadi telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sudah jelas.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya menggunakan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Notis akan dibagi untuk mendapatkan *detail*.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya sebagai Ahli Dewan untuk mendapatkan penjelasan berlandaskan peraturan mesyuarat. Saya tidak ada hasrat untuk mengganggu penjelasan. Saya jugak nak membantu supaya isu yang menjatuhkan imej kita ini, kita *clarify* sebab itu saya bangkit berkali-kali.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya faham Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tidak bermaksud untuk *ready cool*, dengan izin, Exco. Saya tahu dia orang berpengalaman dan ada *credential* sebagai *engineer* sebab itu saya tanya dia.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar saya rasa sudah jelas apa yang telah disampaikan oleh Y.B. Kemasik, jelas dan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, jelas. Perkara itu akan diberi notis sebab terpaksa dirujuk

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau kita rasa tidak bersetuju dengan laporan ini, kita ambil tindakan kerana maknanya surat khabar *The Malay Mail* memalukan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar, saya rasa kedua-dua Yang Berhormat tadi bukan kata tidak setuju tapi jelas katanya akan ambil notis untuk melihat maklumat yang *detail*, perbandingan yang dikeluarkan oleh laporan JKR. Itu saya rasa jelas dah, sejelas-jelasnya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya ucap terima kasih dan saya tunggu *verifikasinya*.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Wakil Bandar cukuplah. InsyaAllah, kita akan tengok benda itu balik.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tunggu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bandar kerana mengemukakan suatu perkara yang boleh sama-sama kita ambil perhatianlah.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Terima kasih Wakil Bandar. Jadi seterusnya *just* untuk makluman Dewan yang mulia ini masalah berkenaan tekanan bekalan air rendah di kawasan Manir dan kawasan-kawasan persekitaran. Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan kepada Wakil Manir dan Dewan yang mulia ini bahawa tidak semua kawasan mengalami masalah tersebut. Usaha-usaha yang telah, sedang diambil dan akan diambil untuk mengatasi masalah tekanan bekalan air rendah di kawasan Manir dan di kawasan-kawasan sekitar dan antara usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak kerajaan khususnya SATU bagi mengatasi masalah tersebut adalah mengganti paip yang ada sekarang ke saiz yang lebih besar. Jadi kawasan-kawasan yang terlibat yang telah diambil perjalanan adalah daripada sekitar kawasan Manir ke Banggol Peradong, Banggol Tuan Muda ke Jeram, sekitar Perumahan Batu Hampar, Manir dan juga seterusnya menggantikan saiz paip AC (*Asbestos Cementitious Pipe*) kepada paip besi bersaiz di kawasan sekitar Manir. Dan InsyaAllah, saya tidak menjanjikan atau kata boleh 100% selesai masalah tapi usaha itu sedang dan akan diambil perjalanan ke arah menyelesaikan masalah itu bergantung jugak dengan peruntukan yang kita ada. Terima kasih banyak. Jadi seterusnya

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Pohon laluan.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Masa saya terhad.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Sikit, sikit aje. Apakah kerajaan bersedia untuk nak beritahu tarikh bila kita boleh menikmati perkara tersebut?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Benda tu akan kita ambil perjalanan mengikut peruntukan yang kita ada, Wakil Manir. Jadi InsyaAllah, saya rasa tahun depan pun akan disediakan peruntukan seperti yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Ucapan Bajetnya.

Jadi seterusnya berkenaan dengan usaha ke arah orang kata 'Meningkatkan Lagi Kesejahteraan Rakyat' bagi menyediakan infrastruktur yang bersesuaian dan jugak ke arah lebih memberi keselesaan di bawah peruntukan kerajaan persekutuan. InsyaAllah, dicadangkan untuk dilaksanakan ataupun ditender iaitu projek menggantikan jambatan-jambatan yang sedia di negeri Terengganu. Jadi setakat makluman yang saya boleh bagi daripada perbincangan saya dengan pihak JKR yang dalam perancangan sekarang InsyaAllah, kita akan menggantikan jambatan-jambatan di negeri Terengganu di bawah peruntukan persekutuan iaitu di Kampung Pagar Besi, Kuala Terengganu, di Kampung Batu Rakit, Laluan FT3685, Kuala Terengganu, Jambatan Kampung Sungai Kerandang, Besut, Jambatan Sungai Gemuruh, Setiu, dan Jambatan Sungai Bintang, Dungun. Itu berkenaan dengan usaha untuk menggantikan jambatan yang sempit kepada jambatan yang lagi besar. Dan jugak ke arah orang kata

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Laluan. Bagaimana keadaan Jambatan Sungai Manir, kalau kita tengok dari Paloh tu empat *line*, sampai di situ jadi dua *line*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih Wakil Manir. InsyaAllah, Jambatan Sungai Manir tu dalam perhatian dan pertimbangan pihak JKR untuk orang kata di bawah ke tengah bagi mendapat peruntukan di masa depan. Tarikh dan bilanya itu tak boleh nak janji. Terima kasih banyak.

Jadi satu perkara lagi yang suka saya nak beritahu di sini atas usaha kerajaan negeri dan juga pihak kerajaan persekutuan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam bentuk mengadakan infrastruktur yang lagi sesuai untuk kita iaitu rancangan pihak kerajaan negeri dan persekutuan iaitu Pembinaan KT Bypass daripada Simpang Tok Molor ke Durian Burung yang mana telah diluluskan

peruntukan sebanyak lebih kurang RM20 juta bagi kerja-kerja pengambilan balik tanah yang akan dijalankan di sekitar tahun depan, InsyaAllah. Jadi itulah sedikit-sebanyak penggulungan saya.

Dan akhir sekali iaitu berkenaan dengan status Masjid Binjai Kertas. Jadi suka saya memaklumkan di sini bahawa pihak JKR telah mengarahkan kontraktor yang terbabit untuk memulakan kerja-kerja menggantikan bumbung Masjid Binjai Kertas yang runtuh pada bulan lima baru-baru ini dan InsyaAllah kontraktor akan masuk ke tapak pada akhir tahun ini atau awal tahun depan. Berkenaan dengan Masjid Tebauk, laporan rasmi masih lagi dalam perhatian pihak Jabatan Forensik JKR, Kuala Lumpur dan saya difahamkan bahawa laporan rasmi itu akan diserahkan kepada JKR Negeri pada akhir tahun ini.

Sekali lagi, terima kasih daripada saya

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Mintak penjelasan sikit Yang Berhormat Speaker.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Takdok dah, saya nak tutup dah. Jadi saya nak beri peluang kepada kawan-kawan saya.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Saya nak tanya sikit hal Masjid Tebauk.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Jadi saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana sekali telah orang kata berjaya membentangkan bajet ke arah meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat, ke arah menjadikan negeri Terengganu, negeri orang kata yang berdaya saing dari segi menarik pelaburan dan menambah pendapatan negeri kita. Sekali lagi saya ucap terima kasih banyak. Sekian.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kemasik dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan untuk mendapat penjelasan. Terima kasih banyak, menjentik minda kita semua. Seterusnya, saya mempersilakan Y.B. Telemong membuat penggulungan bagi pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati dan hadirin yang saya kasihi sekalian.

Pertamanya marilah kita memanjatkan rasa syukur kehadiran Allah S.W.T. Dengan izin-Nya kita telah masuk hari yang keempat dan InsyaAllaha hari yang terakhir dalam sidang DUN kita pada kali ini. Dan alhamdulillah perkara yang penting telah dibincangkan banyak hari dah dan yang paling penting pada saya, saya melihat adalah berkaitan dengan Bajet 2014 yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tiga hari yang lepas.

Saya mengambil kesempatan bagi pihak orang muda, mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sentiasa dan terus menerus memberi perhatian kepada orang muda di negeri Terengganu ini dengan meletakkan bajet yang begitu agak besar. Dan InsyaAllah Dato' Seri, saya bersama rakan-rakan akan memastikan bajet ini akan digunakan sebaik mungkin dan juga akan dijuruskan untuk memartabatkan orang muda di seluruh negeri Terengganu ini.

Begitu juga bajet dalam sukan juga telah diberi dengan peruntukan yang agak baik dan InsyaAllah, kita akan mengekalkan dan kita akan mempertingkatkan lagi kecemerlangan sukan anak-anak Terengganu untuk mencapai hasrat dan wawasan, visi Kerajaan Negeri Terengganu untuk menjadikan sukan sebagai kerjaya kepada anak-anak negeri Terengganu.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri, saya ada dua perkara sahaja yang dibangkitkan iaitu berkait dengan pandangan daripada Yang Berhormat Kota Putera yang memohon kerajaan memberikan perhatian kepada orang muda. InsyaAllah, saya bersama-sama rakan-rakan dari jabatan-jabatan yang berkaitan kita akan beri perhatian yang serius kepada orang muda di negeri Terengganu ini.

Yang Berhormat Alur Limbat semalam yang memberitahu berkaitan dengan Mat Rempit. Untuk makluman memang kita tidak dapat nafikan bahawa gejala rempit dan juga motor di Terengganu ini berlaku berleluasa sudah banyak tahun dah. Ianya sudah menjadi satu legasi dari satu generasi ke satu generasi. Walau bagaimana bagi pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang proaktif

untuk menyelesaikan masalah ini. Kita telah mengadakan program-program yang menjuruskan ke arah menamatkan keadaan tersebut. Walau bagaimanapun, ianya sangat bergantung kepada kesedaran anak-anak muda itu sendiri, masyarakat setempat dan juga pemimpin-pemimpin setempat, itu yang lebih penting. Ibu bapa juga harus memainkan peranan yang sangat penting untuk mengatasi masalah ini dan memastikan anak-anak mereka tidak terlibat dan juga menjauhi perkara ini kerana mengikut laporan yang kita terima gejala-gejala ini banyak yang terlibat daripada remaja-remaja yang berumur 15 tahun hingga 21 tahun. Jadi ini kebanyakannya terdiri daripada pelajar-pelajar yang masih lagi menuntut di bangku sekolah. Jadi ini yang saya mohonlah kepada ibu bapa dan juga masyarakat setempat supaya lebih peka dengan keadaan tersebut. Kita bagi pihak kerajaan telah mengadakan banyak program berkaitan dengan Mat Rempit ini antaranya program bersama dengan Pejabat Agama Islam Negeri Terengganu, Program Mesra Mat Motor. Kita mengadakan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin mereka dan juga kita juga telah meminta supaya didaftarkan di bawah satu pertubuhan supaya senang kita nak *control* dan kita juga menyediakan peruntukan-peruntukan khusus kepada kelab-kelab pemotoran di negeri Terengganu. Dan yang lebih besar atas keprihatinan Yang Amat Berhormat keseriusan untuk nak menyelesaikan masalah ini. Selesai dok selesai tu, Wallahualam lagi. Kita mengadakan pada tahun depan ini sebagaimana yang diumumkan dalam bajet ini, kita akan membina sebuah litar untuk mereka. Tetapi tuan-tuan kena faham bahawa kita bina litar ini tidak boleh nak selesai 20,000, 25,000 mat motor di seluruh negeri Terengganu. Apa yang kita mahu lihat ada kaki-kaki yang lumba haram tersebut akan menjadi pelumba-pelumba yang hebat daripada anak Terengganu. Itu dari segi positif yang kita ingin lihat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh minta laluan sikit Yang Berhormt Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Panjang dah ni kita ni saya nak sekejap je ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Hal Mat-mat Rempit sikit ini.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hor!

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Y.B. Ladang. Teruskan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ya, terima kasih atas usaha yang akan dibuat oleh kerajaan untuk mengatasi gejala ini. Tapi saya ada sedikit pengalaman bercakap dengan Pihak Berkuasa Polis di Pulau Pinang. Di sana pun ada gejala Mat Rempit tetapi telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa yang sangat berkesan, tindakan yang sangat berkesan oleh pihak Polis. Agaknya di sini apakah masalah ataupun faktor yang menyebabkan penguatkuasaan daripada pihak Polis tidak dapat dilaksanakan dengan baik sehingga tidak dapat menghalang gejala ini dari terus berlaku.

YANG BERTHORMAT ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Ladang ini ambil contoh di Pulau Pinang sokmo.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kebetulan ada waris kerja di nun bukan apa. Takdok kena mengena dengan kerajaan

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ya, betul ke Polis Pulau Pinang ni?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Betul, betul. Nak sebut nama pun boleh.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah kalau Dato' khabor gitu sebagai orang tua saya percayalah. Kalau *pelawok* jugak saya *dok* tahulah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Allahuakhbar.

YANG BERTHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tapi InsyaAllah Yang Berhormat Ladang, kita pun bersama PDRM Terengganu telah mengadakan tindakan-tindakan yang tertentu sebenarnya. Jangan kata Polis Terengganu tidak melakukan kerja dalam kes ini. Sebenarnya pihak Polis telah banyak memberi kerjasama kepada kita. Walau bagaimanapun, kita mengambil tindakan secara

berhikmah yang lebih mendekati kepada golongan remaja-remaja ini. Jadi saya rasa setakat itu saja

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ataupun Polis Terengganu beritahu masalah dalam penguatkuasaan sehingga tak dapat dijalankan dengan baik.

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Takdok*, masalah takdok. Kalau nak buat boleh tapi sebagaimana yang saya beritahu kita mahu buat perjalanan dengan cara yang bijaksana. *Takdok* masalah, kalau nak tangkap hari ini pun boleh pergi tangkap. *Takdok* masalah. Cuma sebagaimana yang saya beritahu kita lebih ke arah mendidik orang-orang muda supaya lebih dekat dengan kita dan juga supaya mereka lebih faham apa hasrat sebenarnya Kerajaan Negeri Terengganu nak buat(tepukan sokongan)

YANG BERHORMAT ARIFFN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Orang muda ni *me-te* ke ghairah ni?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Har?

YANG BERHORMAT ARIFFN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Anak muda ni *me-te* ke ghairah?

YANG BERHORMAT HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ada belaka, *hok gong* pun ada.(Dewan gelak) Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya rasa setakat itu saja. Wallahuwa'alam. Wabilahi taufik walhidayah. Wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam. Warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sikit, sikit, soalan?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Minta maaf Rantau Abang dah habis, dah tutup dah. Terima kasih Rantau Abang, semulalah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebab saya rasa ianya berkepentingan kepada anak muda di negeri Terengganu terutama sekali pencapaian atlet berbasikal. Di Dungun itu telah disediakan satu tapak

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rantau Abang, Wakil Telemong dah duduk dah, dah habis dah. Nanti tanya waktu lainlah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Sebenarnya Yang Dipertua

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Rantau Abang, tolong duduk.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Soalan tu saya nak tanya hari ini tapi tak sempat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Cikgu!(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Tak, saya kesian dengan anak-anak mudalah yang berbasikal. Jadi kalau boleh saya nak dapat penjelasan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Rantau Abang kalau Cikgu suruh duduk, anak murid kena duduk kan? Jadi mintak tolong duduk.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya faham tetapi

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ini ramai anak murid kat atas ni.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): atas kepentingan anak muda di atas.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Rantau Abang tolong duduk. Nanti orang lain akan terangkan, InsyaAllah. Tolong duduk. Terima kasih banyak. Hah! Bagus anak murid, bagus ni. Terima kasih Y.B. Rantau Abang. Terima kasih kepada Y.B. Telemong atas penggulangan/perbahasan. Saya mintak bagi pihak kerajaan meneruskan penggulangan. Dipersilakan Y.B. Seberang Takir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua dan wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, rakan media, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pertama sekali saya nak merakamkan ucapan tahniahlah kepada Yang Berhormat Yang Dipertua kerana kita dapati bahawa perjalanan Dewan kita masuk hari yang keempat ini berjalan dengan begitu baik sekali walaupun ada sedikit sebanyak karenah tu perkara biasa dan nampaknya di pihak sebelah pun memberikan kerjasama yang begitu baik. Apatah lagi Yang Berhormat Bandar pun memberitahu bahawa mereka ini sekarang adalah sebagai fasilitator bukan lagi sebagai pembangkang. Dan harapan saya bahawa keikhlasan dan juga apa yang dibawa itu adalah betul-betul ikhlas, betul-betul daripada yang tersurat daripada apa yang tersirat. Jadi saya nak ucapkan tahniah dan terima kasih dan agar pertemuan dan jalinan ini akan menjadi satu permulaan kepada kita ke arah perpaduan yang kita laung-laungkan sebelum ini. Terima kasih.

Cuma yang menjadi kemusykilan kepada sayalah iaitu ada satu program yang kebetulan saya tengok yang dipaparkan di kain rentang di dalam kawasan Seberang Takir yang bertajuk 'Kem Adam Hawa' ataupun dengan istilahnya KEMAH, tarikh 15, 16, 17.12.2013, tempat di Scout Inn Resort Teluk Ketapang, umur mula-mula 10 – 15 tahun, dipotong jadi 13 – 20 tahun, anjuran Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kuala Nerus, Pusat Khidmat ADUN Bukit Tunggal, Pusat Khidmat ADUN Tepoh, Pusat Khidmat ADUN Teluk Pasu. Terima kasihlah, saya rasa program ini sangat bagus dan kebelakangan ini saya tengok banyak kem-kem yang sebegini diadakan dan nampaknya banyak dilaksanakan dalam kawasan Seberang Takir. Jadi saya ucapkan terima kasih. Cuma yang menjadi kemusykilan kepada saya sekarang ialah pada tarikh 15, 16 dan 17 apabila saya dimaklumkan oleh pihak pengurusan Scout Inn Resort bahawa tidak adapun tempahan bahawa program ini akan dilaksanakan di sini, jadi kemusykilan kepada sayalah, apakah ada yang tersirat daripada yang tersurat. Jadi harapan saya ialah supaya perkara-perkara atau program-program sebegini perlu juga ada pemantauan daripada pihak-pihak yang berkaitan supaya program-program ini tidak disalahgunakan. Kalau betul nak dilaksanakan sebagai program yang berasas kepada agama, teruskan. Tetapi saya bimbang hari ini, kerana kita

bimbang takut rakyat hari ini cuba diselewengkan kerana tempat diberitahu Scout Inn tapi pihak Scout Inn beritahu tidak ada pun program ini akan diadakan pada 15, 16 dan 17 ini.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Mencilah sekejap.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Y.B. Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Mewakili penganjur, saya kira tidak ada sebab untuk kita meletakkan tempat tersebut tanpa mendapat perkenan daripada tuan punya lokasi. Jadi saya kira sebagai penganjur, saya salah seorang antara tempat yang dirujuk kita telah mendapatkan suatu tempahan yang jelas dan mendapat perkenan daripada tempat tersebut cuma kami difahamkan tidak boleh membawa elemen politik di dalam tempat tersebut. Tidak jadi masalah kita menyokong apa yang dibawa oleh Tememong tadi untuk mendidik anak muda dan tidak ada mesej politik yang dibawa. Sebab itu di kain rentang tidak ada logo PAS. Kita guna semangat untuk mendidik anak muda.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. AHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, terima kasihlah Wakil Tepoh. Dan InsyaAllah, saya difahamkan pihak pengurusan Scout Inn akan membuat penafian terhadap apa yang berlaku ini, jadi saya serahkan kepada pihak Scout Innlah kerana saya difahamkan tidak adapun permohonan dan tidak ada kebenaran. Jadi walau bagaimanapun, kita akan tunggulah *statement* yang akan diberi oleh Scout Inn. Jadi saya rasa itu sajalah

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat, saya bersetuju Scout Inn membuat penafian sebab perundingan kami semalam saya telah membuat rakaman dan kita juga akan membuat rakaman audio tersebut untuk dilihat dan didengar oleh seluruh rakyat. Jadi terima kasih Yang Berhormat. Saya kira Yang Berhormat perlu bertanggungjawablah untuk rakyat Kuala Nerus.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya bimbang jugalah kalau-kalau program-program ini dibuat

sebab kebelakangan ini banyak kita tengok perkara-perkara yang berkait dengan agama ini disalahgunakan. Jadi perkara-perkara ini perlu diberi perhatian terutama oleh MAIDAM dan sebagainya.

Jadi berkait dengan soalan yang dikemukakan oleh Wakil Bukit Tunggul berkait dengan status pelaksanaan ISMP ataupun dengan izin, *Integrated Shoreline Management Plan*, yang ini memang kita akuiilah sebenarnya masih belum dilaksanakan di beberapa negeri termasuklah di negeri Terengganu sebagaimana Laporan Ketua Audit Negara 2012. Penyediaan ISMP ini sememangnya terdapat di dalam perancangan kerajaan persekutuan dan akan dilaksanakan di bawah peruntukannya. Jadi yang ini akan dilaksanakan oleh mengikut kepada perancangan daripada kerajaan persekutuan.

Dan ada satu lagi perkara yang ditimbulkan oleh Wakil Bukit Tunggul berkait dengan teknologi, berkait dengan alam sekitar yang berkait dengan teknologi hijau. Jadi saya kenakan jelaskan dulu apa dia yang dikatakan teknologi hijau nanti takut ada yang salah faham pulak ini. Teknologi hijau ini merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semula jadi dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia. Sesuatu produk, peralatan atau sistem teknologi hijau perlu memenuhi beberapa kriteria. Kriteria-kriteria tersebut ialah meminimumkan digradasi kualiti alam sekitar dan mempunyai pembebasan Gas Rumah Hijau (GSG) yang rendah atau sifar. Jadi atas perancangan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan bahawa kita di peringkat kerajaan di bawah portfolio saya, InsyaAllah, kita sedang merancang untuk menubuhkan penubuhan Perbadanan Teknologi Hijau Terengganu yang bertujuan melaksanakan polisi dan dasar teknologi hijau sepertimana ditetapkan oleh Teknologi Hijau Dan Majlis Perubahan Iklim yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Di mana dalam polisi kita ini kita akan menetapkan polisi hijau dan perolehan hijau bagi negeri Terengganu, memantau inisiatif hijau berdasarkan *blue print* menjadikan Terengganu, Negeri Teknologi Hijau menjelang tahun 2020. Selain daripada itu ia bertujuan untuk mewujudkan polisi dan dasar bagi menggalakkan perniagaan dan pelaburan teknologi hijau di negeri Terengganu. InsyaAllah, kalau dipersetujui akan kita laksanakan di mana perbadanan ini dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sains Dan Teknologi, Alam Sekitar, Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air dan Penaungnya ialah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi saya rasa itu sajalah makluman yang ingin saya sampaikan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Boleh minta penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya rasa tak payahlah, habis dan dah jelas dah tu. Jadi itu saja. Terima kasih. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Wa-alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Y.B. Seberang Takir. Minta maaf Bukit Tunggal, kena awal sikitlah. Seterusnya kita pergi kepada penggulungan daripada Yang Berhormat pihak kerajaan seterusnya. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Tuan Yang Dipertua. Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telahpun berhujah. Dan pertamanya, saya nak menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Ladang tapi oleh kerana Ladang takdok ni, tak payah jawablah. Jadi saya jawab kepada persoalan yang diberikan oleh Bandar.

Pertamanya, saya ucap terima kasih kepada Wakil Bandar kerana memberi beberapa cadangan yang baik untuk membangun sektor pelancongan di Terengganu. Dan ada sedikit lagi perkara yang perlu diberi penjelasan juga daripada Wakil Bandar iaitu mengenai keupayaan Terengganu untuk menampung 5 juta pengunjung pada tahun hadapan. Jadi sebenarnya saya dah jawab semalam, jadi saya nak tambah sikit lagi untuk penjelasan kepada Bandar sebab banyak memberi idea untuk membantu pelancongan di Terengganu.

Kita setakat ini kita ada sebanyak 280 buah hotel dengan bilangan bilik sebanyak 11,468 bilik setakat ini yang dah ada. Jadi jika kita ambil 60% kadar penginapan daripada 11,000 ni selama 365 hari hanya dengan mengambil dua orang saja kita akan dapat menampung sebanyak 5.5 juta orang dah. Jadi itu yang dah siap. Dan kita ada lagi beberapa buah hotel yang belum dibuka yang dianggarkan pada tahun hadapan iaitu di dalam bandar dan di Pulau Perhentian. Dan untuk masa depan penginapan ini kita ada lagi dua-tiga syarikat yang akan membina hotel di Terengganu bagi memenuhi keperluan *accomodation* dengan izin, di Terengganu. Umpamanya yang baru diluluskan oleh kerajaan di Kemaman di Teluk Mak Nik

yang dijangka pelaburan akan masuk sebanyak RM500 juta dengan keperluan pekerjaan 1,000 orang, yang bertaraf 5 Star dan akan bermula pembinaan pada tahun 2014 iaitu mempunyai 1,241 buah bilik iaitu hotel 672 bilik manakala kondotel ada 569 bilik.

Selaian daripada itu mengenai jenis-jenis pelancongan termasuklah Wakil Bandar nak tanya ke?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sikit, sikit aje. Terima kasih Yang Berhormat Exco. Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Exco ada sebut berkenaan 11,500 keperluan bilik. Saya nak tahu adakah termasuk rumah-rumah atau bilik-bilik homestay? Dan lanjutan daripada itu saya nak kalau boleh penerangan, penjelasan sikitlah iaitu sejauh mana pada pengetahuan Exco kesan daripada pindaan ataupun kita memperkenalkan undang-undang baru itu, Enakmen Rumah Tumpangan yang kita baru luluskan pada sesi yang lepas yang juga mentakrifkan rumah homestay ini sebagai ditadbir di bawah akta yang sama ataupun enakmen yang sama. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih Bandar. Dia soalan Bandar satni sepatutnya dijawab oleh Exco Perumahan Dan Kerajaan Tempatanlah tapi kepada Exco Pelancongan dia biasanya *end product*. Maknanya kena buat dulu, jalan, hotel, peraturan lepas itu baru kita dapat laksanakan tapi yang itu saya rasa kita boleh maklum kemudianlah, Wakil Bandar, ya.

Dan saya nak tambah sikit lagi mengenai dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Wakil Bandar mengenai pelancongan, bukan dia bangkit tapi mencadangkan. Wakil Bandar mencadangkan supaya diberi penekanan kepada Histo Tourism ataupun Pelancongan Sejarah. Kita memang banyak sejarah yang telahpun kita ada di Terengganu dan banyak perkara yang telah saya sebut dalam jawapan lisan iaitu penekanan kita kepada pulau, pantai, tasik dan juga kawasan bandar. Dan beberapa sub-sektor pelancongan jugak kita akan meneruskan iaitu kita ada 13 sub-sektor. Dan untuk menjawab sebahagian daripada Pelancongan Sejarah yang saya nak sebut pada pagi ini iaitu untuk mempromosikan produk-produk pelancongan di negeri Terengganu, kita ada banyak perkara iaitu termasuklah alam semula jadi, masyarakat Terengganu yang mahir dengan kerja tangan. Kemudian di Terengganu juga sejarahnya kehebatan seni bina serta permainan

rakyat. Kemudian warisan sejarah, warisan sejarah ini sungguh menarik kerana ada beberapa di kawasan di Terengganu telah menjadi kegemaran kepada pelancong. Antaranya yang bersejarah ialah Batu Bersurat dan yang dikatakan jugak Terengganu ini antara negeri yang terakhir di Tanah Melayu ini yang dikuasai oleh Orang Putih ataupun Inggeris. Dan Terengganu juga mendaulatkan Pemerintahan Kesultanan Istana dan lain-lain tempat termasuklah Bukit Puteri, Bukit Keledang dan sebagainya. Manakala perkara-perkara yang perlu saya sebut jugak ialah pejuang-pejuang yang meninggalkan nama yang baik seperti Makam Pahlawan Padang Kacong di Telemong, antara tempat sejarah, di Setiu pun ada yang terkenalanya Tok Setiu. Kalau di Padang Kacong ini kalau boleh saya sebutkan sebagai mengingati mereka, antara yang gugur sebagai pahlawan, yang pertamanya - Mahmud bin Mat Diah, yang kedua - Lebai Abdul Rahman ataupun dipanggil di kawasan itu sebagai Tok Janggut, yang ketiga - Idris bin Mohamad, dan seterusnya sampailah yang kedua belas itu Sulaiman bin Salleh. Jadi saya berharap jugaklah 50 tahun yang akan datang sama ada barisan sebelah sini ke atau barisan sebelah sana ke, termasuk di dalam pahlawan ni. Kalau saya kata Sura dok? Saya duk nampaknya yang paling hebat sekali Suralah, pahlawan. Tak, Paka.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Paka.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Err ... Paka, ya. Tapi pahlawan baik, pahlawan nampaknya.(tepukan sokongan)

YANG BERTHORMAT ARIFFN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan, boleh tak nak tanya sikit? Yang Exco sebut ni pahlawan Padang Kacong lawan kerajaan masa itu ke penyokong kerajaan, tak bayar cukai ke apa ni ke kerajaan?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dia, patutnya hak nak tanya ni dia kena tanya dalam *debate*. Ini takdok *debatepun* tanya jugak. Tapi tak apalah jawabnya mudah, dia memang lawan kerajaan masa tu tapi kerajaan Orang Putih. Kerana pertamanya, Cukai Tanah. Yang keduanya, kerana nak ambil kayu buat rumah pun marah jugak. Hah, itu yang dia lawan tu. Sekarang ni kita berlawan PAS dengan UMNO, UMNO lawan PAS atau PKR je yang kita lawan, dok bisa mana.

Dan sedikit lagi kalau kita nak sebut pasal Monsoon Cup ini, beginilah(gelak kecil)... Se lagi Monsoon Cuplah. Tapi Monsoon Cup ini ada yang lalu saja macam tu-lah macam Bukit Tunggul pun dia lalu begitu aje. Tapi Monsoon Cup ini ramai orang puji sebenarnya Monsoon Cup.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tadi saya kata dah, hak mana tak *debate* tu doksoh tanyalah. Mana boleh gitu.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya nak tanya ni atas kepentingan pelancongan, tidak ada kait-mengait yang itu. Sebab saya ada soalan sebenarnya tapi ditolak.(Dewan gelak) Okey? Hak tadi tentang sukan, kepentingan pemuda, Velodrom di Dungun tapi takdok kesempatan. Dan yang ini tentang pelancongan yang berada jugak di Dungun. Jadi nampaknya Dungun ni macam ketinggalan.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Soalan sebelah sini banyak jugak yang ditolak, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Rantau Abang sepatutnya perkara-perkara ini sepatutnya ditimbulkan di dalam masa perbahasan awal tadi, jadi tidak mengganggu penggulungan sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Tidak, saya nak mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Betul, saya tahu.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey, boleh saya teruskan? Sikit aje.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Exco macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dah tak apalah kalau dia nak teruskan itu tak apalah tapi saya jawab tak jawab tu kemudian kiralah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Kesian dia, *wi ... wi*

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak seolah-olahnya Rantau Abang ni ketinggalan, sejarah Rantau Abang tu, penyu tu ketinggalan. Jadi apakah perancangan kerajaan untuk *mengupgradakan* ataupun memberi nafas baru untuk orang-orang baru ni tahu bahawa di Rantau Abang tu ada penyu. Jadi saya nampak dengan jaluran jalan raya yang sekarang ni tersekat, nak pergi ke masjid pun terpaksa pusing jauh. Jadi apakah perancangan kerajaan tentang sejarah Rantau Abang tu? Itu saja yang saya nak tanya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Rantau Abang.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dulu buat penyu rombak habis.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tuan Yang Dipertua, soalan ini sebenarnya saya patut jawab hari pertama lagi pasal pembangunan di Rantau Abang tapi hari ini baru tanya, hari ini habis dah. Dia begini, Rantau Abang ni, jadi saya jawab jugaklah sikit, ambil hati. Dia Rantau Abang ini terkenal kerana penyu bukan sebagai satu tempat pelancongan kerana penyu mendarat di situ iaitu sepanjang 16 kilometer pantai dia. Tetapi apabila penyu tak naik oleh sebab saya duk rasanya terutamanya pada tahun 1999 hingga tahun 2004 ...(Dewan gelak)

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Guana parok ngat tu?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Acu dengar molek dulu. Dia tak berapa naik, penyu ni dia naik pada bulan gelap.(Dewan gelak)

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Bulan apa Y.B.?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dia dok naik masa bulan cerah, dia tak naik. Apabila kita tengok di situ penyu yang popular sekali ialah Penyu Belimbing, Agar sikit-sikit aje. Lepas bulan cerah lama sangat dia Penyu Belimbing ni dia jadi betina belaka ataupun dia jadi jantan belaka dan telur dia tidak menetas. Jadi apabila dia tak berapa naik, orang pun tak berapa pergilah. Tetapi kerajaan pusat telah menubuhkan TOMAX dan kerajaan negeri telah menubuhkan Pusat Penerangan. Dan kita telahpun berusaha untuk memulihkan balik sebagai satu pusat pelancongan berasaskan Santuari Penyu di Rantau Abang.

Okey, Tuan Yang Dipertua, saya nak perhabiskan sikit lagi dah pasal Monsoon Cup. Monsoon Cup ada disebut sepintas lalu begitu. Saya nak maklumkan bahawa saya sebenarnya *takmbah* jawab dah hal Monsoon Cup ni sebab pernah ditanya banyak kali *do'oh retek*. Jawapan pun dah ada apa begitu, begini. Jadi saya nak tambah sikit je. Monsoon Cup di Terengganu ni merupakan satu tuah kepada negeri Terengganu iaitu pihak penganjurpun telah bersetuju mengadakan venue di Terengganu tu mulai tahun 2005 dan kontraknya selama 8 tahun maknanya habis pada 2012. Kemudian sambung lagi 3 tahun, 2013 sehingga 2015. Jadi 2013 kita telah buat dan pada tahun ini banyak memberi manfaat. Yang terakhir sekali kita telah menganugerahkan 100 Sijil Pelayaran melalui Belia Belayar kepada murid-murid sekolah rendah dan juga menengah. Di samping itu, kita jugak mendapat keuntungan daripada Monsoon Cup ini kepada penduduk dan juga hotel-hotel di negeri Terengganu. Jadi yang lain-lain tu kalau tidak sempat jawab

Oh ya, satu lagi kalau saya nak jawab pun sikit ajelah oleh kerana Wakil Ladang dah masuk ni kan pasal Panorama. Restoran Panorama merupakan salah satu komponen utama Taman Panorama Bukit Kecil di bawah seliaan Majlis Bandaraya. Operator pertama yang telah kita lantik pada 1.11.2012 tetapi kontraktor ni gagal dan kita tamatkan. Kemudian kontraktor baru kita lantik semula pada 1hb Mei 2013, pada tahun inilah dan sekarang ini beroperasi sampai sekarang. Jadi setakat tu ajelah boleh jawabnya. Tuan Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Y.B. Permaisuri atas penggugungan/perbahasan bagi pihak kerajaan. Seterusnya saya mempersilakan Y.B. Kuala Berang untuk membuat penggugungan bagi pihak kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat dan sidang Dewan yang dihormat sekalian.

Pertama-tamanya saya mengambil peluang mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah pada Ahli-ahli atau Wakil-wakil yang membahaskan kepada Ucapan Bajet 2014. Dan khusus kepada Wakil Air Putih dan Langkap yang menjurus kepada Portfolio Perdagangan Dan Perindustrian. Sebelum itu Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang meneruskan Bajet Kecemerlangan serta Bajet Kesejahteraan Rakyat yang tidak henti-henti. Dan seterusnya di antara empat strategi teras yang disebut ingin kita capai dalam bajet pada tahun akan datang saya sangat tertarik kepada usaha untuk meningkatkan daya saing negeri kita. Ini sesuai dengan apa yang dibangkitkan oleh Air Putih untuk melihat bidang-bidang baru dijana dalam industri sesuai dengan keperluan masa akan datang untuk memastikan apabila sekarang ini khusus kalau kita tengok industri berasaskan sumber akan berakhir dan kita nak pastikan kita terus maju dan manfaatnya terus kepada rakyat.

Tuan Yang Dipertua, sukacita untuk menjawab kepada perkara yang dibangkit atau diusulkan oleh Wakil Langkap untuk memastikan Kawasan Industri Sungai Bari, Batu Rakit serta Saujana diberi perhatian oleh kerajaan dan diberi suntikan baru. InsyAllah Yang Berhormat, kita dapati sebagaimana yang saya maklumkan iaitu dua kawasan Sungai Bari dan Batu Rakit dalam jawapan pagi tadi. Manakala Saujana pula pihak kerajaan telah meluluskan satu pelaburan yang agak besar sebesar RM350 juta kepada Syarikat TRG Industrial Mineral Sdn. Bhd. untuk membangunkan Industri Pasir Silica dan kita jangka operasi syarikat ini akan menjana peluang pekerjaan hampir 600 orang. Dan juga saya nampak akan menjadikan kawasan sekitar itu selain daripada pembangunan industri-industri pertanian dan sebagainya ia akan menjadi tumpuan utama.

Tuan Yang Dipertua, cadangan dan saranan Air Putih untuk melihat industri khusus seperti logistik, pengkalan hadapan serta pembekalan *warehouse* yang cukup dan sebagainya InsyaAllah Tuan Yang Dipertua, ini sebenarnya telah menjadi rangka dalam peranan kita untuk melihat dasar ataupun hala tuju industri di peringkat negeri selaras dengan apa yang dirangka di peringkat negara. Sebenarnya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, telah dirangka peringkat hala tuju yang pertama dan sekarang ini berada dalam hala tuju yang kedua 2014 – 2018 dan InsyaAllah boleh saya ringkaskan di sini dengan pelan-pelan strategik yang sesuai dengan apa yang dibangkitkan oleh Air Putih. Kemudian pelan-pelan tindakan yang akan kita bawa daripada dua tahun hadapan dan seterusnya sampai 2018. Dan harus kita ingat, InsyaAllah dalam bidang industri ini kita tidak boleh melihat kesannya segera kita kena rancang dengan strategik kerana kita tidak nampak hasilnya dalam masa yang singkat dan ia memakan masa yang lama.

Tuan Yang Dipertua, strategi yang kita rancang di peringkat negeri pada ketika ini pertamanya, untuk mewujudkan lebih banyak kawasan FTZ iaitu kawasan *Free Trade Zone*. Di mana kawasan-kawasan ini kita lihat akan memberi potensi kepada pelabur untuk melihat Terengganu sebagai kawasan yang menarik. Begitu juga kita nak pertingkatkan industri perkhidmatan, logistik khususnya dengan apa yang saya bentangkan atau saya huraikan nanti dengan peranan bidang pengangkutan sesuai dengan siapnya LPT2 pada hujung tahun hadapan dan perkara-perkara juga keperluan-keperluan secara regional sebelah Pantai Timur dan serantau.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga dengan di mana kerajaan negeri telah memutuskan bahawa kerjasama yang erat antara pihak kerajaan dan swasta dengan mengharapkan setiap pembangunan sama ada FTZ ataupun kawasan pembangunan industri-industri yang lain supaya kita wujudkan *Anchor Company* ataupun syarikat yang boleh melibatkan sebagaimana cadangan Air Putih untuk kita lihat yang akhirnya akan adanya vendor atau syarikat-syarikat kecil, syarikat usahawan-usahawan SME yang boleh kita bangukan.

Kemudian Tuan Yang Dipertua, begitu jugak yang kita nak tonjolkan di mana keistimewaan negeri kita kalau dulu kita lihat bidang industri ini kita berada dalam agak jauh ketinggalan kerana mungkin keistimewaan kita ini tidak boleh kita tonjolkan berikutan daripada perhubungan kita yang jauh dan sebagainya. Jadi

daripada strategi ini Tuan Yang Dipertua, kita telah menggariskan pelan-pelan tindakan yang segera dan juga jangka panjang untuk memastikan pencapaiannya, kalau kita lihat hari ini dan pada masa yang lalu industri yang kita susun di peringkat seluruh negeri daripada selatan sampai ke utara, kita lihat di sebelah selatan kita telahpun berjaya dengan industri berat, industri petroleum dan gas, industri bio dan seterusnya kita lihat di sebelah utara dan juga di sebelah tengah ini masih lagi belum kita rasa berpuas hati dari segi kejayaannya tetapi kita perlu susun dengan strategik sebagaimana disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Begitu juga Tuan Yang Dipertua, peranan pelan tindakan ini kita nak memastikan InsyaAllah setiap pembangunan industri kita nak juruskan kepada manfaat yang tinggi akan diperolehi oleh rakyat sama ada di bidang pekerjaan, di bidang pembangunan ekonomi dan pertumbuhan kawasan sekitar. Jadi inilah asas yang kita ada dan kita telahpun meletakkan beberapa garis dan juga pelan kerjasama. Yang pertamanya Tuan Yang Dipertua, kita mintak semua Pejabat Daerah dan juga Majlis Kerajaan Tempatan di peringkat daerah untuk memastikan kawasan-kawasan baru yang sesuai, yang strategik untuk kita bangunkan sebagai kawasan industri baru khususnya kita nak fokus kepada laluan LPT sepanjang 431 kilometer daripada Jabor ke Gemuroh. Dan InsyaAllah, kita pohon kerajaan pusat untuk sambung sampai ke Besut dan kita dapati sekarang ini Jabor ke Kuala Terengganu ataupun Gemuroh itu sepanjang 184 kilometer kita ada 10 Exit ataupun Tol Keluar dan di mana ia akan menghubungkan antara bandar-bandar sebelah pantai dan juga kawasan penduduk di sebelah pedalaman. Jadi kita mintak daripada sekarang semua daerah memastikan kawasan-kawasan tertentu supaya kita rezab untuk pembangunan industri yang bercampur. Kita tak hendak buat industri saja kemudian kita tidak lihat kepada keperluan perumahan, keperluan perbandaran, komersial dan sebagainya. Jadi ini asasnya kerana kita lihat kalau kita tidak merancang sebegitu rupa apabila kita nak bangun, apabila kita nak tumpu kepada pembangunan industri, tanah-tanah yang sesuai, tanah-tanah yang strategik tidak kita perolehi. Kalau kita nak ambil pun kita terpaksa membuat pengambilan balik dan sebagainya. Juga Yang Dipertua, kita lihat kerjasama kerajaan pusat dan juga agensi pusat dengan kerajaan negeri saya mintak kita sama-sama membincang dan memikir secara kuat, secara proaktif dan secara bersungguh-sungguh terutamanya peranan agensi seperti MIDA, ECER, Kastam, MITTI dan sebagainya untuk kita jadikan matlamat. Pertama, pewujudan FTZ ini, khususnya kita lihat yang dirancang oleh kerajaan negeri di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, kita telah mendapat lapangan terbang antarabangsa. Kemudian kita rancang lapangan terbang ini bukan sahaja sekadar

untuk penumpang tetapi juga sebagai penggerak logistik terutama sekali pengangkutan yang disebut oleh Air Putih, kalau kita sebut hari ini kargo kita sebut kargo yang lebih munasabah pada saat inilah, kargo udara sebagaimana kita dah berjaya kargo air ataupun laut di Kemaman Supply Base. Saya masih ingat Tuan Yang Dipertua, Dewan Undangan Negeri kita yang lalu bersidang sampai malam bagaimana kita memperjuangkan pewujudan Kemaman Supply Base dan hasilnya kita lihat hari ini Kemaman Supply Base sebagai salah satu pusat perkhidmatan yang antara tersibuk di rantau ini dan mendapat pengiktirafan dan sebagainya.

Jadi oleh kerana negeri kita ini panjang Tuan Yang Dipertua, daripada selatan ke utara dan kita lihat pada hari ini juga kita punya usaha pencarian dan juga pembangunan petroleum di *offshore* dia telah naik ke utara daripada sebelah Kerteh dia telah naik ke *Malay Basin* itu yang dipanggil oleh pihak Petronas, ke utara. Kemudian kerjasama Malaysia-Thailand di sebelah utara lagi dan kita lihat ini sangat strategik kepada Kuala Terengganu, *Airport* Kuala Terengganu ataupun Lapangan Terbang Kuala Terengganu sebagai pusat perbekalan udara yang boleh kita majukan. Dan saya percaya syarikat-syarikat usaha carigali petrol dan juga gas di sebelah lautan ataupun *offshore* ini akan menggunakan sepenuhnya airport kita yang sekarang ini agak katanya Exco Pelancongan baru 11 atau 12 penerbangan domestik. Tapi saya percaya dengan mungkin nak hantar sedikit saja barang ataupun walaupun kecil dihantar daripada luar negara, daripada Eropah, daripada Amerika dengan terus turun ke Kuala Terengganu mungkin nilainya besar daripada nilai domestik yang kita lihat pada hari ini. Jadi kita nak kerjasama penubuhan FTZ di Kuala Terengganu Supply Base ini menjadi kenyataan yang segera dan kita tengah berusaha dengan seberapa segeranya sekarang.

Begitu juga Tuan Yang Dipertua dengan kita nak menggunakan keistimewaan kita ataupun kelebihan Terengganu sebagai kawasan yang bukan sahaja mempunyai sumber sebagaimana kita ada sekarang ini sumber bijih. Kita dah terkenal sebelum merdeka dengan bijih besi. Kemudian kita dah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bukan sahaja kita ada bijih besi malah bijih-bijih yang lain. Kemudian kita kaya dengan sumber petroleum dan gas tapi kita juga ingin menonjolkan kekayaan kita dalam bidang-bidang yang lain seperti pelancongan dan sebagainya. Malah kekayaan suasana kita, kelebihan tenaga kerja kita dengan kita bangunkan pendidikan yang cemerlang daripada peringkat

bawah dengan kita ada pusat latihan sama ada pusat dan negeri dan sebagainya, ia juga jadi daya penarik kepada Terengganu supaya pelabur-pelabur melihat inilah tempat mereka untuk mencari keuntungan yang setara. Tuan Yang Dipertua, saya menyatakan ini kerana saya berpeluang mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ke negara China. Saya nak beri contoh satu, perjumpaan yang dibuat bersama-sama dengan Presiden CIA (China Islamic Association) di satu perjumpaan itu dan saya boleh rumuskan, diberitahu kepada Yang Amat Berhormat oleh Presiden Persatuan ini yang sebenar persatuan ini mempunyai beratus-ratus tycoon yang mewah dan kaya di peringkat negara China dan Presiden ini sendiri memberitahu dia sangat tertarik dengan negara Malaysia dengan berkali-kali berkunjung ke negara Malaysia dan beliau telah juga berkunjung ke negeri Terengganu apabila dia istilahkan kalau dia melihat Malaysia atau Kuala Lumpur itu 100%, dia melihat istimewanya Terengganu ini lebih daripada itu, ibaratnya 500%. Saya tanya pasal apa tuan? Dia kata lebih tenang, sesuai untuk pembelajaran anak-anak. Dia bertanya kepada Yang Amat Berhormat kalau konsep 'Second Home' dan kita kata kita mempunyai ruang yang boleh kita bawa. Dia tanya penerbangan terus, mereka tanya juga adakah boleh dihantar anak-anak mereka belajar di sini. Saya yakin dengan kesungguhan itu dengan suasana yang begini, saya percaya mengikut kata Presiden ini dia boleh bawa tidak kurang daripada 200 usahawan atau orang-orang kaya daripada Muslim China untuk datang melabur dengan segera ke negeri Terengganu. Jadi Tuan Yang Dipertua, inilah salah satu contoh apa yang saya nampak yang kita mempunyai keistimewaan. Kemudian kita juga ingin menggunakan sepenuhnya Tuan Yang Dipertua, apa yang kita telah bangunkan berbelas-belas tahun iaitu tenaga kerja. Kita telah berjaya dengan peruntukan yang besar di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah malah peringkat tinggi dengan latihan dan sebagainya. Dan kita mahu tenaga-tenaga kerja semuanya ini sebenarnya ingin berkhidmat di negeri Terengganu dan mempunyai tempat. Jadi Tuan Yang Dipertua, saya percaya apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat multi billion pelaburan yang akan datang sama ada kilang yang akan dibangunkan berasaskan besi juga kilang-kilang yang akan kita letak berasaskan teknologi pada masa akan datang sebenarnya mereka inginkan tenaga kerja yang berkemahiran peringkat tinggi dan sebagainya. Jadi saya merayu kepada pihak rakyat, pihak pengusaha dan juga pihak pegawai kerajaan pada hari ini, ayuh kita gunakan prinsip bajet untuk kita menjadikan negeri kita ini penuh daya saing pada hari ini yang disebut oleh Yang Amat Berhormat untuk kita jana pada masa akan datang sebenar-benarnya dapat kita serasikan. InsyaAllah sebagaimana rakan saya kata sebentar

tadi daripada Exco Pelancongan, kita nak tengok 50 tahun akan datang hasilnya, hasil perjuangan kita hari ini dan disebut pahlawan itu adalah pahlawan yang menghasilkan pada hari ini asasnya dinikmati oleh penduduk atau rakyat di masa akan datang, InsyaAllah.

Tuan Yang Dipertua, akhir sekali dalam prinsip daya saing ini juga saya nampak fokus khusus kepada pengusaha-pengusaha dan juga peniaga-peniaga sebagaimana saya sebut sebentar tadi kita nak dalam kita mengejar 'Negara Maju' 7 tahun lagi, sekali pilihan raya lagi InsyaAllah kita akan berada di saat itu dan kita tak nak peniaga-peniaga atau pengusaha-pengusaha yang melihat keistimewaan yang ada pada hari ini, memang betul Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini memberi pelbagai keistimewaan untuk kita capai apa yang kita sebut kita nak menuju kepada negara maju tetapi pengusaha-pengusaha tidak belajar daripada usaha ini. Kita guna keistimewaan ini kita takut bila dah tidak ada keistimewaan maka kita akan kembali tidak bersaing di masa akan datang. Kita nak segala peraturan, segala urusan, kecekapan, kemahiran kita pergunakan sepenuhnya barulah kita boleh bersaing, barulah kita boleh menjadi pengusaha yang cekap tidak kira di mana, masa dan ketikanya. Kalau kita lihat Tuan Yang Dipertua, contoh yang mudah, kalau kita pergi ke kedai-kedai, kita pergi ke kedai kecil sudahlah. Berbeza sangatlah dari segi layanan yang diberi contohnya, tidak ada tarikan. Dia kata: "Pakcik nak makan apa?" Kadang-kadang yang pergi tu orang muda lagi, dia kata kalau panggil pakcik, saya takmbok makan dah, kalau panggil abang, hak nak makan sepinggan jadi makan lima pinggan. Jadi

YANG BERTHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kalau Paka tu nak panggil pakcik ke, abang?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi kalau Jabi tu dipanggil pakcik, saya ingat Jabi, ya. Jadi saya maksudkan di sini prinsip daya saing yang mudah pada kita biarlah sebagai pengusaha kita menjuruskan diri kita ini betul-betul mempunyai tarikan dan sebagainya. Begitu jugalah asasnya kepada pemimpin dalam kita merancang, begitu juga pegawai kerajaan dalam kita menyusun kita tak mahu negeri kita ini, kita bercita-cita tinggi dan kita berhasrat dan kita merancang macam-macam tapi dari segi perlaksanaannya terbengkalai kerana tidak adanya daya saing daripada kita. Tuan Yang Dipertua, itulah yang boleh saya bangkitkan dan InsyaAllah kita berdoa mudah-mudahan apa yang dirancang melalui bajet yang akan dimurahkan

rezeki oleh Allah S.W.T. dengan rancangan yang begitu besar dan saya, Wakil Kuala Berang berharap bajet ini bukan sahaja kita bahas tapi jugak disokong oleh semua termasuk pihak sebelah sana akan menyokong, kalau tak sokong khabor tak sokong kerana pada asasnya pada tahun-tahun akan datang kita akan sebut kita luluskan di Dewan ini. Kita tak mahu yang lulus itu hanyalah sebelah sini, kita nak lulus oleh semua dan barulah kita boleh bahaskan pada masa akan datang, hak kita. Kalau sebelah sana tak sokong, saya percaya mereka tidak berhak untuk membahaskan pada masa-masa akan datang. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Kuala Berang atas penggulungan bagi Bajet 2014. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri untuk meneruskan penggulungan bagi pihak kerajaan. Dipersilakan.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya bersama-sama rakan-rakan Exco yang telah memberi jawapan dalam penggulungan ini dan saya turut sama bagi menjelaskan beberapa perkara atau isu yang telah dibangkitkan sama ada oleh Wakil Rakyat Kerajaan atau Pembangkang pada kali ini.

Pertama, sukalah saya merujuk kepada isu yang telah dibangkitkan oleh Wakil Manir iaitu mengenai Persatuan Peladang Kawasan (PPK) gagal membayar subsidi padi dan meminta PPK menyerahkan dokumen resit dan sebagainya. Saya ingin memberi penjelasan di sini, yang pertama PPK Setiu, berdasarkan resit berwarna putih dan PPK Gerai resit berwarna merah. Resit PPK Setiu merupakan resit belian padi manakala resit PPK Gerai merupakan jualan padi yang dihantar oleh PPK Setiu kepada PPK Gerai. Ini adalah disebabkan PPK Setiu tidak mempunyai Pusat Pemasaran Padi, mereka menjadi sebagai agen sahaja. Pusat Pemasaran Padi di negeri Terengganu ada tiga iaitu PPK Pelagat, PPK Kerandang dan PPK Gerai. Bernas telah melantik tiga PPK di atas sebagai wakil beliau bagi pihaknya untuk membeli padi. Apabila pusat pemasaran ini beroperasi wakil dari Bernas hadir bagi tujuan pengesahan pembelian dan juga pemotongan padi. Di antara tujuan pelantikan wakil Bernas adalah untuk mengelakkan berlakunya kesesakan di kilang Bernas di Bukit Kenak semasa kemuncak belian padi. Setelah padi dijual kepada Pusat Pemasaran ini harga padi akan dibayar terus kepada petani. Subsidi dibayar oleh Bernas bukan PPK yang bayar, ia dibayar oleh Bernas

dan dibayar terus kepada akaun masing-masing iaitu petani. Terdapat dua jenis subsidi. Pertama, Subsidi Harga Padi. Kedua, Subsidi Peningkatan Hasil Padi. Subsidi Harga Padi nilainya RM248.10 setiap metrik tan. Manakala Subsidi Peningkatan Hasil Padi ialah RM650.00 setiap metrik tan. Bayaran Subsidi Harga Padi tiada masalah dan akan dibayar mengikut metrik tan dihantar ke Pusat Pemasaran Padi. Ia dibayar terus kepada akaun petani. Subsidi Peningkatan Hasil Padi dibayar berdasarkan peningkatan hasil keluaran yang dihasilkan oleh petani mengikut musim. Jika dua kali setahun atau mengikut tahun jika sekali setahun. Untuk mendapatkan bayaran Peningkatan Hasil Padi, dua perkara perlu dibuat oleh petani. Pertama, pengesahan perlu dibuat oleh Bernas. Kedua, pengesahan Peningkatan Hasil oleh Jabatan Pertanian. Terdapat dua kelewatan ke atas dua penama iaitu Encik Mohd Yusof bin Noor dan Encik Majid bin Mohamad. Kelewatan ke atas Encik Mohd Yusof kerana beliau tidak pergi ke Bernas untuk mendapatkan pengesahan dan tiada pengesahan daripada Jabatan Pertanian. Kelewatan ke atas Encik Majid kerana tiada pengesahan dari Jabatan Pertanian. Pihak Bernas telah menghubungi kepada dua penama di atas melalui telefon yang diberi tetapi masih gagal memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Maknanya mereka tak jumpa untuk dapat pengesahan. Itu yang berlaku Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Lualan Dato' Seri Menteri Besar. Apakah mereka masih berhak untuk mendapatkan hak mereka dan apakah dengan pengesahan Bernas dan pengesahan dari pihak Pertanian hanya dua syarat ini akan menjadikan mereka berhak untuk mendapatkan balik hak mereka? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Yang Dipertua. InsyaAllah, mereka akan dibayar apa yang jadi hak mereka setelah syarat kedua-dua ini dipenuhi. Terima kasih.

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin memberikan laporan balas kepada apa yang dibangkitkan oleh Wakil Teluk Pasu dan Ladang. Nampaknya kedua-dua mereka ini banyak mengatakan tentang Sabasun. Dan begitu juga saya dimaklumkan menerusi laman-laman sesawang dan sebagainya dan isu ini menjadi hangat sekarang. Jadi adalah tidak adil bagi saya kalau tidak menjelaskan secara detail peristiwa yang berlaku ini menyebabkan kadangkala orang beranggapan kerajaan dan Bandaraya melakukan tindakan yang tidak

sewajarnya kepada golongan bumiputera. Oleh itu saya perlu membaca laporan dari segi kronologinya Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya minta izin.

Kronologinya, pada tahun 1995 Lesen Barang-Barang Keperluan Runcit diluluskan atas nama Che Salmi bin Che Ibrahim ke atas bangunan asal. 12.3.2000, permohonan kelulusan pelan projek untuk Lot 2833 dan 2834. 11.7.2000, Jawatankuasa Bangunan MPKT telah meluluskan pelan dan tiada respon daripada pemilik. Jawapan daripada pemilik tidak ada. Pada 4.4.2001, Notis Menduduki Bangunan Tanpa CFO telah dikemukakan. Ini merupakan satu kesalahan. Kemudian 3.1.2002, Notis Pembinaan Tambahan Bangunan Tahun 2001 dikemukakan. Dia buat bangunan tanpa kelulusan. Notis pertama dikeluarkan. Pada 30.3.2003, Lesen Perniagaan diluluskan atas nama Wet Di Sdn. Bhd. semasa pentadbiran Kerajaan PAS. 19.10.2004, Notis Tambahan Bangunan Tanpa Kelulusan telah dikeluarkan. Itu notis yang kedua kepada pemohon. 13.1.2004, tanah Lot PT 1472 milik MBKT disewa kepada Sabasun untuk tapak parking. Jadi tidak timbul kata tak beri peluang kepada Sabasun kerana tanah ini tanah milik Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, dia ada nombor PT 1472 malahan Bandaraya telahpun bersetuju menyewa tapak ini kepada Sabasun dengan harga RM5,000 tetapi tawar-menawar berlaku akhirnya Bandaraya bersetuju dengan harga RM4,500. Pada 30.10.2005, Notis Pembinaan Bangunan Tambahan Tanpa Kelulusan Ketiga dikemukakan. Tiga kali maknanya Bandaraya tulis surat kepada pemohon. 20.4.2010, Jawatankuasa OSC menasihati Sabasun untuk mengemukakan Pelan Permit Sementara. OSC boleh beri pandangan supaya kemuka Permit Sementara. 27.2.2011, permohonan Permit Sementara diterima. 1.6.2011, surat makluman kepada pemohon supaya mengemukakan sokongan Bomba, status tanah dan lain-lain. 21.2.2012, surat sokongan Bomba diterima tapi status tanah dan lain-lain keperluan tidak dilampirkan. 8.11.2012, Mesyuarat OSC bersetuju supaya pemohon dipanggil bagi membincangkan isu-isu berbangkit. Panggil lagi. 14.11.2012, surat kepada pemohon minta hadir ke pejabat bagi membincangkan isu-isu berbangkit. Tiada maklum balas daripada pemohon diterima untuk tempoh yang lama. Dan seterusnya permohonan ini dirujuk kepada Jawatankuasa OSC bagi pertimbangan muktamad. Dok mari jugak panggil berbincang. 10.6.2013, Jawatankuasa OSC memutuskan permohonan ditolak kerana perlu menyelesaikan status tanah dan tambahan bangunan di atas tanah Lot 1472 milik MBKT dan tanah kerajaan. Macam mana buat atas tanah orang? Tanah kerajaan pulak tu, lepas tu tanah MBKT, tuan punya ada tanpa kelulusan, tanpa kebenaran. Keputusan mesyuarat MBKT

meminta Sabasun menyelesaikan status bangunan sedia ada dan merobohkan bangunan yang didirikan atas tanah milik MBKT dan tanah kerajaan sebelum pertimbang permit sementara dan lesen dibuat. Apakah ini zalim bagi MBKT? Jadi kalau kita dengar sebelah pihak, yang jahatnya kerajaan, yang jahatnya MBKT kerana tidak memberi peluang kepada bumiputera dan sebagainya. Sebenarnya kita telah buat macam-macam, kita ada peraturan, urusan bangunan oleh Bomba, pelan tidak diangkat, buat sendiri. Itu pun kita masih *consider*. Kalau ikut peraturan, kita boleh roboh dengan meminta kebenaran mahkamah. Inilah maklumat yang kita ada.

Yang kedua, Yang Berhormat Yang Dipertua, mengenai tanah yang dibangkitkan oleh Wakil Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Mintak laluan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri. Saya kira itu masalah yang telah berlaku, yang telah berlalu dan apa yang saya sebutkan dalam ucapan perbahasan baru-baru ini penyelesaian yang telah dicapai dan kita ucapkan terima kasih. Dan

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Dipertua, saya faham. Cukuplah tak payah teruskan. Bila dikemukakan di Dewan ini Pemerhati dengar, pegawai dengar, Yang Berhormat dengar, hansard ada dan keluar dalam berita. Orang beranggapan bahawa inilah kerajaan buat. Kata orang melakukan sesuatu yang mengecewakan bumiputera. Sebab itu sekarang saya terpaksa jawab, memberi penjelasan takkan saya nak jelas takmbah beri pulak. Saya ada hak untuk menjelaskannya. Saya kena pertahankan kerajaan supaya semua orang dengar, siapa sebenarnya yang bersalah dalam soal ini.(Tepukan gemuruh dari Dewan) Yang Berhormat Yang Dipertua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Err

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nanti Yang Berhormat Dato', saya nak jelas hak yang kedua dulu. Lepas tu boleh tanya, tak apa takdok masalah sampai pukul 8.00 malam tak apa hari ini. Iaitu mengenai status Sabasun 2 seluas 10.5 ekar yang akan dibuat pengambilan balik tanah bagi Pembangunan Perkasa Alam. Syarikat Sabasun Hypermarket Sdn. Bhd. memiliki 7 lot tanah

dengan keluasan 10.2092 ekar di dalam kawasan cadangan Pembangunan Perkasa Alam atau pemaju. Melalui beberapa siri perbincangan, bukan takdok perbincangan ni, ada perbincangan dengan pihak pemaju di mana mereka telah diminta mengadakan perbincangan dengan pihak Sabasun bagi menyelaraskan pembangunan di kawasan tersebut. Dukacita dimaklumkan pihak Sabasun tidak berminat untuk berbincang dengan pemaju. Untuk makluman cadangan Pembangunan Perkasa Alam masih dalam pemerhatian kerajaan. Kita tidak luluskan lagi pun. InsyaAllah kerajaan akan menyelesaikan isu yang dibangkitkan ini secara 'menang-menang' (*win-win situation*) iaitu pertama, daripada 7 lot Sabasun itu 4 lot daripadanya telah dikeluarkan daripada perancangan pemaju baki sebanyak 3 lot akan diambil balik dan bayaran pampasan dibuat oleh pemaju. Dan pilihan ketiga pihak pemaju diminta membuat penggantian bagi 3 lot berkenaan setara keluasannya dengan nilai tanah yang diambil balik. Ini cadangan kita kepada kedua-dua belah pihak. Sebab itu saya katakan tadi, kerajaan sebenarnya tidak bertindak zalim. Kita nak lihat pembangunan berjalan secara terancang dan boleh memberikan situasi 'menang-menang'. Ini yang kita lakukan. Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Saya cuma nak sebut tadi bahawa telah berlaku perbincangan yang baik selepas pada sibuk-sibuk tu berbincang dan selesai, itu yang nak ucap terima kasih aje. Bukan apa, bukan nak marah. Yang keduanya, tentang pengambilan balik tanah di Wakaf Tembesu tu, boleh saya tahu di bawah akta mana yang diambil balik tu adakah untuk kepentingan kerajaan ataupun untuk penswastaaan dan sebagainya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Sudah terang lagi bersuluh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, nak suruh orang tahu aje, bukan apa.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah. Terima kasih. Sudah tentulah kita ambil dalam 31c. Kita ikut peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dan kalau di bawah peraturan itu baguslah sebab ada perbincangan

nanti antara kedua belah pihak. Cadangan daripada Yang Amat Berhormat itu baik.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih. *Arigato guzaimasu. Haik, haik.*(Dewan gelak) ... Yang Berhormat Yang Dipertua

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Teluk Pasu): Pohon laluan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jadilah hak ni, habis dah hal Sabasun ni. Tak puas hati lagi?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Teluk Pasu): Sikit, sikit lagi. Saya nakkan kepastian apa yang dibangkitkan pengambilan semula tanah itu adalah ekoran daripada surat jawapan balas daripada MBKT apabila Sabasun mohon untuk membina bangunan di tapak tanah miliknya sendiri dan MBKT menjawab ditolak kerana tanah itu akan diambil balik untuk Bandar Perkasa Alam. Jadi apakah status surat itu sekarang ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Pihak MBKT menjawab berdasarkan layout yang diangkat tapi keputusan terakhir ditetapkan oleh kerajaan negeri, UPEN akan memutuskannya melalui perbincangan. Sebab itu saya sebut tadi diselaraskan, perbincangan dah ada dan alternatif yang diberi sebab itu yang ini pun kita hendak, yang itu pun kita hendak kedua-duanya dibangunkan. Sebab itu kita ikutlah. Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Saya nak pergi kepada yang lain pulak.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tuan Yang Dipertua, mintak yang *last* sekali, sikit aje Dato' Seri. Jadi kalau kita tengok perbincangan berkenaan isu Sabasun ini terutama dalam laman-laman sosial, dia lebih menampakkan pimpinan daripada pihak rakan-rakan kita ini nak memperjuangkan hak kepada orang Melayu bumiputeralah, usahawan-usahawan bumiputera khususnya orang Melayu beragama Islam. Jadi saya nak mintak penjelasan Dato' Seri adakah pernah sebelum ini kita dengar daripada pihak pembangkang ini, kalau kita kata parti sebelah kerajaan ini bila memperjuangkan hak orang Melayu bumiputera dikatakan Assobiyah, *extreme* dan sebagainya. Jadi adakah pernah Dato' Seri dengar dia tukar dah prinsip perjuangan dia iaitu

boleh pulak dah lening hak memperjuangkan Melayu bumiputera ini. Terima kasih, Dato' Seri.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah Yang Berhormat Jabi, kita tahu *doh sokmo puak-puak* dia.(Dewan gelak)

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, Wakil Ladang juga membangkitkan satu kes secara spesifik iaitu Permohonan Kebenaran Merancang Pecah Sempadan Dan Tukar Syarat Serentak di atas Lot 3705 GM 5414 Mukim Belara, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Kita telah membuat penilitian Lot 3705 GM 5414 berkeluasan 4.505 ekar, Jenis Penggunaan Tanah: Tiada. Syarat Nyata: Padi Cedungan. Perunding: Juru Ukur Sulaiman. Nama pemilik tanah: Aida binti Tengah, i/c no: 751222-11-5100. Saya dimaklumkan bahawa ini kemungkinan, minta maaf kalau tak betul, isteri kepada Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Betul, betul.(Dewan gelak)

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih. Kronologinya, pada 2 Julai 2012, pemohon membuat kebenaran merancang yang didaftarkan di Kaunter Pusat Setempat (OSC). Cadangan pecahan lot melibatkan 25 petak untuk rumah sesebuah. 7 Ogos 2012, Jawatankuasa Pusat Setempat (JKOSC) menolak permohonan dengan alasan permohonan perlu diangkat serentak dengan pelan kerja tanah kerana tiada *discharge* air buangan. Mungkin kawasan paya atau kawasan rendah barangkali. 18 Ogos 2012, surat makluman penolakan JKOSC dihantar kepada pemohon. 9 September 2012, pemohon mengemukakan rayuan pengecualian pelan kerja tanah. 17 November 2012, surat makluman penolakan rayuan dihantar kepada pemohon dan keputusan Jawatankuasa OSC bertarikh 7 Ogos 2012 adalah dikekalkan. 13 Mei 2013, pemohon mengemukakan permohonan serentak pelan kebenaran merancang dan pelan kerja tanah yang didaftarkan di Kaunter OSC. 26 September 2013, Jawatankuasa Pusat Setempat JKOSC menolak permohonan dengan alasan:

1. Pemohon tidak menyediakan satu pencawang elektrik dengan saiz 14 meter x 14 meter mengikut spesifikasi TNB. Ini bukan masalah kita, ini TNB yang berkehendakkan pencawang.

2. Rangkaian jalan tidak selaras dengan susun atur lot sekitar. Bila pecah lot, pecah sempadan kita mintak dia betul selalu jalan masuk, jalan apa dan sebagainya. Kalau tidak betul akan timbul masalah kelak.
3. Pemohon tidak menyediakan rezab parit selebar 1.5 meter. Kena sedia parit 1.5 meter, itu syarat tiga perkara.

3 Oktober 2013, surat makluman keputusan penolakan Jawatankuasa OSC dihantar kepada pemohon. 31 Oktober 2013, surat rayuan pengecualian pencawang elektrik dikemukakan kepada TNB dan MBKT. Pada 10 Disember 2013, surat makluman kepada pemohon rayuan pengecualian pencawang elektrik di bawah pentadbiran TNB dan hendaklah dirujuk kepada pihak berkenaan. Sehingga kini tiada maklum balas diterima TNB berhubung dengan rayuan ini. So, bermakna pemohon perlu merayu kepada TNB untuk pengecualian pemasangan substesyen yang hampir RM300,000 juga sekarang yang *double chamber*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU AWANG (Wakil Ladang): Yang Berhormat Yang Dipertua, minta maaf bawa kes ini bukan kerana isteri, tidak. Nak memperlihatkan bahawa perjalanan yang diambil itu terlalu lambat. Kalau nak mintak rangkaian jalan, parit dan sebagainya sepatutnya boleh diminta awal lagi bukan sekarang ini, patut awal lagi dah. Kemudian tentang TNB, saya dah berbincang dan kita berpendapat sudah ada satu pencawang TNB berdekatan apa perlunya lagi. Dan pelan kerja tanah pada dasarnya permohonan-permohonan lain tidak diperlukan ketika membuat tukar syarat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak mintak penjelasan dulu, adakah wajar Dewan ini dibawa oleh wakil sendiri atas peribadi dan kes peribadi. Saya rasa tidak wajar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya respon setelah dijawab oleh Yang Amat Berhormat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Ladang sebab itu soalan ini ditolak. Sebarang soalan mengikut perkara 26, tidak boleh kena dengan peribadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak, bukan begitu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat dan semua Ahli Yang Berhormat, sekarang sudah melangkaui pukul 1.00 tengah hari.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nasihat biarlah rakan sebelah ke yang bawa atau sebagainya sebab itu saya tanya spesifik kelmarin. Tak wajar, saya ingat tak wajar Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang, Y.B. Kuala Berang, saya mintak duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak mintak *respond* sikit.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Lepas ni, lepas ni, boleh?

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OHTMAN (Wakil Kemasik): Tuan Yang Dipertua, saya rasa untuk Dewan membincangkan soalan spesifik ini saya rasa membazirkan duit rakyat.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa sebab itu saya membenarkan. Saya pun ada isu

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sepatutnya M.B. jangan jawab soalan spesifik macam itu. Dia apabila jawab mesti ada respon mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, Paka duduk! Mintak tolong duduk. Ladang duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ingat Paka bila dia bangkit, berjela-jela dibangkit orang ingat apa benda ni betul ke kerajaan tak betul dan sebagainya. Saya bangkit di sini, berdiri tanya kes spesifik, bila hari ini alhamdulillah, mengaku secara peribadi hak

isteri. Jadi saya rasa tak wajar dan sangat tak wajar. Kita nak bangkit tentang Yang Amat Berhormat

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa Kuala Berang, kita faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dan Yang Amat Berhormat jawab sebagai wakil kerajaan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang, Y.B. Kuala Berang boleh duduk, sekarang dah lebih pukul 1.00 tengah hari jadi saya percaya bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mempunyai banyak lagi penggulungan kerana isu-isu yang begitu bernas dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semua semasa perbahasan. Ini kadang-kadang kita kena fikir sebagaimana yang saya kata awal tadi dalam Surah Al-Hujarat bahawa kita kena fikir maklumat yang kita nak sampaikan mestilah perkataan-perkataan yang benar sebenar-benarnya dan yang hak. Jadi saya mintak supaya patuh pada peraturan.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana masa dah melangkaui pukul 1.00 tengah hari dan saya percaya masih ada lagi tertib persidangan yang perlu kita selesaikan maka saya berhasrat untuk menangguhkan sementara Persidangan pada tengah hari ini. InsyaAllah, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar diberi peluang untuk menyambung penggulungan selepas makan tengah hari. Sebelum itu saya dengan rendah diri Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Saya cadangkan supaya kita teruskan persidangan ini kerana sikit lagi nak habis. Boleh tak?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya rasa panjang sebab ada dua lagi enakmen yang perlu kepada perbahasan jadi saya rasa nak beri peluang sepanjang-panjangnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua, mohon diteruskan. Saya ingat kita sanggup tunggu ni untuk perhabis.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya ingat makanan dah ada

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat saya pun sokong sebab banjir di kampung saya, saya nak balik dah ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Paka, saya percaya apa yang tok guru ajar saya, apabila makanan menunggu kita

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Speaker, saya ingat semua dah setuju, jadi kita dengar dulu penjelasan Yang Amat Berhormat kemudian yang lain-lain tu tak bahas panjang dah bunyi kata banjir belaka, saya rasa baik kita teruskan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Dah kalau semua berpendirian dan dengan cadangan macam tu dengan syarat lepas ni kita ada dua enakmen yang panjang. Ada enakmen untuk tambahan dan tentang Agama Islam. Jadi kalau tak nak panjang, saya boleh teruskan, tak ada masalah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dok makan tak apa tengah hari ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Cuma penjelasan tu jangan panjang sangat macam ge Kuala Berang tu berjela-jela.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tanya banyak dekpon tu yang jadi panjang.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): BBC setuju teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ingat baik teruskan Y.B. Speaker.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Macam ni, saya sebagai Yang Dipertua, saya perlu adil. Saya perlu menerima semua pendapat. Macam kata Y.B. Bandar sampai 8.00 malam – 10.00 malam, kita sebagai untuk menegak hak rakyat, kita perlu tegakkan. Jadi kalau nak pendekkan sini, sana, saya rasa suatu perkara yang tidak betul. Tapi oleh kerana kita nak cepat, oleh kerana kita tidak mahu perbincangan yang panjang dan sebagainya maka saya boleh bersetuju juga

dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian. Jadi sekali lagi saya mempersilakan Yang Amat Berhormat untuk meneruskan penggulungan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Wakil Ladang juga membangkitkan mengenai tanah atau industri tembaga di Ladang. Secara spesifiknya dibangkit mengenai status tanah Wan Mahadi bin Wan Ismail mengenai perusahaan tembaga. Jumlah pampasan bagi tanah milik Wan Mahadi bin Wan Ismail serta Wanisma Kraf & Trading di atas Lot 2162 GRM 1461 adalah RM2,437,800. Sebagai gantian, 5 lot tanah telah diberi milik kepada Wan Mahadi bin Wan Ismail. Kita setuju beri balik ke dia 5 lot itu untuk dibangun kedai. 5A telah dikeluarkan kepada Wan Mahadi bin Wan Ismail bagi Lot PT 4074, 4075, 4076, 4077, 4078 dan 4093 pada 8 Mac 2011, jumlah premium adalah sama dengan nilai pengambilan balik iaitu RM2,437,799 tapi sehingga kini pemohon masih lagi belum membina Pusat Perusahaan Tembaga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua boleh saya mencelah sikit. Yang saya bangkit itu bukan secara spesifik. Saya tak sebut nama-nama tu. Yang saya sebutnya tentang orang-orang lain yang ramai bekerja di situ dulu yang mengusahakan tembaga dan sebagainya yang tanah mereka diambil balik, mereka terpaksa pindah dan tidak ada tempat untuk berniaga. Janji kerajaan dulu adalah untuk membina tempat-tempat berniaga untuk mereka tapi sehingga sekarang sudah 3 tahun tidak dibina, jadi ke mana mereka nak pergi? Itu soalan asalnya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kerajaan turut sama membina bagi pengusaha-pengusaha kecil kerana sebelum ini kita ada masalah dengan layout melibatkan jabatan-jabatan teknikal terpaksa kena betulkan, selepas siap nanti kita akan bina rumah kedai dan tempat yang berkenaan. Sebab itu sekarang ini kita hanya membina Rumah Pangsa terlebih dahulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Itu isunya sudah 3 tahun kan dah bila berpindah tu dia nak bekerja tidak ada tempat. Jadi 3 tahun tu habis dah hak kerja dulu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah dia buat dah kan lain, saya tahu. Okey. Yang Berhormat Yang Dipertua, juga saya ingin

memberi penjelasan kerana seringkali dibangkitkan mengenai EPIC termasuk juga soalan yang tak sempat dijawab oleh Wakil Ladang.

Kita nak maklumkan bahawa dalam tempoh 10 tahun apabila kita *listing* EPIC di Bursa Kuala Lumpur, kerajaan negeri melalui saham lebih daripada 60% hanya mendapat RM45 juta keuntungan dividen dan bonus bermakna hitung panjangnya RM4.5 juta setahun. Tetapi setelah kita *delisted*, pengambilalihan sepenuhnya 100% kepunyaan kerajaan negeri dengan melibatkan perbelanjaan lebih daripada RM280 juta, pada tahun 2012, jualan kita RM369 juta melibatkan keuntungan sebelum cukai RM105 juta. Dan mulai tahun ini sehingga Oktober 2013, jualan kita RM306 juta, keuntungan sebelum cukai RM108.6 juta. InsyaAllah, saya yakin kita boleh mencecah keuntungan bersih pada tahun ini kira-kira RM100 juta.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf, macam dua orang pulak ni. Tapi apakah faktor kejayaan ataupun keuntungan yang besar itu kerana *delist* tadi atau faktor-faktor lain. Apakah faktor *delist* atau faktor lain yang menyebabkan keuntungan yang lebih?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, mudah aje. Dulu kita hanya kuasai 60%, bila keuntungan itu dibahagikan dan melalui keputusan board, board yang akan memutuskan berapa persen diberi keuntungan. Sekarang ini jadi hak kita 100% jadi tak perlu dibahagikan dengan orang lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Minta maaf, kita bincang secara adik beradik. Semasa pembelian saham daripada AZRB dan lain-lain tu kita berbelanja cukup besar lebih daripada *market price* ketika itu dan disebut tadi kita belanja dah RM280 juta. Mengapa kita terpaksa membayar lebih kepada mereka ketika itu. Sedangkan kita boleh membuat keputusan apa nak buat setelah kita ada 60% dan hampir 80%?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Ahmad Zaki menguasai 25% dan kita hendak 100%. Siapa nak jual kalau kita tawarkan harga semasa sedangkan kita nak menguasai 100%, tak ada orang nak jual. Sebab itulah kita *offer* dengan harga yang telah kita buat *Due Dil* dan sebagainya, sudah tentulah dengan harga yang lebih tinggi *di-offer*. Itulah

lumrah yang berlaku di mana-mana sekalipun. Dan kita pun tak rugi, kita akan dapat 100% kuasai. Dulu kita tak boleh nak buat macam-macam sebab saham kita dimiliki juga oleh orang lain seperti Pelabuhan Kuantan dan sebagainya, kita buat, dia buat dan sekarang kita kuasai sepenuhnya. Kalaulah harganya RM3.10 kita tawar dengan harga RM3.10, baik *doksoh* jual dia kata, biar dia duduk situlah. Kita kena *offer* lebih baru dia nak jual dan kita boleh kuasai sepenuhnya. Inilah seni perniagaan dalam saham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Atas premis itu, atas dasar itu apakah kerajaan juga bercadang untuk membeli semua yang lain-lain, perniagaan-perniagaan yang lain kerana keuntungan sebagaimana *delist* tadi?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, kita melihat pada *case by case*. Kalau kita ada duit kita belilah, kenapa kita nak bahagi dengan orang kalau kita kaya. Sebab itu kalau kita tengok Tuan Yang Dipertua, orang Cina dia berniaga keluarga dia untung banyak, dia takmboh gi *listing*, bahagi apa dengan orang, hak *listing* tu *hit and run* dengan izin Tuan Yang Dipertua. Dia jual dia dapat untung dan lari, lepas tu dia buka syarikat lain pulak, kan untung dah RM100 juta setahun buat apa bahagi dengan orang, tak payah pening kepala. Nak buat keputusan kena pergi bincang dengan orang itu, dengan orang ini, ini tak payah. Inilah bisnes dan kita syukur alhamdulillah, kita boleh buat penambahbaikan tanpa halangan kita buat sendiri. Kita dapat ambil balik West Wharf, masa zaman PAS jugak kena lelong. Minta maaf Tuan Yang Dipertua.

Tuan Yang Dipertua, saya nak bangkitkan satu lagi, sahabat saya ni sebab dia tak berapa tahu, baru balik ke Terengganu mengenai TOP-IT. Dia kata adakah TOP-IT buat e-Book saja, seterusnya macam-macam keuntungan dan sebagainya.

Jadi saya nak beritahulah hari ini. TOP-IT merupakan syarikat anak Yayasan Islam. Kita tubuhkan khusus apabila kita merangka Program e-Book, kita ada *back-up*, pemasangannya, engineernya semua anak Melayu, dari sistemnya kita buat. Dan peringkat pertama kita perkenalkan e-Book kita ini sekarang ini menjadi ikutan kepada Kerajaan Malaysia memperkenalkannya tapi ini hak kita yang lama dah 100,000 lebih kita agihkan. Sekarang ini kita *upgrade* kepada yang terbaru, yang dulu beratnya 1.8 kg yang sekarang beratnya 685 gram dan

kerajaan beli dengan Syarikat TOP-IT dengan harga RM948 *complete* dengan sistemnya sekali. Semua buku teks ada di dalamnya, Quran 30 juzuk ada di dalamnya, panduan sembahyang ada di dalamnya, doa-doa harian ada di dalamnya dan *dictionary* ada di dalamnya. Syarikat ini syarikat milik kerajaan sepenuhnya.

Kemudian daripada itu, ada orang mempermainkan saya dulu, kita pasanglah dan macam-macam. Betul kita akui. Kita akui bukan buat sepenuhnya. Design kita bukan *komang*, yang design Intel, kita bekerjasama dan diiktiraf oleh Intel, rakan kongsinya dan kita menggunakan cip cuma masalahnya macam kata tadilah sebab itu akhirnya kita keluar produk baru Android jenamanya Z-Late yang kita jual RM1,200 sebuah. Dan yang terakhir satu kebanggaan anak Terengganu Magic W3, *first in the world*, kita jual ke Amerika Syarikat, ke luar negara dengan harga USD1000 tapi ini generasi pertama. InsyaAllah tahun depan kita akan keluar generasi kedua yang dipanggil W4 yang lebih nipis daripada ini. Sepatutnya

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Jadi Salesman ke *guana*?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bukan soal Salesman.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Alur Limbat, jangan buat tuduhan

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab tuduhan-tuduhan liar dilemparkan kepada kerajaan. Kita bertanggungjawab, puluhan anak Melayu boleh bekerja, engineer computer, engineer perisian anak tempatan. Bila kita buat bangunan RM8.5 juta keluar dalam surat khabar, keluar dalam Harakah, ambil gambar, 'Bangunan tak selamat nak runtuh'.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya nak tanya soalan hak sebelum ini, dibuat di sini ke atau sampai letak je nama TOP-IT tu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ini yang kata, pergi tengok ke kilang kitalah. Kita kata, pemasangan sistem, kita. *Of course*, sekarang ini orang tak berniaga sekali gus buat semua sekali, benda ini beli di sini, benda ini beli di sini. Kereta Mercedes yang dipakai di Malaysia *lening* buat di Jerman tapi CKD, pasang di Pekan. Faham dok?(Tepukan sokongan)

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya pun tak berapa faham maknanya kita beli di China kita pasang di sinilah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: *Casing* memang kita beli, kita tempah, kita buat design

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita ambil dari Chinalah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sekarang ni orang beli di China belaka, murah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Mintak penjelasan aje.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Takdok masalah.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Daripada Yaman, dari Yaman, Yaman.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Selipar je orang beli jauh, di Jepun.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nak beritahu, cip ni, Cip Intel semua dikeluarkan di Bangkok. Sebab itu tahun ini e-Book tahun ini lambat dihantar sebabnya Bangkok tenggelam banjir tak boleh keluar cip komputer. Sebab itu kita ada Intel ada di Kuala Lumpur, ada di Bangkok, kita ambil hak nun, kita campur, kita buat, kita *assemble*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Lalan sikitlah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apa, tanyalah lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Mintak penjelasan. *Casing* tu dibeli daripada China, *cips* tu di beli

daripada Bangkok dan dipasang di TOP-IT, begitu bukan dibina, dibuat, tidak, cuma dipasang ajelah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sistem kita punya, *software* kita punya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): *Software* betullah tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: iPhone macam tu jugak, iPhone buat di China jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, tak usah bangkit hal lainlah, hal ni je.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, Y.B. Ladang

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dah okeylah, faham dah tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Samsung buat di China.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apa Yang Dipertua, saya nak beri penjelasan Yang Dipertua. Barang dalam dunia yang moden hari ini, kita ambil di sini, kita ambil di sana, kita pasang. Sama jugak kadang-kadang orang silap anggapan. Sekarang ini orang kata minyak/gas Petronas tak bagus, Shell bagus tapi ambil di Kerteh belaka, tabung je.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sebab disebut pertama kali tadi Yang Dipertua seolah-olahnya semua dibuat di sini. Setelah dijelaskan baru kita tahu bahawa di-*assemble* di sini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sistem kita yang pertama, kita yang buat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Takdok masalah, saya pun pakai telefon China juga.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih, Ladang.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab kita kata, *research* kita yang buat, *software* kita buat, *casingsnya* kita tempah di tempat lain, kita pasang di sini. Macam saya sebut tadilah, Mercedes buat di Jerman, pasang di Pekan, CKD. Kalau faham tak apalah. Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Jadi maknanya kita tak *komanglah*. Bila kita belanja RM8.5 juta boleh beri peluang pekerjaan kepada anak Terengganu, kita bekalkan e-Book kepada anak Terengganu, kita tambahbaikkan dari masa ke semasa dan kita boleh keluarkan produk kita sendiri. Ini satu kebanggaan sebenarnya. Jadi janganlah timbul perkara-perkara yang remeh-temeh yang kadangkala kita sendiri nak bangkit, orang memperkecilkannya. Ini bukan saya tuju ke Wakil Bandar, tak ni, orang lain. Wakil Bandar terima kasihlah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya ada pandangan sedikit berkenaan hal ini. Terima kasih. Saya rasa berkenaan e-Book ini dia satu program yang ditaja oleh kerajaan negeri. Apa yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi ialah satu *business model*, jadi ada *miss match* antara polisi dengan program kat sini. Dan saya tak ada masalah untuk memberi penerangan itu, tak ada masalah. Cuma kewajaran kita guna masa yang kita mintak lanjutan ni yang makan masa tengah hari untuk kita *explain* bahagian *business model* tu saya rasa kewajaran tu tak berapa elok. Saya bukan tak sokong, sokong tapi kewajaran tu kata TOP-IT sekarang *top priority*. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Dipertua, itu sudut pandangan Wakil Bandar tidak kewajaran tapi bagi saya kewajaran kita untuk menjelaskannya.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sebelah sini rasa wajar dijelaskan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dengan adanya isu-isu yang memperkecilkan TOP-IT, memperkecilkan program e-Book kepada anak Terengganu. Sedangkan kita tahu paling *komangpun* sekurang-kurangnya anak

Terengganu pandai komputer. Kita bercakap semua yang ada dalam Dewan ini mampu beli komputer tapi apa kata anak nelayan dan petani di kampung-kampung? Mereka tak mampu beli. Sekurang-kurangnya dengan adanya program ini boleh mereka menggunakan komputer dan ada dua perkara yang besar. Pertama, selesai masalah berat beg ke sekolah yang telah puluhan dicakapkan oleh profesor-profesor, pakar-pakar dan macam-macam daripada gelas, pikul, lepas pikul tu heret.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh tanya sikit? Semua orang pakai e-Book belaka tak pakai buku sekolah ke lening, tak bawa ke?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terpulang kepada sekolah masing-masing. Dia nak bawa, dia takmboh bawa tak apa.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya nak tanya sekolah mana hak dok bawa buku sekolah dah lening?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang bawa buku tulis je.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Saya mintak Wakil Alur Limbat tolong pergi ke SK yang saya sebut Kelas Maya tadi.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Itu bukan e-Book, Kelas Maya, lain.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sekali gus selalulah.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alur Limbat, Alur Limbat, kena faham apa itu konsep Kelas Maya, apa *Blended Learning*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, saya tak mahu mengulas panjang

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sekejap Yang Amat Berhormat, macam nilah sebab saya kena sentuh sebab banyak soalan-soalan, saya tidak mahu menegur banyak kali. Sebagai contoh, banyak maklumat yang tidak sepatutnya

kita keluarkan sebagai contoh peraturan 26, peraturan membuat soalan, menyatakan soalan, kita tidak boleh mengaitkan bahawa produk China sepertimana Alur Limbat kata teruk. Itu telah menyalahi peraturan kita, saya nak tegur semalam tapi nampak syok sangat bercakap. Begitu juga dengan mengambil petikan akhbar-akhbar, mengambil rujukan dan sebagainya yang boleh kita bawa dalam Dewan ini. Jadi mintak tolonglah. Ini ada peraturan dia, akhbar tak boleh. Peraturan 26, tengok sini. Jadi saya mintak supaya 26(G)(I) jelas. Okey. "Sesuatu soalan tidaklah boleh diperbuat sama ada betul atau tidaknya kenyataan dalam surat khabar atau kenyataan orang persendirian atau badan-badan kewangan." Saya rasa tak silap saya baca. Ini peraturan yang ada dalam Buku Peraturan Dewan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Dipertua, saya mintak pandangan. Saya rasa berkenaan dengan tafsiran peraturan mesyuarat

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Apa pun tafsiran Yang Dipertua, perkara 47 nak ikut peraturan YDP adalah mutlak.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tafsiran Yang Dipertua bukan muktamad cuma keputusan Yang Dipertua adalah muktamad. Kita ada Penasihat Undang-Undang yang mewakili kerajaan negeri berkenaan dengan tafsiran baik kita rujuk kepada badan yang lebih muktabar untuk memberi tafsiran dalam kes-kes macam kata akhbar dan sebagainya.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Cuba baca peraturan 125.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, saya faham. Yang Dipertua mempunyai kedudukan untuk membuat keputusan tapi

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa, Bandar duduk. Terima kasih Bandar. Bandar tolong duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tetapi saya ulang

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Dipertua, saya nak perhabis dah ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ya, sila. Bandar duduk, kita nak dengar Yang Amat Berhormat nak perhabiskan penggulungannya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab saya tak bersetuju kalau kata tidak boleh rujuk kepada akhbar, itu saya tidak bersetuju

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa kita akan membuat mesyuarat tentang peraturan-peraturan dan hak-hak bersuara dalam Dewan ini, InsyaAllah pada tahun depan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, akhirnya saya ingin merujuk kenyataan-kenyataan berbagai pihak yang negatif mengenai apabila saya melalui Jalan Kemaman ke Kuantan pada 5hb yang mana saya telah menemui ramai orang yang terkandas di sempadan Kemaman dan memberitahu saya anak dia lapar, satu malam tidak ada makanan, kedai tak buka. Jadi saya berbincang dengan *driver-driver* Gardenia, saya kata: "Boleh tak saya beli, kita buka." Tapi dia takut nak buka disebabkan kerjanya dan sebagainya. Saya kata cuba beri nombor telefon pegawai dia, saya pun terus menghubunginya, sekali saja boleh bercakap tak sampai sepatah-dua kata tapi telefon terputus, tak dapat dihubungi terus. Akhirnya kita bincang sama-sama saya kata kita ambil gambarlah, saya bayar cash, dia kata dia takmboh terima cash. Okey tak apa, kita bayar melalui bil. Kita berbincang ramai-ramai dan bersetuju, kita ambil gambar dan saya buka untuk diagihkan roti Gardenia ini kepada orang yang terkandas. Keluarlah dalam blog kata Robin Hoodlah, ini tak betul. Saya nak betulkan keadaan, Robin Hood ni bermakna dia rompak hak orang dia beri kepada untuk bantu orang miskin dan sebagainya, itu pun tak betul jugak sebab dalam Islam 'walhalal bayyinun, walharam bayyinun.'

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Bukan Robin Hood macam Robin Hood.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak betullah macam ni, orang belajar agama *guana gini*. Bukan saya paksa dia buka, kita berbincang, ambil gambar tu sebagai bukti, ambil gambar dengan platnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua, minta maaf. Tapi Yang Amat Berhormat merujuk kepada surat khabar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bukan saya nak beritahu

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bukan, Yang Dipertua kata kita tidak boleh rujuk kepada surat khabar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah sebab dalam blog, dalam semua sekali timbul saya nak beri penjelasan bahawa Cukup, cukup.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tepoh sokong.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Tepoh. Sebab kita kata kita nak tolong orang dalam kesusahan. Kita ambil cara *proper*, saya beritahu alamatnya semua sekali. Okey, kita sanggup bayar. Akhirnya saya menerima surat bila pegawai saya menghubungi untuk dapatkan *invoice*, saya nak baca sebab itu saya nak ucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Gardenia.(tepukan sokongan) "Setelah dimaklumkan bahawa pihak Gardenia amat berbesar hati kerana dapat membantu mangsa banjir pada masa yang amat diperlukan. Oleh yang demikian, kami tidak akan menghantar *invoice* kepada Pejabat Menteri Besar Terengganu atas produk-produk tersebut. Sesungguhnya kami berterima kasih kepada pihak Menteri Besar dan berbangga kerana diberi peluang untuk membantu keadaan di sana."(Tepukan gemuruh dari Dewan) Yang benar, Haslina Harun, Senior Marketing Manager, Gardenia Bakeries, Kuala Lumpur.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, mungkinlah baguslah pada masa tu tapi mungkin *driver* tu nak hantar ke Paka, jadi orang Paka dokleh nak makan, katanya.(Dewan gelak).....

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Orang Paka makan banyak.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah Yang Dipertua, maknanya Paka dok tenggelam lagi pada hari itu. Itu kita beri kepada orang hak tenggelam dan lapar. Sebab itu saya beritahu ke dia kalau kita tak beri saya takut orang memberontak dan boleh lingkup lori, saya kata sebab anak lapar dan menangis ni. Sebab itu kita prihatinlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sebab itu kita sebenarnya tidak membangkit soal ini dalam Dewan, takdok kita bangkit. Kita pun nak ucap terima kasih jugak sebenarnya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dah bakpe Tepoh bangkit, saya nak sebutlah, saya nak sebut untuk membetulkan keadaan. Sebab itu kalau kata Robin Hood tu tak betul. Sebab itu istilah-istilah itu tak betul macam kata tadilah 'walhalal bayyinin walharam bayyinin'. Kita beri penjelasan Tuan Yang Dipertua. Jadi saya sekali lagilah mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan, Exco-exco, Wakil-wakil Rakyat di sebelah sini dan sebelah sana yang turut sama berbahas mengenai bajet kita untuk 2014. Cuma apa yang saya harapkan bahas hangat belaka dah cuma diharapkan supaya sokonglah belaka kekgi. Ini bahas, bahas, sokong dok, senyap aje. Kalau dok sokong, tak lulus, tak boleh bayar gaji ni, jangan main.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kan diam tu tanda setuju.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dok aci gitu. Bukan nak menikah, meminang, mak tanya senyap macam dulu-dulu. Bukan zaman Siti Nur Baya senyap tanda setuju tu. Tak boleh kena terus terang zaman *kening*. Kena telus. Jadi sekali lagi Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan, teguran-teguran yang dibuat sempena pembentangan bajet kali ini, mudah-mudahan kita dapat mengadakan bajet yang lebih baik pada masa akan datang. Mudah-mudahan Allah murahkan rezeki kepada kerajaan dan rakyat Terengganu. Dengan rezeki yang murah dan melimpah ruah ini, InsyaAllah lebih banyak perancangan bagi pembangunan rakyat dapat dilaksana. Sekian. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang telah menggulung dengan begitu bernas sekali, menyampai maklumat yang sepatutnya, itu yang kita nak dengar apa-apa yang tentang fakta. InsyaAllah. Jadi alhamdulillah, saya rasa kita telahpun selesai membahaskan Rang Enakmen Perbekalan 2014. Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat terutama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang terlibat dengan perbahasan semalam dan juga hari ini. Sekarang saya ingin buka kepada undian –

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2014 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2014 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula. Terima kasih.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya mohon menyokong.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat DUN Air Putih. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2014 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alhamdulillah. Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan 2014**.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuan Yang Dipertua, izin di luar ni Tuan Yang Dipertua, kita di dalam Sidang Dewan kita ini ada diperhatikan oleh Ketua Jabatan Audit ataupun Jabatan Audit Negara, saya mintak kita rekod dalam *hansard* sebenarnya Rang Undang-Undang ini tak pernah disokong, tak pernah dipersetujui oleh pihak pembangkang PAS dan PKR. *So*, tahun depan kita ingat yang kita luluskan ini bukanlah diluluskan oleh mereka untuk rakyat dan mereka tidak berhak mengatakan apa-apa kerana mereka tak kata apa-apa dalam persetujuan ataupun tidak bersetuju. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya tak tahu 1999 sehingga 2004 itu direkod tak apa yang dilakukan sama oleh Yang Berhormat pada masa itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa Y.B. Paka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terpulang.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Yang Dipertua, apa yang disebut tadi ialah ada implikasi peraturan. Saya rasa itu adalah satu sangkaan jahat kerana mengungkapkan bahawa pembangkang tidak menyokong. Di mana istilah ataupun klarifikasi kata tidak menyokong kerana berdiam diri? Ini satu perkara yang perlu kita *clarify* betul-betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ini jelas Yang Dipertua, Bandar, Yang Dipertua tanya: "Siapa yang tidak menyokong, sila angkat tangan." Dan tidak ada yang angkat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita ada takrifan undang-undang dalam buku peraturan, kita tidak boleh buat tuduhan melulu mengatakan, membaca niat orang yang tidak menyokong, mengangkat tangan ibarat menentang, itu tidak boleh. Saya mintak Yang Dipertua buat ruling, rujuk kepada Penasihat Undang-Undang atas semangat, atas spirit, atas roh Buku Peraturan Mesyuarat Tetap kita ini. Kalau itu kita tidak boleh melangsungkan mesyuarat kita dengan betul kalau istilah atau klarifikasi tidak dibuat dengan betul. Saya tidak bersetuju.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar!

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Dipertua, saya tidak bersetuju kalau ungkapan mengatakan bahawa Belanjawan untuk 2014 Negeri Terengganu tidak disokong oleh pembangkang kerana dengan mata kasar melihat

mereka tidak mengangkat tangan. Itu yang diungkapkan oleh Wakil Kerajaan daripada Kuala Berang. Saya tidak bersetuju.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey Y.B. Bandar sekejap.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Oleh sebab itu

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar sekejap, bila saya bercakap Y.B. Bandar kena berhenti sekejap.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya mintak ruling, saya mintak ruling.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Saya nak mengambil satu ketetapan yang dibuat oleh DUN Ladang tadi kalau diam bermakna setuju. Jadi saya tidak tarik baliklah. Tarik baliklah bukan soal bergurau dalam Dewan ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tapi mintak direkod, mintak direkod supaya mengatakan bahawa pembangkang (suara tidak kedengaran)

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, tak apa. Saya mintak Y.B. Ladang tadi tidak bermaksud bahawa diam itu setuju. Saya mintak tarik juga.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Bandar duduk. Saya tahu apa nak buat. Mintak tolong. Y.B. Bukit Payong duduk. Saya nak dengar Y.B. Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, tadi bukan mintak pandangan bukan mintak buat usul, kalau usul

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Itulah tadi saya tanya kalau diam tu tanda setujuhah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kalau diam itu maknanya saya tak merujuk kepada perkara ni

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Tak apa Y.B. Ladang diam tu maknanya

setuju tak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Itu dalam kes Siti Nur Baya

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Boleh tarik balik tak tadi? Kita *rubber* tadi kata diam tanda setujukan? Sebelum masa undi tadi kata diam tanda setuju, jadi saya nak tengoklah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nanti, nantilah, Yang Dipertua mengendalikan mesyuarat, merujuk kepada peraturan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sebab saya rujuk yang pertama, angkat tangan. Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kalau Yang Dipertua nak mintak betul-betul begitu kemukakan syor itu boleh kita bincang.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey Y.B. Ladang masa dah sempit, duduk. Tak apa. Saya nak mintak Y.B. Kuala Berang tarik balik sebab tidak ada dalam peraturan. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Guana tak ikut arahan pulak tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Paka tidak ada kena mengena, jadi sabar. Kita nak habis dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak perlu tarik balik. Saya cakap di luar tadi dah diluluskan dan semua orang tengok. Saya bercakap tadi dicatat dan Ketua Jabatan Audit ada wakilnya di sini dan melihat apa perlu saya tarik. Saya tak kata lebih dari yang sepatutnya.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang Dipertua, saya sokong Wakil Kuala Berang.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Dipertua, sekarang kita ada satu perkara yang perlu kita putus di hadapan kita di dalam mesyuarat kita sekarang iaitu permintaan untuk merekod pembangkang tidak bersetuju oleh kerana itu menganggap pembangkang tidak termasuk dalam sebahagian daripada Belanjawan

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, saya punya ruling saya tidak benarkan. Saya tidak benarkan merekod kenyataan bahawa Sebab kita telah meluluskan enakmen tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang tolong duduk. Kita dah buat enakmen dan dah diluluskan dan saya tak benarkan kenyataan itu selepas pada cuma untuk makluman.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak sebut tadi arahan telah dikeluarkan oleh Yang Dipertua, kita kena hormat Yang Dipertua macam saya hormat Yang Dipertua. Jadi kalau arahan tak

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Y.B. Ladang mintak tolong duduk. Terima kasih. Sila SU Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Mintak tolong tarik baliklah dah arahan tadi Yang Berhormat Yang Dipertua. Derhaka kepada Yang Dipertua pulak tu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Paka duduk, Paka. Saya suruh duduk tak duduk derhaka jugak deh.(Dewan gelak) Sama je.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Hak ni orang kata *me-te, me-te* ni.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Bukan *me-te*, hak *me-te* tu dah habis dah. Jangan kita berdendam. Tok Guru kata jangan berdendam, Tok Guru ajar kita belajarlah baik-baik, jangan tak amalkan apa yang dia cakap. Allah murka kepada mereka yang cakap, tak buat. Minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tapi Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau Exco tunjuk contoh lain kali kita akan buat begitu jugak. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka. Air naik kekgi di Paka tu. Teruskan SU Dewan.

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO.2) 2013

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Besut atas sokongan.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2013 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk Perkhidmatan Awam Negeri dalam tahun 2013 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan 2013.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, dipersilakan. Silakan Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyatakan perkara yang ringkas untuk tujuan mendapat penjelasan. Pertama, Rang Undang-Undang yang dibawa ke hadapan Dewan pada hari ini adalah bermaksud untuk membuat tambahan sebanyak RM450 juta. Dia menjadikan tambahan kedua untuk Belanjawan Tahun 2013, yang terdahulu kita telah luluskan sebanyak RM180 juta di mana RM100 juta dikatakan di bawah peruntukan di bawah maksud yang sama dan RM80 juta adalah untuk tujuan penambahan dalam peruntukan pembinaan pada masa tersebut. Jadi ini sekali gus menjadikan peruntukan Belanjawan Tahun 2013 sebanyak RM2.4 bilion. Itu saja pengesahan yang saya mintak dan kalau boleh kita rektifikasikan yang jumlah terbaru untuk Belanjawan 2013 adalah RM2.413 bilion. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Seterusnya kalau ada lagi perbahasan. Kalau tidak ada, kita mintak pihak kerajaan untuk membuat penggulangan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, memang disahkan itulah perbelanjaan sebenar bagi tahun 2013 setelah dua kali tambahan dibuat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan juga kepada Y.B. Bandar. Kita telahpun selesai

membahaskan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2013. Sekarang saya buka kepada undian –

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2013 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2013 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula. Terima kasih.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Kuala Besut. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2013 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD-MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI YANG BERIKUT:

1. (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO.2) 2013.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alhamdulillah. Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2013.**

**ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN
PENGEMBANGAN AGAMA BUKAN ISLAM (PINDAAN) 2013**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1980, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Jabi.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI
MEMINDA ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN
PENGEMBANGAN AGAMA BUKAN ISLAM 1980, DIBACA BAGI
KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1980, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk meminda Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam 1980.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2, 3, 4, 5, 6 dan 7* tiap-tiap satunya bertujuan untuk meminda seksyen 4, 5, 6, 7, 8 dan 9 bagi memanjangkan lagi tempoh hukuman penjara dan menaikkan amaun denda yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan peruntukan berkaitan dengan keperluan bagi mendapatkan izin dan kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Jabi. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, dipersilakan. Silakan Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Saya hanya mempunyai satu permintaan untuk dijawab ataupun diterangkan oleh Exco yang menjaga atau yang membentangkan Rang Undang-Undang ini iaitu oleh kerana ada satu lampiran yang diberi kepada Dewan pada hari ini iaitu mengikut Fasal 2 bawah pindaan Dalam Jawatankuasa yang berhasrat untuk meminda dengan huraian Pindaan Seksyen 4 iaitu di bawah maksud pindaan iaitu menggariskan bahawa wujudnya suatu *typing error* ataupun kesilapan ditaip di dalam bentuk denda ataupun hukuman yang sepatutnya kalau mengikut versi Bahasa Inggeris adalah *Fifty Thousand* Ringgit Malaysia tapi di dalam versi Bahasa Melayu tercatat tidak melebihi Lima Puluh Ringgit. Jadi antara Lima Puluh Ringgit dengan Lima Puluh Ribu Ringgit itu agak jauh dan saya berterima kasih kerana Jawatankuasa telahpun mengemukakan kertas lampiran untuk membaiki pindaan ini namun oleh kerana Warta Kerajaan yang berwarna biru ini tidak diembargo, ini persoalan yang saya nak bangkitkan. Saya berterima kasih di atas sebab lampiran ini diberi memang betul mengikut peraturan. Oleh kerana kertas ini tidak diembargo, tidak ada tanda embargo bermakna dua minggu lalu kertas ini diedar saya bimbang kalau telahpun beredar di dalam masyarakat sekitar Kuala Terengganu yang memperlihatkan satu bentuk kontradiksi antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Melayu yang

membawa kesan perundangan seperti hari pertama saya sebut tadi. Jadi saya mintak apakah langkah yang disusun atau dicadang oleh Exco ataupun kerajaan negeri untuk mengelakkan daripada tersilap tafsiran atas kertas yang kita tidak embargo yang mungkin telah beredar atau diedarkan atau disalin atau dibawa ke pengetahuan umum atas naskhah yang tersilap ini. Adakah cadangan jugak untuk mengemukakan satu sidang akhbar untuk memaklumkan kerana ini berkenaan dengan enakmen kedudukan Agama Islam ataupun sekurang-kurangnya yang menyentuh tentang kedudukan pentadbiran Exco Agama yang menjaga portfolio ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bandar. Ada lagi, kita masih buka untuk perbahasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberi penjelasan.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Walaupun kita tersalah cetak tapi sebenarnya tidak dikuatkuasakan lagi dan belum diluluskan di Dewan ini. Sebab itu kita akan buat pindaan nanti semasa Mesyuarat Dalam Jawatankuasa. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya faham. Terima kasih. Tapi persoalan saya kertas ini tidak diembargo, bila tidak diembargo maksudnya ada mungkin pihak yang telah edar ataupun beri atau salin dan sebagainya. Kalau kita embargo itu tidak ada masalah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ada lagi perbahasan? Sila Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Air tak naik lagi di Paka, dok?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya ingin mendapat sedikit penjelasan saja iaitu berkait dengan suatu enakmen untuk meminda melibatkan Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam. Walaupun ada Undang-undang Ibu 1980, cuma saya ingin mendapat penjelasan saja iaitu sejauh mana penguatkuasaan kita terhadap orang yang bukan Islam. Berdasarkan *precedent case* kalau tak silap saya tahun 70an, tahun 1971 ataupun 1972 yang berlaku di Pulau Pinang apabila seorang guru yang mengajak orang berkempen untuk Agama Qadiani dan pihak Mahkamah Syariah telah mengambil tindakan undang-undang dan apabila dirujuk kepada pihak Mahkamah Sivil, Mahkamah Sivil membatalkan atas alasan dia merupakan orang bukan Islam dan bukan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Jadi kerana itulah persoalan kita, jika sekiranya dia merupakan orang Islam yang dia kemudiannya murtad, keluar agama dan berkempen untuk agama lain. Kerana itulah saya benar-benar mengesyorkan supaya pihak kerajaan melaksanakan Enakmen Syariah Hudud Dan Qisas 2001 sebab sudah ada berkait tentang enakmen yang melibatkan murtad. Jadi kita boleh mengambil tindakan undang-undang yang melibatkan murtad. Sebab jika kes tertentu timbul dia boleh kata dia bukan Islam. Ini yang berlaku dengan kes Kamariah yang melibatkan berkait dengan Ayah Pin dan sebagainya. Bila dia mengisytiharkan bahawa dia bukan Islam, Mahkamah Syariah tidak boleh mengambil apa-apa tindakan sebab dia bukan Islam. Jadi apatah lagi dalam hal ini melibatkan sejauh mana bidang kuasa kita jika sekiranya dia merupakan orang bukan orang Islam sebab apa dia ada ruang bahawa agama-agama lain

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Dipertua, saya minta maaf kepada Wakil Paka kerana kita membangkitkan perkara ini bukanlah melibatkan bagaimana nak mendakwa dan sebagainya, itu kita serah kepada mahkamah. Enakmen ini berkaitan dari segi hukuman yang dijatuhkan dari segi denda sahaja, yang itu biar mahkamah yang buat keputusan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya faham dah sebab itu saya mintak penjelasan. Jadi ini adalah ruang untuk saya meminta penjelasan daripada pihak kerajaanlah sebab bila kita lulus tak guna, bila kita lulus jika kita tak dapat kuatkuasakan. Apabila diwartakan maka hendaklah dikuatkuasakan jadi kita juga ingin mendapat penerangan dan penjelasan sebenarnya. Begitu juga berkait dengan hukuman sehingga kepada RM50,000. Saya pun nak mintak penjelasanlah setakat saya faham dia melibatkan 356

RM5,000 saja. Mintak pihak kerajaan memberi maklum balas supaya kita dapat faham dengan peraturan undang-undang ini. Kita konsep kita mutatis mutandis, orang bukan Islam ini dia boleh berhak untuk buat pilihan berdasarkan Firman Allah Taala yang bermaksud: "Jika mereka datang kepada kamu untuk meminta dihukumkan hukuman kita boleh hukum dia ataupun kita boleh biarkan dia hukum mengikut agama dia." Sebab itu orang tuduh PAS ini dia reka Undang-undang Hudud dia sendiri, apa yang diminta oleh seorang ADUN di Johor supaya Kerajaan Barisan Nasional cepat-cepat buat Hudud mengikut hukum yang sebenar iaitu hukum belaka tak kiralah Islam ke bukan Islam dan sebagainya. Sedangkan ada ayat Al-Quran yang menyebut supaya

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Kita buat pindaan aje sikit. Faham dah, betul dah, ini ruang untuk berbicara, kan?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi penjelasan yang saya sebut ini supaya

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Banjir kuat nun, banjir.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Salah ke Yang Berhormat saya cakap ni?

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Teruskan Paka. Cuma tadi kita janji nak cepat, takut banjir apa semua. Itu dia ingatkan jugaklah. Tak apa teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya seorang aje cakap. Jadi dalam hal ini itulah sebenarnya terdapat dalam Rang Enakmen kita yang telah kita wartakan pada tahun 2001. Jadi saya juga ingin mendapat penjelasanlah supaya perkara ini yang berkait dengan RM50,000 dan juga berkait dengan orang bukan Islam. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Paka. Sila Wakil Kerajaan buat penggulangan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bahawa perkara 11(4)

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang negeri boleh mengawal atau menyekat perkembangan memperiktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganut Agama Islam justeru perkembangan hari ini membimbangkan maka bahawa adalah sekarang dikehendaki supaya diperbuat satu undang-undang yang boleh mengawal dan mengembang iktikad dan kepercayaan agama bukan Islam di antara orang-orang yang menganut Islam. Maka itu dicadangkan satu pindaan kepada enakmen ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada pihak kerajaan untuk penggulungan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan. LA ada, betul tak dia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang menghadkan kuasa Mahkamah Syariah hanya dia punya kuasa 356, maksimum 3 tahun penjara, RM5,000 denda dan 6 sebatan sahaja. Ini dah melebihi daripada kuasa yang diperuntukkan kepada Mahkamah Syariah? Mintak penjelasan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, enakmen ini adalah undang-undang sivil bukan syariah. Oleh itu hukumannya adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil. Syariah RM5,000 je, ini sivil.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tinggi): Kita boleh lulus sivil di Dewan Undangan Negeri Terengganu?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ikut Y.B. LA kata boleh.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak tanya balik tadi, apa cadangan kita, langkah untuk mengatasi masalah yang kita tidak embargokan warta ini macam mana. Adakah kita nak buat sidang akhbar ke macam mana?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tuan Yang Dipertua, kita ambil ingatanlah perkara ini supaya tidak berulang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bandar. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Kita telahpun selesai membahaskan Rang Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya nak mintak M.B. ulang sekali lagi. Sebab saya ni pertama kali dengar ni boleh ke dok Dewan Undangan Negeri Terengganu ni meluluskan Undang-undang Sivil? Saya mintak Yang Amat Berhormat Menteri Besar ulang sekali lagi.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya menerima nasihat daripada Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang, boleh. Kalau tak puas hati boleh jumpa Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang lepas ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Okey, selesai dah. Sekarang saya buka kepada undian -

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN PENGEMBANGAN AGAMA BUKAN ISLAM 1980, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN PENGEMBANGAN AGAMA BUKAN ISLAM 1980, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN PINDAAN (FASAL 2 SUBSEKSYEN 4(2) TEKS BAHASA KEBANGSAAN DENGAN MENGGANTIKAN PERKATAAN RM50 KEPADA RM50,000) DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan pindaan kepada Subseksyen 4(2) dalam teks Bahasa Kebangsaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Jabi. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN PENGEMBANGAN AGAMA BUKAN ISLAM 1980.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI BERIKUT:

- 1.(1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN KAWALAN DAN SEKATAN PENGEMBANGAN AGAMA BUKAN ISLAM (PINDAAN) 2013.
- (2) ENAKMEN INI HENDAKLAH MULA BERKUAT KUASA PADA TARIKH YANG DITETAPKAN OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MELALUI PEMBERITAHUAN DALAM *WARTA*.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alhamdulillah. Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Pindaan) 2013**.

USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2014

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa menurut seksyen kecil (3) kepada seksyen (4) Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2014 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:

JADUAL						
Maksud	Tajuk Maksud	Negeri (RM)	Diganti Oleh Persekutuan (RM)	Pinjaman (Negeri) (RM)	Pinjaman (Pusat) (RM)	JUMLAH (RM)
P.02	Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	950,715,080.00	-	-	-	950,715,080.00
P.04	Pej.Perbendaharaan	10,000,010.00	-	-	-	10,000,010.00
P.10	Jabatan Kerja Raya	18,000,020.00	-	-	-	18,000,020.00
P.11	Jabatan Pengairan & Saliran	12,400,020.00	-	-	-	12,400,020.00
P.12	Pejabat Daerah Besut	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.13	Pejabat Daerah Dungun	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00

P.14	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.15	Pejabat Daerah Kemaman	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.16	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	6,000,010.00	-	-	-	6,000,010.00
P.17	Pejabat Daerah Marang	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.18	Pejabat Daerah Setiu	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.19	Pejabat Pengarah Tanah & Galian	40,000,000.00	-	-	-	40,000,000.00
P.29	Pejabat Perhutanan	1,850,010.00	-	-	-	1,850,010.00
P.30	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2,000,010.00	-	-	-	2,000,010.00
P.31	Jabatan Pertanian	2,350,010.00	-	-	-	2,350,010.00
P.32	Pelbagai Pembangunan	152,310,080.00	-	-	-	152,310,080.00
JUMLAH BESAR :		1,207,625,310.00	-	-	-	1,207,625,310.00"

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil.15/2013. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Batu Rakit. Usul ini telah mendapat sokongan,sekarang saya buka untuk perbahasan sekiranya ada. Sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap, dipersilakan. Sila Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Yang Dipertua, saya cuma nak dapat pengesahan daripada kerajaan negeri bahawa kita telah bantangan belanjawan mengikut perkara daripada B02 sehingga B34 dan sekarang kita kemukakan di hadapan Dewan adalah perbelanjaan mengikut maksud P02 sehingga P32 yang baru disebutkan tadi berjumlah RM1.207 bilion. Saya nak dapat pengesahan sekali lagi bahawa kedua-dua perbelanjaan 'B' dan 'P' membawa maksud jumlah keseluruhan RM3,278,140,765.78. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, apa yang dikatakan oleh Wakil Bandar itu adalah tidak benar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua, saya merujuk kepada kedua-dua dokumen yang dibentangkan di dalam Dewan, satu yang telah kita luluskan iaitu di bawah Enakmen Perbekalan dan satu lagi yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Exco sebentar tadi. Angka yang saya petik adalah angka yang disebut oleh pihak kerajaan bukan angka yang saya reka atau saya bawa ke dalam Dewan ini untuk mengelirukan. Kalau perkara ini berasaskan kepada kekeliruan, saya rela diambil tindakan di bawah peraturan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Dipertua, Bandar, mohon saya perjelaskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, saya nak mintak penjelasan jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Pembentangan awal kita adalah Bajet daripada Anggaran Hasil. Yang dimaksud oleh Bandar, Yang Berhormat Yang Dipertua RM2.2 bilion, kemudian yang dimaksudkan jumlah yang berkenaan adalah campuran kepada Pembangunan dan juga Perbekalan Air dan sebagainya sebagaimana muka surat 3 (roman) dalam Buku Bajet. Sebenarnya RM2.2 bilion ini sebenarnya telahpun antara Hasil dan Perbelanjaan Mengurus telahpun seimbang. Kemudian dalam Akaun Bekalan dan juga dalam mengurus berkenaan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan telahpun tidak boleh kita campur perbelanjaan dari Kumpulan Wang Yang Disatukan itu dengan Perbekalan Mengurus Air yang sebenarnya Perbekalan Mengurus Air ini dia ada akaun dia sendiri. Jadi kita tak boleh campur,

kalau kita campur memang keluar macam Yang Berhormat kata tapi sebenarnya itu tidak boleh dicampurkan. Istilahnya panjang Yang Berhormat, saya nak terangkan pun jadi memakan masa yang panjang. Yang teknik ini kita pakai di peringkat negeri dan sebenarnya betul. Itu maksudnya. Terima kasih.

YANG BERTITAH YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Kuala Berang dan Bandar. Tapi kita ada hansard jangan risau Y.B. Kuala Berang deh, ia dicatat. Usul ini telah mendapat sokongan. Alhamdulillah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita dah bahas, kita dah gulung usul ini, jadi saya buka kepada undian –

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2014

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Seksyen kecil (2) kepada Seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2014 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL:

JADUAL			
Tajuk	Perbelanjaan Negeri (RM)	Pinjaman Pusat (RM)	Jumlah (RM)
Pengurusan Perbekalan Air	882,466.87	-	882,466.87
Pembangunan Perbekalan Air	10,000,020.00	30,000,000.00	40,000,020.00
JUMLAH	10,882,486.87	30,000,000.00	40,882,486.87

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil.16/2013. Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Langkap. Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbincangan. Sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap dipersilakan. Oleh kerana tiada perbincangan dan penggulungan, saya buka kepada undian -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Terengganu

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Seksyen 10(4)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957, Akta 61, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Terengganu dan memasukkan dalam senarai kepada Jadual Ketiga Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.”

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Dipertua, Kota Putera mohon menyokong.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Tidak ada perbahasan dan penggulungan. Sekarang saya buka kepada undian -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

**Pelantikan Pengerusi Dan Seorang Ahli Jawatankuasa
Kira-Kira Wang Negeri**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju melantik Pengerusi dan seorang lagi Ahli bagi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri menurut Fasal 110(2), Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri sebagaimana berikut:

- (i) Y.B. Haji Wan Abdul Hakim - Pengerusi
bin Wan Mokhtar
- (ii) Y.B. Tengku Zaihan bin - Ahli
Che Ku Abd. Rahman

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka kepada undian -

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ini ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Negeri Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya menangguhkan Dewan ini, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian selama 4 hari bermula daripada 9, 10, 11 dan 12hb pada hari ini. Dalam pengamatan saya, semua Ahli Yang Berhormat telah menunjukkan komitmen yang tinggi semasa mengemukakan soalan dan juga semasa perbahasan dan juga penggulungan.

Terima kasih banyak juga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu kerana telah membentangkan Bajet 2014 yang cemerlang

YANG BERHORMAT DATO' HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Saya ingin mencadangkan supaya kita buat penghargaan kepada Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang kita di mana sidang ini adalah merupakan sidang terakhir bagi beliau. Terima kasih.

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Seberang Takir. Saya difahamkan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu dinaikkan pangkat ke Putrajaya(Tepukan gemuruh dari Dewan) ke Pejabat SPRM. Kita amat berbesar hati kerana Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang kita selama ini telah memberikan satu khidmat yang baik, nasihat dan merupakan contoh teladan yang baik kepada kita semua bagi memastikan bahawa Kerajaan Terengganu yang mengamalkan 'Merakyatkan Pembangunan' dan memastikan bahawa apa yang kita nak tuding, tubi dan sebagainya menjadi kenyataan, InsyaAllah. Jadi saya mewakili Dewan mengucapkan penghargaan jutaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu dan semoga masa depan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang lebih cerah, InsyaAllah. Kita beri satu tepukan.(Tepukan gemuruh dari Dewan) Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi.

Terima kasih banyak kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu yang telah membentangkan Bajet 2014 yang cemerlang, gemilang dan terbilang, InsyaAllah bukannya suram ataupun muramlah. Kita ambil positif. Dan bagi saya marilah kita sama-sama menjadi '*Avantgarde*', kita jaga bagi menegah perbelanjaan ini, kita serasikan untuk kebahagiaan rakyat. Pesan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kita kekalkanlah kasih sayang 'mawaddah' antara kita, perpaduan dan saya mahu antara kita bermaaf-maafanlah jika sekiranya apa yang kita perkatakan itu boleh menyakiti hati antara satu sama lain.

Sebelum itu, Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian. Oleh kerana hari ini sudah pukul 2.30 petang dah sepatutnya tidak ada makan tapi kita sediakan makan, kita tahu bahawa sebelum kita balik ke Paka dan yang jauh-jauh tu takut tak ada makanan(Dewan kedengaran riuh) Jadi saya dengan sukacita dan rendah hatinya menjemput

Minta maaf banyaklah kerana saya terlupa satu lagi iaitu kita juga akan kehilangan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri kita yang begitu komited dalam kerjanya kerana Yang Berhormat Pegawai Kewangan akan bersara pada akhir bulan ini.(Tepukan gemuruh dari Dewan) Kita sama-samalah berdoa agar kedua-dua pegawai atasan ini yang begitu komited, yang banyak berkorban, berjihad kepada negeri Terengganu semoga diberikan kerahmatan oleh Allah S.W.T. di duniawi dan ukhrawi, InsyaAllah.

Jadi saya sekali lagi menjemput untuk makan tengah hari di Damai Lounge dan oleh kerana tempat tak muat kita menjemput semua ketua jabatan dan semua Pemerhati untuk makan di Perkarangan U2.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 2.36 PETANG.

LAMPIRAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT KETIGA
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013**

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9, 10, 11 DAN 12 SEPTEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.1

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR
WAKIL AIR PUTIH

SOALAN 1 : Berapakah jumlah kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir pada tahun 2011, 2012 dan 2013?

JAWAPAN : Jumlah kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir adalah sepertimana pernyataan di bawah :-

- i) Tahun 2011 : 275,241
- ii) Tahun 2012 : 397,005
- ii) Tahun 2013 : 381,043 (hingga Okt 2013)

Sasaran tahun 2013 adalah 450,000 orang.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.2.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD MAHDI BIN MUSA
WAKIL KOTA PUTERA

SOALAN 1 : Banyak rungutan rakyat berkisar tentang tiada penyelarasan antara agensi dalam membuat pembangunan seperti jalan, longkang dan parit. Banyak kes berlaku jalan yang baru siap dikorek semula oleh agensi lain untuk tujuan yang lain. Apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk membuat penyelarasan antara agensi dalam menyediakan pembangunan sesuatu tempat?

JAWAPAN : Penyelarasan memang dilaksanakan oleh agensi-agensi berkaitan dari masa ke semasa seperti Mesyuarat Tindakan Daerah dan mesyuarat di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan tiada pertindihan projek berlaku. Kerajaan negeri telahpun mengguna pakai Garis Panduan Common Trenching sebagai panduan membangunkan laluan kemudahan utiliti.

SOALAN 2 : Pengurusan sumber manusia adalah antara kunci utama untuk meningkatkan kecekapan sesuatu organisasi. Adakah kerajaan negeri merancang untuk mengadakan program latihan komprehensif kepada JKKK seluruh negeri Terengganu bagi tahun 2013 – 2014?

JAWAPAN : Kerajaan negeri sememangnya telah dan sedang membuat perancangan untuk mengadakan Latihan Komprehensif kepada Ahli JKKK Negeri Terengganu bagi tahun 2013 -2014.

Program-program latihan ini dikendalikan oleh Pegawai Daerah masing-masing melalui peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan negeri.

Antara siri-siri kursus dan latihan yang telah diadakan pada tahun 2013 ialah:-

1. Kursus Transformasi Minda Dan Bina Upaya JKKK.
2. Kursus Pemantapan Pengurusan Pentadbiran JKKK.
3. Kursus Ancaman Keselamatan Dan Bencana Alam.
4. Seminar Memupuk Semangat Patriotisme.
5. Kursus Motivasi Dan Team Bulding.

Bagi pelancaran tahun 2014, kerajaan negeri berhasrat untuk meneruskan agenda kursus-kursus sedia ada di samping mengadakan majlis-majlis perjumpaan dengan komuniti setempat, bagi membincangkan isu-isu semasa.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.3.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah Pelajar Terengganu di Mesir yang telah dibawa balik sewaktu keadaan darurat di sana baru-baru ini dan sila nyatakan jumlah perbelanjaan yang terpaksa ditanggung dan hingga kini sila nyatakan jumlah yang telah kembali semula belajar ke sana.

JAWAPAN : Pengurusan membawa balik pelajar di Mesir sewaktu keadaan darurat baru-baru ini adalah diuruskan sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Persekutuan tanpa melibatkan kerajaan negeri. Sehubungan dengan itu, tiada sebarang kos yang ditanggung oleh kerajaan Negeri dalam proses tersebut. Keseluruhan pelajar tajaan Yayasan Terengganu di Mesir adalah 221 orang dan daripada jumlah itu 50 orang sahaja yang pulang semasa pergolakan berlaku. Sementara pelajar lain telah berada di Malaysia kerana pulang untuk cuti semester. Semua kos adalah ditanggung oleh pelajar sendiri. Seramai 206 orang pelajar telah kembali semula belajar di sana.

SOALAN 2 : Sila nyatakan jumlah Pegawai Kerajaan, Imam, Bilal dan Pengerusi JKKK yang telah terpilih mengerjakan haji di bawah tajaan kerajaan pada tahun ini mengikut pecahan daerah dan sila nyatakan berapakah jumlah kos yang dibelanjakan dan apakah kriteria-kriteria yang digunapakai dalam pemilihan siapa yang layak.

JAWAPAN :

Bil.	Kategori	K. Trg	Kmn	Besut	Dungun	H. Trg	Marang	Setiu	Jumlah
1.	Kakitangan Awam	9	3	-	1	3	1	-	17
2.	Pengerusi JKK	1	2	1	2	1	-	1	8
3.	Imam	1	1	-	-	1	-	-	3
4.	Bilal	-	-	1	-	-	-	-	1
5.	Anugerah JHEAT	-	-	1	-	-	-	-	1
JUMLAH									30

Kerajaan Negeri membelanjakan sebanyak RM299,400.00 (30 orang x RM9,980.00) bagi penghantaran 3 orang menunaikan haji tahun 1434H/2013M.

1. Kakitangan Awam yang terpilih merupakan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Negeri Terengganu.
2. Pengerusi JKKK, Imam dan Bilal dipilih berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 4 tahun berturut-turut serta mendapat sokongan daripada YB. ADUN Kawasan dan Pegawai Daerah / Pegawai Agama Daerah.
3. Penerima anugerah JHEAT / MAIDAM terdiri daripada mereka yang pernah menerima anugerah Imam Bilal Cemerlang, pernah memenangi pertandingan anjuran JHEAT / MAIDAM seperti pertandingan Tilawah Al-Quran dan hafazan peringkat Negeri Terengganu dan sebagainya.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.4

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : Apakah program-program atau skim-skim yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menjaga kebajikan pesara-pesara tentera. Sila nyatakan jumlah yang terlibat mengikut pecahan daerah?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) & 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Apakah perkembangan terkini pembinaan Pusat Kesihatan Marang dari segi tarikh permulaan projek dan jangkaan siapnya?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) sehingga ke sempadan Kelantan di Besut. Jika ya, bilakah ianya akan dilaksanakan dan jika tidak, apakah alasannya?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.5

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Terengganu bagi mengatasi peningkatan kes jenayah di negeri ini?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Apakah langkah yang di ambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi kesesakan katil-katil pesakit di Hospital Kuala Terengganu (HKT) dan juga kesesakan di Pusat Dialisis di HKT?

JAWAPAN Masalah kesesakan katil-katil di wad Kelas Dua dan Kelas Tiga diharap akan dapat diatasi dalam masa terdekat setelah Kompleks Materniti di HSNZ memulakan operasinya yang dijangka siap akhir Disember 2013 dengan pertambahan 312 katil. Untuk jangkamasa panjang, sebuah hospital baru akan dipohon untuk didirikan di Daerah Marang.

Di HSNZ terdapat 27 buah mesin hemodialisis dan bilangan ini sememangnya tidak mencukupi dengan peningkatan jumlah pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan hemodialisis. Langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini ialah dengan menambah hemodialisis Point sebanyak 7 unit di Unit Hemodialisis di HSNZ dan permohonan telah dihantar ke Kementerian Kesihatan dalam bulan Oktober

2013. Satu lagi tindakan yang diambil ialah dengan mencadangkan pembinaan Hemodialisis Unit di Maras.

SOALAN 3 : Apakah bentuk kerjasama ekonomi antara Petronas dan Kerajaan Terengganu dan berapakah jumlah pelaburan dalam sektor Petroleum dan Gas kepada Negeri Terengganu setakat ini?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Apakah status stesen radio Manis FM yang dibeli oleh kerajaan Terengganu dan berapakah kos operasi tahunan radio tersebut setakat ini?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Apakah bentuk pembangunan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan ke atas tanah yang melibatkan pengambilan tanah dan perpindahan penduduk di Lot 1770 Mukim Chendering, Kuala Terengganu?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9,10,11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.6

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT
WAKIL PAKA

SOALAN 1 : Apakah status terkini:-

- a. Tanah Industri Batu 7 di Dungun.
- b. Taman Industri Paka.
- c. Tanah Perangsang Group di Paka.

JAWAPAN : a. Kawasan Industri Batu 7, Dungun mempunyai keluasan 296.96 hektar. Luas kawasan yang telah diluluskan kepada pemohon adalah sebanyak 182.98 hektar dengan baki keluasan adalah sebanyak 113.98 hektar.

b. Taman Industri Paka (TIP) merupakan kawasan perindustrian yang dimajukan oleh Kemaman Technology & Industrial Park Sdn. Bhd. (KTIP) secara penswastaan. Kawasan tersebut mempunyai keluasan sebanyak 222.91 ekar dengan 70% kawasan tersebut telah dimajukan oleh KTIP. KTIP bertanggungjawab dalam memajukan kawasan tersebut dan seterusnya mencari pelabur-pelabur yang berminat untuk melabur di dalam Taman Industri Paka.

c. Tanah Perangsang Group merupakan kawasan yang telah diluluskan secara dasar untuk pembangunan bercampur pada tahun 1980-an.

SOALAN 2 : Berapakah bilangan ajaran sesat yang dikesan masih diamalkan di negeri Terengganu. Sila namakannya mengikut pecahan daerah sehingga kini. Apakah tindakan pihak kerajaan untuk membanteraskannya?

JAWAPAN : Tiada terdapat ajaran sesat yang dikesan masih diamalkan di Terengganu.

SOALAN 3 : Apakah punca kegagalan kerajaan negeri dalam membangunkan Lembah Limau Madu di Durian Mentangau. Berapakah kos pelaburan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan negeri. Apakah perancangan kerajaan untuk masa depan bagi lembah tersebut?

JAWAPAN : 1. Faktor-faktor utama yang menyebabkan kegagalan Projek Limau Madu di Durian Mentangau sebagaimana berikut:-

- a. Masalah serangan penyakit 'Citrus Greening' disebabkan oleh:-
 - i. Sebahagian anak benih yang ditanam tidak bebas penyakit 'Citrus Greening' menyebabkan penyakit cepat merebak.
 - ii. Masalah pengurusan dan kawalan penyakit. Tiada koordinasi dan persefahaman di dalam pengawalan jangkitan serangga vektor penyakit dan kebanyakan pengusaha/syarikat tidak mengendalikan pengurusan pengawalan serangan vektor menyebabkan penyakit merebak dengan cepat.
- b. Infrastruktur yang tidak mencukupi dan sempurna:-
 - i. Jalan ladang dan teres tidak dibuat dengan sempurna menyebabkan pengurusan tanaman di ladang tidak dapat dijalankan mengikut jadual.
 - ii. Tidak ada sistem pengairan menyebabkan pokok tidak dapat bekalan air secukupnya terutama di musim kemarau.
- c. Keadaan topografi tanah yang sebahagian besar berbukit menyebabkan kerja-kerja di ladang tidak dapat dijalankan dengan sempurna terutama penyemburan racun serangga dan pembajaan.

- d. Tenaga kerja yang bekalkan oleh pengusaha tidak mencukupi menyebabkan kerja-kerja ladang tidak dapat dilaksanakan.
2. Kerajaan negeri tidak mengeluarkan kos pelaburan dan hanya menyediakan tanah secara pajakan kepada pihak pelabur/syarikat dan khidmat nasihat teknikal kepada pelabur oleh jabatan dan agensi kerajaan untuk menjalankan projek tanaman limau madu di Durian Mentangau.
 3. Kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah dan keputusan mengenai perancangan bagi lembah tersebut:-
 - a. Projek Tanaman Limau Madu Fasa 1, Durian Mentangau boleh diteruskan dengan mengambil kira segala cadangan dan rumusan yang telah dibuat dalam laporan Jawatankuasa Khas Projek Limau Madu. Segala permasalahan yang dihadapi sebelum ini hendaklah ditangani supaya kesilapan yang sama tidak akan berulang lagi.
 - b. Melantik satu Badan Induk dan Jawatankuasa Teknikal yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani yang bertanggungjawab dalam aspek pengurusan dan teknikal tanaman limau dan ianya hendaklah dipersetujui oleh semua pelabur-pelabur.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9,10,11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.7

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Senaraikan pendapatan dan perbelanjaan perlumbaan perahu layar Piala Monsun (Monsoon Cup) yang dianjurkan oleh kerajaan negeri setiap tahun sehingga 2012?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) & 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Nyatakan kos yang ditanggung kerajaan membaikpulih Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin dan bilakah ia akan siap dan dapat digunakan semula?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.8

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH
WAKIL BUKIT PAYONG

SOALAN 1 : Sila nyatakan keluasan tanah balak yang telah diluluskan, syarikat-syarikat diluluskan untuk melaksanakan pembalakan dan pendapatan yang diperolehi oleh kerajaan mengikut tahun bermula 2005 hingga 2012?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Nyatakan tanah-tanah wakaf yang diserahkan kepada syarikat-syarikat pemaju dan nama-nama syarikat tersebut sepanjang tahun 2008 hingga 2013?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Sila senaraikan kos yang sepatutnya diperolehi oleh Kerajaan Terengganu daripada pihak Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mengikut aset dan bilakah bayaran tersebut akan dibuat?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Berapakah jumlah hutang Kerajaan Terengganu dengan Kerajaan Malaysia mengikut tahun bermula 2004 hingga 2012?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Berapakah kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan Terengganu untuk menjayakan dan membantu pelaksanaan projek-projek yang di bawah bidang kuasa Kerajaan Malaysia mengikut tahun bermula 2005 hingga 2012?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.9

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR
WAKIL LADANG

SOALAN 1 : Apakah benar Kerajaan Negeri ada meluluskan pembinaan kompleks kondominium dan hotel bersama-sama dengan pembinaan semula Pasar Payang. Apakah ianya merupakan projek penswastaan. Berapakah kos keseluruhan projek ini dan apakah faedahnya kepada kerajaan dan rakyat ?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.10

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ARIFFIN BIN DERAMAN
WAKIL ALOR LIMBAT

SOALAN 1 : Berapakah jumlah penerima Bantuan Kebajikan Zakat MAIDAM selepas pemutihan mengikut tahun 2008 -2013 dan pecahan daerah?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.11

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI HANAFIAH BIN MAT
WAKIL CUKAI

SOALAN 1 : Senaraikan jumlah pelawat Mini Zoo Bukit Takal, Kemaman mengikut statistik umur sehingga kini dan berapakah jumlah kutipan dan berapakah kos keseluruhan pengurusan operasi zoo berkenaan?

JAWAPAN : a. Jumlah pengunjung sehingga 31 Oktober 2013:

i. Dewasa	- 238,787 orang
ii. Pelajar dan kanak-kanak	- 128,055 orang

Jumlah - 366,842 orang

b. Jumlah kutipan sehingga 31 Oktober 2013 sebanyak RM2,798,081.00.

c. Kos pengurusan operasi hingga 31 Oktober 2013 berjumlah RM3,371,794.00.

SOALAN 2 : Berapakah jumlah keuntungan yang dikumpulkan oleh Syarikat EPIC Group Berhad bermula Januari 2013 sehingga Jun 2013, sebelum dan selepas cukai?

JAWAPAN : Keuntungan yang dikumpulkan oleh Syarikat EPIC Group Berhad bagi tempoh 6 bulan berakhir 30 Jun 2013 adalah seperti berikut:-

Keuntungan sebelum cukai - RM61.9 juta

Keuntungan selepas cukai - RM44.7 juta

SOALAN 3 : Apakah benar satu kilang besi baru akan dibuka di kawasan Perindustrian Telok Kalong?

a. Apakah nama syarikat yang menjalankan operasi kilang besi itu?

b. Apakah kepentingan kerajaan dalam kilang besi itu?

c. Berapakah kos yang ditanggung kerajaan untuk membuka kilang besi itu?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 09,10,11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.12

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RIDZUAN BIN HASHIM
WAKIL TELUK PASU

SOALAN 1 : Berapakah jumlah bayaran premium oleh kerajaan pusat kepada kerajaan Negeri Terengganu di atas pengambilan tanah Tapak Lapangan Terbang Sultan Mahmud?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sejauh manakah pelaksanaan Hak Milik Sambungan bagi tanah-tanah yang terlibat dalam pengambilan balik Projek Tali Air Nerus dalam tahun 1960?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah projek perumahan kos rendah yang telah dibina oleh kerajaan bermula dari tahun 2004 hingga sekarang. Sila nyatakan mengikut pecahan daerah?

JAWAPAN : Senarai jumlah projek perumahan kos rendah yang telah dibina oleh kerajaan bermula dari tahun 2004 hingga sekarang adalah sebagaimana berikut.

DAERAH	JUMLAH PROJEK
Kemaman	4
Kuala Terengganu	12
Besut	7
Setiu	1
Marang	3
Dungun	6
Hulu Terengganu	4
JUMLAH	37

SOALAN 4 : Nyatakan perbelanjaan dan pendapatan projek ternakan ikan sangkar di Tasik Kenyir yang diusahakan oleh anak syarikat kerajaan negeri Terengganu Agritech Development Corporation Sdn.Bhd.?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 09, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.13

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM
WAKIL TEPOH

SOALAN 1 : Pohon penjelasan berkenaan Pajak Gadai Islam (Ar-Rahn) di bawah kelolaan Maidam seperti berikut :-

- i. Berapakah jumlah Pajak Gadai Islam (Ar-Rahn) yang dikelolakan Maidam?
- ii. Sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai melalui program Pajak Gadai Islam (Ar-Rahn) di bawah kelolaan Maidam?
- iii. Berapakah bilangan kakitangan yang diambil untuk bertugas di Pajak Gadai Islam ini?
- iv. Pohon nyatakan keuntungan yang diperolehi oleh Pajak Gadai Islam (Ar-Rahn) sehingga September 2013?

JAWAPAN : (i) Sembilan (9) buah

(ii) Semenjak dilaksanakan pada tahun 1992 sehingga bulan Oktober 2013, skim ini telah meluluskan sebanyak RM914.4 juta pembiayaan (secara terkumpul) dengan jumlah transaksi gadaian keseluruhan 748,786 dan lebih 300 ribu kumpulan sasar telah mendapat manfaat daripadanya.

(iii) 33 orang

(iv) Keuntungan bersih Skim Ar-Rahnu MAIDAM bagi tahun kewangan 2013 sehingga bulan September ialah RM2,905,752.

SOALAN 2 : Berapakah kos yang digunakan untuk menjayakan program Terengganu International Rainforest Challenge (RFC) 2013 pada 30 November – 9 Disember 2013?

JAWAPAN : Kos keseluruhan bagi menganjurkan program Terengganu International Rainforest Challenge (RFC) 2013 adalah sebanyak RM2.945 juta dengan kos daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM245,000 iaitu 8.3% daripada jumlah keseluruhan dan yang selebihnya adalah tajaan daripada syarikat-syarikat swasta.

SOALAN 3 : Untuk mendapatkan maklum balas melalui ucapan bajet Negeri Terengganu 2013. Berdasarkan catatan Penyata Rasmi Dewan Undangan Negeri Terengganu, Mesyuarat Yang Ketiga, Penggal Persidangan Kelima, Dewan Undangan Negeri Kedua Belas ada merekodkan seperti berikut :

“Menghargai Sumbangan Jurumandi & Pembantu Jurumandi Jenazah

61. Menguruskan jenazah adalah tuntutan fardhu kifayah. Bagi menghargai sumbangan jurumandi dan pembantu jurumandi jenazah, Kerajaan telah bersetuju menaikkan imbuhan jurumandi jenazah dari RM60 kepada RM100 bagi setiap jenazah dan imbuhan kepada pembantu jurumandi jenazah dari RM30 kepada RM50 bagi setiap jenazah”.

Pohon nyatakan perkara berikut :-

- i. Berapakah bilangan jurumandi dan pembantu jurumandi jenazah mengikut pecahan daerah?
- ii. Di bawah kelolaan jabatan manakah yang mengambil tanggungjawab ini?
- iii. Sehingga September 2013, berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk tujuan ini?

- JAWAPAN : (i) Bilangan Jurumandi mengikut daerah adalah seramai 90 orang, manakala Pembantu Jurumandi Jenazah mengikut daerah seramai 48 orang (sebagaimana Lampiran A)
- (ii) Jabatan Dakwah, Pendidikan & Pengurusan Masjid, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah diberikan tanggungjawab untuk menguruskan pembayaran imbuhan ini.
- (iii) Sehingga September, jumlah wang yang dibelanjakan untuk tujuan ini adalah sebanyak **RM240,800.00** (sebagaimana Lampiran B).

SOALAN 4 : Pohon nyatakan bilangan belia Terengganu di bawah 30 tahun mengikut pecahan daerah yang telah berjaya mendapatkan pembiayaan daripada Young Entrepreneur Fund di SME Bank?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Dari Januari hingga September 2013, berapakah jumlah air tidak terakaun (NRW) di seluruh Terengganu mengikut pecahan daerah? Berapakah jumlah kos kerugian yang terpaksa ditanggung SATU dan apakah punca utama yang menyebabkan air tidak terakaun ini berlaku?

JAWAPAN : Jumlah air tak terakaun (NRW) di seluruh negeri mengikut pecahan daerah dari Januari hingga September 2013 adalah sebagaimana di bawah:-

Daerah	Jumlah NRW (meter padu)
Besut	3,158,359.31
Dungun	5,725,951.65

H. Terengganu	3,607,795.18
Kemaman	12,627,234.20
K. Terengganu	22,712,691.10
Marang	9,753,289.90
Setiu	1,729,442.80
Ketengah	706,478.33
Negeri	60,021,242.47

Jumlah kerugian air yang tak terakaun (NRW) yang ditanggung oleh SATU ialah lebih kurang RM 29,190,000.00.

Punca utama air tak terakaun (NRW) ini ialah :-

a. Paip utama pecah

Kes paip utama pecah adalah berlaku kepada paip jenis asbestos cement (AC) yang berusia lebih dari 20 tahun yang telah melebihi jangka hayat (life span) paip berkenaan. Pada ketika ini terdapat lebih 1,600 km paip jenis ini atau 20% daripada jumlah panjang paip di dalam sistem agihan di Negeri Terengganu. Paip-paip ini boleh pecah pada bila-bila masa dan sepatutnya telah ditukar. Walau bagaimanapun, terdapat juga kes paip pecah berlaku kepada paip jenis uPVC dan HDPE tetapi jumlahnya amat minima.

b. Paip perhubungan bocor

Kebocoran paip-paip perhubungan adalah melibatkan sambungan-sambungan lama yang menggunakan paip jenis *polyethylene pipe* dan *galvanized iron (GI)*.

LAMPIRAN A

DAERAH	K.TRG	KMN	DGN	BESUT	H.TRG	MRG	SETIU	JUMLAH
Bilangan Jurumandi Jenazah	16	20	4	6	10	19	15	90
Bilangan Pembantu Jurumandi Jenazah	10	9	3	6	4	8	8	48
JUMLAH KESELURUHAN	26	29	7	12	14	27	23	138

LAMPIRAN B

Bulan Daerah	Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	JUMLAH
K. TRG.	-	-	RM22,950.00	RM22,050.00	RM21,150.00	RM25,750.00	RM19,650.00	RM27,250.00	RM18,450.00	RM157,250.00
KEMAMAN	-	-	RM2,700.00	RM3,600.00	RM4,700.00	RM3,100.00	RM4,350.00	RM4,650.00	-	RM23,100.00
DUNGUN	-	-	RM3,400.00	RM2,100.00	RM2,900.00	RM3,200.00	RM1,000.00	RM3,300.00	-	RM15,900.00
BESUT	-	-	RM2,700.00	RM1,600.00	RM4,350.00	RM600.00	RM6,550.00	RM2,900.00	-	RM18,700.00
H.TRG.	-	-	RM2,000.00	RM1,800.00	RM2,350.00	RM2,750.00	RM1,650.00	RM2,050.00	-	RM12,600.00
MARANG	-	-	RM1,250.00	RM1,450.00	RM1,900.00	RM3,050.00	RM2,100.00	RM1,750.00	-	RM11,500.00
SETIU	-	-	RM1,250.00	RM500.00	-	-	-	-	-	RM1,750.00
JUMLAH KESELURUHAN	-	-	RM36,250.00	RM33,100.00	RM37,350.00	RM38,450.00	RM35,300.00	RM41,900.00	RM18,450.00	RM240,800.00

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.14.

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK
WAKIL SURA

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pasaraya/hypermarket yang dimiliki oleh bumiputera dan bukan bumiputera di seluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan daerah. Daripada jumlah tersebut nyatakan bilangan yang tidak mendapat kelulusan dan apakah sebabnya?

JAWAPAN : **A) MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

Jumlah pasaraya/hypermarket di bawah bidang kuasa Majlis Bandaraya Kuala Terengganu adalah sebagaimana berikut:

BIL	KATEGORI	JUMLAH
1.	Bumiputera (Pasaraya)	2
2.	Bukan Bumiputra (Pasaraya)	8
3.	Hypermarket	3

Semua pasaraya /hypermarket tersebut dilesenkan. Bagi pasaraya Sabasun Bukit Kecil, lesennya digantung kerana:

- a) Kegagalan pemilik menyelesaikan isu bangunan tambahan yang dibina tanpa kelulusan Majlis.
- b) Isu penyewaan tanah Majlis yang sepatutnya dijadikan tempat letak kereta tetapi telah dibina bangunan (sebahagian daripada kawasan tanpa mendapat kelulusan Majlis terlebih dahulu).

B) MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

Terdapat lima (5) buah pasaraya / hypermarket dimiliki oleh bukan bumiputra (Kaum Cina) yang telah dilesenkan di Kemaman. Tiada permohonan lesen pasaraya/hypermarket yang tidak mendapat kelulusan.

C) MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN

Tiada lesen hypermarket dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Dungun. Bagi lesen pasaraya sebanyak sebelas (11) premis yang dilesenkan. Daripada jumlah ini kesemuanya lesen-lesen ini dikeluarkan kepada bukan bumiputra.

SENARAI PELESEN PASARAYA (002/3-9(c))

BIL.	NAMA	ALAMAT PREMIS	NO. KP
1.	Lim Mi Kim	Pasaraya Samamaju Lot 113-115, Jalan Besar, Paka 23100 Dungun.	0457115
2.	Khor Siang Teik	Pasaraya aneka (Dungun) S/B PT. 9325-9332, Pusat Perniagaan Sura Gate, 23000 Dungun.	610203-07-5001
3.	Wong Cher Siong	Pasaraya Nirwana Lot 1572, Jalan Yahaya Ahmad 23000 Dungun,	660805-11-5037
4.	Pok Eng Su	Pasaraya Pok Eng Ten Lot 9984-9985, Pusat Perniagaan Sura Gate, 23000 Dungun.	530927-11-5013
5.	Lambang Kasturi Sdn. Bhd.	Pasaraya Mydin Mart Dungun Lot 9958-9961, Pusat Perniagaan Sura Gate, 23000 Dungun.	-

6.	Liew Chee Keong	Pasaraya Ku Lot 9953-9955, Pusat Perniagaan Sura Gate, 23000 Dungun.	690411-08-5493
7.	Gedung Big 10 Sdn. Bhd.	Pasaraya Ten Ten Dungun Lot 9962-9966, Pusat Perniagaan Sura Gate, 23000 Dungun.	-
8.	Mou Yon Seong	Pasaraya You Hoe Lot 8222, Jalan Yahaya Ahmad, 23000 Dungun.	680826-11-5085
9.	Liew Chee Keong	Pasaraya Ku Paka Lot 206-207, Pusat Niaga Paka, 23100 Paka, Dungun.	690411-08-5493
10.	Chin Yoke Choon	Pasaraya Tunas Manja Paka Lot PT. 16543, Jalan Besat, Kg. Cacar 23100 Paka, Dungun.	-
11.	Big 10 Super Store (Trg) Sdn. Bhd.	Pasaraya Ten Ten Paka Lot PT. 16742-16745, Jalan Besar, Kg. Cacar, 23100 Paka, Dungun.	100008-M

D) MAJLIS DAERAH BESUT

1. Jumlah pasaraya yang dimiliki oleh bumiputra – Tiada.
2. Jumlah pasaraya yang dimiliki oleh bukan bumiputra – 5 buah
3. Kesemua pasaraya berkenaan telah mendapat kelulusan.

E) MAJLIS DAERAH BESUT

Jumlah pasaraya/hypermarket yang berdaftar di bawah Majlis Daerah Hulu Terengganu ialah sebanyak 2 buah premis sebagaimana di bawah, manakala tiada lesen pasaraya yang tidak mendapat kelulusan Majlis Daerah Hulu Terengganu.

- 1) Nama : Pasaraya Xiri Kuala Berang Sdn. Bhd.
Alamat Premis : Lot 6811-6820, Kampung Batu 24 21700 Kuala Berang.
Tarikh Mohon : 16.4.2013
Tarikh Lulus : 13.5.2013
Status : Bukan Bumiputra

- 2) Nama : D.M Pemborong Sdn. Bhd.
Alamat Premis : Lot 2325, Kampung Sungai Bajar, 21700 Kuala Berang.
Tarikh Mohon : 2005
Tarikh Lulus : 30.3.2005
Status : Bumiputra

F) MAJLIS DAERAH SETIU

Terdapat sebuah sahaja pasaraya di dalam kawasan Majlis Daerah Setiu dan ianya dimiliki oleh bumiputra.

G) MAJLIS DAERAH MARANG

Majlis Daerah Marang telah mengeluarkan lesen bagi 11 unit premis pasaraya di daerah Marang yang dimiliki oleh 2 bumiputra dan 9 bukan bumiputra. Sehingga kini tiada hypermarket yang beroperasi di daerah Marang dan tiada premis pasaraya beroperasi tanpa kelulusan Majlis Daerah Marang.

SOALAN 2 : Sejauh manakah pelaksanaan projek tanaman herba dan bioteknologi di Pasir Raja di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Nyatakan jumlah kos dan peluang pekerjaan yang dapat disediakan.

JAWAPAN : Pelaksanaan Fasa 1 Projek Taman Herba dan Bioteknologi di Pasir Raja, Dungun, Terengganu di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) kini dalam peringkat akhir pembinaan dan dijangka siap pada akhir Disember 2013.

Kos pembinaan Fasa 1 Taman Herba dan Bioteknologi Pasir Raja ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM16 juta dan apabila siap sepenuhnya, Taman Herba dan Bioteknologi ini bakal mewujudkan lebih 366 peluang pekerjaan dan menawarkan 25 peluang keusahawanan kepada penduduk tempatan.

SOALAN 3 : Apakah usaha kerajaan bagi memajukan tanah bekas tapak Molek Inn di Dungun memandangkan tapaknya yang strategik?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 09, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.15

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI HILMI BIN HARUN
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Bilakah pihak kerajaan bercadang memberikan geran tanah kepada peneroka-peneroka tanah di Felda Tersat dan Jerangau Barat sebagaimana yang telah dilakukan oleh Kerajaan PAS kepada peneroka Felda Bukit Bading?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sejauh manakah kerajaan negeri membuat pemantauan terhadap tahap keselamatan dan ketahanan Empangan Kenyir?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Aktiviti pembalakan amat giat dijalankan di Kenyir. Berapakah pendapatan yang diperolehi oleh pihak kerajaan dari hasil pembalakan tersebut?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS
PADA 9, 10, 11 DAN 12 DISEMBER 2013 (BAJET)

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1.16

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI ALIAS BIN HARUN
WAKIL RANTAU ABANG

SOALAN 1 : Nyatakan jumlah rumah yang telah dibina khas untuk nelayan generasi kedua mengikut pecahan daerah dari tahun 2004 hingga 2012?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Nyatakan jumlah tanah yang diluluskan untuk bekas tentera anak jati Terengganu mengikut pecahan daerah?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.